

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 41

Khamis

3 November 2016

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 8)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman 42)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 36)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	(Halaman 42)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 3 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
 - (a) sejauh mana kementerian menggembeleng tenaga kepakaran dan sumber kewangan untuk mencari kaedah dan vaksin agar penyakit demam denggi yang menunjukkan trend peningkatan dan jumlah kumulatif kematian dari Januari sehingga 11 Jun 2016 adalah sebanyak 114 Kementerian dapat dihapuskan; dan
 - (b) sudahkah kementerian bekerjasama dengan pihak WHO agar segera mencari jalan bagi memastikan penyelidikan berhubung penyakit ini diberi keutamaan daripada peruntukan kewangan dan sumber manusia.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah serta tindakan untuk menggembeleng tenaga kepakaran dan sumber kewangan bagi mencari kaedah untuk mengurangkan kes denggi. Seperti yang kita sedia maklum hanya ada satu sahaja penghasilan vaksin denggi sehingga ini yang diusahakan oleh syarikat swasta iaitu *Dengvaxia*. Vaksin ini telah pun didaftarkan di beberapa buah negara. Di Malaysia, Jawatankuasa Denggi Vaksin yang terdiri daripada pakar-pakar berkaitan telah dibentuk di peringkat kementerian untuk mengkaji implikasi pelaksanaan dan keberkesanan vaksin ini mengikut cadangan yang telah dikemukakan oleh *Strategic Advisory Group of Experts* atau *SAGE* di badan *World Health Organization*.

Manakala jumlah kumulatif kematian denggi sehingga 29 Oktober 2016 adalah sebanyak 202 kalau dibandingkan dengan 277 bagi tempoh yang sama pada tahun lalu iaitu pengurangan sebanyak 75 kes atau 7.1 peratus. Pengurangan ini kerana

hasil usaha tindakan bersepadu kementerian, agensi dan komuniti dalam aktiviti penjagaan denggi. Perkara ini telah diiktiraf oleh WHO di mana pada 10 Oktober yang lalu semasa sesi di *World Health Organization Regional Committee for the Western Pacific* di Manila, Ketua Pengarah WHO, Dr. Margaret Chan telah mengiktiraf keberkesanan usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia.

Kementerian Kesihatan dan WHO memang berhubung rapat dalam menangani denggi. Institusi Pendidikan Perubatan (IMR) merupakan pusat kolaborasi WHO sejak tahun 1985 dan beberapa program yang telah dilaksanakan melalui kerjasama ini. Kerjasama ini diteruskan pada masa akan datang sebagai satu pusat rujukan. Bukan usaha di negara kita tetapi satu pusat rujukan di mana kepakaran ini digunakan untuk mendapat maklumat dan pandangan untuk kebaikan negara-negara yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani untuk mengemukakan soalan tambahan pertama dalam tempoh 30 saat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengenal pasti salah satu universiti kita yang boleh digunakan sebagai *research centre* supaya bukan sahaja kita menjadi *expert* dalam bidang ini di Malaysia tetapi juga dunia akan mengiktiraf kita? Salah satu universiti patut dijadikan *research centre*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab dalam tempoh masa dua minit 30 saat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kepakaran untuk membuat penyelidikan di dalam bidang ini supaya penghasilan baharu yang boleh bantu kita di dalam menangani isu wabak denggi dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya macam Chikungunya dan Zika baru-baru ini ada di dalam beberapa buah institusi di dalam negara kita. Paling tua adalah *Institute of Medical Research* di bawah Kementerian Kesihatan yang telah diiktiraf oleh pihak WHO sebagai pusat rujukan dan telah diiktiraf sebagai satu makmal yang mempunyai *Good Lab Practices (GLP)* diiktiraf di peringkat antarabangsa. Untuk menghasilkan rekaan-rekaan baharu di dalam dan penemuan baharu untuk membantu kita dalam proses ini.

Selain daripada itu pada awal tahun ini, kementerian telah mengambil usaha untuk mengadakan satu persidangan antarabangsa denggi. Di mana kita telah membawa pakar-pakar di seluruh dunia supaya membincangkan isu-isu berkaitan

dengan ini. Tujuan ini ialah untuk mencapai apa yang telah sedia dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya Malaysia menjadi satu pusat rujukan di peringkat dunia. Kita pun telah membuat perkara yang sama di mana di dalam *WHO Assembly* yang baru-baru ini kita telah mengadakan satu sesi perbincangan berkaitan dengan denggi. Ini kali yang pertama dan ini telah dianjurkan di Persidangan WHO yang lalu di Geneva, Malaysia telah tampil ke hadapan untuk menganjurkan perbincangan denggi di situ dan sokongan telah didapati daripada beberapa buah negara yang lain.

■1010

Untuk memastikan bahawa Malaysia menjadi negara yang depan di dalam proses untuk mendapat penyelesaian kepada beberapa perkara berkaitan dengan penyakit ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Saya jemput Yang Berhormat Mersing untuk mengemukakan soalan tambahan yang kedua dalam masa tiga puluh saat.

Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belum ada sejarah manusia menang lawan nyamuk. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Singapura dah beli vaksin ini Januari dulu, kenapa kita lambat sangat nak buat keputusan. Apakah proses-proses ini memang sengaja untuk melambat-lambatkan pembelian.

Kedua, ya cukuplah tu. [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

[*Ketawa*] Sila Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab dalam tempoh masa dua minit tiga puluh saat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, vaksin ini tidak boleh dikatakan sebagai satu vaksin yang sebenarnya menunaikan segala keperluan untuk menjadi satu vaksin yang optimum. Ada beberapa kekurangan di dalam vaksin ini, ini telah diiktiraf di peringkat WHO dan salah satu daripada dalam kajian yang telah dilakukan semasa vaksin ini, sebelum pendaftaran vaksin ini ialah umur di mana *trials* berkenaan dengan vaksin ini ialah di dalam 9 hingga 18 tahun sahaja. Maksudnya kita tidak mempunyai maklumat keberkesanan vaksin selepas 18 tahun. Kebanyakan daripada kes denggi di dalam negara kita ialah antara mereka yang daripada 25 tahun hingga 40 tahun. Jadi kita tidak ada jawapan untuk soalan itu.

Satu lagi isu ialah berkaitan dengan kalau vaksin ini diberi kepada kumpulan yang tak pernah mendapat jangkitan denggi seperti Tuan Yang di-Pertua dan kita semua maklum bahawa denggi ada empat jenis *stereotype*. Seseorang boleh dapat denggi empat kali di dalam kehidupan kita daripada tiap-tiap satu *stereotype* itu. Jadi

kalau ada orang yang tidak pernah kena denggi daripada mana-mana satu *stereotype* dan mereka diberi *vaccination*, keburukannya lebih daripada kebaikan.

Ini kerana perkara-perkara ini kita kena jaga-jaga dalam usaha. Walaupun ianya telah didaftar di Singapura dan beberapa negara yang lain dan syarikat telah membuat permohonan untuk pendaftaran, sekarang kementerian di bawah Biro Farmasi Negara telah membuat kajian berkaitan dengannya. Kita tak membatalkan perkara itu tetapi kena terus ke hadapan dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan yang sedia ada dalam vaksin ini. Terima kasih.

2. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pembangunan 2 loji nuklear yang berkapasiti 2 gigawatts seperti yang terkandung dalam *Economic Transformation Programme* (ETP) sebagai sebahagian daripada *New Economic Model* (NEM) yang diumumkan pada 25 Oktober 2010 akan mula dibina.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan masih belum lagi membuat keputusan untuk pembangunan projek loji jana kuasa nuklear di Malaysia. Namun melalui maklumat awal yang diperolehi daripada kajian kemungkinan ataupun dengan izin, *feasibility study* menunjukkan garis masa atau *timeline* dan tempoh pelaksanaan projek loji jana kuasa nuklear memerlukan tempoh sekurang-kurangnya 11 tahun daripada tarikh kerajaan membuat keputusan untuk memulakan proses pembidaan projek sehingga siap pembinaan loji itu.

Walaupun di dalam *Economic Transformation Programme* ataupun ETP dinyatakan bahawa tarikh yang disasarkan untuk loji jana kuasa nuklear mula beroperasi pada tahun 2021, namun sasaran ini dijangkakan kerana kerajaan turut mengambil kira perkembangan dan sentimen semasa di dalam dan luar negara khususnya kesan tsunami pada bulan Mac 2011 terhadap program jana kuasa nuklear di Jepun iaitu Fukushima.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, faktor ini telah diambil kira dalam *feasibility studies* yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Berdasarkan itu, sekiranya dipersetujui, program jana kuasa nuklear di Malaysia hanya boleh beroperasi selepas tahun 2030. Ini juga adalah tertakluk kepada kelulusan Rang Undang-undang Kawal Selia Tenaga Atom yang baru dan komprehensif. Sekian, terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia merupakan ahli ZOPFAN atau *Zone Peace, Freedom and Neutrality*. Di antara strategi pelaksanaan ZOPFAN ini ialah memastikan bahawa kita bebas daripada tenaga nuklear. Soalan saya, adakah Malaysia mengambil kira pandangan rakan-rakan ASEAN bagi membina loji nuklear ini memandangkan Malaysia adalah satu-satu negara yang mempunyai loji nuklear di rantau Asia.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, penggunaan nuklear yang kita bincangkan ini bukanlah merujuk hanya kepada penggunaan senjata tetapi adalah berhubung dengan tenaga bagi penjanaan elektrik. Untuk makluman, Malaysia bukanlah satu-satunya negara di rantau ASEAN yang sedang menerokai kemungkinan untuk melaksanakan program nuklear untuk tenaga. Negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam turut giat mengkaji untuk penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik.

Vietnam sebenarnya telah pun memeterai perjanjian dengan Persekutuan Rusia untuk pembinaan loji jana kuasa nuklear yang pertama di negara mereka. Yang Berhormat ada merujuk kepada Zon Aman, Bebas dan Berkecuali atau ZOPFAN. Untuk makluman, salah satu tunggak utama ZOPFAN ini adalah Triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara yang membenarkan negara-negara anggotanya menggunakan tenaga nuklear secara aman. Isu penjanaan nuklear ini juga bukanlah perkara baru dan sering dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN dalam sektor tenaga, politik dan keselamatan serta sains dan teknologi. Sekian, terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tidakkah sebelum tenaga nuklear ataupun loji tenaga nuklear ini dibina, adakah kementerian bersetuju untuk memberi maklumat secara meluas mengenai nuklear itu sendiri, teknologi nuklear itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sebenarnya kalau sekiranya kita pergi ke arah itu, maka kita harus berkomunikasi dengan rakyat. Jadi sebab itu saya menggalakkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk sentiasa bertanya untuk kita berkomunikasi. Kalau adapun kumpulan-kumpulan nak berjumpa dengan kita untuk kita berbincang bersama-sama kerana ini adalah untuk masa depan negara kita. Jadi adalah baik untuk kita duduk bersama-sama dan kita memberi pandangan.

Saya faham bahawa Yang Berhormat Hulu Langat adalah salah seorang daripada *experts* dengan izin dalam negara kita. Jadi kita amat memerlukan *expertise* Yang Berhormat untuk memberi pandangan dan komen dan juga kalau ada kritikan untuk membantu dalam hal ini sebab kalau kita nak menuju ke arah itu, kita ada garis panduan. Garis panduan IAEA iaitu *International Atomic Energy Agency* yang utama dalam ini di mana kita berpandu kepada aras panduan daripada dokumen yang bertajuk *Milestones in Development of National Infrastructure for Nuclear Power Programme* dan *Evaluation of the Status of National Nuclear Infrastructure Development*, dengan izin. Saya percaya ini diketahui oleh Yang Berhormat.

Sekali lagi saya hendak menyatakan di sini, sekiranya ada di kalangan rakan-rakan Yang Berhormat yang menjadi pakar dalam hal ini, kita bersedia untuk bekerjasama dan berbincang kerana ini adalah untuk masa depan negara kita. Terima kasih.

3. Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah perancangan kementerian dalam membantu golongan pesawah yang tanamannya gagal akibat daripada kawasan tadahan air Bukit Merah kering kontang berikutan fenomena El Nino pada Mei lepas, apakah bentuk bantuan dan tindakan kementerian jika perkara seumpamanya berlaku pada masa akan datang serta bagi mengelakkan golongan ini terbeban dengan hutang jika perkara ini berulang kembali.

■1020

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjawab dalam tempoh tiga minit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. El Nino yang telah menjejaskan pertanian di kawasan Bukit Merah sebagaimana disebutkan pada bulan Mei yang lalu terdiri daripada 1,835 orang pesawah yang melibatkan kawasan seluas 4,697 hektar. Kita sedang mengenal pasti dan mengesahkan mereka ini untuk diberikan bantuan dari Tabung Bantuan Bencana Agromakanan. Dianggarkan setiap orang pesawah akan diberikan sekitar RM250 sebagai wang ihsan.

Untuk jangka panjang, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM188 juta untuk membangunkan sistem pengairan di kawasan tersebut. Untuk tindakan jangka pendek, kita akan menggunakan pam bergerak, *tube well* dan beberapa kaedah lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai untuk kemukakan soalan tambahan pertama dalam tempoh 30 saat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah status kesediaan ataupun penyediaan skim insurans khas ataupun *crop insurance*, dengan izin untuk membantu petani khususnya kepada pesawah-pesawah yang ditimpa bencana? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dalam tempoh masa dua minit 30 saat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Yang di-Pertua sedang berbincang dengan pihak Agrobank untuk mewujudkan satu skim insurans, *crop insurance*. Saya kira dalam masa yang terdekat kita akan mengumumkan skim ini yang akan memberi peluang kepada pesawah-pesawah melindungi hasil pertanian mereka daripada bencana sama ada El Nino ataupun banjir dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh, saya jemput untuk mengemukakan soalan tambahan kedua dalam masa 30 saat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberikan tadi. Bagi saya, kerajaan adalah *the best insurance* kepada petani-petani yang ditimpa bencana. Kita lihat bahawa petani-petani ini memang selalu berlaku bencana-bencana sama ada tanaman mereka itu diserang oleh penyakit atau sebagainya. Jadi apakah lagi bantuan-bantuan yang lain yang boleh diberikan oleh kerajaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri juga dalam tempoh masa dua minit 30 saat untuk menjawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya dalam keadaan banjir, kita bagi bantuan banjir, makanan, peralatan, tempat tinggal sementara dan lain-lain. Kalau diperlukan kita akan berikan bantuan. Ini selain daripada wang ihsan yang saya sebutkan tadi. Itulah jawapannya.

Akhir sekali saya gulung, saya menyampaikan salam Menteri saya yang sekarang berada di China bersama dengan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan supaya memberi laporan statistik aduan diterima oleh Construction Industry Development Board ataupun CIDB tentang isu keselamatan yang timbul daripada industri pembinaan dalam kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi tempoh dari tahun 2012 sehingga tahun 2016 terdapat 117 kes insiden kemalangan iaitu 88 projek swasta dan 29 projek kerajaan yang berlaku di tapak pembinaan.

Daripada jumlah tersebut, kes kematian yang dicatatkan ialah seramai 87 orang. Seramai 62 orang pekerja asing dan 25 orang pekerja tempatan ataupun orang awam. Manakala bilangan kes kecederaan pula melibatkan 93 orang iaitu 73 orang pekerja asing, 20 orang pekerja tempatan ataupun orang awam. CIDB juga telah mengambil tindakan terhadap kes ketidakpatuhan mengikut pindaan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 iaitu Akta 520 yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 iaitu melibatkan 24 kes berkaitan pendaftaran kontraktor, 71 kes pendaftaran pekerja iaitu kad hijau, tiga kes kegagalan pembayaran levi dan 39 kes lain-lain kecuaiian. Manakala bilangan kes kecuaiian yang telah dibawa ke mahkamah untuk tempoh yang sama ialah sebanyak 13 kes.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan CIDB dilaksanakan melalui beberapa kaedah iaitu melalui pemeriksaan rutin tapak bina, operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan di peringkat negeri dan juga operasi penguatkuasaan bersepadu khas bersama para penggiat industri. Terima kasih.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berasa sudah tiba masanya CIDB bertindak tegas ke atas syarikat-syarikat yang melanggar akta dan mengabaikan isu keselamatan di tapak pembinaan.

Oleh itu saya ingin tahu apakah langkah-langkah pro aktif yang diambil oleh CIDB untuk memastikan tindakan dapat diambil ke atas insiden-insiden kemalangan di tapak pembinaan supaya ia tidak terus berlaku.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat pelbagai agensi yang diperuntukkan di bawah akta yang pelbagai yang mempunyai bidang kuasa berhubung kait dengan kemalangan di tapak pembinaan. Contohnya *Department of Safety and Health (DOSH)*, kita juga ada *local authorities* di bawah akta-akta yang diperuntukkan di bawah *local authorities*, sama ada Akta Bangunan, Akta Parit dan sebagainya. Juga banyak lagi.

Di bawah bidang kuasa CIDB, ianya bertanggungjawab untuk menguatkuasakan ataupun mengawal selia kontraktor yang berdaftar dengan CIDB. Itu di bawah Akta 520 yang saya sebutkan tadi.

Oleh sebab itu menyedari akan berlakunya kemalangan di tapak pembinaan, apa yang telah saya lakukan ialah untuk menubuhkan Jawatankuasa *Panel of Expert* yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dari segi perundangan, daripada segi *safety and health*, mewakili pelbagai agensi dan jabatan di mana kita sudah pun menyiapkan laporan tersebut. Kita juga mengambil tindakan daripada laporan ataupun syor-syor yang dikemukakan oleh kumpulan pakar.

Oleh sebab itu dalam konteks CIDB itu sendiri apa yang kita lakukan ialah kita perkenalkan *Construction Industry Transformation Program*. Salah satu teras yang kita beri penekanan ialah dari sudut keselamatan, kesihatan dan *professionalism* iaitu membawa dan memastikan bahawa semua kontraktor ini mengamalkan profesionalisme supaya mereka mematuhi semua *standard operating procedure* ataupun garis panduan yang telah ditetapkan untuk memastikan bahawa tapak pembinaan, kaedah, sistem yang mereka laksanakan dalam tapak pembinaan itu adalah selamat. Bukan sahaja untuk pengguna tetapi juga tidak mendedahkan bahaya ataupun risiko kepada orang awam.

Oleh sebab itu akta ditambah baik. Penambahbaikan akta ini termasuklah dari segi penguatkuasaan perundangan iaitu boleh mengambil tindakan ke atas syarikat bukan sahaja untuk kita *blacklist* tetapi diambil untuk tindakan sama ada dalam bentuk jenayah untuk mereka didenda dan sebagainya. Ini telah kita lakukan.

■1030

Akan tetapi kekangan yang kita hadapi ialah dalam sudut *the local authorities*. *The local authorities*, dia juga merupakan yang terlibat mengawal selia tapak pembinaan. Ia meluluskan semua kerja sementara dan sebagainya. Ada peruntukan di dalam *the local authorities* itu saya mengharapkan kalau kita dapat mengambil tindakan yang tegas, *insya-Allah* keseluruhan *environment* untuk *construction industry* akan lebih selamat dan sihat. Itu yang kita hendak ambil dan kita akan meneruskan

melalui jawatankuasa *panel of expert* ini untuk kita pastikan segala syor yang telah dilaksanakan akan ditambah baik dan diambil tindakan oleh pelbagai agensi, jabatan dan kementerian. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai kegagalan kontraktor-kontraktor untuk memberitahu bahawa ada *construction* supaya kementerian dapat mengetahui atau menjadi kawal selia mengenai apakah kontrak-kontrak *construction* yang sedang dijalankan.

Ini kerana saya difahamkan *failure to declare construction contract* hampir lebih kurang 50 peratus. Apa yang dibuat supaya mereka ini semua merangkumi di bawah jabatan, supaya dapat tahu bahawa ada *construction* sedemikian. Adakah Yang Berhormat sedia mengakui bahawa ada terlampau banyak tauke dalam negara ini mengenai untuk mengawal selia kegiatan-kegiatan macam ini? Macam baru-baru ini satu kejadian di Pavilion yang mana seorang mati bila kren jatuh dan selepas itu pemandu kren tersebut telah lepas pergi ke China dan kementerian Yang Berhormat, *Ministry of Human Resources*, kementerian macam-macam terlibat tetapi *there is no answer, there is no effectiveness* dalam mengatasi masalah ini.

Jadi macam mana Yang Berhormat cadang satu polisi yang merangkumi semua ini dapat di bawah satu jabatan, satu ketua supaya tindakan dapat diambil supaya persepsi masyarakat dapat mereka tenteramkan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat selaku seorang peguam mungkin memahami dalam konteks bidang kuasa diperuntukkan di bawah kuasa perundangan. DOSH ia ada undang-undang dia sendiri yang mana bidang kuasa mereka termaktub dalam undang-undang mereka, begitu juga CIDB. Oleh sebab itu kita tidak boleh melangkaui kuasa yang telah diberikan kepada kita. Sebab itu dalam kes Pavilion misalnya, kita menyiasat dalam ruang lingkup perundangan yang telah diberikan pada CIDB.

Sebab itu kita sudah membuat siasatan dan *insya-Allah* pendakwaan akan dilakukan setelah semua siasatan diselesaikan, sama ada syarikat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Overlapping, overlapping jobs.*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Dia bidang kuasanya sudah dinyatakan dalam rang undang-undang tersebut. Sebab itu saya katakan bidang kuasanya berlainan dan skop tindakan perundangan pun berlainan berdasarkan perundangan yang telah termaktub dalam undang-undang dan kuasa diberikan pada setiap agensi terlibat. Dia tidak *overlap* tetapi kita akan melihat dalam ruang lingkup apa *investigation* yang akan dibuat. Kita akan melaksanakan misal kata dalam ruang lingkup CIDB ialah untuk tindakan ke atas syarikat, ketidakpatuhan apa sahaja sudut yang telah

ditetapkan dalam undang-undang. Sebab itu kita akan mengambil tindakan sama ada kepada *main contractor* ataupun *subcontractor*. Siasatan ini sedang dimuktamadkan dan selepas ini kita akan membuat syor kepada AG untuk mendapat pandangan dalam sudut apa yang kita ambil tindakan dalam ruang lingkup Akta 520.

Berhubung kait dengan tindakan, saya katakan tadi *local authorities*. *Local authorities* dia ada kelulusan setiap projek, kalau kita hendak membuat sesuatu projek dia kena *submit* pada *local authorities*. Pelan pembangunan dan dikemukakan untuk *development approval*, semuanya di bawah *local authorities*. *Local authorities* yang memberi kebenaran untuk mereka masuk ke tapak kontraktor. Kita tidak boleh mengambil kuasa dari negeri. Ini sudah termaktub dalam perundangan yang telah diambil melainkan Yang Berhormat mencadangkan supaya semua CIDB boleh ambil kuasa daripada kerajaan negeri. Itu boleh kita lakukan kalau kerajaan negeri setuju. Sudah pasti kerajaan negeri tidak akan setuju dalam konteks itu.

Sebab itu saya katakan tadi ini yang kita tubuhkan jawatankuasa bersama untuk melihat supaya setiap agensi, jabatan yang diberi kuasa perundangan ini boleh mengambil tindakan. Setakat ini kalau mengikut laporan yang kita ambil tidak ada satu *local authorities* yang telah mengambil tindakan ke atas kontraktor kerana ketidakpatuhan kepada akta ataupun perundangan yang ditetapkan dalam bidang kuasa *local authorities*. Ini yang kita kena lihat.

Bagaimana kita hendak perkukuhkan? Kalau ini dapat diperkukuhkan barulah *insya-Allah* kita akan dapat pastikan satu kepatuhan. Kedua, penguatkuasaan. Akan tetapi yang lebih utama saya kira ialah kita hendak membawa industri tadi, salah satu sasaran kita dalam bidang CIDB ialah profesionalisme iaitu membawa semua syarikat pembinaan ini supaya menjadi profesional, tidak payah kita kuatkuasakan undang-undang tapi mereka akan patuh.

Sebab itu kita sudah perkenalkan di bawah program CIDB iaitu SHASSIC. SHASSIC ialah singkatan untuk *Safety and Health Assessment System in Construction*. Kita galakkan kontraktor berdaftar dan gunakan sistem ini. Sistem ini ia ada garis panduan bagaimana kita hendak patuhi semua aspek dalam sudut keselamatan dan kesihatan. Memastikan *environment* yang selamat, sihat untuk pekerja, untuk orang awam dan persekitaran. Kalau semua syarikat mematuhi ini, *insya-Allah* kita akan dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan maut ataupun kecederaan di tapak pembinaan. Itu komitmen kita di CIDB. Terima kasih.

2. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan kesan-kesan positif daripada dasar pengecualian visa kepada pelancong negara China dan adakah kerajaan bersedia untuk melanjutkan tempoh pengecualian visa tersebut.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab saya hendak mengalu-alukan penyokong-penyokong saya daripada Padang Rengas yang hadir bersama pada hari ini. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Bawa penyokong juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pelancong dari negara China merupakan sumber ketibaan pelancong asing yang ketiga terbesar kepada Malaysia. Menurut statistik ketibaan pelancong China pada Januari hingga Ogos 2016, Malaysia telah menerima seramai 1,406,417 orang pelancong China iaitu peningkatan sebanyak 26.3 peratus berbanding dengan 1,113,508 orang pelancong China pada Januari hingga Ogos 2015.

Pada tahun 2016 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menetapkan sasaran seramai 2,026,000 ketibaan pelancong dari negara China setelah kemudahan pengecualian visa diberikan kepada pelancong China. Berdasarkan peningkatan bilangan pelancong yang positif ini, maka kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengecualian visa kepada pelancong China kepada 31 Disember 2017.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu bahawa jawapan positif ini diberikan dalam Dewan yang mulia ini kerana Yang Berhormat Menteri hendak pergi ke China malam ini untuk mengumumkan berita ini kepada pelancong-pelancong China pada pagi esok di Beijing. Soalan saya ialah walaupun kita tahu bahawa dasar pengecualian visa ini akan menarik lebih ramai pelancong, tetapi satu masalah yang kita hadapi di negara kita ialah *direct flight* yang tidak mencukupi dari negara China. Apakah tindakan daripada pihak kementerian untuk mendapatkan lebih banyak penerbangan terus dari China, bukan sahaja ke KLIA tetapi juga ke lapangan-lapangan terbang yang lain seperti ke Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan lain-lain?

Keduanya, memandangkan bahawa dasar ataupun kemudahan pengecualian visa ini adalah satu pendekatan yang amat berkesan untuk menarik lebih ramai pelancong, apakah kerajaan akan melanjutkan dasar ini kepada pasaran-pasaran lain yang besar, umpamanya pelancong-pelancong dari negara India. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan yang mudah dahululah, soalan kedua. Ya, jawapannya ialah sememangnya kerajaan telah pun membuat keputusan untuk bagi negara-negara sumber yang besar, yang boleh membawa pelancong-pelancong ke negara kita seperti negara China.

■1040

Kita telah bersetuju untuk memberikan kemudahan yang sama untuk negara India. Jadi, ini telah pun diperkenalkan pada bulan Februari yang lepas. Saya telah difahamkan iaitu bahawa kehadiran dari negara India juga turut meningkat, walaupun sedikit, disabitkan oleh sebab masih lagi ada dengan izin, '*hidden*' *problem* yang perlu diatasi tetapi ia telah pun dilaksanakan.

Keduanya, memang betul Yang Berhormat sebut iaitu kalau kita mengiklankan supaya orang datang ke negara kita tetapi pelancongan di Malaysia akan menghadapi masalah kalau sekiranya tidak ada *direct flight* yang ada dari negara China ke negara kita. Kita bersyukur kerana, pertama sekali, kita mendapat kerjasama yang begitu baik sekali dengan syarikat penerbangan dari negara China kerana penerbangan terus, *direct* mereka dari negara China sudah pun ada ke Langkawi, Pulau Pinang, Melaka, Kota Kinabalu. Ini merupakan apa yang dikatakan *direct flight* yang dilaksanakan oleh syarikat penerbangan yang sememangnya mengadakan *schedule flight*. Bagi tempat-tempat yang tidak ada *direct flight*, maka kita mempunyai apa yang dikatakan *charter flight* yang mana ada *charter flight* dari Guangzhou terus pergi ke Labuan dan beberapa tempat yang lain.

Jadi ini juga kita telah mendapat kerjasama yang baik daripada Kementerian Pengangkutan yang sentiasa membantu Kementerian Pelancongan dalam usaha untuk mendapatkan pelancong China datang ke negara kita.

Selain daripada itu, Tourism Malaysia mendapat kerjasama yang baik dengan AirAsia. AirAsia merupakan satu syarikat penerbangan Malaysia yang banyak membantu pelancongan di negara kita. Mereka mempunyai *schedule flight direct* daripada beberapa *second-tier cities* di negara China terus ke negara kita, bukan sahaja ke Kuala Lumpur tetapi juga ke bandar-bandar yang lain. Saya difahamkan iaitu bahawa mereka sedang berusaha lagi untuk mendapat *route direct* daripada bandar-bandar raya China yang lain.

Jadi, saya percaya dengan apa yang saya sebutkan di sini, saya yakin dan percaya iaitu bahawa kita akan dapat membawa lebih ramai lagi pelancong China ke negara kita terutamanya pada tahun 2020 ini kita menyasarkan empat juta pelancong datang ke negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Menteri. Memang Menteri memang hebat kalau menarik pelancong. Itu satu kepercayaan daripada saya, Yang Berhormat Menteri.

Soalan, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti produk-produk pelancongan yang boleh menarik pelancong dari negara China ini? Sebab, apabila saya balik ke kawasan saya, Yang Berhormat Menteri, Putatan ini penuh dengan warga China. Dia langgar sini, langgar sana. Jadi, kenapa dia pergi ke Putatan? Kenapa dia tidak mahu tinggal di hotel-hotel yang besar? Adakah pantai boleh menarik pelancong China? Gunung Kinabalu, adakah ia menarik? Tetapi, saya lihat tidak pun dia minat naik Gunung Kinabalu, tidak pun dia pergi ke pantai bermandi-manda. Akan tetapi apa sebenarnya yang kementerian telah kenal pasti yang boleh menarik? Kalau boleh, wujudkan dan kenal pasti apa yang diminati oleh penduduk China ini. Sebab, mereka ini ramai.

Dan kalau saya tengok Malaysia ini, mungkin kita boleh menarik dia dengan cara betul-betul boleh menarik yang terutama sekali makanan misalnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dan juga tempat-tempat yang diminati oleh negara China ini. Soalan terakhir, kenapa Kota Kinabalu lebih banyak pelancong dari China dari negara lain? *[Disampuk]* Sudah, sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat kacaulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Elok juga kita guna pakai dalam sesi jawapan-jawapan Menteri, 30 saat soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya juga hendak ambil pendekatan yang sama sebentar tadi, hendak jawab yang senang dahulu.

Pelancong China dia suka datang ke Kota Kinabalu sebab dekat kerana dari Guangzhou ke Kota Kinabalu, saya percaya hanya empat jam. *[Disampuk]* Ha, dua jam, tiga jam. Yang Berhormat pun tahu, selalu pergi ke Guangzhou ya. *[Dewan ketawa]* Ada rumah di sana? Okey, tiga jam. Jadi, kalau tiga jam, seolah-olah dia hanya melawat *domestic flight* sahaja pada mereka. *[Disampuk]* Maksudnya *domestic flight*. Maknanya dia tidak macam pergi ke luar negara kerana tiga jam.

Jadi, satu daripada sebab mengapa pelancong China suka pergi ke Kota Kinabalu ialah kerana dekat. Kedua, makan. Mereka suka kepada *seafood* dan itu sebab mereka pergi ke Kota Kinabalu, seperti juga saya, pergi Kota Kinabalu kerana di sana saya boleh makan *seafood fresh*. Macam-macam ikan ada. Tempura ada, ikan hantu ada, macam-macam. Jadi, ini menyebabkan mengapa mereka datang.

Ketiga, Yang Berhormat, mereka juga suka kepada pantai. Oleh sebab Yang Berhormat ini orang gunung, mungkin tidak tahu yang mereka pergi ke pantai. Mereka suka pantai dan suka *resort* dan mereka juga suka gunung. Kenapa? Sebab, mereka datang dari bandar-bandar yang besar. Bandar-bandar raya China, tujuh juta ke atas bandar rayanya. Kampung dia, *village*, satu juta ke atas dan mereka semua merupakan tempat-tempat yang orang kata *concrete jungle*, batu.

Jadi, mereka mahu melihat ke luar bandar, mereka hendak lihat luar bandar seperti di Putatan. Walaupun Putatan dekat dengan Kota Kinabalu tetapi dianggap luar bandar juga. Mungkin Yang Berhormat pun juga boleh panjat pokokkah apa, mungkin mereka tengok seronok ya. [*Dewan ketawa*] Jadi, mereka memang suka. Dan tidak boleh dinafikan iaitu bukan sahaja di Kota Kinabalu tetapi mereka datang ke Semenanjung, ke Sarawak atas alasan yang sama iaitu makan.

Jangan lupa juga iaitu bahawa mereka adalah merupakan pelancong-pelancong yang mempunyai wang. Oleh sebab Malaysia merupakan sebuah negara yang *duty free*, jadi mereka boleh beli barang-barang *branded*— LV kah atau apa kah— dengan harga yang cukup murah jika dibandingkan kalau mereka pergi ke Eropah. Mereka kalau pergi ke Eropah, mereka hanya dibenarkan untuk membeli mungkin satu sahaja item tetapi di Malaysia, dia boleh beli lima, 10, 15, 20, dia boleh beli, tidak ada masalah. Kita tidak ada had. Jadi, membeli-belah juga merupakan satu sebab mengapa mereka suka datang ke negara kita.

Selain daripada itu, kalau Yang Berhormat tengok, mereka suka beli *white coffee*, kopi putih. Mereka suka beli susu anak-anak sebab susu yang di China, semua ada *melamine* kah, apa kah, boleh mengeraskan bayi. Jadi, dia banyak *fake* punya barang dan mereka datang ke Malaysia, mereka beli barang-barang ini dan mereka bawa balik ke negara mereka. Jadi, membeli-belah juga merupakan satu tarikan kepada mereka.

Pada umumnya, yang penting ialah kerana mereka juga merasakan di Malaysia, mereka merasa begitu selesa kerana saya tanya kepada mereka, “*Apa sebab you suka Malaysia?*”, dia kata orang Malaysia boleh cakap Cina. Bukan saja cakap Cina, dia kata dialek pun boleh. Jadi saya pun sedang belajar bahasa Kantonis supaya nanti saya boleh berhubung dengan mereka.

■1050

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah rakyat China...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh ke macam ini Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya hendak faham ini. Boleh tidak? Rakyat China boleh tinggal sini? *As a second home*. Tinggal *as a second home*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya. Betul. Satu pencelahan yang cukup baik. Di antara lain... [*Dewan ketawa*] Satu pencelahan yang cukup baik. Oleh sebab mereka mempunyai wang dan mereka suka duduk di sini kerana kalau di negara China, ini hendak datang musim sejuk, cukup sejuk. Pakai baju tebal. Akan tetapi kalau di Malaysia, sepanjang tahun cuaca cukup baik. Mereka suka dan mereka beli *property* dan mereka melibatkan diri dalam *Malaysia My Second Home*. Kita menggunakan Bank of China. Kerjasama dengan Bank of China untuk memudahkan mereka membeli *property* di sini supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam *Malaysia My Second Home*. Jadi, inilah sebab-sebab mengapa Cina, pelancong China suka Malaysia. Ada yang sudah kahwin pun ada.

3. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah status terkini sistem pembelajaran j-QAF (Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain) di sekolah-sekolah aliran kebangsaan. Adakah ia telah dimansuhkan atau dihentikan sementara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor yang bijaksana.

Soalan dari Kuala Selangor,

Jawapan dari Hulu Selangor.

[*Dewan ketawa*]

Terima kasih. Pantun dua rangkap Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila. Sila.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba sedaya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program j-QAF di sekolah-sekolah bermula tahun 2005. Tujuan program ini diperkenalkan adalah untuk memperkasakan Pendidikan Islam dan penghayatannya dalam kalangan murid-murid Islam di sekolah rendah. Berdasarkan kepada rekod Kementerian Pendidikan Malaysia pada Jun 2016, sebanyak 7,115 sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang terlibat dengan bilangan murid seramai 1,810,497 murid telah terlibat dalam melaksanakan program j-QAF. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang untuk menghentikan program j-QAF daripada sekolah-sekolah aliran kebangsaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih atas penekanan berterusan, terutama sekali di peringkat Kementerian Pendidikan terhadap Program j-QAF ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah program j-QAF ini berjaya meningkatkan penghayatan murid-murid sekolah rendah, terutamanya dalam Pendidikan Islam. Adakah di kalangan pelajar ini ada pelajar bukan Islam yang ambil juga pelajaran ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Jika dilihat daripada bilangan sekolah dan murid program j-QAF setiap tahun berlaku bertambahan bilangan, yang terlibat dan peningkatan prestasi juga meningkat. Saya bagi contoh berdasarkan kutipan data, daripada data status pembelajaran j-QAF pada tahun 2013, sebanyak 5,326 sekolah rendah yang melibatkan seramai 1,700,000 murid dengan purata pencapaian untuk semua modul adalah sebanyak 80 peratus.

Manakala pada tahun 2014 pula, jumlah sekolah rendah yang terlibat ialah 5,509 sekolah dan purata pencapaian meningkat kepada 82 peratus. Manakala pada tahun 2015 pula, jumlah sekolah rendah meningkat kepada 6,534 dan purata pencapaiannya pula meningkat kepada 84.59 peratus. Berdasarkan kepada pencapaian-pencapaian ini saya rasa Kementerian Pendidikan akan meneruskan, malah kita juga akan mencari cara-cara bagaimana dapat memperkasakan lagi Pendidikan Islam di kalangan murid-murid sekolah rendah.

Untuk soalan Yang Berhormat tentang sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan SJKT. Di sekolah SJKC, seramai 36,000 pelajar-pelajar di SJKC mengambil program j-QAF ini. Manakala, 622 pelajar daripada SJKT mengambil mata pelajaran j-QAF di sekolah masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab daripada laporan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan di sana ada pencapaian yang baik dalam konteks program j-QAF iaitu untuk membolehkan pelajar-pelajar mahir di dalam kemahiran jawi, Quran, Arab— bahasa Arab dan juga Fardu Ain. Persoalan saya ialah pada peringkat awalnya, pada diperkenalkan pada 2005, ada cadangan daripada pihak kementerian, terutamanya gagasan yang dibuat oleh Mantan Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini yang hendak mencadangkan supaya program j-QAF ini dilanjutkan ke sekolah menengah. Adakah di sana perancangan daripada kementerian untuk hendak melanjutkan program ini sampai kepada peringkat sekolah menengah? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang bercadang untuk meneruskan sistem pembelajaran j-QAF ini di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara berdasarkan dapatan kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF sekolah rendah. Antaranya Yang Berhormat, kajian impak program j-QAF oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan pada tahun 2011. Dapatan kajian tersebut mendapati pelaksanaan Program j-QAF mampu meningkatkan penguatkuasaan murid dalam tilawah Al-Quran, jawi, bahasa Arab dan juga solat.

Universiti Kebangsaan Malaysia, menerusi Institut Islam Hadhari telah menjalankan kajian di bawah projek penyelidikan pemeraksanaan program j-QAF dalam transformasi sistem Pendidikan Islam Malaysia dari segi pengurusan, pelaksanaan dan juga keberkesanan. Kajian tersebut telah dibentangkan oleh kumpulan pengkaji Universiti Kebangsaan Malaysia kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada Februari 2016 yang lalu. Rumusan kajian tersebut mencadangkan supaya program j-QAF peringkat sekolah rendah ini dilanjutkan hingga ke peringkat sekolah menengah kerana ia telah memberi manfaat yang sangat baik terhadap penghayatan agama Islam di kalangan murid-murid Islam.

Pada masa sekarang, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang giat melaksanakan wacana program j-QAF menengah untuk mendapat pandangan pelbagai pihak bagi memantapkan lagi kertas konsep tersebut sebelum projek rintis program j-QAF menengah dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan keberkesanan penubuhan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) dalam mengawal kes penipuan umrah dan usaha-usaha lain yang turut dilakukan bagi mencegah perkara ini.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Ya. Saya juga hendak mengalu-alukan kehadiran rombongan wanita USIA Sabah yang datang ke Parlimen. Mereka pakai apa itu— baju kuning. Baju hijau dan kuning.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang telah ditubuhkan pada 28 Ogos 2014 merupakan satu badan penyelarasan yang mengawal selia perkara-perkara berhubung dengan pengendalian pakej umrah serta sebagai pusat sehenti terhadap sebarang aduan yang berkaitan dengan pengendalian umrah oleh syarikat pengendali umrah daripada orang ramai. Melalui penubuhan MKSU ini, kerjasama penguatkuasaan bersama dengan lain-lain agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dapat dipertingkatkan dan ditambah baik.

■1100

Selain daripada itu, perkongsian maklumat dapat dibuat dengan lebih cepat dan berkesan bagi memastikan kes-kes penipuan ini dapat dikawal, dibendung dan diselesaikan secara lebih efektif.

Peningkatan bilangan aduan serta nilai kompaun yang semakin bertambah juga menunjukkan tahap kesedaran orang ramai terhadap kes-kes penipuan pakej umrah semakin mendapat perhatian orang ramai. Berdasarkan pada statistik bilangan aduan berkaitan pakej umrah pada tahun 2014 adalah sebanyak 35 kes meningkat kepada 84 kes pada tahun 2015 dan meningkat lagi kepada— tidak meningkat dia turun sikit pada tahun ini 65 kes pada tahun 2016 tapi dia belum habis lagilah ini baru bulan sebelas.

Manakala bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM75,500 melibatkan 15 kes. Pada tahun 2015, RM60,000 melibatkan tujuh kes dan bagi tahun 2016, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM140,000 bagi 21 kes berkaitan dengan pengendalian pakej umrah. Walaupun Yang Berhormat kompaun sudah banyak ini tidak menggembirakan kita sebab kita kesian orang yang terkandas tidak dapat pergi. Walaupun kita kompaun banyak tetapi yang menjadi sasaran kita perlu prihatin ialah mereka yang terkandas itu.

Mangsa-mangsa penipuan dan juga orang ramai semakin peka dengan isu penipuan pakej umrah dan tahu saluran yang betul bagi menyampaikan aduan berkaitan dengan pengendalian pakej umrah. Jadi Yang Berhormat juga tanya apakah

tindakan usaha-usaha yang lain turut dilakukan. Melalui MKSU juga beberapa inisiatif telah dan sedang diambil bagi mengawal dan mencegah perkara ini daripada terus menjadi barah kepada umat Islam di Malaysia.

Pertama, pengenalan harga minimum. Penetapan harga indikator pakej umrah ialah pada kadar RM4,900. Bagi pakej standard ekonomi 12 hari 10 malam, sebagai peringatan kepada orang ramai supaya lebih berhati-hati dengan tawaran pakej umrah yang murah atau tawaran harga yang tidak munasabah. Jadi nombor yang Yang Berhormat semua kena ingat RM4,900, 12 hari 10 malam. Kalau kurang daripada RM4,900 dan harinya juga kurang daripada 12 hari 10 malam itu menipulah jawabnya, Yang Berhormat menipulah.

Kebiasaannya pakej standard ekonomi ini akan melibatkan penerbangan- ya ingat ya, penerbangan transit serta lokasi hotel yang agak jauh jugalah berbanding lain-lain pakej yang lebih mahal. Perlu diingatkan harga minimum ini tidak mengambil kira kadar visa baharu yang telah dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi baru-baru ini. Sebelum ini kalau orang dalam seumur hidup dia, dia hendak pergi umrah *free* tetapi kalau dia pergi kali kedua kena bayar yang dahulu punya kadar RM2,000 itu. Jadi kalau kita *first time* pergi umrah *freelah*, tapi kalau kita pergi lagi, kena bayar visa RM2,000 yang lama yang baru kita tidak tahu lagi.

Terdapat cadangan juga daripada pemain industri umrah untuk mengkaji semula harga indikator bagi pakej standard umrah dan perkara ini akan dibincangkan di dalam mesyuarat Majlis Kawal Selia Umrah yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan saya, dia ada hadir bersama dari Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Jadi dia orang hendak minta naik. Jadi kita akan bincanglah tengok dan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mempengerusikan.

Tindakan kedua ialah pengenalan lesen khas umrah. Lesen khas umrah hanya akan dikeluarkan kepada syarikat pengendali pelancongan yang telah memenuhi syarat-syarat lesen khas umrah sahaja. Hanya syarikat yang berkemampuan sahaja dibenarkan terlibat dalam pengendalian pakej umrah. Lesen khas umrah ini dijangka akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2017. Setelah pindaan Akta Industri Pelancongan 1992 diluluskan di Parlimen, *insya-Allah* ya.

Tindakan yang ketiga kursus khas pengendalian umrah. Kursus ini merupakan salah satu syarat kepada pengendali pakej umrah yang ingin mendapat lesen khas umrah. Sehingga kini sebanyak empat siri kursus khas pengendalian umrah telah dilaksanakan. Ini semua tindakan yang kita ambil untuk memastikan tidak ada berlaku penipuan.

Keempat, hebahan kempen kesedaran umrah. Kempen kesedaran umrah telah dibuat di seluruh negara setiap tahun dan setiap kempen ini mendapat liputan dan hebahan yang meluas daripada media cetak dan juga media elektronik. Sebanyak 15 siri kempen dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara pada tahun ini. Sehingga kini sebanyak 11 siri kempen telah dilaksanakan dan bakinya akan dilaksanakan sehingga Disember 2016, *insya-Allah* ya.

Kelima, kita meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Setiap ahli MKSU akan membantu dalam membuat pemantauan dan juga menyalurkan aduan bagi memastikan maklumat dapat disalurkan dengan lebih cepat. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan juga telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan yang lepas di KLIA dan KLIA2. Aktiviti ini akan diadakan secara berterusan. Ini bagi memastikan pengurusan jemaah umrah berada pada tahap memuaskan dan pada masa yang sama untuk membanteras kewujudan syarikat haram. Sebanyak 156 pemeriksaan telah dibuat dan sebanyak 7 buah syarikat tidak berlesen telah dikesan mengemukakan pakej umrah.

Selain daripada itu, badan penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga akan sentiasa memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kes-kes penipuan umrah dapat dikurangkan.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita sememangnya mengalu-alukan penubuhan Majlis Kawal Selia Umrah oleh pihak kerajaan dan berharap sangat supaya kes-kes penipuan dalam pelancongan umrah yang berkait dengan ibadah ini dapat kita kurangkan ke pada tahap sifar.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu yang berkait dalam industri pelancongan umrah ini ialah proses memperoleh visa umrah yang agak sukar, yang terpaksa dihadapi oleh pihak ejen-ejen pelancongan. Saya dimaklumkan sehingga hari ini, visa umrah ini akan diperoleh sehari sebelum rombongan berlepas ke Mekah. Ini sebenarnya agak membimbangkan pihak ejen dan juga pihak orang yang hendak pergi umrah.

Dalam beberapa kes, pihak ejen gagal memperoleh visa pada hari terakhir tersebut dan ini mengakibatkan mereka berhadapan isu-isu tempahan tiket kapal terbang dan tempahan bilik-bilik hotel di Mekah. Pihak ejen pelancongan ini pastinya akan berhadapan dengan kerugian wang. Lebih teruk lagi mereka akan dianggap telah menipu pelanggan mereka yang telah mengeluarkan wang yang banyak dan mengambil cuti terutamanya pada tarikh umrah tersebut.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan melihat kepada isu ini sebagai salah satu punca kes penipuan yang tidak disengajakan? Apakah pihak kerajaan telah berbincang dengan pihak Kerajaan Arab Saudi yang sememangnya kita mempunyai hubungan yang amat rapat bagi mencari kaedah lebih baik dalam pengeluaran visa umrah bagi menangani kes-kes seperti ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu bagus. Jadi nasihat saya ialah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita memberi kebenaran dan pengiktirafan hanya kepada syarikat yang kita tahu dan kita lulus bahawa mereka memang sebuah syarikat yang boleh mengendalikan umrah. Jadi apa yang hendak saya cadangkan di sini iaitu kalau kita hendak pergi umrah, maka kita lihat kepada *website* hotel.

■1110

Di situ akan disenaraikan syarikat-syarikat yang kita anggap, yang kita beri pengiktirafan. Ini syarikat, ia memang syarikat yang diiktiraf oleh kementerian, yang boleh mengendalikan pengurusan umrah. Jadi yang terlibat dengan kes-kes seperti lambat satu hari sebelum, inilah syarikat yang saya kira yang tidak layak untuk kita membelikan pakej umrah daripada mereka. Jadi, yang paling selamat sekali yang saya boleh cadangkan iaitu lihat kepada *website* kita dan kita hanya menggunakan syarikat-syarikat yang diiktiraf.

Walaupun kadang-kala ada juga kes yang terlewat tetapi kita sentiasa, kita mempunyai hubungan yang cukup baik dengan negara Arab Saudi dan saya percaya kalau kita ikut prosedurnya iaitu kita mengemukakan permohonan visa lambat, akhirnya memang kita susahlah. Memang kalau saat akhir kita hendak pergi, baru kita hendak minta visa, memang susah. Jadi sebab itulah kita minta supaya mana-mana pihak yang mahu memohon, hendak pergi ke umrah, gunalah syarikat yang memang ada dalam *website*. Jadi kalau menggunakan syarikat lain, itu agak sukar untuk kita hendak menjamin bahawa mereka boleh pergi melakukan umrah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat daripada statistik dari tahun 2014 sampai sekarang ini, sampai Mei 2015, 126 kes dan melibatkan kerugian RM5.9 juta. Banyak itu. Maksudnya termasuk dengan orang-orang Bagan Serai yang kena tipu sekalilah, kes macam ini.

Saya, Yang Berhormat Menteri, saya melihat orang-orang kampung ini, dia simpan duit daripada awal lagi setengah mati hendak dapat RM5,000 dengan niat hendak pergi Mekah, hendak pergi umrah, tiba-tiba kena tipu. Jadi yang saya hendak tahu ini Yang Berhormat Menteri, bagaimana kementerian bantu mereka ini? Sebab

apa, contohnya di Bagan Serai saya tengok yang kutip duit, dia kata saya pun kena tipu. Agen tidak tahu mana pergi, ghaib, kubur tidak bertanda.

Jadi yang kasihannya mereka yang kena tipu ini datang, dia bukannya seronok sangat cerita pasal hendak buat *report* polis ini, buat *report* polis ini. Dia *dok* kira RM5,000 dia sudah habis. Dia— sangat-sangat besar RM5,000 bagi dia. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya, bagaimana kementerian boleh tolong bantu bab ini? Orang Bagan Serai terlibat ini daripada 126 kes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, saya menyebut tadi itu bahawa kita mengambil tindakan pemantauan, hebahan-hebahan. Ini penting. Jadi kita juga kena peringatkan kalau kita sebagai anak, bapa kita hendak buat umrah, maka sudah tentu kita kena *check* betul-betul iaitu bahawa syarikat yang kita hendak membeli pakej umrah itu, mestilah merupakan syarikat yang diiktiraf oleh MOTAC. Itu penting. Jangan fikir itu bahawa ada pakej murah. Jadi kita sudah sebut tadi, RM4,900, 12 hari, 10 malam. Kalau kurang daripada RM4,900, tipulah itu.

Tidak adalah RM4,000. Tidak ada. Jangan. Jadi saya percaya kalau macam orang kampung, orang Bagan Serai pun, Yang Berhormat pun doktor. Kalau bapa hendak pergi, pak sedara hendak pergi, tentulah Yang Berhormat boleh *check* dengan MOTAC bukan? Menggunakan *website* ini tengok. Akan tetapi ingatkan juga kepada mereka, kalau ada iklan di pagar-pagar mengatakan kami boleh menghantar umrah dengan harga RM3,000, itu menipulah itu. RM3,000 memang tidak boleh punya. Ingat nombor 4900/12/10. Itu dia. *Anything less*, itu menipulah itu.

Jadi saya hendak sebut di sini, ini saya hendak sebut ada syarikat yang menipu, yang telah kita batal lesen. Jangan *dok* ambil daripada dia. Syarikat Warith NY Travel & Tours. Tulislah. Tidak tahu Warith NY ini apa, New York atau apa, saya tidak tahulah. Lagi satu Tijaratun Nur Travel & Tours. Nama memang sedap, Tijaratun Nur tetapi menipu, batal sudah lesen. Qaisar Travel & Tours, nama sedap. Permata El-Nur Travel & Tours, Hijjaz Legend Travel & Tours, J&J Mesra Travel & Tours, Seven Seas Travel & Tours, Yadh Travel & Tours Sdn. Bhd, ANF Holidays Sdn. Bhd., Madain Al-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd., Irna Yakin Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn. Bhd. Ini semua penipu dan kita batal lesen dia.

Jangan beli daripada syarikat ini. Memang saya hendak sebut dalam Dewan ini sebab saya sebut tadi, kita tidak bangga kompaun kita sampai RM140,000. Kita hendak dia buat umrah, itu yang penting. Jadi saya pun tidak tahulah, ada juga manusia yang sanggup menipu dalam soal ibadah ini juga. Jadi, kita kena berhati-hati

ya. Syarikat ini saya sudah umum, yang ini jangan *dok* beli pakej daripada syarikat ini. Terima kasih.

5. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengenai program usahawan agro yang dijalankan oleh kementerian dan bagi menarik minat dan melahirkan golongan belia sebagai usahawan tani yang berjaya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kota Samarahan bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar, begitu juga Yang Berhormat Kanowit. Soalan mereka berkisar dengan perkara *agropreneur* muda, bagaimana hendak menggalakkan belia-belia terlibat dalam keusahawanan pertanian.

Ini satu soalan yang penting kerana pada masa ini industri pertanian kebanyakan daripada pengusaha pertanian, ternakan dan nelayan terdiri daripada generasi yang berumur 50 tahun ke atas. Kesenambungan industri pertanian terancam kalau sekiranya tidak ada generasi muda yang mahu mengambil alih, mengambil bahagian dalam industri pertanian ini. Kenapa minat generasi muda, orang-orang muda begitu kurang dalam bidang pertanian adalah disebabkan anggapan ataupun persepsi yang tidak betul yang mengatakan bahawa pertanian ini satu bidang yang tidak memberikan jaminan untuk masa depan mereka daripada segi ekonomi dan kewangan. Masa hidup mereka, masa depan hidup mereka tidak terjamin. Begitu persepsi yang terdapat di kalangan generasi muda.

Juga kesilapan para ekonomi, perancang, pembuat dasar beberapa tahun yang dulu, beberapa tahun yang lalu yang telah menganggap ataupun dalam bahasa Inggeris disebut, *they have considered this agriculture* sebagai satu *a sunset industry*, industri senja ataupun industri yang tidak ada masa depan. Pada masa itu, kita menekankan soal *industrialization and manufacturing* dan pertanian telah ditinggalkan. Bukan ditinggalkan 100 peratus, tetapi fokus kita sudah lari daripada sektor pertanian. Sehingakan institusi-institusi latihan, institusi pengajian, universiti juga telah beralih fokus daripada memberikan latihan dan juga pembelajaran kepada bakal-bakal petani moden, petani yang berjaya yang mempunyai *knowledge*, mempunyai kemahiran dan teknologi moden sudah diabaikan.

■1120

Sebagai contoh Universiti Pertanian bertukar nama menjadi Universiti Putra Malaysia dan ini sudah barang tentu mengalihkan fokus dan juga prioriti universiti itu

tidak lagi menjadi universiti yang melahirkan tenaga mahir dalam bidang pertanian, beralih kepada IT, beralih kepada perakaunan, beralih kepada berbagai-bagai lagi.

Jadi kita sudah menyedari kesilapan yang dilakukan oleh masyarakat, para perancang ekonomi dan sebagainya hendaklah diperbetulkan kerana pertanian tidak pernah, tidak akan menjadi industri senja ataupun *sunset industry*. Kita perlu kepada makanan terutamanya *agro products* selagi ada namanya manusia. Penduduk kita pada hari ini berjumlah 27 juta dan akan meningkat menjadi 44 juta pada tahun 2050 iaitu apabila kita sampai kepada tahun Transformasi Negara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Jadi untuk itu, penglibatan generasi muda sangat penting. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat berbagai-bagai program untuk mengubah persepsi ini iaitu pertanian itu adalah satu bidang ekonomi yang boleh menjamin sehingga kita menggunakan slogan-slogan seperti 'Pertanian itu satu perniagaan'. Jadi umpamanya kita akan mengadakan MAHA pada bulan Disember ini. 1 sehingga 12 Disember, kita pilih tajuk, '*Our food is our future*'. Ini menekankan bahawa bagaimana pertanian dan agromakanan itu adalah satu industri yang mempunyai nilai ekonomi, mempunyai nilai yang besar kepada rakyat. Promosi-promosi ini dibuat dalam bentuk berbagai-bagai ekspo yang dibuat di seluruh negara, di peringkat negeri, di peringkat daerah dan sebagainya.

Kita harapkan daripada promosi ini, masyarakat, kaum belia akan melihat apa peluang-peluang yang ada dalam bidang pertanian sebagai satu bidang keusahawanan yang boleh memberi masa depan yang baik kepada mereka. Untuk menggalakkan mereka ini menjadi usahawan Agropreneur Muda, kita di peringkat kementerian menubuhkan satu bahagian Agropreneur Muda. Agropreneur Muda mempunyai agenda untuk melahirkan sekurang-kurangnya 5,000 Agropreneur Muda sehingga tahun 2020. Setiap agensi di bawah Kementerian Pertanian seperti FAMA, Agrobank, BERNAS dan sebagainya diberikan satu KPI untuk mengambil bakal-bakal usahawan tani ataupun Agropreneur Muda daripada kalangan belia. Mereka ini diberikan galakan, bimbingan daripada segi kursus latihan yang diberikan mengenai dengan pelbagai aspek sebagai usahawan dari segi *product development*, *processing*, pemasaran, jualan, pengurusan kewangan dan juga kalau kita mahu mereka meneroka pasaran luar negara, eksport jadi semua aspek untuk menjadi usahawan ataupun peniaga ini akan dibimbing, dilatih kepada mereka yang menyertai program Agropreneur Muda ini.

Sebagai insentif, mereka yang telah menghabiskan atau menamatkan kursus akan diberikan sokongan yang berterusan umpamanya daripada segi modal. Daripada

segi modal, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membantu dengan memberikan geran sebanyak 30 peratus kepada mereka tetapi bukan dalam bentuk wang ringgit yang *cash* atau tunai tetapi dalam bentuk apa yang disebutkan *in-kind*, dalam bentuk peralatan, mesin, apa-apa yang diperlukan untuk mereka menjalankan perniagaan mereka. 30 peratus geran, 70 peratus mereka boleh meminjam daripada institusi seperti TEKUN dan juga Agrobank. Tuan Yang di-Pertua, 70 peratus.

Dengan jumlah bagi Agropeneur Muda atau usahawan muda yang baru memulakan projek boleh dapat meminjam sehingga RM50,000 daripada TEKUN dan Agrobank tetapi bagi mereka yang sudah pun mempunyai *track record* kata pada tempoh yang agak berpatutan dan menunjukkan ada potensi untuk berkembang. Bagi tujuan untuk mengembangkan perniagaan mereka, mereka boleh mendapat pinjaman daripada dua buah institusi ini tadi iaitu TEKUN boleh memberi sehingga RM100,000 manakala Agrobank pula boleh memberikan pinjaman sehingga RM300,000.

Ini sumbangan daripada segi kapital modal. Selain daripada itu, sumbangan, bantuan daripada segi pasaran, kita membuka pasaran untuk produk-produk mereka sehingga ke luar negara. Dalam negara tidak usah kiralah dengan pasar tani, pasar tani kekalnya, Agromart, Agrobazaar dan sebagainya. Ini adalah *outlet-outlet* kepada Agropreneur Muda untuk memasarkan hasil-hasil perniagaan mereka. Pergi ke luar negara, kita ada Agrobazaar di Singapore. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah terlalu panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Cukup setakat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Ada juga soalan? Ya, Yang Berhormat Kota Samarahan.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu saya ingin hendak mengalu-alukan kehadiran tetamu kita iaitu kehadiran 11 orang jemaah haji Program Haji 1MDB dari Parlimen Kuala Pilah di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah tahap pelaksanaan daripada penglibatan belia terhadap Program Inkubator Usahawan Belia Tani (IUBT) dan sejauh manakah program ini dapat menjamin kelangsungan bekalan makanan melalui projek tanaman kekal pengeluaran makanan negara? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini TKPM lah ini. TKPM, ya kita masih lagi Tuan Yang di-Pertua dalam berada di peringkat di mana tidak begitu ramai lagi sama ada yang muda atau yang tua pun serupa yang berminat dalam bidang pertanian ini. Jadi itu saya sebutkan tadi. Kita masih lagi dalam proses untuk menukar sikap, minda dan budaya orang kita berkaitan dengan pertanian. TKPM kita buka dengan keluasan tanah beribu ekar, tidak ramai yang serius dalam menjalankan projek ini dan ada kawasan-kawasan yang tertinggal tidak diusahakan. Kita berasa kesal keadaan ini berlaku kerajaan sudah buat yang terbaik, mengadakan satu kawasan TKPM di Johor, TKPM di Pahang, TKPM di sana, TKPM di sini. Saya hendak bercakap secara *very open*, secara terbuka.

■1130

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada rakyat kita orang-orang awam sambutlah ini peluang untuk menjadi petani-petani, peserta dalam projek-projek taman kekal makanan. Soal bekalan makanan cukup tak mencukupi untuk keperluan negara sebagaimana Yang Berhormat tadi tidak ada menjadi masalah kerana orang lain keluarkan. Sayur-sayuran di Cameron Highlands banyak.

Tuan Yang di-Pertua, orang Pahang tahu Cameron Highlands, berapa banyak pengeluaran sayur-sayuran di situ tetapi bukan kaum belia. Bukan kumpulan yang kita harapkan mengambil bahagian. Ini petani-petani di Cameron Highlands berbilion nilai hasil keluaran barang-barang makanan yang dikeluarkan dan dieksport ke Singapura, Hong Kong dan merata. Akan tetapi yang kita hendak, kita hendak kaum belia kita ini. *Let's come forward*. Jangan hendak kira nak makan gaji sahaja. Makan gaji okey tetapi ada peluang yang lebih baik.

Jadi, orang kata usahawan bermula secara kecil-kecilan tak apa, belajar. Lama-lama esok akan menjadi usahawan yang lebih berjaya lagi. But *you have to start somehow*. *We have to campaign*, Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, kita semua kena kempen di kalangan penduduk kita di kawasan masing-masing. Inilah soal barang makanan tak ada, *no problem*. Dari segi apa? Sayur-sayuran cukup, dari segi *[Disampuk]* TKPM makananlah, buah-buahan cukup. Padi pun beras, cukup tak ada masalah. Yang kata bil import sampai berbilion itu, itu barang-barang lain seperti *animal feed* sampai RM4 bilion kita import. Kemudian tenusu, kita import *but basic food, there is no problem*. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain melatih belia untuk dijadikan usahawan tani, adakah kerajaan membantu mereka

dalam menyediakan tanah untuk mereka usahakan? Soalan yang pendek, bukan jawapan yang panjang. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya cakap panjang sikit kali ini pasal tadi pagi MQT punya sesi saya jawab pendek. Patut tiga minit saya jawab setengah minit sahaja. *So, it's a lot of saving there, I'm using it now. [Ketawa]* Jadi saya, apa orang kata, *I'm quite fair*-lah dari segi situ. Okey, *that* orang kata *don't take it seriously*. Saya bergurau ini kawan lama ini, jual kereta ini tahun 80-an lagi. Banyak beli kereta dekat saya dulu itu. *[Ketawa]* Sekarang dah jadi tauke besar. Yang Berhormat Bukit Bintang ya?

Tuan Yang di-Pertua, tanah, tanah banyak. *There is plenty of land*. Di kampung-kampung pun saya tengok banyak tanah terbiar. Rumputlah, pokok-pokok itulah, pokok inilah, lalanglah semua-semua, belakang rumah, depan rumah, kiri depan, *there is plenty of land* tetapi kita tidak usahakan. Saya selalu bercakap di kawasan sayalah. Bukit Bintang tak adalah. Ini mana ada tanah bukan? *You* nak ada tanah Bukit Bintang? Tak ada tanah. Akan tetapi di luar bandar *we have plenty of land* untuk ditanam tetapi tidak dimanfaatkan. Jadi soal hendak menyediakan tanah oleh pihak kerajaan dan sebagainya memang ada. Tadi saya sebut TKPM, *you know in Johor there is about 4,000 or 5,000 acres of land was 'year mark' and set aside for* untuk taman kekal makanan tetapi tak begitu digunakan sepenuhnya.

Begitu juga *feedlot-feedlot* untuk ternakan lembu. *I have mentioned this before in this Dewan*. Ada berpuluh-puluh, 60 *feedlot* yang tidak digunakan untuk penternakan lembu sebagaimana yang kita harap sebab tak ramai yang berminat. Jadi kalau hendak menternak ikan, menternak ikan? Sungai Pahang cukup luas dan panjang beratus kilometer boleh menternak ikan dalam sangkar. Sungai Perak, mana lagi sungai? *Pond?* Tasik-tasik, bekas lombong, banyak di Perak, banyak di tempat lain Selangor, semua ini adalah *resources* yang boleh digunakan untuk perusahaan perikanan yang mana sebahagian daripada pertanian juga. *So, there is no issue* berkenaan dengan masalah tanah atau kawasan untuk diusahakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kemudahan dan kebersihan Hospital Sibul disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan ia sentiasa dalam keadaan selesa dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Puan Alice Lau dari Lanang. Soalan ini ialah soalan yang spesifik

untuk Hospital Sibuan Yang di-Pertua. Perkhidmatan pembersihan (*cleaning service*) di hospital kerajaan merupakan salah satu skop di bawah penswastaan perkhidmatan sokongan hospital (PSH) yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh pihak kerajaan.

Bagi Hospital Sibuan, perkhidmatan tersebut dilaksanakan oleh syarikat Onecare Sdn. Bhd. mengikut standard dan keperluan yang telah ditetapkan di dalam kontrak tersebut Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kontrak PSH tersebut, pemantauan tahap kebersihan sentiasa dilaksanakan melalui borang *daily cleaning activities* yang mana setiap kali pencucian dilaksanakan oleh *operative* pembersihan, ia harus disahkan oleh pihak hospital. Pemantauan kualiti pembersihan juga dibuat melalui *joint inspection* antara pihak hospital dan pihak syarikat yang diadakan secara berkala.

Segala ketidakpatuhan yang dikenal pasti semasa *joint inspection* akan dikenakan pemotongan ke atas yuran perkhidmatan. Di samping itu juga, pihak kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi terkini dalam perkhidmatan pembersihan bagi memastikan kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan adalah berkesan supaya persekitaran hospital berada dalam keadaan selesa dan tidak menjejaskan pengoperasian harian hospital, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dimaklumkan bahawa banyak peralatan di Hospital Sibuan sudah pun usang dan ada yang sudah berkarat. Saya mohon supaya kementerian dapat menggantikan peralatan yang tidak elok dengan yang baru.

Soalan tambahan saya, isu ketidakcukupan tempat letak kereta di Hospital Sibuan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pendekatan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta yang sudah berlaku berpuluh-puluh tahun. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peralatan di hospital, ini memang di bawah program yang saya sebut tadi ialah program termasuk yang kebersihan tadi iaitu mereka— syarikat mestilah memastikan semua peralatan dalam keadaan yang baik. Akan tetapi memanglah saya akui bahawa peralatan kita di hospital ini dia agak lama, ada yang 10 tahun, ada yang 15 tahun dan sebagainya tetapi kita dalam proses untuk hendak menukar kepada yang baru. Jadi memakan masa Tuan Yang di-Pertua dan kos yang tinggi.

Walau bagaimanapun syarikat berkenaan ini dia mestilah pastikan peralatan itu dalam keadaan yang boleh beroperasi. Kalau didapati katakan *CT scan* rosak, dia kena cepat-cepat perbaiki ataupun dia bayar mana *service*. Jadi kita kena hantar

kepada hospital lain ataupun klinik lain, maka syarikat ini dia kena bayar kerana *down time* tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Bagi *parking* memang satu masalah besar bukan hanya di Sibu tetapi di mana-mana di seluruh Malaysia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada kalanya tempat-tempat yang hospital tertentu *parking* dia adalah percuma, macam Hospital Sultanah Aminah percuma, di Seberang Jaya percuma, contohnya. Orang *abuse*. Dia hendak pergi ke lain tempat, dia letak kereta dia sampai seminggu di situ dan dia pergi ke tempat lain. Percuma. Ini *abuse*, jarang digunakan. Jadi sebabnya kita ada di kawasan hospital-hospital yang tertentu kita sudah panggil tender supaya kita melantik syarikat-syarikat untuk menguruskan *parking* ini supaya tidak disalahgunakan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu ada juga syarikat-syarikat yang telah pun menghantar cadangan-cadangan untuk membina *parking* bertingkat. Ini menjadi satu masalah yang kita sedang melihat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1140

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, rasanya kita dalam negara semua pun maklum tentang kejadian di Hospital Sultanah Aminah. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak Menteri, apakah *risk assessment* yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap hospital ini bagi meneruskan dan memastikan tahap keselamatan di hospital ini terjamin dan tidak mendatangkan bahaya yang tidak dijangka kepada pesakit-pesakit lain. Terima kasih Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, saya jawab sikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memang semua orang tahu kes terbakar ini dan memang kita amat *concern*lah. Bangunan itu bangunan tahun 1941, memang dalam keadaan yang— bangunan itu strukturnya bagus Tuan Yang di-Pertua cuma dalaman dia, *wiring* dia dan sebagainya agak usang. Pertamanya kita memang telah mengarahkan supaya *assessment* dibuat untuk bukan hanya hospital ini tetapi hospital-hospital lain yang berumur lebih daripada 50 tahun supaya dibuat *assessment*. Kalau perlu dibuat *wiring* semula dan sebagainya kita akan menjalankannya, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan statistik peminjam PTPTN yang telah tamat pengajian dari tahun 2014-2016 dan sepanjang tempoh tersebut berapa ramaikah peminjam yang telah disenaraikan ke dalam CCRIS.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan berkaitan dengan PTPTN. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Lubok Antu pada hari ini dengan Yang Berhormat Telok Kemang pada 14 November 2016 dapat dijawab secara bersekali kerana ia berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 728,935 orang peminjam yang menerima pinjaman PTPTN telah tamat pengajian daripada tahun 2014 hingga 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 701,895 orang peminjam telah disenaraikan di dalam Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat (CCRIS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CCRIS bukanlah mekanisme utama untuk senarai hitamkan peminjam seperti tangkapan oleh sesetengah pihak. Ia hanya satu kaedah merekodkan corak bayaran balik bulanan pinjaman atau *credit behavior*, dengan izin. Oleh itu, CCRIS bukanlah bertujuan untuk menghukum para peminjam tetapi ia merupakan satu instrumen bagi memastikan peminjam tampil mengadakan rundingan dengan PTPTN bagi menyelesaikan pinjaman mereka mengikut kemampuan.

Dalam erti kata lain, CCRIS bertujuan untuk mendidik peminjam agar lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan memberikan komitmen secara konsisten dalam membuat bayaran balik pinjaman. PTPTN berperanan dalam memberi dan menerima pinjaman pendidikan dan pelbagai strategi telah dilaksanakan bagi mengesan peminjam-peminjam selepas mereka bergraduate. Antaranya ialah;

- (i) penggunaan media arus perdana dan media baharu untuk kempen bayaran balik dan penyampaian maklumat semasa;
- (ii) mengambil bahagian dalam pembukaan kaunter berkala di agensi kerajaan dan swasta;
- (iii) menjalin pelbagai kerjasama dengan agensi kerajaan antaranya tapisan bagi kenaikan pangkat dan pemangkuan;
- (iv) menyenaraikan peminjam dalam CCRIS; dan

- (v) kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan melaksanakan tindakan undang-undang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, PTPTN sedar ada kesulitan kepada sesetengah peminjam yang gagal membuat pembayaran balik mengikut amaun dan jadual yang ditetapkan. Oleh itu, PTPTN menyediakan pelbagai kaedah penyelesaian bagi peminjam yang disenaraikan di bawah CCRIS. Antaranya ialah;

- (i) membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pembayaran pinjaman mereka secara ansuran bulanan berasaskan kemampuan sehingga umur 60 tahun;
- (ii) menggalakkan peminjam menyertai Program Pengurusan Kredit atau PPK atau agensi kaunseling dan pengurusan kredit sekiranya mempunyai masalah berhutang dan gagal menguruskan hutang mereka.

Justeru, PTPTN sentiasa bersikap terbuka terhadap peminjam untuk berunding mengenai kesulitan yang dihadapi dengan menghubungi talian *care line* dengan izin, atau hadir ke mana-mana 70 cawangan PTPTN di seluruh negara. Bagi menggalakkan lagi peminjam membuat bayaran pinjaman PTPTN kerana hutang adalah wajib dibayar, maka kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif menarik yang dikhususkan kepada peminjam PTPN semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 iaitu;

- (i) diskaun 15 peratus untuk penyelesaian keseluruhan baki hutang pinjaman;
- (ii) diskaun 10 peratus untuk penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang pinjaman; dan
- (iii) diskaun 10 peratus untuk bayaran melalui potongan gaji atau *direct debit*.

Adalah diharapkan insentif yang diberikan ini menjadi satu dorongan kepada peminjam untuk melaksanakan bayaran balik pinjaman kepada PTPTN. Ini sekali gus dapat memastikan program pembiayaan pendidikan negara terus dilestarikan untuk masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di samping insentif-insentif yang telah disediakan dalam Bajet 2017, adakah kementerian mengambil kira situasi peminjam yang belum dapat pekerjaan lagi setelah enam bulan tamat tempoh pengajian kerana belum ada pendapatan yang konsisten untuk disenaraikan dalam CCRIS.

Begitu juga, adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan caj GST yang dikenakan kepada peminjam sebanyak 0.53 peratus dan RM1.60 bagi bayar balik PTPTN secara *online banking* kerana caj ini juga membebankan lagi peminjam dengan setiap transaksi yang akan dikenakan caj GST dan ini menjadikan jumlah bayaran balik semakin bertambah daripada jumlah asal.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Lubok Antu. Yang berkaitan dengan pembayaran, memang ini adalah salah satu proses di mana PTPTN akan *review* dan pada masa yang sama itu berusaha untuk mempertingkatkan proses pembayaran.

■1150

Kepada *graduate* yang tidak mampu seperti yang saya sudah bagi tahu bahawa *graduate* hendaklah mengadakan satu perundingan dengan PTPTN untuk mengadakan satu penstrukturan pembayaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pelajar-pelajar yang bertukar pembiayaan pelajar seperti dari PTPTN ke MARA sedangkan mereka belum tamat belajar dan hutang PTPTN belum dibayar balik. Adakah mereka akan disenaraihitamkan di CCRIS? Minta penjelasan tarikh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan senarai hitam di CCRIS. Tadi dalam jawapan saya, saya sudah memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa CCRIS bukanlah mekanisme untuk senarai hitamkan peminjam dan semua *graduate*. Bermula pada Mac 2016, semua *graduate* nama akan diserahkan kepada CCRIS selepas enam bulan *upon graduation* dengan izin. Tujuan atau rasional untuk serah nama ke CCRIS adalah untuk menggalakkan peminjam supaya lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam membayar balik pinjaman yang telah diambil.

Ini adalah berdasarkan satu prinsip pinjaman wajib dibayar, bertanggungjawab kepada generasi masa hadapan. Memang ada berkaitan dengan pendidikan dari segi mencungkil atau *instilling values* atau nilai-nilai murni yang terdiri daripada keikhlasan, kejujuran dan kebertanggungjawaban. Ini adalah sangat penting kerana kita juga hendak mendisiplinkan pelajar bahawa pelajar sepatutnya untuk menghalalkan pinjaman yang diterima. Sekian, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua boleh satu soalan tambahan lagi Tuan Yang di-Pertua? Isu penting.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut ada beberapa langkah telah diambil untuk mengalok peminjam mengembalikan hutang mereka. Tetapi satu soalan yang agak keliru sebab hari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan bahawa ini program untuk mengalok peminjam mengembalikan duit mereka jikalau mereka sudah menyelesaikan *loan* atau pinjaman mereka satu hari ataupun sebulan sebelum pembentangan bajet, adakah pihak PTPTN akan mengembalikan atau memberikan sebarang diskaun kepada mereka yang telah pun menyelesaikan pinjaman mereka? Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan diskaun. Cuma saya hendak rujuk balik kepada apa yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari pembentangan bajet bahawa diskaun 15 peratus untuk penyelesaian keseluruhan baki hutang pinjaman dan kedua, diskaun sebanyak 10 peratus untuk menyelesaikan sekurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang pinjaman dan diskaun 10 peratus untuk bayaran melalui potongan gaji atau *direct debit*. Saya rasa sepatutnya amat bersyukur bahawa diskaun sudah diberi. Sekian, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya tanya bagaimana dengan mereka yang bayar sebelum pengumuman ketiga Bajet 2017. Adakah mereka juga boleh mendapat sedikit sebanyak diskaun seperti apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Soalan yang dikemukakan tadi itu saya rasa kita hendak *review* apa yang sudah disampaikan oleh Menteri. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Kerja Raya menyatakan statistik penggunaan simen dan keluli mengikut pecahan negeri daripada 1990 sehingga kini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bertanya berhubung kait dengan statistik penggunaan simen dan juga keluli mengikut pecahan negeri dari tahun 1990 sehingga kini, kalau hendak bahagikan senarai ini panjang tetapi saya cuba ringkaskan kepada lima negeri yang utama iaitu daripada tahun 2005 sehingga

2014 setiap tiga tahun ya. Untuk Selangor keseluruhannya penggunaan simen ialah 16.12 juta metrik tan, Kuala Lumpur – 10.98 juta metrik tan, Johor – 8.06 juta metrik tan, Sarawak – 6.60 juta metrik tan dan Sabah 50.86 juta metrik tan.

Manakala untuk keluli pula lima negeri yang tertinggi penggunaannya ialah dari tahun 2006 sehingga 2015 ialah Selangor – 10,264 tan metrik, Kuala Lumpur – 6,998 tan metrik, Johor – 5,132 tan metrik, Sarawak – 4,199 tan metrik dan Sabah – 3,732 tan metrik. Kalau Yang Berhormat hendak tahu secara *detail* lagi sumber yang kita dapat ini ialah daripada *The Cement & Concrete Association of Malaysia* yang dipadankan dengan data daripada CIDB bagi projek yang di *award* pada Rancangan Malaysia Kesepuluh. Manakala untuk keluli ialah daripada *Malaysian Iron and Steel Industry Federation* (MISIF) juga dipadankan dengan data CIDB bagi projek Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih satu *clarification* dan kemudian soalan tambahan, itu adalah hanya untuk projek-projek awam sahaja. Soalan tambahan saya ialah saya rasa ini mungkin perlu jawapan bertulis nantilah. Saya hendak mohon dapatkan statistik kos seunit bagi semua projek pembinaan awam kita supaya kita boleh bandingkan antara data CIDB dari segi penggunaan simen keluli dan juga harga simen keluli daripada tempoh 1990 hingga 2016. Jadi soalan tambahan saya ialah mohon supaya kita dapatkan statistik kos seunit projek-projek pembinaan awam oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat data tadi adalah dari CIDB. Sebagaimana kita sedia maklum, CIDB bukan sahaja mengumpul data untuk projek awam tetapi semua termasuk *the private project*. Mereka mesti berdaftar dengan CIDB, untuk menjadi kontraktor *you have to be registered* dengan CIDB dengan izin iaitu projek mesti berdaftar juga. Sebab itu data ini daripada semua projek awam dan juga projek swasta. Kalau Yang Berhormat ingin dapat makluman terperinci, saya hendak tahu dari segi soalan Yang Berhormat tadi itu adakah Yang Berhormat ingin dapat maklumat untuk projek kos awam berapakah kos seunit dan apakah projek Yang Berhormat ingin ketahui. Yang Berhormat boleh hantar dan *e-mail* kepada saya secara terperinci apa soalan yang ingin atau maklumat Yang Berhormat inginkan. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian

bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tentang bagaimana untuk memastikan harga dan pembekalan simen dan keluli ini dalam pasaran terjamin dan mengikut standard prosedur daripada pihak kementerian.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Dari segi kawalan standard memang apa-apa yang ingin diimport mesti mendapat kelulusan daripada CIDB dari segi kualiti dan standardnya dan juga dalam hal ini kadang-kadang SIRIM akan memainkan peranan untuk membantu kita. Begitu juga untuk apa sahaja yang dihasilkan di Malaysia, mereka juga mesti mematuhi standard tertentu.

■1200

Dari segi harga dan sebagainya, kadang-kadang kita tidak dapat mengawal harga. Ianya berdasarkan *market forces*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.00 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 11.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 7 November 2016.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Mohon peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) yang pernah saya bangkitkan tentang merujuk Ahli Yang Berhormat Pekan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Semalam saya telah menerima surat bertulis daripada Pejabat Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada maklum balas daripada Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya juga telah memberikan satu maklum balas bertulis terhadap surat yang saya terima kelmarin itu dan dalam surat saya, saya telah mengatakan bahawa saya hendak memohon supaya Tuan Yang di-Pertua mengkaji semula keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk tidak merujuk Yang Amat Berhormat Pekan kerana dikatakan tidak ada kes prima facie.

Saya telah menunjukkan dalam surat maklum balas saya semalam bahawa memang ada kes prima facie terutamanya— kalau pun saya setuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara-perkara yang tidak termaktub dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan itu tidak perlu dimasukkan dalam anggaran, tetapi dalam surat saya, saya ada dengan jelas memberikan contoh bahawa bukan saja perkara-perkara yang tersebut ada dalam ucapan tetapi tidak ada anggaran, tetapi ada juga perkara yang disebut dalam ucapan, ada dalam anggaran tetapi perbezaan nilainya terlalu besar. Ini bukan perbezaan yang *round up* ataupun dibulatkan tetapi perbezaan yang saya rasa ada yang hingga hampir RM1 bilion, RM900 juta lebih, ada yang RM600 juta, ada yang RM300 juta lebih.

Jadi itu saya rasa sebenarnya prima facie bahawa Yang Amat Berhormat Pekan telah mengelirukan Dewan ini. Dia ada sebut dan ada dalam anggaran tetapi perbezaan yang begitu besar, maklumat yang tidak tepat. Maka saya rasa biarlah Ahli Yang Berhormat Pekan menjawab di Jawatankuasa Hak dan Kebebasan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tahu, saya ingatkan balik. Kepada yang tidak tahu, ini sebagai ingatan. Untuk merujuk seseorang ahli itu ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12), tiga kriteria hendaklah dipenuhi.

Pertama, kenyataan yang dibuat itu adalah kenyataan yang salah.

Kedua, apabila diberitahu bahawa kenyataan itu salah, Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan itu tidak memperbaiki kesalahan atau tidak mengubah atau meminda kesalahan.

Ketiga, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mempunyai fikiran ataupun tujuan untuk mengelirukan.

Dalam soal ini, Yang Berhormat, apabila seseorang Ahli Yang Berhormat juga tidak setuju dengan keputusan Yang di-Pertua, ada Peraturan Mesyuarat 43 yang mengatakan bahawa buat usul persendirian. Dalam hal ini Yang Berhormat, macam mana saya boleh membuat keputusan untuk merujuk Yang Amat Berhormat Pekan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan? Belum pernah berlaku dalam mana-mana Parlimen. Mungkin ada lagi macam Yang Berhormat Segambut yang boleh *Google*. *Google* dulu, *kasi* tahu saya kerana Yang Berhormat ini adalah soal yang teknikal iaitu bajet. Ada lagi orang-orang di sana yang mahir mengenai dengan prosedur kewangan dan sedemikiannya.

Jadi, surat yang saya terima daripada Yang Berhormat, saya timbang dengan jawapan yang saya terima daripada Kementerian Kewangan, saya letak di depan saya, saya tidak nampak ada *prima facie*. Pun demikian, itu sebab saya kata Yang Berhormat, apabila nanti menjawab Kementerian Kewangan dalam soal yang diberitahu, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, biar Yang Berhormat nanti berdiri minta penjelasan kerana mereka mempunyai penjelasan yang tertentu. Harus diingat Yang Berhormat, mereka yang menggubal bajet itu yang dimasukkan dalam buku yang begitu tebal, Yang Berhormat, mereka bukan bekerja di Kementerian Kewangan kelmarin dulu. Bukan macam kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, belum sepenggal pun. Ada mereka yang bekerja situ bertahun-tahun, berpuluh tahun.

Pernah dulu saya *kasi* ingatkan bahawa ada seorang Yang Berhormat yang tugas dia adalah sebagai juruaudit, dia *query* bahawa RM1.4 bilion hilang dalam bajet. Selepas itu, pada ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh buat *press statement* di luar. Dia kata RM1.4 bilion hilang. *Press statement*. Selepas itu dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Dia *explained*. Tidak ada jawapan balik daripada Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi *statement* sudah dibuat— RM1.4 bilion hilang. Rakyat sudah baca.

Itu sebab tidak sewenang-wenang saya buat keputusan dan jangan Ahli-ahli Yang Berhormat buat kenyataan dengan sewenang-wenang ikut rasa kerana apa yang dibuat oleh Yang Berhormat, apa nanti kalau mendapat liputan, orang di luar sana baca, sama ada fakta betul atau tidak.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua itu. Tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua telah salah faham...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Bawa usul persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat!

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rasa perlu diberikan peluang untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat! Duduk Yang Berhormat!

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon satu peluang untuk memberikan...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat! Duduk Yang Berhormat! Apa sebab mahu bertengkar dengan *Speaker*? Apa sebab? Apa sebab Ahli Yang Berhormat buat begitu? Peraturan Mesyuarat kamu tahu, P.M. 43, kalau tidak setuju dengan tindakan *Speaker*, buat usul persendirian. Saya tidak boleh *review decision* yang saya buat kecuali ada usul.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya tidak merujuk...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat!

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya tidak merujuk...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat!

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rujuk Yang Amat Berhormat Pekan ke Jawatankuasa Hak dan bukan rujuk *civil service*.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara, sila...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya tidak merujuk...

Tuan Yang di-Pertua: Bawa Yang Berhormat keluar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar dia keluar dulu, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf.

[Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam berjalan keluar meninggalkan Dewan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, bolehlah berdiri peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya berkaitan dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut tadi. Peraturan mesyuarat dia di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut dan saya juga tahu berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 43 itu. Tapi masalah dia Tuan Yang di-Pertua, hanya saya beritahu secara terbuka. Apabila kita failkan usul, kebanyakan kalinya usul itu tidak akan timbul untuk dibahaskan.

■1210

Jadi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, *I understand Tuan Yang di-Pertua's position, but Tuan Yang di-Pertua also has to understand our position.* Satu keputusan dibuat, kita diminta supaya failkan usul tetapi bila usul difailkan, langsung kita tidak lihat usul itu timbul. So, mungkin boleh ada satu cara dalam mana perkara itu boleh ditangani. Kalau usul itu boleh dibawa dan kita diberikan peluang untuk berbahas *and* dapat pujuk Tuan Yang di-Pertua supaya *review* kembali *decision, then at least there is a purpose to that rule.* Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, *the rule exist, but it has no effect.* Saya hanya hendak bawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong. Oleh kerana kita dihadang oleh peruntukan Peraturan Mesyuarat 15 iaitu urusan kerajaan perlu didahulukan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan saya yang gubal peraturan mesyuarat ini. Bukan saya yang gubal. Tugas saya dan Timbalan-timbalan saya adalah cuma mentafsirkan peraturan mesyuarat yang ada.

Jadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat seperti apa yang berlaku dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam, buat begitu, apa faedah? Apa faedah sebetulnya yang kita dapat di situ selain daripada dapat publisiti yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Bukit Mertajam dihalau oleh Speaker? Bermakna, Speaker jahat lagilah kerana rakyat tidak nampak apa yang berlaku di sini. Rakyat tidak nampak, yang mereka nampak adalah Speaker zalim, menghalau wakil-wakil rakyat daripada pembangkang sahaja.

Kalau ada wakil rakyat daripada kerajaan, *backbenchers* yang bertabiat begitu, kalau ada sepuluh, sepuluh saya halau. Akan tetapi bila mereka diberitahu bahawa jangan, sudah Yang Berhormat, walaupun mereka tetap bising, dia duduk. Buat apa bertengkar? Kenapa bila bertengkar, sebetulnya yang hilang masa, dibazir itu bukan saya, saya duduk sahaja. Dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat boleh berhujah daripada tadi perkara berlaku begitu, daripada saya bercakap begini. Saya kalau tidak ada perkara begini, saya diam-diam. Saya diam-diam. Sila Setiausaha.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Peraturan Mesyuarat 43, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu Speaker di Dewan ini menjadi zalim atau dikenali sebagai zalim. Kita mahu Speaker kita ialah mengikut peraturan mesyuarat dan profesional untuk mempertahankan kebebasan-kebebasan...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Ahli Yang Berhormat juga mesti ikut peraturan mesyuarat seperti Yang Berhormat Gelang Patah.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Oleh sebab itu, apa guna kita sebut mengenai 43 kalau usul yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat 43 tidak mungkin dibahas. Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua kata bahawa inilah mengikut Peraturan Mesyuarat 15 oleh kerana urusan kerajaan diberi keutamaan tetapi Tuan Yang di-Pertua pun menjadi Pengerusi *Standing Order Committee*. Adakah Tuan Yang di-Pertua bersedia untuk membawa satu pindaan kepada peraturan mesyuarat ini? Inilah tidak guna mengadakan peraturan mesyuarat yang *a dead letter*. Kita tidak ada *date*. Tidak guna sebut lagi, 43 pun ia tidak guna kalau kita tidak boleh digunakan, itu *dead letter*. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gelang Patah, sepanjang ingatan saya sebelum pun saya berpolitik Yang Berhormat sudah politik. Yang Berhormat harus tahu peraturan mesyuarat. Kenapa ini tidak dibangkitkan pada ketika dahulu sewaktu Speaker-speaker yang duduk di sini sebelum saya? Kenapa saya jadi sasaran Yang Berhormat Gelang Patah?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Saya jawab oleh kerana Speaker dahulu tidak begitu zalim. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tarik balik Yang Berhormat. Yang Berhormat, tarik balik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: [Bangun] Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tarik balik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Baik kalau are *unparliamentary* saya tarik balik. Akan tetapi saya ada sebut, saya ada sebut... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat lain diam-diam. Ahli Yang Berhormat yang lain diam. Saya mahu dengar Yang Berhormat Gelang Patah tarik balik perkataan 'zalim'.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tarik balik, tarik balik. Okey, saya tarik balik tetapi jangan tanya soalan-soalan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” Menyambung semula Perbahasan atas masalah **[2 November 2016]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri Pengangkutan.

12.14 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kementerian ini.

Bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu Lapangan Terbang Kulim dan utara Semenanjung Malaysia. Yang Berhormat Alor Star dan Yang Berhormat Taiping, masing-masing telah membangkitkan mengenai status cadangan

pembinaan Lapangan Terbang Kulim dan cadangan pembinaan lapangan terbang baru di utara Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Taiping, buat masa ini cadangan tersebut masih dalam pertimbangan kerajaan dan tiada sebarang keputusan mengenainya dibuat. Seterusnya, Yang Berhormat Kinabatangan dalam perbahasan telah mempersoalkan kaedah pemeriksaan keselamatan. Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada, saya jawab bertulis. Seterusnya, Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan mengenai kejadian kemudahan kerusi roda yang tidak disediakan...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam perbahasan saya ada menyebut tentang Lapangan Terbang Sultan Ismail, Kota Bharu tetapi tidak dijawab mengenai peruntukan yang sepatutnya dibelanjakan tahun ini tetapi tidak dibuat apa-apa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah yang terpendek berbanding dengan empat lagi lapangan terbang Terengganu, Kuantan, Sultan Abdul Halim dan sebagainya.

Akan tetapi perbandingan penumpang-penumpang di Kota Bharu, melangkaui kepada 2 juta lebih penumpang setahun berbanding dengan negeri-negeri lain. Jadi, dengan terbaru kejadian tergelincirnya pesawat AirAsia, itu menunjukkan bahawa kelebaran lapangan terbang itu perlu disegerakan. Jadi, saya rasa pihak kementerian perlu mendahulukan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dalam *list*. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lapangan Terbang Kota Bharu memang dalam perancangan kementerian untuk diperbesarkan terminal. Mengenai kegelinciran pesawat AirAsia itu bukan kerana *runway* ataupun landasan tetapi adalah masalah teknikal sendiri. Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan perkara kerusi roda. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, perkhidmatan kerusi roda untuk penumpang adalah di bawah tanggungjawab syarikat penerbangan. Untuk mendapatkan perkhidmatan ini, penumpang boleh menempah semasa pembelian tiket atau *check in* dilakukan. Untuk permintaan *last minute* juga boleh dilakukan di kaunter syarikat penerbangan.

Walau bagaimanapun pihak MAHB, Malaysia Airport ada menyediakan perkhidmatan kerusi roda untuk orang ramai atau bagi penumpang yang tidak disediakan oleh syarikat penerbangan. Perkhidmatan kerusi roda boleh didapati di kaunter penerangan MAHB yang terdapat di beberapa lokasi di KLIA dan KLIA 2. Setakat ini, bilangan mencukupi untuk menampung keperluan orang ramai atau

penumpang yang tidak mendapat perkhidmatan dari syarikat penerbangan. Ketika waktu kecemasan, terdapat telefon talian terus ataupun *hotline* MAHB yang terletak di *Wing Gate* KLIA untuk berhubung terus dengan telefonis MAHB untuk sebarang bantuan segera. Di bawah satu Program Total Airport Experience, beberapa langkah pembaikan dilakukan dalam perkhidmatan kerusi roda dan akan diperkemas dan dipertingkatkan.

Seterusnya...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dimaksudkan oleh semasa bahas tempoh hari ialah tentang apabila terjadinya *emergency* di mana *gate* kita di B11, A11, *this is very far*, jauh.

■1220

Jadi ini perkara ini terjadi, apabila dalam keadaan sihat semena-mena *something happened*. Di situlah *experienced* ini dialami dan saya tanya saya masa itu untuk mendapatkan ya untuk mendapatkan bantuan untuk anak yang sakit ini terpaksa baring di tempat *priority seat* dekat *one of the gate*. Minta *buggy*, *buggy* kata ini hanya untuk VVIP sahaja dalam keadaan orang sakit, satu.

Kedua, nak minta *wheelchair*, di telefon kepada klinik KLIA, mereka mengatakan itu ini mahu satu jam lebih. Jadi saya melihat bukan apa, cadangan kita ialah antara dua *gate* ini antara yang jauh-jauh ini mungkin *in the middle*. Dalam keadaan yang memerlukan tempahan, yang *suddenly* lah yang mengejut itulah yang dimaksudkan di sini supaya lebih mesra.

Dan keduanya tentang *airline* ini tadi. Apabila terjadi perkara ini kita telah cuba dengan salah seorang pegawai MAB untuk mendapatkan lima buah *wheelchair* yang sedang melintas. Soalan pertama daripada yang membawa *wheelchair* ini ialah, “anak ini naik *airline* mana, naik MAS?”, “kami Malindo tidak boleh, kami tidak boleh bagi walaupun dalam keadaan *emergency*, nanti bos kami marah”. Jadi kita minta kepada MAB supaya melihat perkara-perkara yang *emergency* tidak kira *airlines* siapa. *It was very bad experienced* Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua. Saya telah meminta MAB untuk membuat apa nama persediaan atau penyediaan *wheelchair*, di kedua-dua hujung *gate* ini. Dan pihak MSB telah *respond* dengan positif dan ini ekoran daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang dan perkara ini akan diaddress dengan sebaiknya.

Seterusnya, berhubung mengenai *Malaysia Airlines*. Yang Berhormat Bintulu telah memohon penjelasan mengapa MAB memberhentikan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Paris, Amsterdam, Turki, Jerman dan Dubai. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan Malaysia seperti *Malaysia Airlines Berhad* ataupun MAB untuk mengekalkan perkhidmatan penerbangan destinasi antarabangsa. Walau bagaimanapun, disebabkan kerugian yang tinggi yang dicatatkan dalam menyediakan perkhidmatan penerbangan ke destinasi-destinasi seperti Paris, telah menyebabkan MAB terpaksa—telah mencatat kerugian, jadi MAB terpaksa menggantung perkhidmatan penerbangan tersebut. Tindakan MAB menggantung MAS menggantung beberapa laluan penerbangan ke beberapa destinasi antarabangsa adalah merupakan satu keputusan komersial ataupun dengan izin *commercial decision* syarikat penerbangan tersebut yang ditentukan berdasarkan kepada *commercial viability*.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar ucapan. Saya nak minta penjelasan itu MAB atau MAS. Sebab MAB tidak mengurus *flight-flight* MAS. Tadi — sila bagi penjelasan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, MAB ini merupakan singkatan *Malaysian Airline Berhad*. Jadi, setelah membuat penstrukturan semula MAS hari ini di bawah *Syarikat Malaysian Airline Berhad* iaitu MAS. Ini adalah tindakan *commercial decision* dan adalah menjadi dasar kerajaan untuk menghormati keputusan yang dibuat oleh syarikat-syarikat penerbangan untuk merasionalisasikan laluan penerbangan yang dibuat atas keputusan *commercial* syarikat penerbangan.

Yang Berhormat Bintulu, dalam perbahasan turut membangkitkan, mengenai pihak MAB ataupun MAS yang melakukan semakan tiket.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Pohon, penjelasan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kawan saya Bintulu itu iaitu yang Menteri telah sebutkan tadi bahawa MAS telah tidak lagi mengadakan perkhidmatan ke Paris, Amsterdam mungkin ke Istanbul. Alasan yang Menteri berikan Tuan Yang di-Pertua, ialah *commercial*. Sudah tentu *commercial*, yang dapat datang ke Kuala Lumpur, *Turkish Airline* pun *commercial* juga. Jadi kenapakah *commercial Turkish Airline* itu lebih baik daripada *commercial consideration* Malaysian Airlines kita. Jadi tidak boleh jawab sebab *commercial* memang kita tahu kerana rugi kalau untung lagi tidak munasabah diberhentikan. Kenapa kita rugi, kenapa *Turkish Airline* boleh adakan bukan saja tiap-tiap hari sekarang ini lebih dari tujuh perkhidmatan tiap-tiap minggu ke Kuala Lumpur *direct* kepada Istanbul sebagai contoh. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengimbau kembali sejarah MAS ini. Semenjak daripada Dato' Sri Jala membuatkan konsep dasar untuk menjual harta-harta MAS ini dan meletakkan sebagai hasil pendapatan. Dan akhirnya berlakulah dasar itu berterusan pada hari ini. Yang menyedihkan kita apabila MAB telah pun merangka satu kerangka untuk membatalkan penerbangan luar negara dan membuang pekerja yang disifatkan sebagai tidak mendatangkan pulangan pendapatan. Namun yang jelas ialah bila berlakunya demikian, mana hasil tambahan yang kita nak dapat sedangkan kita sudah tutup penerbangan kita di luar sana kecuali di UK. Juga memberikan kesan kepada kita, apakah berlaku kepada kapal terbang-kapal terbang, pesawat-pesawat yang ada selebihnya itu. Jadi saya menampakkan bahawa dalam suasana yang diambil oleh MAB oleh jawatankuasa ini termasuk juga menggajikan pekerja-pekerja asing dengan gaji yang lumayan Tuan Yang di-Pertua, jutaan diberikan dan tidak adakah pekerja tempatan yang boleh menjadi pemantap atau pun menjadi pengurusan yang lebih baik daripada apa yang sebelum ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri, apakah tindakan sebegini boleh menaikkan kembali imej, integriti MAS itu sendiri yang diletakkan sebagai penerbangan salah satu terbaik di dunia. Kalau ini dilakukan untung pun tidak, ... pun tidak mana mungkin kita dapat bersaing dengan penerbangan-penerbangan yang lain. Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bolehkah dia jawab sama saya, kasi sikit saya jawab habis dulu baru tahu baru tanya. Ini *kongkalikung* itu apa pun bahasa pun. Dia jawab Bintulu bagi saya peluang kasi saya habis dulu. Ini semua mahu minta publisiti *kongkalikung*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya belum tanya soalan Yang Berhormat Bintulu sudah tahu apa yang saya nak tanya. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya tanya menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Tanya sama menteri dulu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya nak jawab daripada Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Kuala Langat ya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai syarikat *Turkish Airline*, ia mempunyai business model yang berbeza kerana *Turkish Airline* penumpang dia melalui transit di Istanbul, sedangkan Malaysia kita tidak ada transit di mana-mana, tetapi *direct flight, direct flight* ke destinasi di Eropah. Jadi itu model ia berbeza. Kemudian Yang Berhormat Kuala Langat saya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, bukan kah kita menjadikan Kuala Lumpur ini hub dan *transit centre* untuk orang yang naik MAS

katakan dari Istanbul nak ke Sydney datang singgah ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur MAS akan bawa mereka ke Sydney ke Melbourne, mana-mana itu konsep yang sama Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat jawapan tidak berapa betul dari menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, Stampin kalau boleh soalan yang berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Nanti..nanti..nanti, saya mengenai Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat kena faham. Kalau kita tadi ke Paris kita *direct flight* tetapi untuk *passenger* daripada Paris naik *Turkish Airlines* dia berhenti di Istanbul baru dia ada sekali berhenti. Dan sekali berhenti ini dia boleh mendapat penumpang daripada beberapa destinasi di Eropah dan dikumpulkan di Istanbul. Kita tidak boleh buat begitu kerana kita tidak ada *free freedom right* untuk di negara-negara ini. Jadi kita tertakluk kepada *traffic right* di Eropah.

■1230

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiga yang bangun Yang Berhormat. Tiga yang bangun, Yang Berhormat Bintulu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai Yang Berhormat Kuala Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai Yang Berhormat Kuala Langat, isu yang dibangkitkan berkaitan urus tadbir pengurusan MBB ini, itu tidak di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan tetapi di bawah kawalan MOF, Kementerian Kewangan. Ini kerana MAS ini adalah milik Khazanah. Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa tadi *you* beri jawapan kata kita tarik *flightkah*, *stop overkah*? Ini *commercial flight*. Macam contoh tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tarik *flight* dari Kuala Lumpur pergi Paris, Paris datang balik, bukan begitu senang ataupun *passenger* naik itu *flight* tidak berapa seronok.

Jadi saya mahu tanya, daripada dahulu zaman yang lama, MAS kerugian bukan fasal sektor ini semua. Fasal kita lebih membazirkan banyak peruntukan, okey? Sampai hari ini kita belum lagi dapat satu siasatan ataupun *the root of the problems*,

dengan izin. Kita belum dapat lagi. Kita cuma buat '*kongkalikung*', kita suka hati sahaja. Potong sini *route*, potong sana *route* macam Dubai. Dubai punya *Emirates Airline* boleh sampai Malaysia, Malaysia bawa pergi Dubai. Dubai transit lagi tiga jam, lima jam, enam jam pergi *international flight*. Kita pun boleh. Malaysia pun boleh pergi Dubai, Dubai transit. Kita zaman lama, kita ada *Malaysia Airlines* punya *office* di Dubai. Janganlah kita bagi *excuses*.

Kalau kita belum dapat lagi pakar memegang ini CEO kita beritahu rakyat semua, kita dalam masa cari. Tadi itu hari saya sudah beri contoh. *Singapore Airlines* CEO daripada Malaysia dahulu. Kenapa kita *Malaysia Airlines* boleh pegang *Singapore Airlines*, tidak boleh pegang *Malaysia Airlines*? Kita jangan bagi macam-macam alasan. Kalau sampai begini punya *mindset*, sampai bila-bila masa *Malaysia Airlines* punya masalah tidak boleh selesai. Sekarang kita cuba tengok, kita *cut off international flight, domestic flight air fare* semua naik habis-habisan. Macam Bintulu, *air fare* naik. Nampak AirAsia turun, dia terpaksa turun. Cuma AirAsia tidak ada *first class* atau *business class*. Dia naik suka hati sahaja. Sampai *one trip to Bintulu* boleh *business class* RM2,000 atau RM1,900 lebih. Tidak gilakah? Kita cuba fikir, ulang-alik RM4,000. Dua jam sahaja, ulang-alik empat jam.

Kita cuba tengok, kita mesti melihat macam mana kita boleh jimat peruntukan. Saya pun sudah beritahu CEO daripada orang luar, satu bulan bayar berapa? Setahun pakej berapa? Kalau kita domestik berapa? Kalau sini sana jimat sedikit, saya rasa *Malaysia Airlines* boleh dapat tiga orang. Kalau tidak bagus, kita kasi tutup itu *Malaysia Airlines*. Bagilah *airline* lain jalan. Ataupun kasi *mergelah*, kasi AirAsia atau siapa. Kerajaan memegang itu *golden share*, lagi bagus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, Stampin boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat tertarik apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di mana destinasi itu dibatalkan. Jadi saya minta kalau boleh beri jawapan secara bertulis senarai di mana sebelum destinasi itu dibatalkan, apakah *cross-event capacity*? Maksudnya, apakah kapasiti *passenger* yang diperlukan bagi setiap *flight*, jenis kapal terbang dipakai supaya destinasi itu boleh menjadi satu keuntungan? Kalau Menteri boleh faham apa saya cakapnya, *cross-event capacity* dan jenis kapal terbang yang digunakan sebelum destinasi itu

dibatalkan. Ini kerana saya rasa seperti Yang Berhormat Bintulu cakap ini, kita amat prihatin kenapakah *Malaysia Airlines* rugi?

Soalan kedua, jika destinasi yang dibatalkan itu, bolehkah *airlines* lain contohnya AirAsia pergi ke destinasi itu? Bolehkah mereka adakan permit? Bolehkah mereka beroperasi bukan sahaja di KL hab, tetapi juga di Kuching hab ataupun ke Kota Kinabalu? Ke destinasi yang telah pun dibatalkan dan MAS *airlines* tidak ada terbang. Ataupun destinasi di mana *Malaysia Airlines* pun ada dan mereka juga boleh mendapatkan permit daripada mana-mana hab di Malaysia. Ini supaya kita adakan *competitions*, barulah ini boleh membawa satu kebaikan kepada rakyat.

Lastly, saya pun bersetuju, terpaksa bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu juga. Saya ada satu peluang keemasan pergi ke IPU. Apabila saya sampai ke Abu Dhabi, tidak nampak *Malaysia Airlines*. Saya rasa ini sangat membimbangkan kerana *Malaysia Airlines* ini adalah satu imej negara kita yang perlu dijaga. Jadi kita perlu tahu, kenapakah kita rugi? Kenapakah kita tidak mampu mengadakan lebih banyak *flight* dari *Malaysia Airlines* ke destinasi di mana *flight* komersial lain tidak ada hal untuk membuat keuntungan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Selangor. Dalam kita mencelah, jangan panjang-panjang. Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana kita sedia maklum, saya salah seorang yang sayangkan Malaysia. Yang Berhormat Menteri pun sayangkan MAS. Cuma saya hendak tanya, semenjak kita di peringkat kerajaan membuat pelbagai intervensi untuk mengembalikan kegemilangan MAS, sejauh manakah pendekatan di peringkat kerajaan untuk memastikan - sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu tadi *flights* yang dibatalkan sebelum ini atas dasar komersial dapat dikembalikan? Ini supaya MAS boleh bersaing kembali seperti *Emirates* dan *flights* antarabangsa yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bersekalilah Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Stampin dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Apa yang dibangkitkan mengenai pengurusan baru di MAS yang telah membuat beberapa langkah-langkah ya. Saya berpandangan oleh sebab ia satu penstrukturan baru, maka sebaiknya beri peluang kepada pengurusan baru yang baru kata orang itu setahun jagung untuk dia membuat pemulihan dan seterusnya mencatat keuntungan. Selepas pemulihan ini dapat dilaksanakan dan keuntungan dapat dicatat, saya yakin destinasi-destinasi di Eropah akan diusahakan kerana pihak MAS pun

sedang merancang untuk membeli pesawat-pesawat yang sesuai untuk penerbangan yang jauh ini.

Seterusnya mengenai *cross-event capacity* ini, saya akan menjawab secara bertulis. Mengenai pembatalan *routes* oleh MAS ini memang kita ada tiga buah syarikat penerbangan daripada Malaysia. Mereka mempunyai hak untuk mendapatkan *routes* yang telah dibatalkan oleh *Malaysia Airlines*. Jadi, AirAsia memang boleh dapatkan *routes* yang dibatalkan oleh MAS. *Routes* ini sekarang di bawah pengurusan pihak MAVCOM. Tadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Bintulu bangun lagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan kita tidak mahu beri peluang pada pengurusan yang baru. Kita tidak boleh terima pengurusan yang baru punya, fasal kita sampai kelu kita tidak faham. Saya difahamkan daripada krew-krew dia, apabila saya tanya, dia kata mereka pun hairan. Itu sektor yang terbaik punya semua potong. Paris penuh, Dubai penuh, potong habis. New York pun penuh, potong. Tinggal lagi apa lagi belum potong saya pun tidak tahu. Mungkin Timbalan Menteri yang belum potong sahaja. Kita mesti mahu ingat pengurusan kalau dia mahu buat satu...

■1240

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu, potong apa ini?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Potong itu sektor semua, dia kasi potong. Sektor yang terbaik punya. Ini Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sampaikan sektor yang terbaik, semua pun kena potong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Fasal ini tidak ada...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Patahkan pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sebab tiada butiran dan kepala lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey, minta ampun. Tadi kita mesti sepatutnya buat satu *comprehensive study* macam mana hendak *revise* balik. Saya bagi contoh macam pergi Bintulu, semua pakai 737-800, kita boleh *maintain* 737-400. Kemungkinan kita kata kos tinggi tetapi kita boleh pergi cari *latest* punya *airbus*kah,

apakah diganti *instead of* kita pergi ambil semua selaras 737-800. Nanti kata tidak cukup *lope*, macam-macam alasan. Macam AirAsia dia bagi 320, dia pergi Bintulu, pergi Kuching *flight* selalu penuh. Inilah satu *restructuring* sepatutnya dikaji. Kita semua selaras 737-800, pergi mana semua 800 jalan. Bikin satu dunia kita ketawa. Kita beli Airbus 380, kata sekarang tidak guna itu *aircraft*, kita mahu kasi sewakah, kasi jualah, apakah. Kenapa kita tidak boleh nilai Singapore Airlines beli 380 pergi *international flight* boleh dapat *lope*.

Itu Emirates sekarang mari Kuala Lumpur dahulu 737, sekarang dua-dua *flight* 373, sekarang satu *flight* sudah tukar pergi Airbus 380. So, macam mana kita Malaysia tidak mampu? Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya harap Kementerian Pengangkutan, Menteri dan Timbalan Menteri jangan selalu turun padang pakai *red carpet*. Turunlah *spot check*, lihat dan faham, cerita sama staf-staf semua dahulu, dapat maklumat. Jangan kongkalikung semua *red carpet* turun, memang semua licin punya kita turun, apa pun tidak dapat semua maklumat yang canggih punya. Akhir sekali kita jadi rojak macam ini. Setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan *passenger* ke Paris penuh, *et cetera* penuh, saya rasa Yang Berhormat Bintulu mendapat maklumat yang kurang tepatlah. Ini kerana pada dasarnya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan tidak- Kalau tidak, lepas itu saya bawa kita pergi jumpa kita punya *crew stewardess or steward*. Bagi tahu penuhkah tidak...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Maklumat yang...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan nanti *you* dapat maklumat tidak betul, keliru satu Dewan, nanti pembangkang balun sama kita lagi. Jangan cakap tidak betul, tidak dapat. *That is the fact*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin bangun nanti.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu penuh.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau tiada sekurang-kurang 80 peratus, *that is a flight, as long as it's good*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kenyataan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam mana? Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya ada marah sedikit. Kalau ini macam Timbalan Menteri, kita bagi cadangan, *you* cakap lagi ini tidak betul, itu tidak betul, tadi kamu sendiri punya betul?

Kalau betul, macam mana Malaysia Airlines boleh rugi lagi? Haiya kongkalikung betullah.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, kerana kenyataan yang kita dapat sektor ke Paris, rugi. Jadi apabila rugi, maknanya dia *passenger* tidak penuhlah sebab itu dia rugi, sebab itu dia berhenti. Mana ada satu syarikat yang untung dia hendak berhenti, tidak logik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau macam itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita pergi *flight sharing*. Sekarang Emirates apa mahu *share* sama Sabah, Sarawak semua *flight sharing*. Fasal you mahu *maintain* itu *profit*, you kasi semua *air fare* naik harga. Inilah rakyat marah kita. Rakyat kata you mahu kasi potong, patahkan sektor luar negara, sekarang you balik semua kasi naik harga. Turun harga antarabangsa *air fare*, you sekarang naik harga domestik *fare*. You mahu sembelih semua orang Malaysia. You cerita jangan putar belit. Saya cerita jangan kepala keras, silalah belajar kita daripada macam mana membaiki, naik tarafkan kita punya Malaysia Airlines. Cukuplah kita. Jangan buat macam itu. [*Dewan ketawa*]

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Timbalan Menteri...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, jawapan mudah saya ambil maklum. [*Dewan ketawa*] Kalau diulas-ulas lagi nanti, lagilah panjang-panjang.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu pandangan yang baik dan saya ambil maklum. [*Dewan ketawa*]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua yang bijak.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, laluan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua yang bangun, dua yang bangun. Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Bachok.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Nanti Yang Berhormat Bachok, saya hendak jawab Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila jawab.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Walaupun pihak MAS tidak terbang ke Paris, tetapi sekarang pihak MAS telah membuat *code sharing* dengan Emirates. Jadi, siapa hendak terbang melalui MAS pun boleh sampai ke Paris.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk yang lain-lain, nanti saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bachok.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya setiap kali sidang, saya pernah bangkitkan isu yang berkaitan dengan hidangan arak dalam kapal terbang *International*. Pandangan untuk menghapuskan hidangan ini disokong oleh Ahli-ahli MAS Parlimen Barisan Nasional sendiri. Pernah satu ketika Menteri bagi komitmen supaya membawa perkara ini kepada Kabinet. Sampai sekarang saya tidak mendapat jawapan apa keputusan Kabinet terhadap cadangan ini. Kita kena sambung perjuangan yang dibawa oleh Ketua Pramugara MAS, Abdul Ghafar Abu Bakar yang terkorban dalam MH17. Dia yang minta supaya dihapuskan hidangan arak dalam kapal terbang.

Ini kita boleh lihatlah banyak kes yang berlaku bagaimana kes mengamuk dan sebagainya. Saya rasa MAS tidak perlu kepada hidangan ini, orang naik kapal terbang bukan hendak minum pun. Kita kena raikan juga orang yang di sebelah yang tidak minum. Boleh mengganggu *privacy* dia dan ada kes yang banyak berlaku. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun maklum tentang perkara ini dan minta jawapan daripada Kabinet yang dijanjikan satu ketika kepada saya dahulu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam juga bangun. Ya, sila-sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya beginilah, saya rasa kes Malaysia Airlines ini dengan dia punya kerugian, dia punya prestasi yang menyebabkan *direstructure* berkali-kali. Akhirnya kita tidak dapat satu kajian dan satu keputusan dan satu kesimpulan yang katakan tuntas dan mantap. Kenapa? Di mana? Siapa yang salah? Apa puncanya? Sedangkan kita lihat bahawa *Singapore Airlines* boleh maju. Kita nampak macam Thai Airways boleh maju. Akan tetapi Malaysia Airlines yang daripada dahulu asalnya samalah dengan Malaysia-Singapore Airlines, kita menghadapi masalah demi masalah, kena buat *restructuring* demi *restructuring* dan akhirnya

negara yang rugi, kakitangan, rakyat yang kena buang kerja dan sebagainya tetapi kita tidak tahu siapa dan di mana salahnya.

So, saya macam mana hendak katalah, saya amat mengharapkanlah bahawa satu kajian dan satu ketelusan yang sebenar dapat dikemukakan. *Where do we go wrong*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Where do we go wrong?* Di mana silap kita? Kenapa orang lain boleh maju? Kenapa kita tidak boleh? Apa yang dasar-dasar dan pendekatan yang telah kita guna pakai yang menyebabkan akhirnya kita terpaksa tutup sektor-sektor yang orang lain boleh buat untung. Ini yang kita hendak tahu.

Adakah cara *costing* kita, makanan kita, katering kita, *maintenance* kita, *transport* kita dan sebagainya, semua kos ini terlalu tinggi banding dengan apa yang sepatutnya. Kalau itu di antara sebabnya, maka mengapa keadaan begitu yang berlaku? Saya rasa kalau boleh kita mintalah Timbalan Menteri dan pihak kerajaan memberikan satu laporan, penjelasan yang jelas supaya kita semua boleh menentukan masa depan yang lebih cemerlang. Terima kasih.

■1250

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik kepada soalan daripada Yang Berhormat Bachok dan juga Yang Berhormat Shah Alam kerana saya pernah bangkitkan soalan ini tetapi tidak dijawab iaitu mengenai makanan, hidangan di Malaysia Airlines. Sering kita dengar bahawa mungkin kita salahkan tak cukup kapasiti barulah kita rugi terhadap destinasi yang kita katakan tadi. Akan tetapi mungkin ada isu yang lain.

Jadi soalan saya, saya hendak tanya berapakah jumlah yang kita bayar terhadap hidangan di dalam MAS dan apakah *business model*-nya? Amaun yang kita bayar kepada Brahim's Airline Catering Sdn. Bhd., setiap paket kacang, setiap hidangan makanan dan minuman yang kita bayar kepada Brahim's Airline Catering Sdn. Bhd. bagi setiap *flight*? Macam mana sistem modelnya? Mungkinkah itu salah satu isu juga kenaikan kos yang mengakibatkan kerugian kerana kita boleh nampak bahawa terdapat banyak *low cost airlines*, mereka boleh buat duit kerana *passenger pre-book* makanan dan makanan itu pun murah. *That can be another cost* kerana kalau kita bawa makanan yang begitu banyak dalam kapal terbang, berat. Kalau berat, perlukan minyak terutamanya kalau kita bawa *champagne*, *alcohol drink* yang tidak pernah digunakan dalam kapal terbang, begitu berat dan itu perlukan minyak terutama sekali kalau *you* terbang ke Paris, destinasi yang jauh. Jadi minyak yang digunakan itu disia-siakan dan kos naik. Jadi berapa duit yang kita bayar kepada Brahim's Airline

Catering Sdn. Bhd. secara terperinci kalau boleh jawapan bertulis dan macam mana *business model* itu. Terima kasih?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kota Tinggi bangun, sahabat Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak sentuh sedikit MAS mengenai *Enrich*. Saya faham bahawa *airlines industry* ini satu industri yang amat-amat *competitive*. Bak kata pepatah, 'lebih mudah beli kapal terbang daripada nak *maintain* kapal terbang'. Jadi *entry barrier* nya pun rendah menyebabkan persaingan yang begitu hebat sekali. Banyak *airlines* besar di Amerika pun bermasalah. Jadi saya hendak tanya, tetapi satu sudut *Enrich* ini. *Enrich* adalah satu *tool* yang MAS guna untuk memberikan *loyalty programme* kepada mereka yang naik.

Akan tetapi cuma masalah saya dapat banyak *complaint* dan saya sendiri pun dapat rasakan, *Enrich* ini ada sedikit masalah dari segi PR ataupun *communication* dengan *customer* yang mana banyak *complication* yang berlaku bila orang nak *redeem* contohnya atau nak bertanya, walaupun ada komputer tetapi tidak sebagaimana yang diuar-uarkan. Jadi saya minta Menteri tengok, kalau boleh program *Enrich* ini sama ada dibuat baik atau *scrap altogether* supaya ia memberi kepuasan kepada pelanggan. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Stampin. Perkara-perkara ini adalah berkaitan dengan pengurusan urus tadbir MAS. Jadi saya akan— oleh kerana ia di bawah Khazanah saya akan minta MOF untuk membuat jawapan bertulis.

Mengenai Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, mengenai *Enrich*. *Enrich* adalah satu sistem galakan dan ianya merupakan satu unit untuk membuat *loyalty programme*. Dalam program ini, saya mengambil maklum dan akan memaklumkan kepada pihak *Enrich*. Terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Yang Berhormat Sandakan yang telah memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menaik taraf landasan dan sistem pengangkutan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat, saya tanya Malaysia *airport* tidak jawab pun? Saya ada sentuh isu Malaysia *airport*, caj semua itu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Caj yang mana?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Airport charge, airport tax.* Itu semua saya ada tanya, masa perbahasan saya ada sentuh, tak jawab pun. Sama itu *maintenance* pun tak jawab pun.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya tanya? Daripada Alor Star. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan tadi soalan saya semasa perbahasan mengenai Kulim Airport telah pun tidak dijawab sebab saya tidak ada dalam Dewan tadi. Minta maaf. Tidak dijawab bukan?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sudah jawab mula-mula tadi.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Sudah jawab? Kalau boleh Yang Berhormat boleh ringkaskan jawapan itu sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tulislah, ambil daripada *Hansard*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, mengenai, walaupun dalam jawapan saya tidak ada tetapi mengenai *airport tax* tadi, *service charge*. Untuk makluman, pihak kerajaan ada membuat *operating agreement* dengan pihak MAHB yang mana *agreement* ini pada 2009 dan sepatutnya dalam *agreement* ini setiap lima tahun perlu ada *review*. Akan tetapi sepatutnya 2014 perlu ada *review* tentang kadar PAC tetapi telah ditangguhkan sehingga 1 Januari ini. 1 Januari ini, PAC ini telah dirumuskan oleh pihak MAVCOM yang mana PAC akan dinaikkan, untuk antarabangsa sebanyak RM73 tetapi untuk ASEAN telah diturunkan daripada RM65 kepada RM35. Ini telah memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong ataupun ASEAN kerana ia lebih murah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita boleh lihat *domestic flight* kita naik juga, jangan kata tidak naik. Jadi saya tidak menghalang naik. Walaupun PNB sebagai *shareholder*, kalau lima tahun *review*, kita mesti mahu lihat sekarang keadaan lima tahun ini. Sekarang ini ekonomi kegawatan sedunia, macam mana kita boleh bantu rakyat. Rakyat sekarang, suara kata kalau kerajaan pun tidak boleh bantu, macam mana boleh minta orang lain bantu. Kita boleh naik, naik jangan begitu banyak, naiklah sikit-sikit dulu, perlahan-lahan. Kasi rakyat semua *adjust* poket mereka dulu. Kalau dia punya poket tidak dapat, tidak mampu, macam mana dia tidak jadi gila. Dia memang jadi gila.

Janganlah kita kepala terus *mindset* berapa, saya mesti mahu berapa. Saya rasa PNB sebagai satu korporat yang begitu mewah, dia juga boleh mempertimbangkan CSR untuk rakyat. Pada masa yang sama, kita boleh runding dengan dia, nanti kemudian ekonomi baik, barulah kita naik lagi ataupun macam mana cara terbaik untuk merawat kita rakyat sekarang begitu susah. Janganlah bagi pembangkang buat lagu, hari-hari nyanyi minyak naik, ini naik, semua naik, barang semua naik. Nanti rakyat semua panas hati dengan kita. Setujukah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang naik ini peringkat *international*. Saya sebutkan tadi *even* untuk peringkat ASEAN kita turunkan dan untuk domestik kita tidak begitu ketara kerana ia masih rendah lagi. Jadi untuk makluman, kita punya PAC masih rendah berbanding dengan Singapura, berbanding dengan Hong Kong dan ia masih lebih rendah daripada banyak *airport* di peringkat antarabangsa.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, kita...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, antarabangsa ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan kita *compare* sama Singapura dan Hong Kong. Singapura sama Hong Kong punya *airport* punya perkhidmatan macam mana? Kita punya *airport* perkhidmatan macam mana? Janganlah sentuh lagi jauh sangat, nanti malu kita sendiri. Kita nak sentuh macam mana boleh naik taraf bagi perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

Kita sekarang nampak Malaysia Airport, kita tengok tidak berminat bagi satu cara yang terbaik, perkhidmatan kepada pelancong-pelancong ataupun kita orang tempatan. Tidak semua berminat, semua keliling buat *shopping mall* saja. Mahu laluan pun susah, lalu pun susah, jalan pun susah. Kita tengok Singapura dan Hong Kong, berapa luas lorong dia bagi orang jalan. Janganlah *compare* sampai Singapura, sampai Hong Kong. *Compare* dulu kita diri sendiri dulu. Nanti dia orang *compare* lagi Amerika, lagi kita pening.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat boleh sambung?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Bagi rehat dulu, ajak Yang Berhormat Bintulu minum teh, jelaskan dia elok-elok.
[Dewan ketawa]

Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menyambung jawapan, saya minta Yang Berhormat Menteri sudahkan atau habiskan jawapan sehingga jam 3.00 petang. Jam 3.00 petang, giliran Kementerian Pelancongan mengambil tempat. Mana-mana yang tidak sempat dijawab secara lisan, boleh dijawab secara bertulis. Sila Yang Berhormat Menteri. Saya akan cuba hadkan pencelahan bagi Kementerian Pengangkutan. Sila.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak *recap* tadi mengenai PAC. PAC untuk domestik hanya RM11. Daripada RM9 naik RM2 sahaja, jadi RM11. Untuk makluman, satu kajian terperinci mengambil kira segala aspek impak ekonomi kepada seluruh industri penerbangan telah dikendalikan oleh pihak MAVCOM.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa kadar baru ini sepatutnya akan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara terutamanya dalam menggalakkan penumpang dan pelancong ASEAN ke negara ini. Seterusnya Yang Berhormat Sandakan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin bangun. Ringkas ya Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ringkas. Saya ingin tahu polisi kerajaan dari segi tambang murah. Dahulu ada jelas daripada segi KLIA1 mahal, KLIA2

tambang murah. Nampaknya daripada segi caj tidak ada bezanya yang terbaru. Saya rasa ini satu perkara yang membuat syarikat-syarikat penerbangan *confuse* jugalah.

Jadi bagaimana dia hendak *tallied* dia punya *marketing* daripada segi penerbangan murah dengan penerbangan biasa. Jadi sekarang ini *of course* dalam keadaan sekarang, semua orang nak pergi KLIA1. KLIA1 banyak *facilities* sedangkan cajnya sama. Minta penjelasan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, penerbangan tambang murah ini ialah bergantung kepada syarikat penerbangan itu menyediakan secara *low cost carrier*. Jadi mengenai lapangan terbang, ianya semua sama. Malah AirAsia pun pergi ke Singapura terminal yang sama dengan Singapore Airlines. Jadi kita hendak bezakan antara terminal dengan *low cost carrier*. Jadi bergantung kepada *low cost carrier* itu menyediakan perkhidmatan.

Macam tadi Yang Berhormat Bintulu kata MAS mahal. Memang MAS ini *full service carrier*. Itu bezanya. Seterusnya...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bintulu juga bangun. Ya sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak boleh lagi kita sombong kata Malaysia Airlines *full service*. Apa *full service* ada? Kita mesti mahu lihat, kita mesti mahu rendah diri sedikit. Malaysia Airline apa? Kita yang ada *compare* sama lain-lain macam AirAsia itu semua. Kita mesti mahu buat *comparison*.

Macam tadi itu Yang Berhormat Rompin kata KLIA1 dan KLIA2 memang ada berbeza. Malaysia Airport memang ada berbeza. Tidak usah kata jauh sangat, kita mesti mahu lihat kelemahan-kelemahan kita. KLIA Airport, MAB sampai sekarang pun tidak lihat kelemahan diri dia sendiri. Contoh kata penyelenggaraan, *maintenance*. Tandas rosak, sebulan tidak ada penyelenggaraan. *Nobody doing the maintenance*. Kata kita depan sana KLIA2 depan sana WCT *join venture* sama MAB *Privatization, providing better service*. Akan tetapi pun kongkalikung syok sendiri. Itu tandas pun tempat kencing satu bulan setengah pun tidak ada orang *repair*. KLIA1, KLIA2 itu tandas rosak kita tanya bila kita boleh selenggara? Tunggu panggil kontrak. Itu tandas rosak pun mahu panggil kontraktor, mana kita punya *maintenance personnel*?

Kita hendak *compare with* Singapore, Hong Kong lagi, cerita lebih jauh kita. Bila tandas mereka rosak, mereka *on the spot repair*. Mana kita Malaysia Airport semua

panggil kontrak-kontrak. Ini kongkalikung mahu cari kontrak, mahu cari berniaga sahaja. Semua jadi *business* bukan *providing*.

That's why Tuan Yang di-Pertua, kita mesti merendah diri. Masuk, *go down to the root, find out where is the problem*. Kalau mahu lawan, tauke mai sini ada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita boleh lawan sampai esok pagi. Saya satu-satu ayat kasi keluar. Ini kementerian pun mahu lihat kita punya kelemahan mana. *You, as an enforcement* ataupun *supervision ministry over the Malaysia Airport*.

Saya terus terang Malaysia Airport memang kepala besar. Kongkalikung semua sedikit-sedikit kontraktor, sedikit-sedikit tunggu panggil kontraktor. Sampai bila? So, saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita boleh kalau mahu saya boleh tunjuk sama menteri di luar. Tidak mahu bercanggah di sini. Akan tetapi jangan bikin saya panas hati duduk sini dengar kepala pening.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, elok Yang Berhormat menjemput Yang Berhormat Bintulu dan wakil-wakil rakyat yang lain untuk memberikan penjelasan secara panjang lebar dalam satu masa yang ditetapkan. Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit, tajuk penting. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah bertanya kepada Kementerian Pengangkutan. Baru-baru Dewan yang mulia ini telah pun dihebohkan dengan projek *East Coast Railway Line* sepanjang 600 kilometer yang dianggap anggaran kosnya RM55 bilion.

Saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini berkaitan dengan projek ini yang telah pun diberikan kepada China Communications Construction Company (CCCC). Mengikut laporan World Bank Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin saya baca, "*World Bank Applies 2009 Debarment to China Communications Construction Company Limited for Fraud in Philippines Roads Project dan for Fraudulent Practice until January 2017*."

Ini bermaksud Kerajaan Malaysia memberikan projek kereta api terbesar di negara ini kepada sebuah syarikat yang terlibat dalam skandal penipuan antarabangsa yang telah pun dilarang oleh Bank Dunia untuk berniaga. Saya hendak tanya kepada Kementerian Pengangkutan, apakah rasionalisasi pemberian projek ini kepada syarikat yang menipu.

Kedua, kosnya mengapa boleh capai satu kilometer RM92 juta, boleh dianggap sebagai jalan kereta api yang paling mahal di seluruh dunia.

■1440

Ini kerana saya telah membuat perbandingan kosnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Perbandingan pembinaan jalan kereta api di Tibet yang begitu susah, sekilometer pun RM44 juta. Di Malaysia Pantai Timur RM92,000 juta, lebih 130 peratus lebih mahal. Di mana ketelusan? Di mana akauntabiliti? Di mana kredibiliti? Saya mohon jawab daripada kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat saya teliti dalam pencelahan untuk kita dalam menjawab. Ini tidak boleh satu perkara baru yang panjang lebar. *[Disampuk]* Kalau perkara baru ini boleh jawapan secara bertulis. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini bukan perkara baru Tuan Yang di-Pertua, telah dibahaskan semasa peringkat dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu saya mengambil maklum apa yang dibangkitkan. Saya akan membuat satu taklimat khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia inilah.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh pada isu yang lain ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey. Sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu-isu penerbangan sudah habis, isu yang lain.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Taiping tadi kereta api.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kereta api itu sebenarnya diurus oleh pihak EPU. Saya minta Menteri EPU yang menjawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Sandakan telah memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menaiktarafkan landasan dan sistem pengangkutan kereta api di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Sandakan, kerajaan komited dalam membangun sistem pengangkutan yang efisien di seluruh negara termasuk Sabah.

Dalam hal ini kerajaan melalui Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Ke-11 telah meluluskan dua projek yang melibatkan Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Projek pertama ialah cadangan kerja-kerja tambahan menaik taraf di kawasan *[Tidak jelas] line* antara Stesen Hologilat ke Stesen Tenom yang ini berjumlah RM50 juta. Kedua, dengan izin, *the design manufactures supply delivery testing and commissioning of three sets new diesel multiple unit* untuk Jabatan Keretapi Negeri Sabah, juga RM50 juta.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kerajaan juga telah meluluskan cadangan pelaksanaan kajian menaik taraf sistem komunikasi kereta api Sabah dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-11. Justeru kerajaan akan terus membangunkan sistem pengangkutan negara ini demi memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat terjamin.

Yang Berhormat Batu Sapi dalam perbahasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sandakan bangun.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi mengikut Timbalan Menteri punya jawapan dalam rolling plan ini di Rancangan Malaysia Ke-11, jadi anggaran bilakah agak-agak satu projek ini boleh dilancarkan? Kadang-kadang kamu punya *rolling plan* ya, satu rancangan sudah habis lagi rolling plan tidak sampai dan tidak ada satu tahap atau jangka masa untuk lancarkan ini.

Jadi saya ada lagi satu perkara untuk dibangkitkan di sinilah. Ini bukan tentang hal berkaitan Sabah. Saya mahu tanya sekarang ini di KL Sentral, apa maksud kerajaan atau *company* meletakkan seorang pekerja menjual *model train* sebelum kita hendak masuk *check in* kaunter MAS? Macam kalau kita tidak beli tiket itu, tidak boleh pergi *check in*. Apa maksudnya ini? Saya - *I really don't get the rational*. Kita ada satu kaunter atau ada satu *center* di KL Sentral sana yang untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada kita dan pelancong. Akan tetapi kenapa kita mesti mahu beli tiket *model train*, baru boleh pergi *check in*.

Itu sebenarnya membazirkan satu tenaga di sana sebab baru 10 kaki pun tidak sampai sudah ada kaunter jual tiket *model train*. Apa guna yang satu ini saya tidak faham. Lagi, ini yang ada *helper*. *Helper* itu saya tidak tahu berapa gaji yang kerajaan bayar, tetapi pertamanya dia kawal treler. Kita mahu pakai tidak boleh, mesti mahu suruh dia pandu kita. *Of course* selepas bantu kita, kita mesti bayar *tips*. *Also* saya nampak ini pembantu yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat panjang ini Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: ...Yang membantu itu bukan orang tempatan. Saya tengok seperti orang Bangladesh. Jadi mengapa mahu beri kepada orang Bangladesh? Saya fikir pembantu Bangladesh ini setiap hari dia boleh kutip banyak wang *tips*. Kenapa tidak boleh beri peluang kepada orang tempatan. Ini saya tidak tahu apa sebablah. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat sila. Tiada celahan lagi ya. Habiskan ucapan Yang Berhormat juga.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Sandakan, mengenai apa yang dibangkitkan tadi saya akan menjawab secara bertulislah. Saya tidak ada fakta untuk itu.

Seterusnya Yang Berhormat Batu Sapi dalam perbahasan telah memohon supaya pihak kerajaan mempertimbangkan untuk membina rangkaian kereta api di Sabah yang menghubungkan Pantai Barat, Pantai Timur dan kawasan pendalaman di Sabah dan seterusnya Yang Berhormat Kudat juga telah memohon pertimbangan kerajaan bagi membangunkan LRT di Sabah.

Menjawab isu ini, Kerajaan Persekutuan komited dalam membangun dan memperkukuhkan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kereta api dan LRT di seluruh negara termasuk di Sabah. Namun begitu sebarang cadangan pembangunan kemudahan kereta api dan LRT perlu dikaji kesesuaiannya dengan mengambil kira kos yang perlu dibelanjakan serta pulangan dari segi bilangan penumpang serta jumlah barangan ataupun *fleet* yang dijangkakan untuk diangkut oleh perkhidmatan kereta api yang akan dibangunkan.

Kajian ini perlu bagi memastikan bahawa negara memperoleh pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam membangunkan sesuatu kemudahan rel.

Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang telah mencadangkan jambatan-jambatan kereta api menghala ke Pantai Timur dibaiki supaya dinaiktarafkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan RM869.2 juta bagi Projek Menaik Taraf dan Membaik pulih Infrastruktur Landasan ke Sektor Pantai Timur yang bermula daripada Gemas hingga ke Tumpat.

Daripada peruntukan tersebut terhadap lima projek yang terlibat dalam skop kerja bagi kerja-kerja menaiktarafkan dan membaik pulih jambatan. Projek-projek tersebut ialah:

- (i) membaik pulih landasan Sektor Gemas-Mentakab;

- (ii) membaik pulih landasan Sektor Mentakab-Gua Musang;
- (iii) membaik pulih landasan Sektor Gua Musang-Tumpat;
- (iv) membaik pulih jambatan nombor 1025 berdekatan dengan Stesen Kemubu; dan
- (v) membaik pulih jambatan-jambatan dari Stesen Gua Musang ke Stesen Wakaf Baharu.

Seterusnya Yang Berhormat Pasir Gudang memohon dipertimbangkan agar kementerian mewujudkan perkhidmatan kereta api penumpang yang menghubungkan Johor Bharu ke Pasir Gudang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan kereta api penumpang ke Pasir Gudang. Namun begitu rancangan ini hanya boleh direalisasikan setelah kerja-kerja baik pulih landasan Sektor Kempas Baru-Pasir Gudang siap dilaksanakan. Kerja-kerja ini dijangka akan mengambil masa selama 30 bulan bermula Jun 2016 dan dijangka siap pada tahun 2019.

Seterusnya Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Sepanggar dalam perbahasan telah membangkitkan Dasar Kabotaj. Dasar Kabotaj merupakan satu dasar dalam mengurangkan penggantungan negara terhadap kapal-kapal asing dengan memberikan peluang kepada penyertaan syarikat perkapalan tempatan dalam perkhidmatan perkapalan domestik. Berdasarkan kajian terkini *national port strategy* yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan melantik World Bank sebagai juru perunding adalah mendapati bahawa Dasar Kabotaj bukan merupakan faktor dalam meningkatkan kos pengangkutan atau merencatkan pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak.

Kajian tersebut merumuskan bahawa peningkatan kos pengangkutan di Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut: Pertama, kos *hinterland connectivity* yang tinggi disebabkan keluasan muka bumi Sabah dan Sarawak;

■1450

Kedua, kekurangan aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak telah menyebabkan sektor pelabuhan di Sabah dan Sarawak tidak mempunyai kargo tempatan ataupun dengan izin, *indigenous cargo* untuk dieksport yang mana ini menyebabkan kekurangan singgahan oleh syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa dan domestik dan mewujudkan ketidakseimbangan dalam urusan perdagangan.

Pada dasarnya, Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia adalah liberal yang mana pengecualian telah diberi kepada kapal-kapal asing untuk turut beroperasi di sektor domestik sekiranya kapal-kapal Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan

kerja yang ditawarkan. Kerajaan juga memberi kelonggaran kepada pelaksanaan Dasar Kabotaj bagi aktiviti pindah kapal di kontena kan ataupun dengan izin, *containerize transshipment cargo* untuk sektor-sektor tertentu termasuk ke dan dari Pelabuhan Sepanggar, Pelabuhan Bintulu, Pelabuhan Kuching. Dalam pada itu berdasarkan amalan perkapalan antarabangsa, pengiktirafan sesebuah pelabuhan sebagai hab adalah ditentukan oleh syarikat perkapalan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu telah memohon penjelasan status naik taraf Pelabuhan Sepanggar sebagai *transshipment hub*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kabotaj.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu, ringkas sahaja sebab saya sudah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ringkas sahaja, kabotaj sahaja. Sedikit sahaja. Kerajaan sudah beri kelonggaran terhadap kabotaj. Apakah halangan yang kenapa kabotaj itu tidak dihapuskan sama sekali? Apakah alasan untuk berterusan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, kabotaj ini untuk menjaga kepentingan industri kapal tempatan. Jadi sebab itu ada Dasar Kabotaj ini untuk jaga industri perkapalan tempatan. Kita tidak mahu industri kapal tempatan ini terus merudum kerana kita tidak ada kawalan Dasar Kabotaj ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Maksudnya tempatan itu Semenanjunglah.

Tuan Wong TienFatt @ Wong NyukFoh [Sandakan]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Bukan, Malaysia. Kita beri keutamaan kepada syarikat-syarikat perkapalan seperti kapal-kapal yang ada di Sarawak, di Sabah. Kita tidak mahu kita *open* dan industri tempatan dianaktirikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ MarcusMojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong TienFatt @ Wong NyukFoh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah sebut dah tadi, tiada pencerahan.

Datuk Dr. Makin @ MarcusMojigoh [Putatan]: Tidak, kalau Menteri bagi teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat teruskan.

Datuk Dr. Makin @ MarcusMojigoh [Putatan]: Ini kabotaj ...

Tuan WilliamLeongJeeKeen [Selayang]: Berkenaan kabotaj.

Tuan Wong TienFatt @ Wong NyukFoh [Sandakan]: Ini kabotaj yang penting kepada Sabah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat habiskan isu ini, isu lain Yang Berhormat tidak boleh jawab.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, ya. Saya hendak teruskanlah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu, projek pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggartelah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah. Komponen-komponen projek ini termasuklah pembesaran dermaga sepanjang 1,000 meter, penambahan laut seluas 62 hektar, pendalaman dasar laut sedalam 15 meter dan pembelian alat-alat pengendalian operasi. Setakat ini, kementerian ini difahamkan bahawa sesi pemurnian makmal pengurusan nilai projek bagi projek sesi pemurnian makmal pengurusan nilai tinggi bagi projek pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar, Sabah telah diadakan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 25 dan 26 Oktober 2016 bersama semua *stakeholders* bagi mengenal pasti kos optimum bagi projek ini.

Seterusnya Yang Berhormat Lumut dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai status projek marina di Pulau Mentagor yang bernilai RM20 jutadan jeti di Sungai Pinang Kecil yang tidak digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat Lumut, marina Pulau Mentagor sebelum ini diurus dan dioperasi oleh Jabatan Laut Malaysia untuk beberapa tahun kebelakangan. Walau bagaimanapun, marina ini pada tahun 2010telah mengalami kerosakan yang teruk akibat daripada kejadian ribut yang melanda kawasan tersebut termasuk kehilangan pontun-pontun di marina berkenaan. Memandangkan peruntukan tahunan Jabatan Laut bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan dan baik pulih adalah terhad, Jabatan Laut telah mengambil masa yang lama untuk membaik pulih marina Pulau Mentagor dan hanya pada tahun 2015, marina ini telah siap diperbaiki sepenuhnya dan boleh beroperasi.

Walau bagaimanapun, menyedari pengurusan marina bukan merupakan fungsi utama Jabatan Laut termasuk keperluan strategi promosi yang berterusan di dalam dan luar negeri, kementerian telah mengambil keputusan untuk menswastakan marina ini seperti mana-mana marina lain dalam seliaan Jabatan Laut. Penswastaan adalah secara *free-based operation* yang mana pihak swasta bebas menjalankan apa sahaja aktiviti komersial di tapak marina tersebut dengan mengekalkan struktur dan fungsi marina. Dalam pada itu kementerian pada tahun 2015 telah menerima permohonan daripada Unit Perancang Ekonomi negeri Perak untuk menswastakan marina Pulau Mentagor.

Oleh yang demikian, Unit Kerjasama Awam Swasta Jabatan Perdana Menteri pada 4 Disember 2015 telah mengangkat permohonan ini untuk pertimbangan Jemaah Menteri yang mana Jemaah Menteri antara lain telah bersetuju supaya Majlis Perbandaran Manjung bagi pihak Kerajaan Negeri Perak memajak tanah marina ini daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Justeru, sebarang cadangan penswastaan marina Pulau Mentagor kelak adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Manjung.

Berhubung status projek jeti di Sungai Pinang Kecil, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah meluluskan tukar guna keseluruhan harta tanah daripada Jabatan Laut kepada LKIM ataupun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Surat kelulusan bertarikh 28 Februari 2014 bagi tujuan pendaratan ikan.

Seterusnya Yang Berhormat Lanang membangkitkan mengenai alat penyaman udara di JPJ cawangan Sibu yang rosak. Untuk makluman Yang Berhormat Lanang, pada 19 Ogos 2016, peruntukan sebanyak RM32,000 telah diberikan kepada JPJ cawangan Sibu dan peruntukan ini diberikan bertujuan untuk membaiki sistem penyaman udara dan pelaksanaan bagi kerja pembaikan akan dilaksanakan sebaik sahaja proses sebut harga selesai.

Seterusnya Yang Berhormat Bintulu telah mencadangkan supaya kerajaan...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita tidak cukup masa Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Speaker, cuma sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pukul 3 Yang Berhormat Menteri.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya dalam perbahasan saya, saya telah membangkitkan isu sistem kereta api

landasan berkembar (ETS) dan juga *high speed rail*. Saya tidak pasti adakah kedua-dua perkhidmatan kereta api ini adakah ia di bawah portfolio Jabatan Pengangkutan? Sebab sampai sekarang saya tidak terima apa-apa maklum balas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Speaker.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, *high speed rail* adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. ETS di bawah Kementerian Pengangkutan. Akan tetapi saya tidak ada dalam ini. Saya mungkin bagi jawapan bertulis.

Seterusnya Yang Berhormat Bintulu telah mencadangkan supaya kerajaan menyeragamkan spesifikasi nombor plat kenderaan di seluruh negara. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Bintulu mengenai cadangan penyeragaman nombor plat kenderaan. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan telah pun mengambil tindakan dengan pihak JPJ menganjurkan Bengkel Penyeragaman Nombor Plat Kenderaan pada 27 September 2016.

Pihak JPJ telah menyiapkan laporan serta rumusan bengkel tersebut kepada pihak kementerian. Bengkel tersebut dihadiri seramai 45 orang yang melibatkan pihak JPJ sendiri, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Persatuan Pengusaha Plat Kenderaan Malaysia, *Malaysia Automotive Association*, *Federation of Motor and Credit Company Association*, *Malaysia Motorcycle and Scooter Association*, SIRIM, Proton dan Perodua. Pihak kementerian sedang meneliti laporan dan rumusan bengkel untuk diputuskan dalam waktu yang terdekat.

Yang Berhormat Putatan memohon supaya kerajaan memperbanyakkan lagi kempen-kempen keselamatan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2016 hingga bulan September, JKJR Malaysia telah melaksanakan sebanyak 4,327 pelbagai program yang melibatkan advokasi dan aktiviti kempen keselamatan jalan raya. Program advokasi dan pendidikan keselamatan jalan raya juga dilaksanakan secara pendekatan bersama agensi-agensi terlibat dan pihak sektor korporat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf Yang Berhormat Menteri ya. Bagi jawapan secara bertulis Yang Berhormat Menteri.

■1500

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ini *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Saya jemput Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah bertukar giliran dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Sila Yang Berhormat Menteri. Satu jam, Yang Berhormat. Kurang ya.

3.00 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan membangkit perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sepanjang perbahasan Bajet 2017 peringkat dasar pada Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ke-13 ini.

Saya pun hendak ucap terima kasih kepada penyokong saya daripada Padang Rengas, masih bertahan untuk menyokong Ahli Parlimen dia.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang pakai topi sudah tiada ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sandakan meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menunaikan janji untuk memberi pengiktirafan kepada Batu Sumpah sebagai tapak warisan negara serta mengembalikan semula perkataan asal iaitu 'Kerajaan Malaysia jamin' di atas Batu Sumpah kerana sudah lebih setahun ia diumumkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sandakan, perkara untuk mewartakan Batu Sumpah sebagai warisan negeri di bawah Enakmen Warisan Budaya 1997 Negeri Sabah dan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645

telah dibincang oleh kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara dan Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Muzium Sabah.

Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Muzium Sabah akanewartakan perkara ini terlebih dahulu di bawah Enakmen Warisan Budaya 1997 Negeri Sabah sebelum diangkat sebagai warisan di bawah Akta 645 iaitu di bawah kuasa saya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Sandakan kena desaklah kerajaan negeri untuk dipercepatkan proses ini.

Kementerian saya juga telah menerima permohonan daripada Pejabat Daerah Keningau waktu saya membuat lawatan bagi projek peningkatan kemudahan pelancongan Dataran Batu Sumpah yang berjumlah RM23 juta. RM23 juta. Jadi...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Siapa yang perlu begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita ada cara Yang Berhormat. Peraturan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kalau sambil minum teh boleh buat macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Sebab ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri belum bagi laluan. Saya tidak bolehlah menjemput Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, ya. *Sorry*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, Pejabat Daerah Keningau dia minta RM23 juta. Jadi, RM23 juta ini, kalau minta, dia tidak termasuk dalam bajet saya pada tahun ini. Maka oleh sebab itu, saya telah menyerahkan permintaan ini kepada EPU. Kementerian telah mengemukakan cadangan permohonan projek ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-11.

Walau bagaimanapun, cadangan projek ini tidak dipersetujui oleh EPU. Tetapi, kita akan terus merayulah. Jadi, inilah setakat ini status Batu Sumpah ini. Saya akan tunai janji saya apabila kerajaan negeri warta nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Jadi, mengikut Yang Berhormat Menteri punya jawapan, sebelum ini undang-undang yang dilengkapkan. Jadi, itu Batu Sumpah sekarang masih tidak boleh yang ditebok atau dipasang balik

apa-apa perkataan yang tidak ada di sana dan apa-apa yang kita perlu dibuatlah. Jadi, itu perkataan boleh bagi pasang balik dulu kah yang 'Kerajaan Malaysia jamin' punya yang sekarang hilang ini? Ini yang penting.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, kerja-kerja warisan di Sabah ialah melalui Muzium Sabah. Muzium Sabah ini bukan bawah saya. Dia bawah Kerajaan Negeri Sabah. Jadi, Yang Berhormat kena desak Kerajaan Negeri Sabah lah untuk memasukkan balik perkataan itu. Saya tidak ada masalah. Kalau kerajaan negeri kata "*Menteri, tolong buat*", saya akan buat. Tetapi tidaklah sampai RM23 juta. Itu mahal sangat. Baik.

Yang Berhormat Batu Sapi meminta kementerian memberi perhatian terhadap ekopelancongan di Sabah dan memberi perhatian kepada mempromosikan Sabah sebagai *ecotreasure from mountain high to ocean deep*, dengan izin.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya mengutamakan pembangunan ekopelancongan. Bagi tujuan ini, Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 telah disiapkan. Pelan ini telah mengenal pasti khazanah alam semula jadi dan sosiobudaya yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak-tapak ekopelancongan di seluruh negara termasuk negeri Sabah. Kementerian juga telah diperuntukkan RM400 juta di bawah Bajet 2017 ini bagi pembangunan ekopelancongan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sedang giat mempromosikan Sabah sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang merangkumi, dengan izin, *ecotreasure from mountain high to ocean deep* seperti berikut:

- (i) menggalakkan penyertaan Lembaga Pelancongan Sabah dan penggiat industri pelancongan negeri Sabah di pameran-pameran galakan pelancongan dan misi galakan yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia;
- (ii) menganjurkan lawatan suai kenal bersama Sabah Tourism bagi pihak media dan penggiat industri pelancongan Mega Fam dari seluruh dunia bagi menerbitkan artikel-artikel mengenai destinasi-destinasi ekopelancongan di negeri Sabah;

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kota Kinabalu, bagi saya habis dahulu boleh tidak? Nanti saya bagi.

- (iii) menjalankan kempen pengiklanan antarabangsa dan media sosial yang meliputi negeri Sabah;
- (iv) bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan China yang telah berjaya membawa sebanyak 26 penerbangan sewa khas ke negeri Sabah dari Chengdu, Kunming dan Fuzhou ke Kota Kinabalu, dan jumlah ketibaan pelancong China terlibat adalah seramai 4,315 orang bagi tempoh April hingga Ogos 2016;
- (v) meningkatkan kerjasama promosi dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi menambahkan kemudahsampaian ke negeri Sabah; dan
- (vi) membangunkan pakej-pakej pelancongan Sabah dan memasarkan melalui buku 1,001 pakej yang merangkumi pakej-pakej *ecotreasure* bagi pasaran domestik.

Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas *contribution to restore back* ini perkataan 'Kerajaan Persekutuan jamin'. Ini perkataan. Tetapi, walaupun sudah diangkat *as a heritage* tetapi macam sampai hari ini gazet pun masih belum selesai. Sudah selesai kah ini gazet?

Kedua, walaupun kementerian janji untuk *restore back* itu perkataan tetapi ongkos RM23 juta ini, Yang Berhormat Menteri, macam... Kita ada macam fikir kena potong leher kah? Ini macam kena ah long ini. Jadi, kalau RM20 juta kasi untuk *remove* itu Batu Sumpah dari tempat yang original, tambah lagi itu perkataan *replace* satu plak RM20 juta. Ini betul-betul Sabah ini potong leher punya ini. Jadi, Yang Berhormat Menteri mesti ambil *special consideration for the cost*.

Lagi saya mahu tanya, kalau RM20 juta atau *you try* masuk satu muzium, mungkin boleh fikir. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih. Ya, memang hendak potong leherlah. RM23 juta. Tetapi, saya rasa yang dia minta RM23 juta itu ialah kerana dia hendak buat dataran dan juga dengan bangunan sekali.

■1510

Akan tetapi ialah kalau dia minta RM23 juta, ia tidak termasuk dalam bajet saya yang dibentangkan untuk 2016. Ini Batu Putih bukan Seputeh, tolong— Batu Putih bukan Seputeh. Jadi, bila dia minta RM23 juta, saya tidak ada pilihan melainkan untuk

masuk dalam *Rolling Plan*. Saya tidak menolak tapi saya masuk dalam *Rolling Plan*, minta kepada Perbendaharaan, kalau mereka bagi, ada, kalau tidak, tidak ada, satu. Nombor dua, gazet saya sudah sebut sebentar tadi. Kerajaan negeri kena buat dulu. Sistem gazet ini ia tidak boleh terus jadi warisan kebangsaan, ia kena jadi warisan negeri dulu. Apabila jadi warisan negeri kemudian baru boleh jadi warisan kebangsaan. Jadi Yang Berhormat, seperti mana saya sebut kepada Yang Berhormat Sandakan tadi, kena cakap kepada kerajaan negeri, suruh cepat sikitlah. Cakaplah, kita bukan macam DAP boleh paksa-paksa orang. Kerajaan negeri ada dia punya hak, kita kena hormat, terutama sekali Sabah. Yang Berhormat mesti pandai hormat orang Sabah tahu, jangan paksa-paksa. Inilah masalah orang Semenanjung ini, tidak reti menghormati orang Sabah. *[Ketawa]* Saya hormat orang Sabah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, sekarang mereka mahu rayu, Yang Berhormat Menteri beri satu *recommendation* kepada Ketua Menteri Sabah. Jadi, ini semua boleh jalan cepatlah, tidak perlu kita bincang dekat sini. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang saya tidak hendak bincang, Yang Berhormat marah sendirilah Yang Berhormat Kota Kinabalu, *you* punya parti. Dia yang bincang, bukan saya. Yang Berhormat bagi tahu dia, jangan bincang lagi. Kita sudah buat kerja menerusi kita punya Muzium Negara, sudah maklum kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk digazet. Jadi, kalau dia makan selepas digazet, saya bagi jaminan, bila digazet sahaja, dalam masa yang sesuai yang dibenarkan oleh akta, saya terus gazet di peringkat kebangsaan, okey?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak puas hati.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak puas hati lagi? *[Ketawa]* Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri ke atas prihatin kepada Sabah. Saya baru-baru waktu Menteri ulang bilang ini mungkin RM23 juta mungkin ada termasuk satu bangunan. Jadi, ini bangunan satu muziumkah atau sementara punya bangunankah atau satu... *[Ketawa]* *something-lah. What kind of building the state government going to build.* Ini kita pasti— ya, ada satu bangunan mungkin termasuklah kan? Bolehkah kasi pastikan kalau ada satu bangunan, pasti ini bangunan satu muzium *building, thank you.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau 23 juta rupiah, bangunan sementara. Akan tetapi kalau RM23 juta, saya ingat bukan

sementara. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat tanya kepada Pejabat Daerah Keningau kerana mereka yang telah membuat permohonan ini. Tanya kepada mereka apa itu RM23 juta, untuk apa? Bukan saya punya permintaan, mereka punya. Akan tetapi saya faham, saya menghormati orang Sabah. Apa juga yang diminta, saya tidak tolak, saya cuma saluran kepada— Yang Berhormat, ada cicakkah sini?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, saya akan— bila mereka minta, saya tidak boleh tolak, saya akan bagi kepada EPU. Mungkin EPU akan membuat siasatan kerana saya pun hantar semula, mungkin EPU akan turun dan tanya kepada mereka dan mungkin tidak RM23 juta, mungkin lebih kurang yang akan diberikan untuk membuat satu-satu projek itu. Walau bagaimanapun, ini soal Pejabat Tanah Keningau.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya ingin bertanya, RM23 ataupun RM27 juta ini adalah geran ataupun *loan* kepada Sabah? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pertama sekali, saya hendak ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana jadi Naib Presiden Parti Warisan. Kalau mahu daftar sebagai warisan ini parti, boleh jumpa sama saya. *[Ketawa]* Geran, saya ingat kalau saya bagi sudah tentulah macam geranlah, kita bagi untuk dia bina, bukan pinjamankah, tidak. Jadi, kalau dapat RM23 juta, RM23 juta itu merupakan geran. Jadi, ini menjawab persoalan Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Mukah, meminta kementerian mempromosikan bahan-bahan kreatif untuk dipamerkan dan diperluaskan menjadi pameran dan industri supaya boleh menambahkan pendapatan penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sedang melaksanakan Program Pemasaran Kraf, Penyelidikan dan Pembangunan Kraf serta Satu Daerah, Satu Industri Produk bagi membangunkan industri kraf negara yang melibatkan penduduk setempat.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Mukah merupakan salah satu daerah perusahaan kraf tangan yang berpotensi untuk dimajukan. Pada tahun 2015, terdapat seramai 41 orang usahawan kraf menghasilkan produk kraf tenunan songket, anyaman rumbia dan anyaman terendak dengan nilai jualan yang diperolehi adalah sebanyak RM1.1 juta. Manakala, nilai jualan pada tahun 2016 hingga September adalah sebanyak RM752 ribu dengan penglibatan seramai 43 orang usahawan.

Nilai jualan ini diperolehi daripada pelaksanaan beberapa aktiviti pemasaran dan promosi seperti Festival kraf Sarawak di Miri dan Bintulu, promosi kraf Malaysia dan promosi pusat beli-belah.

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti pembangunan rekaan dan produk baru turut diadakan bagi membantu usahawan meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan dan mempelbagaikan rekaan terkini mengikut segmen pasaran. Antaranya ialah makmal teknikal pewarnaan ikat cuai benang, tenunan songket yang menekankan kepada penghasilan tenunan songket bercirikan rekaan etnik kontemporari.

Selain itu, usahawan kraf dari Mukah juga diberi peluang untuk menyertai aktiviti *showcase* SDSI yang akan diadakan di Melaka pada 24 dan 27 November 2016. Bagi meningkatkan kesedaran pelancong mengenai produk kraf Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menggalakkan penggiat industri pelancongan membangunkan pakej-pakej pelancongan yang merangkumi lawatan ke pusat jualan kraf supaya para pelancong boleh membeli produk kraf tangan sebagai cenderahati. Langkah ini dapat membantu meningkatkan penjualan kraf dan pendapatan pengusaha kraf tempatan.

Tambahan kepada itu, elemen kraf tempatan turut dijadikan imej dan kempen-kempen pengiklanan bahan editorial, termasuk risalah-risalah pelancongan yang memuatkan informasi terkini mengenai keunikan kraf tempatan.

Selain itu, Tourism Malaysia juga menjemput pengusaha kraf untuk membuat demonstrasi pembuatan batik, tenunan songket dan wau di pameran pelancongan antarabangsa. Untuk maklumat Yang Berhormat, produk kraf mendapat pengiktirafan antarabangsa iaitu, dengan izin, *World Craft Council Asia Pacific Award of Excellence* 2016 pada 3 hingga 8 September di Kuwait. Daripada sepuluh penyertaan dari Malaysia, tujuh daripadanya telah mendapat pengiktirafan tersebut. Enam produk tersebut merupakan produk etnik daripada negeri Sarawak iaitu anyaman bakul, aksesori hiasan diri daripada manik, tenunan songket Sarawak, tenunan puah dan satu produk iaitu anyaman ribu-ribu daripada Sabah.

Yang Berhormat Lenggong ada, mari juga dia ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia secara percuma kena datang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kena datang, okey. Yang Berhormat Sungai Besar ada? Okey. Yang Berhormat Sungai Besar meminta kementerian memberi perhatian terhadap produk-produk pelancongan yang berpotensi di Sungai Besar seperti lautnya, tempat nelayan mencari ikan, sawah padi, kelip-kelip, kampung

tradisi Melayu, Cina dan juga India bagi menjana pendapatan orang-orang kampung di sini. Untuk maklumat Yang Berhormat, Sungai Besar di bawah *First Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2017, sebanyak RM6.3 juta telah diperuntukkan bagi negeri Selangor yang merangkumi pelbagai program pelancongan seperti pembangunan ekopelancongan, inap desa iaitu *homestay* dan penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan.

■1520

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM15.5 juta bagi negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan khususnya untuk kawasan Sungai Besar.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Antara projek-projek yang melibatkan kerja-kerja naik taraf kemudahan pelancongan di daerah Sabak Bernam, negeri Selangor adalah seperti berikut.

- (i) Menaik taraf kemudahan awam di Pusat Pemerhatian Kelip-kelip di Sungai Pakeh, Sungai Panjang iaitu sebanyak RM500,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Besar yang budiman bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, habis dulu?

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau minta Yang Berhormat habis, jangan bangun. Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, dia baru Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Saya faham, dia memang budiman.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:

- (ii) Menaik taraf kemudahan pelancongan taman konservasi pusat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat duduk. Sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kenapa, rambut dia panjangkah? *[Ketawa]* Pusat Memerhati Burung Enggang di Hutan Simpan Sungai Karang, mukim Sungai Panjang sebanyak RM470,000.

- (iii) menaikkan taraf kemudahan *Homestay* Batu 23 Sungai Nibong RM120,000;
- (iv) menaik taraf kemudahan *Homestay* Sungai Haji Dorani RM250,000;

- (v) menaik taraf kemudahan *Homestay* Sepintas RM250,000;
- (vi) menaik taraf kemudahan *Homestay* Seri Kayangan RM200,000;
- (vii) menaik taraf kemudahan *Homestay* Air Manis RM90,000; dan
- (viii) menaik taraf kemudahan *Homestay* Papisulem RM145,000.

Sila Yang Berhormat.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sila, sila.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:...kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak membantukan industri pelancongan terutama pelancongan agro pertanian ini. Juga terima kasih kerja kuat bantu dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Besar.

Pertanyaan saya adalah, adakah model-model agro-pelancongan yang boleh ditiru di Sungai Besar? Berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Menteri mengembara di seluruh dunia itu, ada atau tidak model-model yang boleh ditiru di Sungai Besar? Ini supaya lebih banyak penambahbaikan sebab orang di Sungai Besar ini dia tidak sabar hendak aktif dalam agro-pelancongan. Jangan lupa bawa Sungai Besar sekali kalau ada lawatan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu sebenarnya [*Ketawa*] Tidak mengapa Yang Berhormat, dalam lawatan saya, *insya-Allah*. *Ecotourism* ini - tetapi sebenarnya sememangnya apa yang telah dilakukan di Sungai Besar itu, sebenarnya ramai orang yang tiru kita. Dia terbalik sebab di Sungai Besar itu banyak tempat yang cukup menarik. Saya sendiri pun telah pergi ke sana, memang sebuah tempat yang cukup menarik. Orangnya macam Yang Berhormat Budiman kitalah, berbudi. Memang hebatlah.

Akan tetapi walau bagaimana pun Yang Berhormat, untuk orang kata lebih meyakinkan kepada Yang Berhormat kerana kalau setakat saya menceritakan apa yang saya pergi ke luar negara, saya ceritakan balik. Macam baru ini, pergi Geneva dengan Yang Berhormat Bukit Katil, hendak sebut jugalah dia pergi Geneva. Jadi untuk meyakinkan lebih baiklah, saya ingat dalam lawatan saya yang akan datang saya jemput sekali Yang Berhormat ikut saya. Kalau saya pergi ke tempat-tempat yang jelas menunjukkan tentang *ecotourism*, ya? *Insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Tidak merasalah Yang Berhormat Lenggong.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey. Pertama...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Pengkalan Chepa? Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini bila pula berucap ini...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, ya. Silakan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak menuntut hutang daripada Yang Berhormat Menteri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

[Ketawa]

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Dia berjanji dengan kami untuk pembangunan pelancongan di Kuala Besar, Pantai Mek Mas dan sebagainya di DUN Kijang. Sudah masuk tahun kedua untuk dipertimbangkan Pengkalan Chepa. Akan tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa lagi. Ada dua isu di sana. Pertama, pantai yang indah yang berdepan dengan hakisan dan juga balai cerap yang dibuat pun terpaksa diundurkan kerana ini. Kedua, penduduk-penduduk miskin di sana boleh mendapat peluang pekerjaan. Saya rasa saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil serius, *insya-Allah*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, selalu janji orang hendak pergi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab di Kelantan ini banyak jajahan ataupun dalam bahasa Kelantan '*jajahe*' kan? Jadi ia ada banyak. Saya sudah pergi ke Tumpat, saya sudah pergi Bachok, saya sudah pergi ke Jeli dan Tanah Merah. Jadi...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pengkalan Chepa itu fasal *airport* itu.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Itulah kata. Yang Berhormat Menteri, saya tahu Yang Berhormat Menteri ini dia minat ke Kelantan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, okey. Terima kasih. Saya akan pergi, *insya-Allah* ya, ke Pengkalan Chepa nanti. Okey? Yang Berhormat Sungai Besar habis ya? Tidak ada apa ya? Okey, cantik. Ahli Yang Berhormat Labuan ada? Ada juga ya.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Bila hendak pergi Labuan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, ya, nanti. Ahli Yang Berhormat Labuan mencadangkan kepada kementerian supaya mengambil peluang daripada kempen Visit ASEAN@50, kempen untuk mempromosikan Labuan secara intensif bagi mengembangkan lagi potensi supaya dapat digelar sebagai *The Pearl of ASEAN*. Ini kerana ia terletak di tengah-tengah di antara bandar-bandar utama di ASEAN dan Yang Berhormat juga mencadangkan untuk mewujudkan dan menjadikan Labuan sebagai Pusat Kebudayaan ASEAN yang memuaskan, yang memusatkan semua budaya di negara Asia Tenggara supaya boleh dinikmati oleh pelancong yang datang ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kelab Persekutuan Labuan seperti yang kita ketahui telah diberikan taraf ya, pelabuhan bebas cukai sejak tahun 1956. Pada tahun 1990, Labuan juga telah diiktiraf sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa atau *International Offshore Financial Centre* atau kini dikenali sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa atau *Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA)*. Kementerian ini melalui Tourism Malaysia sememangnya mempromosikan Labuan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik sempena kempen Visit ASEAN@50 dengan kerjasama penggiat-penggiat industri di Labuan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel dan pengusaha *homestay*. Tourism Malaysia juga telah membangunkan 16 buah pakej yang melibatkan empat buah agensi pelancongan di bawah inisiatif *Best of Labuan Holiday Packages*.

Di samping itu, Labuan juga dipromosikan dalam pameran di bawah payung Tourism Malaysia untuk pelancongan domestik seperti MATTA Fair, Cuti-cuti 1Malaysia, *Travel Fair 'Dekat aje'*, *Homestay Fair* dan lain-lain. Tourism Malaysia juga menjemput Perbadanan Labuan bagi menyertai pameran di luar negara seperti *China International Tourism Expo 2016* di Guangdong, China. Antara daya tarikan yang diberi perhatian adalah aktiviti berenang, memancing, berkayak, menyelam terutama di kawasan kapal karam, *wet diving*, tapak-tapak dan monumen sejarah serta keindahan pantai dan warisan semula jadi.

Tambahan kepada itu, Tourism Malaysia juga mengadakan lawatan suai kenal atau *familiarization trip* untuk media massa bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan. Acara-acara tempatan dan kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu Labuan telah menerima perkhidmatan sewa khas hasil usaha Nanning, China Travel Services dan Tourism Malaysia di mana penerbangan sewa khas pertama telah beroperasi dari Nanning, Kota Kinabalu, Labuan, Brunei dari bulan Julai hingga Oktober 2016. Gabungan

destinasi ini telah menambahkan bilangan ketibaan pelancong China ke Labuan apabila digabungkan bersama Kota Kinabalu dan Brunei. Sebanyak sembilan penerbangan sewa khas telah direkodkan dengan jumlah pelancong seramai 2,556 orang.

Kementerian ini juga menyambut baik hasrat dan cadangan Yang Berhormat Labuan bagi mengembangkan potensi Labuan dan menukarkan gelarannya dari *The Pearl of Borneo* kepada *The Pearl of ASEAN*. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyambut baik cadangan Yang Berhormat terhadap penubuhan sebuah Pusat Kebudayaan ASEAN. Perkara ini perlu diteliti dengan mengambil kira beberapa faktor terutama implikasi kewangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat akan dijemput untuk datang ke pejabat untuk kita bincang dengan lebih mendalam, okey?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Kalau sudah dijemput ke pejabat itu ertinya tidak perlu bercakap di sini Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak perlu apa?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tidak perlu bercakap sini lagilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak perlu, memang sudah ajak pun.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat tidak dapat datang, saya akan pergi ke Labuan.

■1530

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih. Cuma hendak ambil peluang bagi tahu kita di Labuan pun ada buat satu lagi aktiviti boleh dikatakan *tourism, Asean Business Conference*, 10 November dan 11 November ini, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ianya satu *conference international* yang pertama kita buat di Labuan yang mana kita *target 200 participant*. Yang separuhnyanya daripada Asean, separuh daripada Malaysia. Yang daripada luar negara itu dah banyak *participant*, kita guna *network* yang memang kita ada iaitu *Alumni Association of Agent Institute of Management* tetapi yang daripada *local* Malaysia ini pula yang kurang. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong. Dalam seminggu lagi ada ini, jemput semua siapa-siapa untuk datang. Kena bayar USD350 termasuk tiga malam hotel *four star* dan *five star*, ada dua hari *conference, lunch, dinner* dan seterusnya ada pakej ke pulau ataupun golf. Jadi, semua Ahli Yang Berhormat bolehlah hantar pasal dia hari Parlimen, bolehlah hantar pegawai-pegawai ke sana dan begitu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri harap sokong *effort* yang kami buat di Labuan untuk membangunkan pelancongan di Labuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak apa Yang Berhormat, saya tak dapat hadir sebab malam ini saya hendak terbang ke Beijing tapi saya punya pegawai ada dekat belakang. Mereka akan bantu, kita tetap akan bantu. Kalau Yang Berhormat berjaya pada tahun ini, tahun depan kita pastikan ia akan jadikan lagi. Kita akan jadikan sebagai *annual* punya *event*. Okey? Baik, terima kasih.

Banyak cicak dekat sini ya. Yang Berhormat Limbang ada? Oh Yang Berhormat Limbang ada ya. Saya cuba penaikkan ingat-ingat dia orang tak ada, rupanya ada. Yang Berhormat Limbang mencadangkan kementerian supaya menggunakan peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM2.5 juta kepada Limbang bagi membangunkan pusat kebudayaan di Limbang kerana kedudukannya yang unik dan terletak di tengah-tengah Borneo.

Limbang kata dia unik, Labuan kata dia pun unik. Baiklah, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, MOTAC telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi membiayai tiga buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di Limbang, Sarawak dan projek yang telah dilaksanakan ialah menaiktarafkan sepanjang tebingan Sungai Limbang, RM800,000 sungai Limbang, ada dapat kan ya? Ada buaya tak Yang Berhormat dekat sungai Limbang? Masih ada? Belum pergi hijrah ke darat lagi? Belum? Okey. Menaiktarafkan kemudahan pelancongan 'Mart Spring' di Kampung Meritam, RM500,000. Dapat kan Mart Spring? Dan menaiktarafkan kemudahan pelancongan di Kampung Paliambun RM200,000.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas pula, *the first rolling plan*, negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM8.2 juta untuk peningkatan kemudahan pelancongan di Taman Negara Niah, Miri sebanyak RM3.4 juta. Jejak Warisan dari Kampung Sungai Bitangong ke Esplanade Kuching iaitu di Kuching sebanyak RM2.5 juta dan kemudahan infrastruktur pelancong di sepanjang sungai Semadang, Padawan, Sarawak sebanyak RM2.1 juta.

Justeru itu, Yang Berhormat boleh mengemukakan cadangan penubuhan sebuah pusat kebudayaan di Limbang kepada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak untuk dipertimbangkan di bawah *third rolling plan* RMKe-11. Yang Berhormat kena bawa ke negeri, negeri cadang kepada kita baru kita bawa *under rolling plan* di peringkat persekutuan.

Yang Berhormat Lenggong. Ahli Yang Berhormat Lenggong minta kementerian supaya mempercepatkan peruntukan sewajarnya dengan kadar segera agar tapak-tapak Gua Harimau dan lain-lain gua di sekitar Lembah Lenggong dapat dinaiktarafkan. Orang Lenggong duduk dalam gua ke? [*Dewan ketawa*]. Yang

Berhormat juga meminta peruntukan serta lain-lain bantuan untuk majlis dan program yang akan diadakan di Lenggong sempena Tahun Melawat Perak 2017 seperti;

- (i) Lenggong International Fruit Festival (LIFF),
- (ii) Lenggong Valley Ecology International Conference,
- (iii) Karnival Lenggong sempena sambutan ulang tahun pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Warisan Dunia UNESCO.

Untuk maklumat Yang Berhormat Lenggong, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara sedang berusaha menyegerakan pembangunan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong supaya ia dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, pihak kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah membelanjakan sebanyak RM1,210,170 bagi menyelenggarakan dan menaiktarafkan Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong dan tapak yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan, Akta 645 termasuk Gua Gunung Runtuh. Ada? Betul? Gunung dia runtuh. Gua Asar, ha ini sembahyang Asar dalam gua? Gua Teluk Kelawak, Gua Harimau, Gua Badak, Bukit Jawa, Kota Tampan dan makam-makam bersejarah.

Kerja-kerja yang telah dijalankan termasuk membaiki 'box walk' dan wakaf, pemasangan pagar keselamatan dan lain-lain. Di bawah *first rolling plan* RMKe-11 iaitu 2016-2017, pihak kementerian melalui Jabatan Warisan Negara telah memperuntukkan sejumlah RM15.6 juta - Banyak duit dah aku bagi kat hang ni [*Dewan ketawa*] untuk Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong bagi pelaksanaan projek menaiktarafkan Galeri Arkeologi Lembah Lenggong sebanyak RM3.2 juta dan pengambilan sebahagian tanah di Bukit Gunuh dan Bukit Jawa RM12.4 juta bagi memastikan tapak tersebut terpelihara. Cukuplah ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, banyaknya kasi?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini Yang Berhormat Seputeh ini apa hal ini? Berhubung dengan bantuan peruntukan bagi program-program di Lenggong, Jabatan Warisan Negara memberi bantuan khidmat nasihat dan menimbangkan permohonan bantuan kewangan bagi penganjuran acara-acara termasuk Karnival Lenggong sempena sambutan ulang tahun pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Jabatan Warisan Negara ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Lenggong dan kerajaan negeri yang memberikan kerjasama erat bagi memastikan tapak warisan ini terpelihara

dan sekali gus menarik lebih ramai pelancong ke Lenggong serta dapat menjana ekonomi masyarakat setempat.

Kementerian ini melalui Tourism Malaysia akan mempromosikan Tahun Melawat Perak 2017 dengan menyediakan platform di pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti *World Travel Mart, London, International Tourism Bourse (ITB) di Berlin, China International Travel Mart* dan *Arab Travel Mart (ATM) di Dubai* bagi penyertaan bersama oleh pihak pelancongan negeri Perak. Kita dah panggil, dah jemput dah. Tambahan kepada itu, kementerian ini melalui Tourism Malaysia juga telah dan akan mengambil pelbagai langkah untuk menjayakan Tahun Melawat Perak 2017 ini termasuklah yang di Lenggong. Jadi Yang Berhormat minta itu, nanti bincang dengan saya di luar Dewan, tak payah bawa ke dalam Dewan dah.

Yang Berhormat Tanjong Piai ada? Tak ada, tak payahlah. Yang Berhormat Sibuloh ada? Oh ada Yang Berhormat Sibuloh. Okey. Ahli Yang Berhormat Sibuloh mencadangkan kepada kementerian supaya bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk merancang membangun Sibuloh sebagai satu destinasi pelancongan yang popular supaya pada masa-masa akan datang, Sarawak akan mempunyai lebih banyak tempat dan fasiliti pelancongan secara menyeluruh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.82 juta kepada daerah Sibuloh bagi projek menaiktarafkan Homestay Rumah Panjang Bawang Assan dan projek pelancongan di Taman Tasik Sibuloh, Sarawak. Kementerian mengalu-alukan cadangan projek bagi membangunkan Sibuloh sebagai destinasi pelancongan yang dapat menarik lebih ramai pelancong di bawah *third rolling plan* RMKe-11 melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak.

■1540

Jadi Yang Berhormat kena sekali lagi hantar kepada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan di Sarawak *insya-Allah* saya akan sokong apa Yang Berhormat hendak lakukan di Sibuloh. Saya pun memang merasakan Sabah Sarawak merupakan *gem tourism gem* kita bagi negara Malaysia *eco tourism* dan macam-macam. Sememangnya Borneo iaitu kedua-dua Sabah Sarawak merupakan tarikan yang sangat kuat bagi pelancong-pelancong dari Eropah. Jadi *insya-Allah* saya akan membantu.

Yang Berhormat Kuala Kangsar ada ya Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar memohon kepada kementerian supaya memberikan peruntukan untuk membuat satu rancangan perdana bagi hotel-hotel bertaraf dua dan tiga bintang serta *homestay* yang membangun dengan begitu pesat di seluruh negara

bagi membantu menjana pendapatan warga desa dan pengusaha-pengusaha muda yang ingin turut sama dalam laras perdana pelancongan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat pengusaha muda yang ingin melibatkan diri dalam industri pelancongan seperti perhotelan, pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan boleh memohon pinjaman melalui Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan yang dikendali oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Tabung Khas Pelancongan yang dikendali oleh SME Bank. Pinjaman berbentuk *soft loan* ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat serta garis panduan yang telah ditetapkan.

Jumlah pinjaman adalah dalam lingkungan RM250,000 hingga RM30 juta. Bagi Tabung Khas Pelancongan manakala bagi Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan jumlah pinjaman adalah dalam lingkungan RM5 juta sehingga RM100 juta. Tambahan kepada itu pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) juga menyediakan insentif potongan cukai bagi pengusaha pelancongan yang membina hotel bertaraf dua dan tiga bintang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti memperoleh sijil, pendaftaran projek, pelancongan berdaftar sebagai premis penginapan pelancong dan memperoleh penarafan bintang *star rating* sekurang-kurangnya satu bintang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga menggalakkan penduduk desa termasuk pengusaha-pengusaha muda untuk terlibat dalam bidang pelancongan. Walaupun kementerian ini tidak mempunyai peruntukan yang berbentuk rancangan perdana seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Buat masa ini, pengusaha-pengusaha muda boleh melibatkan diri dalam program pengalaman *homestay* Malaysia seperti menyediakan bilik penginapan, melibatkan diri dalam aktiviti perusahaan kecil seperti penghasilan kraf, batik, makanan tradisional, persembahan kebudayaan dan sebagainya.

Di kawasan Kuala Kangsar khususnya terdapat 2 buah *homestay* yang telah mendaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tetapi malangnya Yang Berhormat, *homestay* Lubuk Merbau ini dengan *homestay* Chenderoh dalam kawasan saya. Tetapi kita akan menunggu Yang Berhormat untuk mencadangkan mana-mana kampung pula untuk kita membangunkan *homestay* dalam kawasan Kuala Kangsar. Bagi Januari hingga Jun 2016, ini cerita *homestay* Lubuk Merbau tak payah sebutlah ini kawasan saya.

Tambahan daripada itu, kementerian juga membantu masyarakat desa dari segi menyediakan latihan yang bersesuaian seperti Kursus '*We Are The Host*' dan Kursus Asas Pelancongan Desa: *Homestay* bagi meningkatkan kemahiran dan

kesedaran penduduk desa dan pengusaha-pengusaha muda mengenai kepentingan industri pelancongan yang dapat menambahkan pendapatan seisi rumah. Ada Yang Berhormat hendak tanya apa-apa? Tak ada terima kasih Yang Berhormat seperti yang dijanjikan kurang daripada satu jam. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Saya jemput Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Sila Yang Berhormat.

3.44 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara boleh menggunakan kurang dari satu jam juga jika gangguan tak begitu banyak saya beri tumpuan kepada mereka yang lapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh membahaskan peruntukan-peruntukan dan butiran di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sepanjang sesi perbahasan Belanjawan 2017.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebagai satu teras utama Rancangan Malaysia Kesebelas adalah pertumbuhan hijau atau *green growth* yang menjurus kepada pembangunan lestari termasuk pengurangan intensiti karbon atau *decarbonization* dengan izin dalam ekonomi negara. Dalam hal ini, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu tindakan dan kerjasama sedang akan diambil untuk melaksanakan pelbagai inisiatif seperti peningkatan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), penggunaan tenaga secara cekap, pembangunan bandar rendah karbon serta peluasan sistem pengangkutan awam melalui pelaksanaan Mass Rapid Transit (MRT) dan penggunaan kenderaan elektrik.

Dari segi tenaga boleh baharui tindakan sedang diambil untuk menjana 1000 megawatt tenaga solar berskala besar bagi tempoh 2017 ke tahun 2020. Bagi inisiatif kecekapan tenaga langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 8 *percent* dalam tempoh 10 tahun mulai 2016. Dalam belanjawan 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM1.576 bilion untuk perbelanjaan pembangunan melibatkan 42 *percent* untuk program bekalan air, 32 *percent* program pembetulan dan 22 *percent* program bekalan tenaga elektrik.

Antara inti pati penting belanjawan 2017 bagi kementerian ini adalah peruntukan RM15 juta bagi pelaksanaan satu program baharu iaitu program pengurangan *Non Revenue Water (NRW)*. Melalui peruntukan ini kementerian menyasarkan peruntukan kadar NRW kepada 25 *percent* pada tahun 2020. Soalan itu sejumlah RM665 juta telah diperuntukkan bagi rancangan bekalan air negeri-negeri yang terdiri daripada 67 projek seluruh negara bagi memastikan bekalan air mencukupi dan berterusan untuk mematuhi permintaan domestik dan perindustrian.

Peruntukan tersebut menyumbang kepada perluasan liputan bekalan air bersih terawat demi menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia. Kerajaan juga merancang membina loji rawatan kumbahan berpusat, sistematik serta mematuhi standard iklim sedia ada dengan peruntukan RM510.7 juta. Selain itu peruntukan ini juga melibatkan pembinaan rangkaian paip pembedungan. Ini juga adalah salah satu perancangan kementerian ke arah persekitaran yang lestari dan melindungi sumber air negara. Untuk Dewan yang mulai ini juga, prestasi bekalan elektrik adalah diukur menggunakan *System Average Interruption Duration Index* ataupun kita sebut SAIDI sebanyak RM342.9 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf bekalan elektrik Sabah demi memastikan penurunan kadar gangguan bekalan elektrik SAIDI di Sabah kepada 210 minit bagi per pengguna bagi tahun 2017.

Dari segi pencapaian petunjuk SAIDI di Sabah menurun dari 687 minit per pengguna pada 2010 kepada 376.26 minit per pengguna pada 2015. Ini adalah bukti komitmen kerajaan pusat bagi memastikan penduduk Sabah dapat menikmati bekalan elektrik yang berterusan dan berdaya harap. Nanti saya akan sentuh ucapan Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat. Ada dua.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *I think* Yang Berhormat Penampang tiada berucap, saya kasi sama Yang Berhormat Putatan dululah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab saya ada berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya silakan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan sebab soalan ini ada berkaitan dengan perbahasan saya. Apa yang Yang Berhormat Menteri laksanakan pada minggu yang lepas memang dialu-alukan oleh rakyat negeri Sabah.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Ini satu pujian dan mesti direkodkan juga usaha Yang Berhormat Menteri dari Sabah yang berada *soft heart* kepada rakyat negeri Sabah. Walau bagaimanapun SAIDI Sabah ini Yang Berhormat Menteri memang ada bukti sudah kurang tetapi ini satu juga teguran daripada rakyat ini masih belum dirasai sebenarnya kekerapan *blackout* bukan sahaja di Pantai Barat tetapi saya rasa di Lahad Datu, Sandakan, Tawau.

■1550

Apakah jenis-jenis projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu supaya dapat menenangkan perasaan rakyat di Sabah tentang kekerapan *black out* ini? Adakah Yang Berhormat sudah kenal pasti projek-projek yang akan dilaksanakan dengan masa yang terdekat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri, sekejap sahaja. Soalan yang dekat sama Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tadi saya berucap tiga hari, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Ada berucap tetapi sentuh ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya setuju dengan soalan Yang Berhormat Putatan tetapi saya ingin tanya, selama 10 tahun lah *I mean* dalam masa 10 tahun kenapakah tidak diketahui apa punca *black out* di Sabah yang kerap kali jadi dan kenapakah di Semenanjung Malaysia tidak begitu? *Why are we* dengan izin, *why are we facing this in Sabah almost weekly but not in Kuala Lumpur or Semenanjung at all?* Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Secara langsung sekali.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, sama juga itu.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Secara langsung sekali. *I think.*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri..

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sandakan, tunggu saya baru balik dari Sandakan. Nanti..

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Okey.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kelmarin lalu saya di Tawau. Jadi okey, pertamanya, Yang Berhormat Penampang *you see* SESB ini 80 peratus milik TNB, 20 peratus milik negeri Sabah. *Strictly*, dia sebagai satu utiliti, dia harus seperti TNB, dia tak menerima apa-apa pun peruntukan daripada Kerajaan

Pusat kerana dia sebagai satu utiliti. Pembangunan elektrik luar bandar, ia di bawah KKLW di perbandaran di bawah utiliti yang telah pun diberi tanggungjawab menguruskannya. Masalahnya SESB 22 tahun dia punya tarif tidak pernah naik.

Jadi pendapatan *income* oleh pihak SESB sebenarnya tidak mencukupi pun untuk menampung belanja, terpaksa TNB memberi *advances* antara RM180 juta sampai RM200 juta untuk lima tahun, empat tahun sebelum ini. *So, chicken and the egg* dan selepas itu Kerajaan Pusat mengatakan okeylah, walaupun dia satu utiliti Sendirian Berhad kita bantu untuk mulai lima tahun yang dulu *loan* dan geran setelah mula di-*channel*-kan diberi oleh Kerajaan Pusat.

Bilakah sampai dalam jawatan tersebut misalnya untuk empat tahun yang akan datang RM2.3 bilion diberi oleh Kerajaan Pusat untuk menaik taraf *transmission, distribution, connectors-connectors* dan untuk mengurangkan SAIDI. Lima tahun dulu 1,700 minit satu pengguna untuk Sabah, okey. Sampai mantan menteri Saudara Tan Sri Peter Chin pernah memberi jaminan kalau sudah turun pergi 700, dia *resign* dia bilang. Akan tetapi sebelum dapat capai dekat 700 itu daripada 700 *I pick, last year 350*.

Mengenai SAIDI ini, dia betul juga Yang Berhormat Putatan *I am not*, kita dalam isi dan di kementerian, *we are not satisfied* dengan izin, tidak puas hati dengan sekadar penurunan jumlah minit itu. Kita mahu tahu juga penurunan jumlah itu gangguan kerana barangkali minit pendek, lima tetapi dua, tiga kali dia datang, jadi *annoyed* sama to *people*. Saya baru balik dari Sandakan minggu lalu. SAIDI sebenarnya Yang Berhormat Sandakan misalnya telah menurun dari 400 okey, tujuh pergi pada tahun ini kira-kira menurun 410 poin turun tetapi itu gangguan dia meningkat 10 peratus. Jadi, *but this worldwide phenomena* apabila mengira SAIDI ini.

Untuk makluman saya telah menentukan 350 target untuk Sabah. USA pun 260 SAIDI dia. Australia pun 240 dia punya SAIDI walaupun negara-negara yang membangun. Kita berbanding dengan **Baltic states** *most of them are in the 400 tetapi we are high. So* Semenanjung 55 minit. Singapura lima minit, Putrajaya tiga minit sahaja, okey. Kuala Lumpur *is in the range of 30* minit satu pengguna. *So, we are working hard*. Kita sedang bekerja keras untuk memastikan penurunan itu dengan tindakan-tindakan semua dapat dirasai.

Antara untuk kawal Sandakan ini betul, nanti saya sentuh. Sekarang nanti ada satu usaha *task force* khas untuk Sabah oleh TNB dan SESB yang diselaraskan oleh kementerian. *We are going for 450 minutes* untuk dalam tempoh dua tahun ini *and target* kita untuk Sabah tahun depan *hopefully* di bawah 200 termasuk penurunan jumlah itu gangguan. *What are we doing? Replacing double AC wires* semua ini yang

masih *bare* itu. Monyet sangkut pun terus *tripping*, pencurian juga di Tawau, Sandakan. Dua *tower* di Sandakan. Dalam tempoh tiga bulan yang lalu didapati *copper wire* dia orang curi di bawah itu *two tower*. Nanti SESB sedang cuba mengganti itu dengan *carbonize steel which has no value* kalau hendak dijual.

So perlu semua pihak mahu kerjasama. Kalau tidak, ini akan berterusan. Okey Yang Berhormat Sandakan, saya sudah jawab sudah.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Menteri, mengenai masalah Sandakan ini, yang pertamanya saya mahu tahulah, kebanyakan SAIDI yang 370 minit ini seluruh Sabah kah atau yang ada sudah agih ke tempat-tempat. Saya fikir ini Sandakan kalau yang keseluruhan yang gelap di Sabah, Sandakan yang paling hebat. Setiap hari mesti ada *black out* punya. Setiap hari, *likely* ada satu kadang-kadang satu hari, 10 lebih *hour no power*. *And then this one* kita pun sudah maklumkan Sandakan SESB *office* berkali-kali punya jawapan, sama juga lah. Walaupun di sini juga, saya mahu bangkit jugalah. Yang Berhormat Menteri memberitahulah berapa kali bilang ada peruntukan begitu, begitu banyak yang *just recently* juga *RM250 million* akan disalurkan untuk membangun atau membina *[Disampuk]* Ya, tetapi *important*-nya Yang Berhormat Menteri, *important*-nya ialah ini maklum - maklum punya itu tidak pentinglah. Pentingnya bekalan elektrik di Sandakan tidak terputus-putus.

Lagi satu tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut, itu pencurian punya itu. Telah berapa hari juga ada maklum dari SESB bilang setiap tahun ada RM64 million yang dirugikan oleh ini pencurian. Akan tetapi ini saya tidak tahulah bagaimana saya ada mengikut satu *what we call the program* untuk yang *[Disampuk]* Ini yang pencurian itu. akan tetapi yang penting punya, mengapa tidak ada diambil tindakan kasi tangkap itu orang yang curi ini? Kamu hanya kasi putus itu dawai jadi dua jam dia kasi balik pasang balik. Ini tidak ada guna.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itulah Yang Berhormat terima kasih atas sentuhan itu. Saya sudah katakan tadi Sandakan kita dalam, masalahnya Sandakan sila duduk, ialah jumlah *power* sebenarnya tiada masalah. Daripada 275 kilowatt turun kilo volt itu pergi 132. Masalahnya adalah itu *distribution* 33KV dan di sanalah itu tidak boleh angkat, tidak boleh. So sedang kita buat dua pencawang masuk utama (PMU). Satu sudah jalan, satu *to be attended on shortly* supaya terpaksa menghentikan karbon kepenggunaan. Kebanyakannya *tower* kita ada Sandakan itu 33KV, dia tidak boleh angkat. Tambah lagi itu pencurian-pencurian. Pencurian ini terpulanglah. Yang Berhormat perlu mahu bantu juga.

Ini sebab berasaskan kepada laporan, kadang-kadang pegawai SESB pergi *dismantle* dengan polis, petang esok dia sudah sambung balik khususnya di kawasan-kawasan setinggan. Jadi ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk pemimpin masyarakat, pengerusi JKK, JKDB untuk lapor kepada kita. Kalau tidak, maka harap sahaja SESB dan polis untuk pergi atur tidak boleh dapat diselesaikan.

■1600

Cukuplah, nanti saya balik lagi, apa lagi? Nanti kita bincang teh tarik, bolehlah itu, okey. *We are serious, I will come to* Sandakan setiap tiga bulan. Kalau saya datang Sandakan setiap tiga bulan, kita dengar taklimat sama-sama, okey, boleh ya? *All right*. Okey Yang Berhormat terima kasih. Dalam perbahasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panggil juga BN Yang Berhormat. Kalau bagi taklimat panggil BN, jangan panggil dia seorang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Memang Barisan Nasional dulu tetapi saya panggil juga dengarlah daripada dengar *third hand*, bagus dengar *first hand* dalam soal penyelesaian di bandar-bandar ini. Dalam perbahasan Belanjawan 2017 tadi, saya katakan tadi lapan orang Ahli iaitu Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Hulu Langat telah mengambil bahagian dalam perbahasan isu-isu berkaitan dengan fungsi kementerian ini.

Yang Berhormat Alor Setar ada? Tidak ada. Kalau tidak, saya *skip* ya Yang Berhormat Alor Setar. Akan tetapi oleh sebab penting saya sentuh jugalah. Membangkitkan isu yang berkaitan dengan krisis air di Kedah. Bertanya inisiatif Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan dalam perkara ini.

Untuk makluman, Kerajaan Persekutuan prihatin dengan keperluan rakyat di Kedah dan juga di negeri-negeri lain bagi mendapatkan bekalan air yang mencukupi, berkualiti dan berterusan untuk kegunaan seharian. Kerajaan Persekutuan juga begitu prihatin dengan masalah bekalan air di negeri Kedah dan telah memperuntukkan RM103 juta bagi pelaksanaan lima projek bekalan air di Kedah pada tahun 2017. Projek-projek ini ialah projek menaik taraf Loji Rawatan Air Pelubang, projek menaik taraf Loji Rawatan Air Jenun Baru. Manakala tarikh menaik taraf Loji Rawatan Air Selambau, menaik taraf Loji Rawatan Sungai Limau dan menaik taraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama.

Pihak kita yakin pelaksanaan projek ini akan dapat membantu menangani krisis bekalan air di negeri Kedah dalam aspek peningkatan liputan kualiti perkhidmatan dan

pengurangan kadar kehilangan air. Selain itu, Kerajaan Negeri Kedah juga disarankan untuk menyertai skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air untuk menikmati beberapa faedah pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Ini termasuk pembiayaan perbelanjaan modal ataupun *capital expenditure* (CAPEX), dengan izin dan pembangunan sumber air melalui kemudahan geran.

Yang Berhormat Kluang telah membangkitkan masalah bekalan air di Johor. Yang Berhormat Kluang mana? Tiada. Johor banyak masalah air. Okey, saya sentuh juga kerana supaya Ahli Yang Berhormat tahu apa yang Kerajaan Pusat sedang laksanakan. Cadangan supaya garis panduan piawaian disediakan oleh Kerajaan Persekutuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan skim '*Name and Shame*' dilaksanakan supaya senarai empangan-empangan di bawah kerajaan negeri yang tidak mengikut kriteria yang ditetapkan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bidang kuasa ke atas sumber air terletak di bawah kerajaan negeri seperti yang termaktub di bawah Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Manakala Kerajaan Persekutuan melalui penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau Akta 625 hanya mengawal selia hal berkaitan perkhidmatan dan bekalan air sahaja.

KeTTHA juga prihatin dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang. Malah saya sendiri telah turun padang pada bulan Disember yang lalu bagi meninjau kawasan tadahan air di negeri Johor. Saya secara peribadi mendapati kebanyakan kawasan tadahan di sekeliling empangan dibina di Johor telah digunakan untuk tujuan pertanian yang telah menyebabkan sumber air di kawasan tadahan terjejas.

Sebagai contoh, kualiti air mentah di Sungai Sembrong Kiri terjejas akibat pengambilan air bagi tanaman sayur. Manakala tanaman berskala besar seperti pokok betik dan kelapa sawit di kawasan tadahan Empangan Lebam, Empangan Congkok telah menyebabkan kuantiti air mentah berkurangan. Dengan izin, *there is hardly any catchment area* melindungi kawasan-kawasan tadahan sehingga pihak Kerajaan Pusat sedang meneliti apa perundangan yang boleh digunakan bersama untuk memastikan masalah-masalah seperti ini dapat dikurangkan.

Dalam Belanjawan 2017...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat bangun, Yang Berhormat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Hulu Langat ada tapi ini kalau di tengah-tengah...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit sahaja berkait dengan kawasan tadahan air, itu yang saya risau. Oleh sebab itu saya minta kalau mereka mengharap negeri sahaja mungkin tidak berjalan dengan baik. Jadi Kerajaan Pusat dan negeri bersama-sama gazatkan kawasan tadahan air sebab itu kita sudah tengok daripada dulu tanam sayur, tanam kelapa sawit, jadi akhirnya air hujan tidak masuk ke empangan Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Betul Yang Berhormat Hulu Langat. Ada ruang yang *no man's business so to say* dengan izin, di dalam keadaan ini. Kami pihak KeTTHA merawat air dari sungai dan empangan. Sering kali dalam definisi empangan itu yang kawasan air sahaja empangan jadi, yang kawasan luar air itu, negeri itu ataupun *state land*, jadi macam di Empangan Lebam di kawasan Johor, sedia maklum kerana kerajaan negeri sedang mahu gazet, ambil balik tanah-tanah di sekeliling, sudah menjadi tanah swasta.

Jadi adalah siasatan pada saat ini oleh Kementerian Sumber Asli, sedang meneliti satu undang-undang yang dibincangkan dengan negeri sebab peranan masing-masing itu dapat dikenal pasti secara terperinci supaya kita tahu— begitu juga di Bakun, Sarawak, satu *dam*, empangan yang begitu besar. Kuasa Sarawak Hidro adalah sekadar air tetapi di *siring-siring* di luar itu mesti kerajaan negeri dan tidak ada kuasa mereka yang menjaga air untuk memainkan peranan untuk memastikan perlindungan kualiti di situ.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah? Sekejap sahaja *just a small question*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Timbalan presiden kah? Warisan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Warisan apa itu?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang baik punya. *Anyway* terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Presiden ada dalam Dewan Yang Berhormat, dia kena bangun.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Ya *of course*. Yang Berhormat Menteri, dengan izin *since you mention the dam*, bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rancangan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat berkenaan dengan Kaiduan *Dam* itu selepas pembongkaran besar *corruption* di Jabatan Air Sabah. Oleh sebab timbalan pengarah *was very active* di kawasan saya di

Penampang untuk mempromosikan Kaiduan *Dam* itu. Saya faham kementerian beliau sokong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, isu baru boleh tidak dijawab.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak ada kena mengena. Hanya mengatakan bahawa ini soal Kaiduan itu soal kerajaan negeri. Bila dia memerlukan peruntukan baru dia cari Kerajaan Pusat. Jadi itu harus mereka patuhi semua peraturan yang ada termasuk sentimen rakyat dan seterusnya. Ya ini Presiden Warisan senyum-senyum sana, dia pakai dia punya lambang kapal jauh dari Semporna mahu datang KK. Harap tengah jalan tidak hanyutlah okey. *[Ketawa]* Baiklah...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Alor Setar Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Alor Setar tidak ada bahas pun Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Saya...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya masih bincang perkara di sebelah Johor.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Tadi saya dengar sebab Yang Berhormat Menteri ada sebut nama Yang Berhormat Alor Setar cuma saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah dijawab tadi. Sudah dijawab pun tadi Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sudah jawab semuanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Boleh saya minta untuk jawapan dalam bentuk bertulis?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Boleh, nanti saya bagi salinan dalam *Hansard*, boleh minta *copy*. Dia perlu negeri Kedah *migrate* kepada Akta 655 supaya lebih senang kita untuk membantu.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Oleh sebab memang Kedah mengalami satu masalah krisis air yang cukup besar yang melibatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah dijawab tadi Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sudah jawab tadi, terima kasih. Di dalam Belanjawan 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara jelas memberi penekanan agar kawasan tadahan air

dipelihara dan memastikan kawasan yang telah diisytiharkan sebagai hutan simpan dan taman-taman nasional dijaga serta sentiasa dipertahankan agar tidak dicerobohi. Perkara ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya kerajaan negeri, pihak swasta, rakyat keseluruhannya memberikan kerjasama sepenuhnya untuk sama-sama memelihara kawasan yang telah digazet sebagai kawasan tadahan.

KeTTHA melalui SPAN sentiasa melaksanakan aktiviti pemantauan supaya pembangunan *infrastructure* bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air termasuk sistem agihan adalah selaras dengan peningkatan permintaan. Ketersediaan sumber air mentah diperlukan untuk menjamin kelestarian bekalan air terawat dengan pengurusan sumber air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui bidang kuasa kawal selia negeri yang sedia ada.

■1610

Yang Berhormat Tanah Merah telah menyuarakan kebimbangan terhadap ketidakcekapan pengurusan Syarikat Air Kelantan (AKSB) dan sekiranya tiada dalam rombakan dalam pengurusan AKSB, akan memberi kesan negatif usaha penstrukturan semula industri perkhidmatan air, bekalan air bagi kerajaan, bagi negeri Kelantan yang telah dimuktamadkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penstrukturan semula industri bekalan air Kelantan telah dimuktamadkan pada 14 September yang lalu. Perlu ditegaskan walaupun Kelantan ditadbir oleh pembangkang tetapi Kerajaan Pusat yang terajui oleh Barisan Nasional tetap menjalankan tanggungjawab pada rakyat, memastikan rakyat di negeri Kelantan menikmati bekalan yang berkualiti dan mencukupi.

Akta Industri Perkhidmatan Air, Akta 655 yang saya sentuh tadi telah memperuntukkan mekanisme kawal selia yang mencukupi ke atas AKSB. Di dalam hal ini operasi AKSB akan dipantau rapi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) meliputi mutu dan jumlah bekalan air terawat seperti indeks kekeruhan, tekanan air, liputan bekalan air dan juga kadar kehilangan air tidak berhasil ataupun NRW. Sekiranya AKSB gagal mematuhi KPI yang ditetapkan, tindakan boleh diambil di bawah Akta 655 seperti denda tidak melebihi RM500 ribu, dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan lesen AKSB itu boleh dibatalkan.

So, they have to ensure that they perform. Kalau dia tidak *perform*, lesen boleh dibatalkan dan diberi kepada mereka ataupun syarikat lain yang boleh mengambil proses dalam *bidding*. *So, don't worry*, kita akan pastikan supaya KPI-KPI yang ditentukan hendaklah dipatuhi. Yang Berhormat Tanjong Piai...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Dari Kelantan. Ucapan terima kasih. Pertama sekali saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian kerana berjaya, kita nampak di sana itu mungkin penyelesaian kepada masalah air di Kelantan akan selesai. Soalan saya ialah AKSB sekarang ini masih lagi menjalankan prosedur penjaga bekalan air di Kelantan. Tetapi masalah besar kita ialah *ratification to* paip-paip ke rumah ini adalah sudah lama dan banyak menyebabkan *non revenue water or NRW* itu lebih daripada 50 peratus kehilangan, kerugian di situ.

Jadi, apakah bantuan-bantuan yang secepat yang untuk tahun depan, untuk tahun seterusnya yang disediakan oleh kerajaan untuk menyelesaikan NRW yang begitu tinggi disebabkan oleh bekalan paip yang sudah lama tidak ditukar, 20 tahun, 30 tahun mudah bocor. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya di dalam perjanjian, dalam penstrukturan semula itu, KPI-KPI seperti yang saya katakan tadi telah pun ditentukan. Antaranya ialah penurunan *non revenue water* dan kami sedia maklum bahawa NRW di Kelantan antara yang tinggi. Mulai pada tahun hadapan Kerajaan Pusat akan memulakan satu program yang saya sentuhkan tadi sebahagian peruntukan untuk tahun ini pun telah digunakan untuk *National Programme Reducing Non Revenue Water* dan Kelantan antara yang telah disenaraikan. Sebanyak 6 negeri yang teruk untuk dibantu oleh Kerajaan Pusat.

Jadi seperti yang saya katakan, penggantian paip dan sasaran NRW adalah termasuk di dalam pelan penjagaan AKSB dan nanti akan dipantau rapi oleh pihak SPAN. Okey Yang Berhormat, tadi saya sentuh Tanjong Piai memaklumkan bahawa satu kajian skim pembedungan di perkampungan Atas Air, Pekan Kukup, Pontian, Johor telah dilaksanakan. Memohon supaya kajian tersebut dimuktamadkan sekali gus dapat mengatasi masalah sistem kumbahan yang tidak sempurna dan tidak memuaskan. KeTTHA melalui Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) telah melaksanakan kajian Skim Pembedungan di Kampung Kukup Laut Air Masin, Tanjong Piai, Pontian, Johor pada Februari 2014.

Hasil kajian mendapati terdapat keperluan untuk menyediakan satu sistem pembedungan yang mengelakkan pencemaran menjadi bertambah buruk di kawasan perkampungan atas air Pekan Kukup dengan kapasiti 1,000 populasi setara ataupun *population equivalent* dengan izin dengan, anggaran kos berjumlah RM12 juta. Peruntukan bagi projek ini akan dikemukakan untuk pertimbangan Unit Perancang

Ekonomi, JPM di bawah *Rolling Plan* Ketiga 2018 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu saya sudah jawab sebahagian tadi.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Piai ya.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Tanjong Piai, okey.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Berkaitan dengan sistem kumbahan tersebut. Ia sudah makan masa panjang sudah, sudah lama. Jadi keputusan yang muktamad, cuma kata Yang Berhormat Menteri saya hendak tahu bila boleh dilaksanakan. Kadangkala jawapan itu mungkin muktamad tapi kita tidak nampaknya perlu sangat sebab pelancong semakin saban hari saban hari bertambah ramai. Jadi saya harap kementerian boleh membantu bukan saja muktamad tapi dalam masa terdekat. Kalau boleh bagi satu tempoh yang tertentu maklumkan kepada kami. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey Yang Berhormat Tanjong Piai, seperti yang saya sentuhkan tadi mengikut perancangan, kewangan sedang diperolehi daripada pihak EPU. Yang Berhormat pun boleh susulan dan tujuannya untuk *Rolling Plan* Ketiga 2018. Akan tetapi jika ini begitu mendesak, pihak kita boleh sokong untuk mengawal peruntukan tersebut kerana kajian telah pun siap. Sementara itu sila rujuk dengan Yang Berhormat Menteri JPM, EPU. Okey, Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya sudah jawab tetapi saya memuaskan hati Yang Berhormat. Saya sentuh juga iaitu bekalan elektrik ke Kota Kinabalu yang sering terputus dikatakan dan memerlukan satu kualiti perkhidmatan SESB yang belum mencapai taraf Yang Berhormat sentuhkan.

Okey, saya sudah katakan tadi, kalau SAIDI sebenarnya- saya di Kota Kinabalu telah pun telah menurun banyak daripada 2015 sebanyak 391 atau 352 pada tahun setakat sasaran kita ini dan untuk bulan Oktober dan September pun menurun juga. Jadi, namun ada beberapa sektor yang *consistently having some problem* dan perlu tunggu pembinaan 2-3 PMU yang sedang berjalan di Tanjong Lipat. Satu juga dekat UMS yang sudah mulai dijalankan. *So, it gives us a little bit more time I think and next 2 months* situasi harus boleh *improve, okay*. Seperti mana saya katakan tadi ada usaha khas TNB, SESB turun padang. *They are sending more 60 engineers to Sabah to just deal with SAIDI issues* di kota-kota yang tinggi dia punya SAIDI.

Masuk di situ dan tukar *connectors*, tukar wayar yang *bare* itu, yang tiada celana kepada ABC atau *air bundle cables* dan beberapa lagi yang akan dijalankan. Nanti *I'll get* Sabah MPs *to monitor the situation in their own* kawasan lah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi SAIDI bagi sektor satu saya katakan tadi, yang terdiri dari Kota Kinabalu, Wilayah Persekutuan Labuan, Tawau, Sandakan adalah semakin baik jika dibandingkan pada tahun 2014. Bacaan indeks SAIDI pada tahun 2014 sudah 372 minit dan untuk satu penggunaan berkurangan kepada 306 okey pada 2015 dan seterusnya semakin berkurangan kepada 211 pada bulan Oktober yang baru selesai.

So, the trend is definitely down but tetapi saya sedia maklum, jumlah gangguan itu minit dia betul, masih lagi belum memuaskan. Itulah tujuan satu projek khas iaitu SAIDI 150 untuk Sabah yang bakal saya lancarkan pada bulan ini juga, SESB, TNB dan Suruhanjaya Tenaga. Puas hatilah, apa lagi?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Belum lagi Yang Berhormat Menteri. Ya Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya mahu kasi ingat Yang Berhormat Menteri, sepatutnya mungkin Bajet 2015 ada umum. *Target SAIDI* di Sabah 100. Ya, ada sana 100.

■1620

Saya pun hairan. Kalau boleh capai 100 ini, *excellent* tetapi sekarang ini 400—dulu 400. Jadi sekarang hanya turun 300 tetapi 300 lebih masih lagi *high compare to* Semenanjung, *compare to Sarawak*. Sarawak, berapa Menteri, Sarawak SAIDI?

Kedua, saya mahu tanya Menteri, baru-baru ini media *report* kata lebih tiap-tiap tahun—tadi Sandakan sudah umum, cakap tiap-tiap tahun rugi RM60 juta kerana curi karan oleh pendatang tanpa izin khasnya. Ada kurang lebih 170 rumah setinggan seluruh Sabah curi karan sudah berapa tahun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, SESB tahun 2015 hanya untung *net profit* kurang lebih RM98 juta tetapi kena curi RM60 juta, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mahu tahu, kenapakah SESB, kalau orang pencuri, curi satu tin sardin pun kena hukum masuk jel satu tahun atau kena kompaun lagi. Kenapa pula begitu ramai orang curi karan ini senang sahaja? Itu dawai sambung sampai dia punya rumah, ini sudah pasti ada bukti sudah. Kenapa tidak boleh tangkap dia terus hukum di mahkamah? Saya kira bagi pandangan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Seperti yang saya katakan, operasi-operasi oleh pihak SESB dan pihak polis dijalankan juga. Kebanyakan ini adalah di kawasan rumah yang tidak berdaftar ataupun kawasan setinggan. Saya pun terkejut juga, Tuan Yang di-Pertua, sebab *it seems they are very*

skills people either mempunyai *technical*— dia boleh *connect underground* juga. Sukar untuk mengambil...

Satu, itu rumah adalah rumah tidak berdaftar, setinggal. Jadi mahu *charge* sama dia, dia bukan tinggal tetap di situ. Tiada alamat pun kerana itu kampung tidak diiktirafkan oleh kerajaan negeri *or local government*. So, kita perlu pendekatan yang lain.

Ada di antara Yang Berhormat bangkitkan juga, dia bilang adakah ini kerana kerja dalaman dan sebagainya. Saya jemput kalau ada apa-apa bukti. SPRM juga. Untuk tujuan Yang Berhormat telah mengambil tindakan juga kepada siasatan di dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, itulah boleh salurkan kepada SESB dan juga pada SPRM dan kita akan cuba mengambil tindakan.

Masalahnya kerana itu rumah bukan rumah berdaftar. Dia *illegal squatters*. Kalau mahu *charge* pun, dia punya rumah pun tidak berdaftar, apa macam? Jadi terpaksa menggunakan *I think* pendekatan yang lain. Kerjasama dengan Pengerusi JKKK, JKDB dan seperti mana pernah saya laporkan juga, petang potong, malam sudah sambung. So, itulah tetapi *we won't give up* lah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Minta laluan sedikit. Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri. Sedikit lagi.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *I think* cukuplah kecuali Yang Berhormat ada cadangan yang kukuh.

Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *[Bangun]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya tidak puas hati, Yang Berhormat Menteri, itu orang tidak boleh *charge*. Kita bukan *charge* itu rumah. Apa guna kalau *charge* itu rumah? Kalau *charge*, itu oranglah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tapi..

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi itu orang pasti dia boleh tangkap dia '*mah*', betulkah? *Illegal* mesti dia pulang rumah punya, jadi kenapa tidak boleh tangkap? Kenapa? Itu kepala ada cucukkah?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tangkap boleh tetapi mahu *charge* dia orang asing apa macam? *See*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *Nothing to deport him. At least you put him in jail*, kasi rotan dia, kasi buang dia pulang kampung. Okey? Ini kenapa tidak boleh *charge*? Saya bukan suruh Yang Berhormat Menteri *charge* itu rumah. Jadi kenapa SESB tidak boleh kerjasama dengan polis, sama imigresen? Apa hal?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Boleh. Dia buat juga tetapi inilah masalahnya....

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini Kerajaan Barisan Nasional. Ini dia orang punya *duty*. Kita mahu Yang Berhormat Menteri mesti mahu ambil inisiatif. Mesti mahu tubuh satu unit khas, kasi sistematik hapuskan ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itu dalam proses kita untuk... **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini bukan lagi curi karan, curi lagi air. Inilah dia *king*. Inilah wang rakyat kasi curi sahaja.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sebagai Ahli Parlimen, bagus buat satu gerakanlah memantau di sana, tolong untuk memantau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Biar saja dia curi. Jadi bila sudah lebih, tambah lagi. Jadi air sama karan, kalau ini macam, tetap bankrap punyalah. Apa macam ini? Tak pandai kerja, turun letak jawatanlah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Bukan begitu. Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen di sana boleh buat gerakan bersama juga. Bawa *you* punya geng pergi cari dia orang semua ini, bantu. Kalau cakap-cakap sahaja, bila ada operasi, duluan lari lagi daripada polis, susahlah. Okey, nanti kita boleh telitikan.

Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Semporna bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini Yang Berhormat Semporna jaga luar bandar dulu, sekarang tukang jaga kapal punya. Okey, pendek sahaja.

Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri pun sudah sebut tadi tentang gangguan bekalan tenaga di peringkat negeri Sabah, bekalan elektrik khususnya dan saya ingat sebelum persoalan saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah merdeka sudah lama, lebih daripada pembentukan Malaysia, 50 tahun lebih. Bekalan elektrik di kawasan negeri Sabah agak jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain dan antara masalah yang dihadapi untuk kita menarik para pelabur datang ke negeri Sabah, bila dibangkitkan, ialah persoalan dari segi keupayaan tenaga yang ada.

Saya masih ingat dahulu rakan saya daripada Sibu menjadi Menteri, Datuk Peter Chin, jaminan dia berikan bahawa masalah ini akan diselesaikan dan dia akan letak jawatan kalau tidak selesai. Tetapi masalah ini masih berbangkit. Bekalan tenaga

di peringkat negeri Sabah, walaupun ada usaha. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri mengatasi masalah ini.

Saya hendak tahu jaminan kerajaan terhadap penyelesaian masalah bekalan elektrik di peringkat negeri Sabah ini. Bila agaknya rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah ini— jangka masa untuk membolehkan supaya pelan induk untuk kita boleh bagi tumpuan pembangunan sektor-sektor tertentu di peringkat negeri ini dapat kita atasi keperluan para pelabur yang ada di peringkat negeri Sabah? Bila jaminan akan diberikan?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Baiklah, Yang Berhormat Semporna ini cukup fasih. Dahulu dia duduk di sana, dia jaga bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar. Harus mesti sini lagi supaya banyak lagi duit datang Sabah tetapi sekarang sudah pilih di sebelah sana. Itu perkara lain.

Tetapi situasinya ialah setakat ini dari segi jaringan keseluruhan, 95 peratus negeri Sabah memang dapat dibekalkan walaupun *on stand alone* ataupun melalui dengan grid. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua adalah kualiti *of the sustainability and quality of the power* kerana dari segi *transmission and distribution*, perlu pelaburan yang lebih banyak lagi.

Dari segi margin sekarang ini sebenarnya *much better*. *Operating margin* dia orang *about* lapan *percent* sampai 15 *percent*, ada kadang-kadang 80 megawatt sampai 150 megawatt. Tapi, *the grid needs to be strengthen* dan juga *generating capacity* perlu diperbanyakkan. Itulah antara projek yang ditandatangani di China iaitu projek paip gas daripada Tuaran bawa pergi Sandakan supaya kita *fire* itu IPP dengan gas antara 300 megawatt. Kerana saat ini kita eksport ke Pantai Timur kira-kira 220 megawatt.

Saya baru balik dari Tawau, memang SAIDI menurun tetapi bilangan kualiti servis itu kerana *the grid and the network* tidak boleh angkat dan masih kita [*Tidak jelas*] Bila? *I think this* tiga tahun kita boleh pulih sebab *renewable* pun, solar-solar semua ini sudah mulai masuk dan 300 megawatt di Sandakan— gas— ada *repowering* 60 megawatt di Sandakan dan di Lahad Datu 30 megawatt yang dijangka dalam 16 bulan ini.

Strengthening terpaksa mahu eksport daripada Pantai Barat dan dia di*transfer* dalam 275 kilovolt punya *transmission*.

■1630

Downgrading pergi 132. Kebanyakannya *network* adalah 33kV yang tidak boleh angkat *demand*. Dan kalau ada *lighting*, kalau nak curi lagi *earth* dia, *copper*. Jadi inilah yang semesti kita pandai uruskan. Akan tetapi peruntukan *Federal* empat tahun

ini RM23 juta. *Do transmission, do distribution, do connectors* dan Yang Berhormat Semporna bolehlah *monitor* nanti. Yang Berhormat Kota Tinggi dalam perbahasannya telah membangkitkan berkenaan isu dan rasional pemberhentian mekanisme FIT tarif. Tarif FIT oleh kementerian dan diganti dengan mekanisme *net energy metering* pada 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat, *net energy metering* adalah mekanisme yang diperkenalkan bagi menggalakkan pengguna yang layak memasang solar PV bagi penggunaan sendiri. Hasil lebihan penjanaan tenaga elektrik melalui NEM boleh dijual kepada syarikat utiliti iaitu TNB atau pun SESB dan keuntungannya diperoleh melalui *offset* dengan bil elektrik pengguna. Mekanisme ini akan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik daripada grid serta juga penggunaan elektrik yang lebih cekap.

Di samping itu, mekanisme *net energy metering* ini diperkenalkan sebagai instrumen *alternative* untuk meningkatkan penjanaan tenaga boleh baharu selain daripada mekanisme pelaksanaan FIT yang masih dilaksanakan sehingga kini. Tawaran kuota FIT masih ditawarkan kepada semua sumber tenaga boleh dibaharui namun buat masa ini kuota PV, solar PV melalui FIT hanya akan ditawarkan bagi kategori komuniti mulai 2017. Jumlah megawatt adalah 100 megawatt satu tahun.

Okay. 100 megawatt satu tahun untuk lima tahun yang akan datang jadi 500 megawatt untuk *net energy metering*. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pohon. *You consume* apa ini, apa yang perlu, lebihan *you* boleh jual kepada grid. So, ini adalah *innovation* yang kita adakan. Jadi, bukan juga FIT telah ditamatkan, kita fokus kepada perkara-perkara solar untuk komuniti. *The rest, last solar, last scale solar* iaitu 251 tahun untuk *the next five years, four years so 1,000 open bidding*.

Name your price, masuk open bidding, transparent. Dia boleh isi, *on top of that* di atas itu, 500 megawatt, 100 satu tahun untuk *net energy metering*. Jumlah keseluruhan 1,500 untuk lima tahun yang akan datang. Tambah lagi MySuria yang dijangka akan menelan about 20,30 megawatt satu tahun sebelum diperluaskan. Jadi, ini usaha-usaha kita untuk memastikan tenaga boleh dibaharui menjadi antara sektor yang terbesar. *In fact, sektor EPC, sector engineering, manufacturing* akan bangkit ke tahap yang lebih tinggi dengan adanya perancangan ini. Ahli Yang Berhormat Hulu Langat, Ahli Yang Berhormat Klang. Minggu lepas tidak ada berbahas.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini penghabisan dua orang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri saya cuma nak *correct* sikit. Ini soalan daripada saya Bayan Baru dan bukan daripada Kota Tinggi ya. Saya nak tanya Menteri tentang *net energy metering* ini dia punya *rate* yang jual kepada *consumer* itu, adakah ia sama dengan *Feed-in Tariff* kerana masalahnya ialah kalau *Feed-in Tariff*, orang pasang solar panel, dia boleh *get the return* ROI dalam lapan tahun okey, lebih kurang tujuh lapan tahun.

Tapi kalau *net metering*, ia tidak dijual pada kadar yang munasabah *that they can't, because they're going to spend* RM30 ribu, RM40 ribu untuk *just* pasang solar panel. Maka kalau ia tidak ada *net metering* itu kadarnya sama dengan kadar TNB sekarang, ia tidak boleh, tidak berbaloi untuk mereka. *So, your whole plan will collapse*. Kalau tidak ada insentif untuk mereka memasang solar panel, apakah insentif kerajaan kepada orang ramai untuk tukar kepada *net metering*.

Soalan kedua adalah *net metering* ini, tadi Menteri kata *net metering* akan dibagi- setahun pertama 100 megawatt tapi tahun-tahun seterusnya akan dinaikkan. Betulkan? 100, 100. Tapi untuk industri akan *open bidding*. Itu *net metering*, tiada *Feed-in Tariff* lagi ya, tiada *Feed-in Tariff* lagi. Okey saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Soal apa ini tarif pembelian masih lagi dalam peringkat mengemas kini, pengemaskinian. Memang tidak tinggi tetapi dijangka *to cover* dengan izin, *displaced cost* untuk TNB. Kita bayang tarif pada 38.52 okey, satu kilowatt *hour*. Jadi, pembelian adalah- itu tidak memangnya *reflect displaced cost* la, *so* mereka sedang telitikan di dalam perkara ini. Dikatakan antara *displaced cost* pembelian itu 38 sampai barangkali 41, tapi belum lagi kita kemas kini. *Okay, we told you imagine higher than what you are consuming*. Daripada pihak *another* *to* memberi, sebab sendiri membayar walaupun pihak kementerian sedang berbincang dengan pihak SEDA jika ada *financial institution* yang kita gabungkan yang khusus boleh membiayai jualan ataupun instrumen-instrumen tersebut.

So, itulah *displaced cost* dikatakan antara 24 sampai 31 sen. Namun untuk memastikan rakyat respons ini dengan positif, mereka perlu *recover* dari segi *investment* mereka. Untuk makluman, maksimum yang dijual adalah sekadar dua kilowatt, untuk rumah individual *houses* dua, 2,000 kilowatt, *two kilowatt*. *Small* tapi ini membolehkan rumah-rumah semua untuk mengambil bahagian. *Industry of course will be higher*. Bila siap nanti mendapat kos yang kalau *displaced cost* adalah 2.8 sen *actually* kilowatt *hour* untuk memberi margin bagi mereka yang *farming* solar di rumah

mereka. Nanti saya maklumkan kepada Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]* Menteri, saya sebenarnya menyokong, Menteri sedikit ya komen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya ini adalah hala tuju untuk supaya setiap rumah itu boleh menjana elektrik sendiri dan kita akan *cut cost* dari segi pembinaan *dam* untuk menjana elektrik atau *nuclear plan* atau mana-mana ya. So, jadi saya rasa *this is the way forward* ya tetapi kita jangan, tetapi kena fikirkan bagaimana *make the every house become a small electrical generation plan* ya, supaya kita tidak payah bayar *long term* untuk penjana-penjana besar IPP dan sebagainya. So, *those cost save should be transfered into household* ya. Jadi, saya minta supaya bagi insentif yang lebih supaya *household* itu *buy into the metering idea*. Then kita sekali gus boleh *save the bigger cost* yang nak bina hak *nuclear power plan* dan sebagainya. Minta Menteri betul-betul *discuss* dengan SEDA tentang isu ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, seperti yang saya katakan tadi, dari segi tarif pembelian masih lagi diperingkat dihalusi. Tapi bulan ini harus kita boleh selesai. Okey. Dan dibuka secara *online* nanti secara *pilot* kita telah buka. Ahli Yang Berhormat Hulu Langat dan Ahli Yang Berhormat Hulu Klang, membangkitkan berhubung dasar kerajaan terhadap penajaan tenaga elektrik melalui sumber nuklear dan bertanya sama ada tenaga nuklear termasuk dalam tenaga, kategori tenaga yang boleh diperbaharui. Yang boleh dikatakan di sini IEAE mengatakan bahawa itu termasuk di dalam kategori tersebut.

Selain itu, Ahli Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Klang juga bertanya tentang inisiatif kerajaan mengenai dengan tenaga boleh diperbaharui dalam usaha menangani perubahan iklim, *climate change*. Sebahagian saya telah jawab ini. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan untuk memasukkan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber penajaan tenaga elektrik.

■1640

Pada masa ini, kerajaan sedang menyediakan pelan komunikasi komprehensif untuk menyalurkan maklumat dan mendapatkan maklum balas penerimaan masyarakat umum terhadap penggunaan tenaga nuklear sebelum sebarang keputusan dibuat. Malaysia adalah ahli *International Renewable Energy Agency (IRENA)* yang mengguna pakai keputusan yang dibuat oleh IRENA *policy*, Ketua Pengarah sementara IRENA yang tidak menyokong program tenaga nuklear sebagai satu tenaga boleh baharu. Ini kerana proses penghasilan tenaga nuklear merupakan satu proses

yang rumit dan panjang, menghasilkan sisa buangan toksik dan berisiko tinggi jika berlaku bencana seperti gempa bumi ataupun tsunami.

Yang Berhormat Hulu Langat ada juga menyentuh berkenaan dengan usaha kerajaan membantu syarikat R&D bagi menghasilkan bas elektrik yang telah mereka gunakan dan telah mendapat perhatian semasa IGEM (*International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference*) 2016 yang baru selesai. Untuk makluman Yang Berhormat, IGEM 2016 telah menerima penyertaan pemilihan daripada 350 syarikat yang terdiri 238 syarikat domestik dan 112 syarikat antarabangsa daripada 22 buah negara. Manakala jumlah pengunjung ke IGEM 2016 mencatatkan seramai 33,903 pengunjung yang terdiri dari 28,741 pengunjung perdagangan dan 5,192 orang awam. Keseluruhan transaksi dan potensi perniagaan yang direkodkan adalah RM2.046 bilion.

Daripada aspek pembangunan dan pengkomersialan, pihak industri tempatan boleh memohon insentif sedia ada di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan skim-skim galakan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Syarikat R&D boleh bekerjasama dengan pihak MATRADE dan MIDA untuk tujuan pengkomersialan di peringkat antarabangsa melalui geran yang disediakan sebagai salah satu usaha untuk menarik minat dan seterusnya bekerjasama dengan para pelabur dari dalam dan luar negara.

Kerajaan juga sedang melaksanakan pembangunan mobiliti rendah karbon. Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Melaka Green Tech Corporation Sdn. Bhd. (MGTC) akan menerajui pembangunan kenderaan elektrik di Malaysia dalam tempoh sehingga 2020. Sebanyak 125,000 infrastruktur stesen pengecas akan dibina menyasarkan pasaran kenderaan elektrik kepada 202,000 kenderaan di Malaysia. Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini dijangka mampu mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 0.58 juta tan CO₂. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu ulasan-ulasan dan penjelasan bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan serta juga dalam gangguan-gangguan tadi.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mana-mana perkara yang tidak sempat disentuh, bolehlah terus berhubung dengan pihak saya untuk mendapatkan maklumat terkini dan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam usaha menghijaukan negara kita.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya minta maaf Yang Berhormat Menteri, masa beberapa persoalan, saya pun tidak terbabit. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia tidak bahas saya punya kementerian...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tidak ada. Cuma oleh sebab saya sengaja tidak mahu terlepas.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Walaupun dahulu saya *force-feed* sama dia tetapi dia cepat-cepat lari kasi tinggal.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Bukan lari. Ini persoalan bukan pasal lari sebelah sini atau sebelah sana. *When something is not right, it cannot be. It is a matter of principal*, dengan izin. Cuma saya hendak soal Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya yang soal.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian. Nanti bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Sekarang giliran Kementerian Kerja Raya. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

4.44 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 25 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat dasar yang turut menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya pada minggu lalu dan hari Isnin serta hari Selasa minggu ini. Mereka ialah Ahli Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Tambun, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Sandakan, Yang

Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Semporna. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan itu. *Insyaa-Allah* saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu untuk memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat secara ringkas mengenai cadangan peruntukan Bajet 2017 yang bakal diterima oleh Kementerian Kerja Raya iaitu seperti berikut: B.27 – Mengurus: Sebanyak RM964.4 juta, P.27 – Pembangunan: Bayaran secara langsung RM2,886.1 juta, secara pinjaman RM2,010 juta, jumlahnya menjadi RM4,896.1 juta. Jumlah keseluruhan RM5,860.5 juta.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta maaf Yang Berhormat, ada Stampin juga. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk rekod dan Bajet 2016 yang dibentangkan pada tahun yang lalu, kementerian ini menerima peruntukan sebanyak RM5.776 bilion secara keseluruhan. Ini bermakna terdapat sedikit peningkatan bakal diterima oleh kementerian ini pada tahun hadapan berbanding tahun ini iaitu tambahan sebanyak RM84 juta. Walaupun begitu, terdapat beberapa komponen ataupun program yang mengalami penurunan peruntukan berbanding tahun 2016, terutama melibatkan komponen di bawah Maksud Perbelanjaan Mengurus seperti objek perkhidmatan dan bekalan, peruntukan penyelenggaraan jalan, bangunan, cerun dan juga pampasan tol. Hari ini saya tidaklah berhasrat untuk memperincikan tentang isu tersebut kerana ia boleh dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara perbincangan peringkat Jawatankuasa kelak.

Namun, sebagai agensi teknikal utama kerajaan, kementerian ini akan berusaha mengoptimalkan setiap sen peruntukan yang telah diamanahkan itu untuk meningkatkan lagi aspek kesejahteraan rakyat, terutama melalui pembangunan infrastruktur melibatkan jalan, jambatan, cerun dan bangunan kerajaan. Cadangan Bajet 2017 untuk kementerian ini adalah bukti dan komitmen kerajaan untuk meneruskan momentum pembangunan negara ini kerana ia memberi kesan langsung terhadap rantaian ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang pertama ialah yang berkaitan dengan jalan Persekutuan. Yang Berhormat Jasin meminta kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan fasa kedua dan ketiga projek menarik taraf Jalan Bemban-Jasin-Tangkak. Terima kasih Yang Berhormat Jasin yang sentiasa konsisten dan tidak jemu membangkitkan isu projek jalan ini dalam setiap perbahasan beliau iaitu sejak tahun 2013 lagi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya mengambil maklum tentang kepentingan pelaksanaan projek ini. Ini berikutan projek itu telah dipecahkan kepada empat fasa, di mana fasa pertama dan fasa keempat telah disiapkan pada tahun 2012 yang lalu. Bagi fasa yang belum dinaiktarafkan iaitu fasa kedua dan ketiga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga sentiasa konsisten memohon kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dalam setiap *Rolling Plan* Rancangan Malaysia tetapi masih belum dapat kelulusan setakat ini. Namun begitu, kementerian ini akan terus berusaha memohon dan susuli perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai pula memohon penjelasan tentang cadangan menaik taraf persimpangan lampu isyarat sedia ada di Batu 24, Jalan Pekan Nanas ke Johor Bahru kepada sistem bulatan atau *roundabout*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Jabatan Kerja Raya Daerah Pontian, penggunaan sistem lampu isyarat di persimpangan Batu 24, jalan persekutuan iaitu FT05 Pekan Nanas masih lagi mampu untuk mengawal kelancaran jumlah aliran trafik semasa. Sehubungan dengan itu, kementerian ini tiada perancangan untuk menukar sistem lampu isyarat sedia ada kepada sistem bulatan trafik (*roundabout*). Tambahan pula, cadangan sistem jalan bulatan trafik akan melibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan untuk tujuan proses pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang memohon penambahan ciri keselamatan di sepanjang Jalan Batu Pahat iaitu FT50.

■1650

Ini termasuklah cadangan pemasangan lampu jalan daripada Plaza Tol Ayer Hitam ke Kampung Sri Lalang yang berisiko kemalangan. Isu status pembinaan pusingan U dan median di Jalan Persekutuan FT50 telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya semasa sesi soalan lisan di Dewan ini pada 24 Oktober yang lalu.

Mengenai cadangan pemasangan lampu jalan daripada Plaza Tol Ayer Hitam ke Kampung Sri Lalang, Kluang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lawatan turun

ke padang oleh Yang Berbahagia Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya iaitu Sektor Infra bersama pegawai JKR Ibu Pejabat dan juga JKR Daerah Kluang telah diadakan pada malam Ahad yang lalu iaitu 30 Oktober 2016. Berdasarkan lawatan itu kementerian ini mendapati terdapat keperluan pemasangan lampu jalan dan juga membina median di laluan sepanjang enam kilometer itu. Anggaran kos terlibat ialah sebanyak RM1.6 juta. Sehubungan itu cadangan projek tersebut akan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan mengenai status permohonan peruntukan sebanyak RM2.5 juta untuk tujuan penggantian lima buah pembedung atau *drain culvert* yang sempit di laluan FT06 Jalan Sultan Azlan Shah, Bayan Lepas. Ini rentetan kejadian banjir kilat yang sering berlaku di laluan tersebut akibat pembedung-pembedung yang sedia ada itu tidak mampu untuk menampung jumlah air aliran akibat hujan lebat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua pembedung terlibat terletak di luar skop projek menaik taraf jalan persekutuan FT06 dari Teluk Kumbar ke Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang yang kini sedang dalam peringkat pembinaan. Walaupun begitu, berdasarkan semakan kementerian ini dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati cadangan penggantian lima pembedung sempit tersebut sebenarnya telah termasuk dalam skop projek Pelan Litigasi Sungai Nibong Kecil yang akan dilaksanakan oleh agensi berkenaan. Skop projek JPS itu antara lain melibatkan projek mendalamkan sungai dan penggantian lima buah pembedung sempit dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM53.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong membangkitkan isu bila projek menaik taraf Jalan Putra Permai, Seri Kembangan akan mula dilaksanakan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah berbincang dengan Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang. Dia kata harap saya boleh minta sedikit peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk naikkan taraf pembedung tersebut. Ini sebab mereka tidak mempunyai kemampuan atau tidak cukup duitlah untuk buat semua projek. Jadi ini hanya RM2.5 juta sahaja. Jadi minta supaya Yang Berhormat Menteri— kerana ini memang dalam *jurisdiction* daripada KKR. Jadi kita minta jasa baiklah daripada Menteri untuk laksanakan projek tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Di bawah JPS nanti apabila giliran Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Yang Berhormat boleh timbulkan. Oleh sebab ia projek di bawah peruntukan kementerian tersebut, JPS.

Untuk Ahli Yang Berhormat Puchong yang membangkitkan projek menaik taraf Jalan Putra Permai, Seri Kembangan. Bila projek ini akan dilaksanakan memandangkan masalah kesesakan telah berlarutan sekian lama? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana jawapan kementerian sebelum ini, pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Putra Permai FT3215 masih tertakluk kepada kelulusan daripada agensi pusat. Kelulusan peruntukan kerajaan bukan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya sebaliknya ia diputuskan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Peranan kementerian ini ialah sebagai agensi pelaksana iaitu setelah menerima pengesahan bajet dari EPU dan Kementerian Kewangan. Untuk makluman juga, projek ini sebenarnya telah dijanjikan juga oleh kerajaan negeri yang mana peruntukan RM35 juta telah diperuntukkan. Akan tetapi saya tidak tahu mengapa penambahbaikan ini tidak dilaksanakan pada masa ini. Jadi Yang Berhormat dari Puchong bolehlah merujuk kepada Menteri Besar Selangor untuk memastikan mengapa peruntukan yang telah diluluskan tidak dilaksanakan penambahbaikan sebahagian jalan ini walaupun jalan persekutuan tetapi telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, masih berkenaan dengan isu jalan tetapi kali ini saya akan balik kepada isu jalan di Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Samarahan telah membangkitkan isu cadangan menaik taraf Jalan Datuk Musa, Kota Samarahan kepada laluan empat lorong, dua hala. Beliau juga inginkan penjelasan mengenai cadangan membina jejambat bertingkat di Bulatan G3 di Kota Samarahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan kajian awal kementerian ini berpandangan lorong khas untuk motosikal sepanjang 18 kilometer lebih sesuai dibina di sepanjang Jalan Datuk Musa berbanding cadangan untuk menaik taraf keseluruhan jalan tersebut. Perkara ini akan dirujuk untuk pertimbangan agensi pusat mengenai cadangan menaik taraf Bulatan G3. Pada jejambat bertingkat pula, ia memerlukan kajian kemungkinan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kementerian ini boleh memutuskan reka bentuk kejuruteraan yang paling bersesuaian untuk mengatasi isu kesesakan di bulatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lanang membangkitkan keperluan pemasangan lampu jalan di sepanjang Jalan Persekutuan di Sibu dan Lanang khususnya di Jalan

Tun Ahmad Zaidi Adruce, Sibü. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pemasangan lampu jalan kebiasaannya tidak dilaksanakan sebagai satu projek yang khusus. Sebaliknya ia akan dimasukkan dalam kontrak pembinaan sesuatu jalan.

Bidang kuasa pihak bertanggungjawab untuk memasang dan menyenggara lampu jalan adalah mengikut status sesuatu jalan berkenaan. Lampu-lampu jalan tidak dipasang di sepanjang jalan persekutuan kecuali di lokasi strategik keselamatan sahaja. Berdasarkan semakan kementerian ini, sebahagian besar lampu-lampu jalan di dalam kawasan Lanang dan Sibü terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Sibü. Ini termasuklah juga Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce di Sibü.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ranau pula, telah membangkitkan mengenai status pembinaan jalan Telipok-Pekan Kiulu-Ranau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan semakan kementerian ini pembinaan jalan alternatif Kota Kinabalu ke Ranau iaitu dari Telipok-Pekan Kiulu-Kokos-Tobok-Randagon sepanjang 110 kilometer ialah projek Kerajaan Pusat yang dilaksanakan oleh JKR Sabah di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Anggaran kontrak projek ini ialah sebanyak RM288.3 juta. Pada masa kini projek tersebut baru sahaja memulakan pembinaan pada 1 Oktober 2016 yang lalu dengan kemajuan semasa di tapak ialah 2 peratus. Projek ini dirancang akan siap pada 31 Mac 2019.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar bangun, Yang Berhormat. Belakang.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Boleh Menteri mencelah sedikit?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sila.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jalan ini bermula dari kawasan Parlimen Sepanggar dan berakhir di kawasan Parlimen Kinabalu. Dalam kawasan Parlimen Sepanggar dua, tiga minggu ini penduduk kampung yang terlibat dalam pembinaan ini minta supaya pihak JKR memberikan makluman kepada pemimpin-pemimpin tempatan. Saya sendiri sebagai Ahli Parlimen pun tidak dimaklumkan daripada mana laluan jalan ini kerana banyak kebun penduduk kampung dan juga tadahan air akan terlibat. Jadi ini akan menyukarkan kita. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Perkara ini saya akan maklumkan kepada JKR Negeri Sabah untuk melibatkan pimpinan setempat dan memberi taklimat kepada mereka supaya apa sahaja isu di lapangan dapat diselesaikan secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat Jasin tadi, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga konsisten memperjuangkan cadangan supaya laluan Beaufort ke Menumbok dimasukkan sebagai sebahagian daripada skop projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan naik taraf laluan daripada Beaufort ke Menumbok tidak termasuk dalam fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Walaupun begitu kementerian ini akan mempertimbangkan cadangan projek itu sama ada akan dilaksanakan sebagai projek konvensional di bawah RMKe-11 atau dimasukkan dalam fasa projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang akan datang. Ini tertakluk kepada kelulusan kerajaan dan juga agensi pusat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Semporna telah membangkitkan mengenai isu pelaksanaan projek Jalan Tawau, Semporna, Sabah dalam skop projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Memang benar pembinaan projek menaik taraf Jalan Tawau ke Semporna iaitu dari persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna telah dimulakan sejak RMKe-10 lagi iaitu pada tahun 2013.

■1700

Namun begitu ia dibuat secara berfasa di mana tidak semua jajaran Tawau–Semporna ini termasuk dalam jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Ini termasuklah fasa pertama Tawau–Semporna melibatkan projek sepanjang 15 kilometer dengan kos pembinaan RM170 juta. Pada masa kini, fasa itu telah mencapai kemajuan semasa iaitu 90 peratus dan dirancang siap sepenuhnya pada bulan Februari 2017. Projek ini dibiayai melalui peruntukan bajet tahunan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan bersambung ke Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek fasa satu itu berbeza atau berlainan daripada projek *kick off* Lebuhraya Pan Borneo negeri Sabah dari Tawau ke Semporna yang baru sahaja dimulakan pada bulan Ogos 2016 yang lalu. Projek sepanjang 5 kilometer itu merupakan kesinambungan dari fasa awal Tawau–Semporna yang dimulakan lebih awal pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Semporna bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang begitu baik terhadap pelaksanaan projek ini. Saya pun bangkitkan perkara ini oleh kerana kebimbangan saya dalam beberapa acara yang telah diadakan di peringkat negeri telah digembar-gemburkan bahawa ini merupakan sebahagian daripada Pan Borneo yang sebenarnya bukan. Saya setuju

dengan Yang Berhormat sebab saya masih ingat dulu masa masih lagi Dato' Samy Vellu, saya bincang dengan dia dan selepas itu Yang Berhormat Tampin yang laksanakan waktu itu, di peringkat *design level*.

Cuma saya juga nak tanya sama ada, fasal saya pun agak bimbang sebab kedengaran, tidak tahu, saya harap bukan betul, pelaksanaan jalan ini tidak akan sampai ke Daerah Semporna. Adakah benar bahawa perkara ini akan terus di peringkat awal rancangan itu, memang saya telah suarakan bukan hanya di peringkat Kabinet waktu itu, bahkan juga saya bincang dengan rakan saya dahulu Yang Berhormat Sungai Siput iaitu rancangan pembinaan jalan daripada Tawau sampai ke Pekan Semporna dan sebahagiannya juga sampai ke Lahad Datu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Semporna. *Insyah-Allah* kalau mengikut perancangan, memang keseluruhan jalan ini akan dibuat secara berfasa dan bergantung sepenuhnya sama ada kita akan dapat peruntukan ataupun tidak dan sama ada sebahagian yang lain nanti akan dilaksanakan sepenuhnya di bawah Pan Borneo Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, masih berkaitan dengan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Yang Berhormat dari Putatan meminta supaya pelaksanaan projek ini tidak tertangguh dan ia dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Begitu juga harapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kudat dan Sipitang iaitu meminta supaya pakej Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi laluan sektor Tuaran ke Kudat dan Sindumin ke Sipitang serta Beaufort ke Papar dapat dipercepatkan.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo negeri Sabah fasa satu telah diluluskan dan ditandatangani. Pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada 35 pakej. Daripada jumlah tersebut, 3 pakej telah diaward dan kini sedang giat dilaksanakan. Manakala sebahagian besar lagi pakej-pakej terlibat baru sahaja selesai melalui proses makmal pengurusan nilai dan dijangka akan ditender secara berperingkat mulai akhir tahun ini. Ini termasuklah pakej dari Tuaran ke Kudat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kudat dan juga pakej dari Sindumin ke Sipitang serta Beaufort ke Papar sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keseluruhan pakej Lebuhraya Pan Borneo negeri Sabah fasa satu dirancang akan siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun sembilan bulan iaitu pada akhir tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih mengenai isu-isu yang melibatkan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak pula. Ini untuk

menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu. Pertama, Ahli Yang Berhormat Bintulu meminta penjelasan mengenai agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan trafik semasa pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo. Ini merujuk kepada pakej *kick off* di persimpangan Nyabau ke persimpangan Bakun yang sedang dibina.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dilaksanakan melalui e-model rakan pelaksana projek ataupun PDP, dengan izin *project delivery partner*. Ini bermakna peranan PDP ialah sebagai pengurus projek iaitu sebagai *one stop accountant centre*. PDP bertanggungjawab memastikan projek dapat disiapkan mengikut kos, kualiti, piawaian dan spesifikasi serta tempoh pembinaan yang dipersetujui kerajaan. Ini termasuklah tanggungjawab PDP dalam memastikan aspek pengurusan trafik dan keselamatan kepada pengguna semasa projek sedang dilaksanakan.

Kedua, Ahli Yang Berhormat Bintulu membangkitkan isu sama ada kempen sifar lubang atau *zero pothole* yang dilancarkan kementerian ini turut merangkumi jalan-jalan di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kempen *zero pothole* telah dilancarkan pada Februari 2016 yang lalu. Ia bertujuan memastikan setiap lubang di atas permukaan jalan dapat diambil tindakan penampalan dengan segera iaitu kurang daripada tempoh 24 jam. Pada peringkat awal kempen *zero pothole* ini hanya melibatkan akur janji daripada jurutera daerah di Semenanjung Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun kementerian ini berhasrat untuk memperluaskan lagi kempen ini ke Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang terdekat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ketiga, Ahli Yang Berhormat Bintulu turut membangkitkan mengenai isu kelewatan pembinaan lampu isyarat di laluan Jalan Bintulu–Jalan Lapangan Terbang Bintulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai keperluan mendesak pemasangan sistem lampu isyarat di laluan tersebut. Berdasarkan semakan kementerian ini, cadangan pemasangan lampu tersebut tidak termasuk dalam skop projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Sehubungan itu, kementerian akan mempertimbangkan pemasangan lampu isyarat tersebut dalam senarai Cadangan Kerja Projek Mesra Rakyat ataupun *people centric* negeri Sarawak pada tahun hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kata kita ada PDP.

Kenapa PDP sampai ada masalah dan isu kita panggil ke mesyuarat. Pegawai mari tanya sepuluh soalan, sepuluh soalan tiada jawapan. Macam terlingung duduk dalam sana, datang hendak dengar saja. *We need the solution*. Tadi saya bukan cakap *traffic control*, *you* punya *traffic* keselamatan.

Safety management tidak ada. Berapa orang sudah kemalangan di jalan raya. Bila mereka kemalangan di jalan raya, kita kena marah. So, kenapa tidak ada *you* punya *supervision* pun tidak ada, JKR punya *supervision* pun tidak ada, ini kontraktor *supervision* tiada, JKR *supervision* tiada, PDP punya *supervision* pun tidak ada. Semua ini konsultan kita bayar semua mana pergi? So, mana boleh kata kita tidak bertanggungjawab. Ini isu satu.

Isu kedua, kualiti jalan raya tidak ada, Lebuhraya Pan Borneo. Jalan raya biasa tadi itu hari saya bahas pun kata dalam hujan kita pun boleh *tar seal* jalan itu. Lepas itu berlubang-lubang. Bila kita dalam surat khabar kata kita tidak pohon, itu masa tidak cakap Semenanjung. Saya tanya sama wakil rakyat, apa cerita ini? Pembangkang main lagi wayang, pergi sana memancing ikan. Inilah macam mana kita cerita, "*janji tidak serupa bikin*".

Jadi isu ketiga ini. Menteri, saya memang tidak setuju *you* kata Bintulu *Airport* punya jalan, itu lebuhraya Persekutuan. *You* kata dalam masa itu, *you* tidak masuk *traffic light*, saya pun tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, elakkan panggil Menteri '*you*'.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita mesti mahu faham bila kita *design* jalan itu, janganlah semua pakar *design* itu, konsultan kah apa kah, dia buat *design* itu jalan raya. Dia *design* dalam bilik *air-cond* sahaja. Kita mesti tahu ada *junction*, ada *close junction*. Berapa nyawa sudah terbang, tunggu berapa lama lagi mahu pasang *traffic*, satu *traffic light* setengah juta sahaja. Jangan negeri tolak pergi *Federal*, *Federal* tolak pergi negeri. Berapa orang lagi mahu mati atas jalan raya itu baru kita mahu bikin. Janganlah sampai Menteri itu, masih ingatkah dalam masa itu Tahun Baru Cina. Kita sendiri kena *jammed* jalan itu lapan jam, berapa jam dalam sana, baru kita lulus itu runtuh punya jalan. Bintulu sampai tak tahu punya.

■1710

Berapa tahun kita minta? Satu tahun setengah. Kedudukan tidak boleh. Macam mana kita *strong hold* bagi penyokong Barisan Nasional. Rakyat tanya sama saya,

macam mana perkara ini tidak boleh diselesaikan. Dalam pilihan raya kita janji macam-macam. Janganlah setengah juta satu *traffic light*, tiga *traffic light*. *RM1.5 million* kita tidak mampu. Mahu tunggu kerajaan negeri lagi tahun depan. *What happen to the Federal Government?* Itu *Federal Government* punya jalan.

Saya difahamkan kerajaan negeri kata kalau dia mahu pasang, pasang dua sahaja. Satu lagi tidak pasang. So satu *traffic light* punya rakyat hendak tunggu, mati lagi sana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bolehlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini perkara serius. Sudah berapa lama saya soalkan isu ini. Sudah berapa tahun kita *check* balik semua rekod kita? Berapa tahun dah? Sudah dekat dua penggal habis. Kita tidak boleh buat. Kalau keluarga kita terlibat dalam kemalangan macam mana? Apa kita rasa?

Saya haraplah kementerian ambil serius perkara ini. *Don't take as a joke*. Okey, saya serius ini pasal rakyat sana, di kampung cukup cepat marah. Hari-hari mereka mahu guna jalan itu. Dia tanya kenapa begitu susah pasang *traffic light* di sana. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu atas komitmen dan kesungguhan Yang Berhormat untuk mewakili kawasan Yang Berhormat. Saya juga serius dalam perkara ini. Saya sendiri akan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa *traffic light* yang dipohon oleh Yang Berhormat akan dapat dilaksanakan pada tahun depan. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Semporna bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Akan tetapi saya harap jangan hari itu saya SMS, kita akan ambil tindakan. Sampai sekarang sudah dekat enam bulan. Tadi tambah lagi kalau tahun depan. Tahun depan bila? Tahun depan ada satu tahun. Rakyat tanya saya tahun depan bila? Bulan Januari kah, bulan Februari, bulan Mac? Satu *traffic light* baru setengah juta Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Nanti saya akan bersama dengan Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tiga baru RM1.5 juta. Saya harap kita jawab terus. Bila masa dapat bagi?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Semporna bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya sedikit susulan daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung kait dengan *maintenance of road, federal road in particular* dengan izin. Saya faham, di Sarawak dan di Sabah juga kita mempunyai skim yang mana kita *privatize the maintenance of road* di peringkat negeri Sabah dan kita *zoning it*. Ada di Pantai Timur, ada di Pantai Barat.

Saya hendak tahu sedikit Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita hendak pastikan supaya penyelenggaraan ini kadang-kadang saya masih ingat dahulu, semasa saya berada di situ, keadaan daripada segi hendak berhubung dengan pihak mana untuk pastikan supaya jalan yang agak rosak diperbaiki. Kadang-kadang rumput sudah tinggi pun tidak dikendalikan, yang agak tidak menyenangkan. Seperti juga Yang Berhormat Bintulu suarakan kadang-kadang wakil rakyat kita dibangkitkan apabila balik ke kawasan. Tahu tak tentang perkara ini *maintenance of road*, lubang di sana. Kadang-kadang *accident* pun.

Saya akui saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu. Berbangkit banyak kali *accident* di kawasan saya sendiri. Itu seperti yang saya cadangkan dahulu kepada Yang Berhormat Sungai Siput. *The maintenance of road* ini, siapa yang mengendalikan? Adakah di peringkat negeri ataupun di peringkat pusat untuk memastikan supaya ia berjalan dengan lancar dan di samping itu bagaimana perjalanan?

Ini kerana saya difahamkan tidak tahu betulkah, *claim is always there*. Apabila ada tuntutan pun dia *claim but* daripada segi *in terms of work*, adakah ia seimbang dari segi pelaksanaan yang mereka telah lakukan dengan tuntutan bayaran yang ada? Ini perlu ada pemantauan. Ia memudahkan rakyat dan pimpinan untuk berhubung siapa, tempat mana kita hendak hubungi untuk memastikan supaya keadaan ini dapat diselenggarakan. Jangan ada yang disalahkan di bandar-bandar besar, di pekan-pekan kadang-kadang kita dapati kalau pekan, malam itu juga boleh diperbaiki. Akan tetapi di kawasan-kawasan yang agak jauh ini membimbangkan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Semporna beritahu itu memang kita ini cerita terlibat dalam kualiti. Itulah saya sentuh kualiti. Kualiti penyelenggaraan jalan raya seperti naik taraf ataupun *re-tar* siling itu semua, kontraktor tiada peralatan. Bila dia pergi sana tutup lubang dia pakai cangkul tutup lubang. Tidak sampai sebulan, berlubang-lubang lagi.

Apabila saya suarakan, sudah berapa kali saya suarakan kepada Jabatan Kerja Raya Bintulu. Dia kata *out of our control*. Kontrak *sign* di Jabatan Kerja Raya Persekutuan, *do the maintaining*. Banyak kali dah. *So, that is so many others*. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak percaya saya boleh tunjuk kepada Yang Berhormat Menteri satu-satu. Boleh panggil kita punya TE datang dari Bintulu. Kita sudah beberapa kali dalam mesyuarat pembangunan Bintulu kita soalkan isu satu ke satu. Akan tetapi dia kata dia tidak boleh buat apa-apa.

So, kita tidak ada kualiti. Itulah kerajaan sudah membazirkan berapa ratus juta bilion. Hujung-hujung rakyat tidak puas hati pasal jalan raya tidak ada standard. Sampai tahap apa kita mahu?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Stampin kalau boleh? Isu yang sama.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kalau isu sama tidak apalah. Saya jawab sahaja pasal isu sudah sama. Berhubung kait dengan isu *maintenance*, penyelenggaraan dibangkitkan. Memang benar kita sudah pun di peringkat Persekutuan melantik syarikat konsesi untuk menyelenggarakan jalan dan pemantauan *monitoring* dilaksanakan oleh JKR Negeri Sarawak dan Sabah.

Kalau ikut prosedurnya, pengesahan berhubung kait dengan bayaran akan hanya dibuat setelah disahkan oleh JKR negeri kalau melibatkan kawasan-kawasan sama ada *district* dan sebagainya. Jadi terima kasihlah di atas maklum balas daripada Yang Berhormat Bintulu dan juga Yang Berhormat Semporna.

Kalau ada bukti mengatakan bahawa proses pembayaran dibuat tetapi tidak mengikut kehendak standard yang telah ditetapkan, boleh laporkan kepada kita. Kita akan berbincang dan saya sendiri *insya-Allah* akan bersama dengan Yang Berhormat Bintulu untuk berjumpa dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Bintulu untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Berkaitan dengan *jurisdiction* ataupun bidang kuasa. Memang biasanya akan diletakkan di sepanjang jalan nama-nama syarikat penyelenggara. Ini termasuk nama-nama perhubungan, nombor perhubungan kalau ada aduan. Malahan sekarang ini di peringkat Kementerian Kerja Raya, kita juga cuba membawa JKR Sabah dan Sarawak supaya mereka mewujudkan apa yang telah kita wujudkan di Semenanjung ini iaitu kita sudah pun wujudkan aplikasi untuk aduan jalan KKR.

Makna kita boleh buat aduan secara *online*. Terus berhubung dengan kita untuk meletakkan di mana lokasi aduan dan sebagainya supaya kita boleh ambil

tindakan yang lebih cepat dan pantas berhubung kait dengan perkara tersebut. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri kalau minta pengesahan. Pengesahan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta pengesahan tentang penyelenggaraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya tanya Yang Berhormat Menteri hendak bagi jalan tak?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sebenarnya penyelenggaraan isu baru yang saya respons. Saya akan pergi lebih kepada apa yang dibangkitkan waktu perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sibu ingin tahu berkaitan dengan berapakah peruntukan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang diluluskan dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dilunaskan kepada kontraktor terlibat.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, aliran tunai atau *cashflow* untuk perbelanjaan projek ini disediakan berdasarkan nilai kemajuan kerja semasa di tapak. Bagi tahun 2016 ini sebanyak RM500 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk tujuan pelaksanaan projek tersebut. Ini termasuklah membayar kos pengambilan tanah yang berjumlah RM250 juta. Setakat 31 Oktober 2016, jumlah peruntukan yang dibayar kepada pihak PDP ialah sebanyak RM250 juta yang mana daripada jumlah tersebut, sebanyak RM129 juta telah dilunaskan kepada kontraktor yang terlibat termasuk perunding dengan mengambil kira kemajuan kerja semasa di tapak. Manakala bakinya ialah untuk tujuan bayaran kemajuan bagi bulan November dan Disember 2016 yang masih belum disahkan oleh JKR Sarawak dan jurutera pemeriksa bebas *Independent Checker Engineer* ataupun singkatannya ICE.

Ahli Yang Berhormat Sibu juga ingin penjelasan sama ada peruntukan untuk projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bernilai RM16.488 bilion ini adalah peruntukan di luar daripada peruntukan pembangunan biasa untuk negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Kerajaan Pusat untuk projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini sebenarnya adalah di luar dan melebihi daripada peruntukan pembangunan normal untuk Sarawak.

■1720

Ini bermakna peruntukan biasa Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri tidaklah terjejas sebaliknya negeri ini akan menerima tambahan melalui projek-projek

pembangunan berskala besar yang lain seperti Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan juga Jambatan Batang Lupar yang akan dibiayai secara perkongsian bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Limbang dan Sipitang memohon penjelasan bilakah projek Lebuhraya Pan Borneo fasa kedua negeri Sarawak akan dilaksanakan. Iaitu melibatkan laluan dari Miri ke Limbang ke Lawas melalui negara Brunei Darussalam dan seterusnya ke Merapok dan Sindumin di sempadan negeri Sarawak dan Sabah. Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri pada bulan Oktober lalu secara prinsipnya bersetuju supaya rundingan dimulakan dengan Kerajaan Brunei Darussalam terlebih dahulu berhubung dengan pelaksanaan fasa kedua Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang akan merentasi negara tersebut.

Ini berikutan hasil persetujuan daripada pertemuan pemimpin antara kedua-dua negara dalam Perundingan Pemimpin Tahunan Malaysia-Brunei Darussalam ke-20 yang diadakan di Putrajaya pada 4 Oktober 2016. Antara isu teknikal yang akan dibincangkan di peringkat pegawai ialah mengenai penetapan jajaran Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Sarawak dan Sabah melalui negara Brunei Darussalam dan juga perbincangan mengenai langkah-langkah bagi mempermudah pemeriksaan pasport untuk melancarkan perjalanan pengguna Lebuhraya Pan Borneo dari Sabah ke Sarawak yang merentasi Brunei Darussalam.

Delegasi negara yang diketuai oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dengan kehadiran bersama wakil pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan perancangan rundingan Lebuhraya Pan Borneo fasa kedua negeri Sabah dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun hadapan...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: ...Dan tertakluk pada hasil rundingan teknikal antara kedua-dua negara.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta pengesahan sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri katakan daripada *RM800 million*, *RM500 million* telah pun dibagikan kepada kontraktor betul tidak? Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya katakan tadi *RM500 juta* telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, *RM250 juta* untuk bayaran pampasan

tanah, RM250 juta lagi untuk bayaran kontraktor termasuk perunding mengikut fasa-fasa kerja yang telah dilaksanakan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sama-sama. Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu baru iaitu berkaitan cabaran pelaksanaan Sistem Binaan Industri ataupun IBS di negara ini. Ini untuk menjawab soalan yang mungkin berbangkit daripada premis perbahasan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun dan juga Tanjong Manis. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuan IBS diperkenalkan ialah untuk meningkatkan produktiviti pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing dalam industri pembinaan.

Antara kebaikan penggunaan kaedah IBS ialah dapat mempercepatkan tempoh masa pembinaan, meningkatkan kualiti binaan dan dapat mengurangkan bilangan pekerja di tapak pembinaan. Ini sekali gus akan menjadikan tapak pembinaan lebih bersih, selamat dan juga terkawal. Diakui bahawa tahap penggunaan IBS negara kita masih rendah berbanding negara-negara maju yang lain.

Berdasarkan kepada pensampelan terkini yang dibuat oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri ataupun ICU JPM, didapati kurang daripada 24 peratus projek kerajaan menggunakan komponen IBS bagi pembinaan bangunan kerajaan dan 14 peratus lagi projek bagi pembinaan bangunan swasta di negara ini. Antara cabaran penggunaan IBS di negara ini ialah berkaitan dengan dua faktor paling kritikal iaitu melibatkan polisi pihak berkuasa tempatan ataupun PBT dan juga inisiatif oleh pihak pemaju itu sendiri.

Di samping itu cabaran penggunaan IBS lain ialah berkaitan dakwaan kos keseluruhan projek yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional. Ini berkemungkinan disebabkan oleh masalah kekurangan pembekal, pembelian acuan yang mahal serta kos pengangkutan yang tinggi. Selain itu juga pembuatan komponen IBS juga memerlukan peralatan berteknologi tinggi dan lebih mahal berbanding alatan konvensional. IBS juga berhadapan dengan cabaran dan halangan untuk mengatasi isu tahap integrasi projek yang lemah dan proses reka bentuk yang masih menggunakan kaedah konvensional di samping isu kekurangan tenaga mahir dan skim latihan yang masih terhad.

Sehubungan itu bagi meningkatkan tahap penggunaan IBS di kalangan projek-projek kerajaan dan swasta, Kementerian Kerja Raya melalui CIDB antara lain telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Plan* dengan izin, singkatannya CITP untuk 2016 sehingga 2020. Melalui inisiatif itu, CIDB antara lain telah mengadakan beberapa sesi konsultasi

dengan pihak industri pembinaan mengenai pelaksanaan IBS di negara ini. Hasil dari perbincangan itu pihak industri pembinaan bersetuju untuk menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka mulai tahun hadapan iaitu 2017. Ini bermakna nilai skor IBS akan ditetapkan sebagai salah satu syarat wajib dalam memberi kelulusan perintah pembangunan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih pula kepada isu yang terakhir iaitu tentang pelaksanaan projek-projek lebuhraya termasuk berkaitan operasi lebuhraya dan juga penetapan kadar tol. Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam meminta JKR untuk mempertingkatkan aspek keselamatan dan pengurusan trafik serta penyelenggaraan jalan dan sistem perparitan bagi pakej naik taraf jalan FT05 dari Sabak Bernam ke Tanjung Karang iaitu salah satu pakej projek Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting yang sedang dalam peringkat pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum dan perhatian serius terhadap isu-isu setempat yang dibangkitkan berkaitan pelaksanaan projek ini. Sebagai agensi pelaksana, JKR sentiasa mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti PDRM, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), syarikat-syarikat utiliti dan juga pemimpin-pemimpin tempatan untuk meminimumkan sebarang kesulitan yang mungkin timbul dan seterusnya memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.

Untuk tujuan rekod, Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 05 dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam ialah sebahagian daripada skop Lebuhraya Projek Barat ataupun lebih dikenali sebagai WCE dari Taiping ke Banting. Laluan sepanjang 50 kilometer itu sedang dinaik taraf kepada reka bentuk piawai lebuhraya secara kaedah kontrak konvensional di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya. Projek dengan nilai kontrak sebanyak RM709 juta itu telah dimulakan pada 21 Mac 2016 yang lalu dan ia dirancang akan siap dalam tempoh masa empat tahun iaitu 20 Mac 2020. Pada masa kini kemajuan semasa di tapak telah mencapai tujuh peratus.

Masih mengenai isu Projek WCE iaitu bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit yang memohon supaya dipercepatkan projek membina dan menaik taraf jalan Parit-Seputeh sepanjang sembilan kilometer yang terlibat sebagai jalan susur ke Lebuhraya Pantai Barat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum berdasarkan perancangan laluan tersebut akan hanya di naik taraf selepas 10 tahun WCE beroperasi iaitu dijangka pada tahun 2030. Atau jika aliran trafik mencapai *level of service* yakni kesesakan sederhana iaitu kategori 'C' yang mana yang lebih dahulu. Namun begitu kementerian ini mendengar harapan Ahli Yang

Berhormat itu di mana permohonan projek ini telah dikemukakan kepada agensi pusat untuk pertimbangan dalam Rolling Plan, Rancangan Malaysia Kesebelas akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Selatan minta campur tangan kementerian ini untuk mengatasi isu kesesakan trafik di persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Templer ke Lebuhraya Baru Pantai (NPE).

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Lebuhraya Baru Pantai (NPE) terutamanya di persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Templer. Ini kerana selain Lebuhraya Persekutuan 2, laluan NPE adalah merupakan antara laluan utama di kawasan berkependudukan padat yang menghubungkan bandar satelit Petaling Jaya dan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan sebaliknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Besar bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Menteri. Dalam lebuhraya ini yang berkaitan dengan lebuhraya penambahbaikan daripada Tanjong Karang ke Sabak Bernam itu, isu utama yang berlaku sekarang ini adalah berkaitan dengan paip-paip pecah yang mana paip-paip pecah ini berada di bawah laluan lebuhraya yang di baik pulih. Saya difahamkan beberapa siri pertemuan inisiatif sudah pun dibuat tetapi penambahbaikan itu kita menjangkakan akan ada pengalihan paip-paip tersebut. Jadi mohon kalau ada pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1730

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Memang benar Yang Berhormat Sungai Besar...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Berhubung kait dengan?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Ini lebuhraya juga.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Topik barukah atau berhubung kait dengan WCE?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Lebuhraya. Berkaitan dengan lebuhraya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya selesaikan yang WCE dahulu. Yang Berhormat dari Sungai Besar yang budiman. Sememangnya memang berlaku peringkat awal, paip-paip pecah disebabkan kecuaiannya kontraktor dalam melaksanakan projek. So, apa yang telah dilakukan ialah pegawai-pegawai kita khususnya *the site*,

the SO, telah mengambil tindakan untuk memberi amaran termasuklah meletakkan denda kepada kontraktor iaitu untuk menggantikan paip yang telah pecah dan kini kadar kerosakan paip sudah menurun. *Insyah-Allah* kita harapkan tidak ada lagilah paip-paip yang rosak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempenerusikan Mesyuarat]

Sama ada paip-paip lama ini akan digantikan, saya kira perkara ini mungkin kita kena tengok sebab paip lama, kawasan itu lembut, menjadi salah satu cabaran dan kita akan perincikan dengan jawatankuasa teknikal kita nanti.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Besar duduk sekejap ya Yang Berhormat Sungai Besar. Yang Berhormat Menteri, kalau mengenai kawasan yang *detailnya* boleh kita bincang di peringkat Jawatankuasa. Ini peringkat Dasar. Saya ingat Yang Berhormat Menteri lagi 15 minit boleh habis ya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tidak banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak banyak. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap. Masih ada? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Besar]*

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Adakah di peringkat dasar lagi, adakah ia sebenarnya ada kaitan dengan kos di peringkat awal itu? Saya dimaklumkan di peringkat awal, ada kos untuk mengalihkan paip-paip tersebut. Jadi sekarang ini telah tidak ada kerana pengurangan daripada segi kos pembinaan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Okey. Nanti yang *detail* itu kita boleh bincangkan di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Iaitu saya hendak bertanya berkenaan apakah perancangan yang dibuat hal yang untuk pembesaran jalan selepas daripada Tol Juru? Ini kerana selalu kebiasaannya, kita kalau hendak sampai ke Tol Sungai Dua itu, kalau waktu boleh katakan waktu setiap hari, kalau waktu *jammed* waktu hari perayaan lagilah kadang-kadang sejam. Jadi adakah perancangan yang ada untuk membesarkan jalan supaya membolehkan tidak berlakunya trafik di antara Tol Juru sampai ke Tol Sungai Dua?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara baru yang dibawa. Akan tetapi memang ada banyak cadangan berhubung kait dengan perkara ini, masih dalam peringkat penilaian sama ada di peringkat UKAS mahupun di peringkat kementerian.

Sehubungan itu untuk mengurangkan impak kesesakan di NPE, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengarahkan pihak konsesi NPE untuk melaksanakan beberapa langkah proaktif iaitu seperti berikut:

- (i) membuat laluan terus dari Taman Maju Jaya ke arah Persimpangan Templer pada masa puncak iaitu pagi sahaja;
- (ii) menambah jalan susur di Persimpangan Gasing daripada satu lorong kepada dua lorong;
- (iii) melaksanakan laluan kontra dari Jalan Gasing ke NPE pada masa puncak iaitu petang sahaja bermula 1 September 2016; dan,
- (iv) mengawal aliran trafik semasa waktu puncak melalui Unit Pasukan Ronda NPE dan juga bantuan daripada pihak PDRM, Cawangan Trafik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kementerian ini juga telah berbincang dan mencadangkan kepada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya supaya membina persimpangan bertingkat di beberapa lokasi yang dikenal pasti di sepanjang Jalan Templer. Ini bertujuan membantu kelancaran trafik berikutan daripada pembangunan yang pesat dan juga penambahan bilangan kenderaan setiap hari. Di samping itu, pengguna juga digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam bagi membantu mengurangkan masalah kesesakan trafik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Taiping dan juga dari Batu Pahat, meminta penjelasan mengenai rasional kerajaan membenarkan lanjutan tempoh konsesi Lebuhraya Utara-Selatan sehingga ke tahun 2038. Jawapan terhadap persoalan ini ialah sama sebagaimana penjelasan kementerian ini terhadap soalan lisan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Bagan pada 1 November 2016 yang lalu. Mengikut perjanjian konsesi asal iaitu tahun 1988, Lebuhraya Utara-Selatan sepatutnya akan tamat pada tahun 2018. Walau bagaimanapun berikutan usaha untuk mengurangkan kesan kenaikan tol, kerajaan terpaksa menstrukturkan semula kadar tol lebuhraya tersebut iaitu pada tahun 1999, tahun 2002 dan tahun 2011. Di bawah penstrukturkan PLUS terkini tahun 2011, semua lima konsesi lebuhraya di bawah syarikat PLUS Malaysia Berhad termasuk Lebuhraya

Utara-Selatan, telah diselaraskan di bawah entiti tunggal yang mana ia akan berakhir pada 31 Disember 2038.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Taiping juga meminta penjelasan sama ada kadar tol akan dinaikkan pada tahun hadapan untuk lebuhraya-lebuhraya yang berhak menerima kenaikan mengikut perjanjian konsesi. Sebagaimana jawapan kementerian ini pada soalan lisan daripada Ahli Yang Berhormat Bagan pada 1 Disember 2016 lalu, hanya terdapat empat sahaja lebuhraya yang berhak menerima kenaikan tol pada tahun 2017 berbanding lapan lebuhraya pada tahun 2016.

Empat lebuhraya itu ialah Lebuhraya Penyuraian Trafik Johor ataupun EDL, Lebuhraya Kajang-Seremban ataupun LEKAS, Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE). Anggaran jumlah pampasan tol 2017 bagi empat lebuhraya tersebut sahaja ialah sebanyak RM59.77 juta tertakluk jika tiada kenaikan tol yang dibenarkan oleh kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri pada 12 Oktober 2016 yang lalu telah bersetuju memutuskan untuk menanggung cadangan pelarasan kadar tol bagi tahun 2016 dan tahun 2017. Dengan erti kata lain, tidak adalah kenaikan tol untuk tahun ini dan tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maaf Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapatkan penjelasan sedikit. Apabila tidak ada kenaikan tol seperti mana yang sepatutnya mengikut perjanjian pada 2016 dan 2017, maka apakah kesannya daripada segi jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi tol itu? Adakah ia telah diambil kira jumlah yang disebutkan tadi dalam RM59 juta itu, kalau tidak silap saya yang saya faham ialah untuk yang empat konsesi itu. Akan tetapi ada yang kata yang enam ataupun lapan yang lain yang sepatutnya pada 2016. Itu nombor satu.

Nombor dua, adakah kerajaan memikirkan tentang kemungkinan untuk dia rundingkan balik syarat-syarat perjanjian konsesi tol itu berdasarkan kepada prestasi keuntungan syarikat tol itu sendiri sama ada ia merupakan satu perkara yang mungkin supaya kita tidak terpaksa menghadapi keadaan-keadaan yang seperti ini setiap tahun ataupun selepas dua tahun atau tiga tahun yang mana mengikut perjanjian perlu ada kenaikan, tidak ada kenaikan. Maka kita kena bayar pampasan dan sebagainya

memandangkan bahawa saya yakin bahawa syarikat-syarikat ini juga pasti mengambil kira kepentingan rakyat jelata ia punya tanggungjawab sosialnya. Maka tidakkah ada kemungkinan ia punya *terms of agreement*, dengan izin boleh dirunding balik ataupun dikaji balik dan dikemukakan satu kaedah dan pendekatan yang kurang membebankan rakyat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya kira isu ini sudah banyak kali saya jawab dalam Parlimen yang mulia ini. Saya akan ulang beberapa perkara.

Pertama sekali, perjanjian berhubung kait dengan tol sudah ada empat generasi. Daripada generasi pertama, kedua, ketiga dan keempat dan daripada situ semua penambahbaikan sudah pun dapat dilaksanakan. Untuk semua tol ataupun konsesi yang baru ini iaitu generasi keempat malahan generasi ketiga, memang sudah ada *early exit clause*. Maksudnya, pertama, kalau mereka sudah dapat pulangan yang telah dipersetujui waktu perundingan dahulu, maksudnya kita boleh tamatkan tempoh konsesi lebih awal daripada perjanjian.

■1740

Satu lagi ialah *profit sharing element*. Kalau ada *profit, there will be some contributions back to the government*. Itu memang penambahbaikan. Cuma cabarannya ialah adakah kita dapat mengubah perjanjian apa yang telah termaktub dalam perjanjian. Jadi, untuk kita mengubah perjanjian tertakluk pada banyak perkara bukan sahaja antara kerajaan dengan syarikat konsesi tetapi ia juga terlibat dengan pihak bank, pemberi bon dan juga pelabur-pelabur.

Ini yang kadang-kadang *challenges*, yang mana syarikat konsesi kadang-kadang sebab mereka sudah tertakluk kepada jaminan untuk pembayaran bon, gerenti dividen *and so on*. Jadi, perkara ini yang menyebabkan ada perkara tidak dapat dipersetujui. Memang perundingan dilaksanakan dengan syarikat konsesi berhubung kait dengan pampasan dan juga kaedah pampasan.

Kalau dahulu, kalau kita ingat pada suatu ketika kita tidak bayar pampasan tetapi dilanjutkan tempoh. Ia juga akan memberi kesan dan ini juga satu perkara yang memang kita tengok pelbagai pendekatan bagaimana kita dapat melihat pada perkara ini. Akan tetapi, pokoknya bukan mudah untuk kita mengubah sesuatu yang telah termaktub di dalam perjanjian tetapi kita sentiasa berusaha untuk mencari jalan yang terbaik supaya ia seimbang di antara tanggungan kerajaan pada masa yang sama tidak membebankan rakyat kita.

Saya kira memadai untuk saya respons setakat itu Tuan Yang di-Pertua. Di atas kesuntukan masa saya kira saya telah pun respons pada semua yang telah dibangkitkan dalam Peringkat Dasar. Terima kasih pada semua Ahli-ahli Yang

Berhormat dan kalau ada lagi perkara yang berhubung kait dengan kementerian kita bolehlah berhubung dan kita sedia untuk berbincang dan cari penyelesaian pada apa sahaja isu yang dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih. Kita sebenarnya banyak lagi kementerian yang perlu kita habis sehingga hari Isnin dan sebab itu, kita minta setiap kementerian dapat habiskan dalam masa satu jam. Saya ucapkan terima kasih dan saya jemput Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau boleh juga satu jam Yang Berhormat Menteri.

5.42 ptg.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 terutama kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan serta membangkitkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang tugas kementerian saya sepanjang tempoh perbahasan.

Saya amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan *insya-Allah* saya akan menjawab isu ini ada dalam tujuh isu, iaitu:

- (i) mengenai isu penyediaan perumahan dan harga rumah;
- (ii) isu kebombaan;
- (iii) isu pentadbiran kerajaan tempatan;
- (iv) isu penyediaan kemudahan infrastruktur;
- (v) isu pengindahan landskap awam;
- (vi) isu penyelenggaraan perumahan persatuan penduduk; dan
- (vii) isu pemaju perumahan sebagai pemberi pinjaman wang.

Isu yang pertama Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas yang perlu dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Dalam penyediaan perumahan yang mencukupi, kerajaan bukan sekadar menekankan jumlah unit rumah yang perlu disediakan tetapi juga menekankan kepada kualiti perumahan yang disediakan. Semua perbahasan 13 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai cadangan dan isu penyediaan perumahan mampu milik kepada rakyat dan harga rumah.

Ahli Yang Berhormat Sekijang menyatakan bahawa pembinaan 10,000 unit rumah untuk disewakan selama lima tahun kepada golongan muda adalah penyelesaian jangka pendek dan tidak menyelesaikan masalah pokok rakyat untuk memiliki rumah sendiri. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, kerajaan ingin menegaskan bahawa cadangan pembangunan 10,000 unit rumah transit untuk golongan belia yang diumumkan dalam Bajet 2017 adalah satu pendekatan kerajaan bagi membolehkan kelompok M40 mendapatkan rumah sewa sementara.

Rumah transit ini adalah bagi membantu mereka mendapatkan rumah sebelum mereka berpindah ke rumah yang lebih selesa pada masa hadapan. Kerajaan berharap melalui kadar sewaan yang lebih rendah daripada kadar sewaan pasaran dapat membantu mereka membuat tabungan dalam tempoh lima tahun tersebut yang akan digunakan sebagai deposit bagi pembelian hartanah yang lebih selesa kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Samarahan. Pembinaan rumah-rumah transit tersebut dijangka meliputi kawasan-kawasan di seluruh bandar terutama di dalam kawasan bandar mengikut keutamaan yang akan ditentukan oleh pihak kementerian. Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor supaya Skim Perumahan Transit belia ini diperluaskan kepada Skim Perumahan Transit SOHO atau Skim Perumahan SOHO. Kementerian berterima kasih dan mengambil maklum mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut dan akan membuat kajian mengenai kesesuaiannya termasuk dari segi implikasi kos kepada kerajaan.

Dalam pada masa ini juga seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kudat dan juga Yang Berhormat Sepanggar memohon pembinaan Projek Perumahan Rakyat ataupun PPR di kawasan masing-masing.

Untuk makluman, kementerian sedia menimbangkan cadangan pembangunan PPR di seluruh negara termasuklah di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun begitu, cadangan tersebut adalah bergantung pada peruntukan kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan pusat kepada kementerian dan penyediaan tapak yang sesuai oleh kerajaan negeri. Sebagai contoh, tahun ini kita hanya dapat 10 projek untuk PPR seluruh negara.

Manakala bagi PPR di Lenggong, Perak pula kerajaan belum memutuskan untuk menyenaraikan permohonan program perumahan rakyat di Kampung Cheng, Lenggong, Perak di bawah senarai keutamaan bagi tahun 2017 kerana tidak termasuk dalam senarai 10 Yang Berhormat Lenggong. Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia untuk mengangkat permohonan di bawah *Rolling Plan* Ketiga tahun 2018.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai tentang kerisauan saya sebagai Menteri baru KPKT yang kononnya tidak dapat mencapai sasaran satu juta buah rumah menjelang tahun 2018. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti beberapa agensi kerajaan yang melaksanakan program ini antaranya termasuklah PR1MA, 500,000 unit telah di peruntukan. PPA1M – 105,000 unit. SPNB – 99,934 unit. KPKT – 60,789 unit rumah. Kerajaan negeri pula 145,053 unit rumah. Pihak swasta 150,000 unit rumah dan lain-lain agensi kerajaan 109,936 unit rumah. Jumlah sasaran keseluruhan adalah melebihi dari yang di sasarkan iaitu 1,171,293 unit rumah.

Sehingga 30 Jun 2016, jumlah sebenar pencapaian kerajaan dalam menyediakan rancangan rumah mampu milik adalah sebanyak 875,770 unit rumah iaitu 74.8 peratus. Jumlah ini adalah termasuk unit rumah yang telah disiapkan iaitu sebanyak 198,418 unit rumah ataupun 16.9 peratus unit. Unit-unit yang masih dalam pembinaan yang sudah siap 16.9 peratus, yang masih sedang dalam pembinaan ada sebanyak 20.3 peratus dan unit-unit dalam perancangan ada sebanyak 37.5 peratus.

Ini bermakna kerajaan yakin bahawa sasaran pembinaan satu juta rumah mampu milik menjelang akhir tahun 2018 akan dapat dicapai. Sasaran ini adalah logik dengan mengambil kira bahawa tempoh masa pembinaan bagi bangunan berbilang tingkat akan mengambil masa antara 36 bulan hingga 40 bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Sungai Besar yang budiman bangun ya.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut berkaitan dengan angka-angka perumahan ini bergantung pada kelulusan kerajaan negeri. Dalam keadaan bagaimanakah sebenarnya kerajaan negeri boleh mempengaruhi kelulusan dalam menambahkan jumlah bilangan rumah seperti yang disasarkan?

■1750

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Seperti mana yang saya menyatakan tadi bahawa agihan rumah-rumah ini, selain daripada agensi-agensi kerajaan, kita juga telah meletakkan kuota kepada kerajaan-kerajaan negeri. Jadi dalam kita melaksanakan kuota kerajaan negeri ini, selalunya kita akan mengingatkan kerajaan negeri terutamanya apabila menghadiri mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang mana kita akan melihat kuota-kuota ini dapat dipenuhi oleh kerajaan-kerajaan negeri di bawah Skim Mampu Milik yang mana rumah mampu milik ini ialah rumah yang harganya di bawah RM300,000 seunit.

Ahli Yang Berhormat Shah Alam ada menyentuh tentang harga rumah yang tinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ada budi bicara. Mana-mana Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak payah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Boleh jawab bertulis.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Oh, terima kasih banyak. Ahli Yang Berhormat Shah Alam tidak ada. Ahli Yang Berhormat Kota Raja? Ada? Nasib baik ada. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada? Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tidak ada.

Oleh sebab Yang Berhormat Kota Raja ada, saya sebut yang mana Yang Berhormat Kota Raja ada menyatakan bahawa kerajaan tidak ada usaha untuk menangani harga rumah yang tinggi. Ingin saya memaklumkan kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Kota Raja yang mungkin tidak mengikuti jawapan saya pada 27 Oktober 2016 yang lepas semasa sesi MQT yang mana saya telah pun menerangkan perkara ini dengan terperinci sekali. Jadi untuk itu, Yang Berhormat boleh rujuk *Hansard* yang telah pun saya jawab pada 27 Oktober 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sepanggar. Yang Berhormat Sepanggar ada? Oh, Yang Berhormat Sepanggar ada. Ahli Yang Berhormat Sepanggar ada membangkitkan mengenai masalah perumahan terbengkalai dan kuasa Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, isu projek perumahan terbengkalai di negeri Sabah tidak tertakluk di bawah KPKT tetapi ia berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Sabah. Walau bagaimanapun, saya tahu saya sudah melawat pun satu kawasan perumahan dalam Parlimen Sepanggar yang tinggal lima peratus lagi hendak siap. Ini, *insya-Allah*, kita telah pun sedang menunggu lantikan kontraktor daripada Kementerian Kewangan dan saya pun telah berusaha secara peribadi untuk memastikan rumah terbengkalai PPR ini— lima peratus sahaja lagi hendak siap. Jadi kita akan cuba melaksanakan dengan seberapa segera.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat Kota Raja supaya isu perumahan mampu milik dikendalikan oleh satu kementerian atau suruhanjaya. Secara prinsipnya kementerian bersetuju dengan cadangan untuk meletakkan pelbagai agensi yang terlibat untuk mengendalikan pembinaan dan pengurusan rumah mampu milik ini di bawah satu agensi. Walau bagaimanapun, oleh kerana sasaran rumah mampu milik

yang ditetapkan oleh kerajaan agak besar iaitu satu juta dan kerajaan juga bukanlah sumber tunggal dana bagi menampung kos yang terlibat, maka kewujudan beberapa agensi ini secara tidak langsung akan meningkatkan kecekapan perancangan, pengurusan dan juga pemantauan pelaksanaan rumah mampu milik. Seperti yang saya nyatakan tadi, ia melibatkan beberapa agensi yang telah pun diberikan kuota.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya, sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mencadangkan begitu, Yang Berhormat, kerana semua rumah mampu milik ini semuanya ada unsur subsidi daripada kerajaan. Jadi, bila kita ada banyak agensi, akan datang satu masa ataupun mungkin sedang berlaku sekarang daripada perbualan-perbualan yang saya dengar itu, ada pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan. Jadi kalau maklumat dan data itu tidak dikoordinasi, maka orang yang ada kemampuan sebenarnya dia akan, apa orang kata *go shopping*lah, di mana dia dapat membeli rumah-rumah mampu milik ini.

Bagaimana di masa hadapan? Saya tengok dalam PR1MA, diketatkan 10 tahun dia tidak boleh jual rumah itu. Bagi saya, kalau rumah ini telah disubsidi oleh pihak kerajaan, kita harus kalau hendak jual pun kena jual balik kepada kerajaan untuk orang lain yang kurang mampu untuk membeli rumah ini dan tidak orang kata pergi ke *market price* dan sebagainya. Itu sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih pandangan Yang Berhormat. Memang KPKT sedang membuat kajian supaya penyelarasan ini— kita akan selaraskan tetapi syarat asasnya ialah pembeli rumah yang pertama. Seperti Yang Berhormat nyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Rumah PR1MA dia 10 tahun tidak boleh jual. Kita KPKT pun kita ada cadang yang rumah PPR, dia tidak boleh jual 10 tahun tetapi kalau hendak jual, dia kena jual kembali kepada pihak kementerian.

Tujuan kerajaan, seperti saya nyatakan tadi, membahagi-bahagikan agensi-agensi ini ialah untuk kita hendak mempercepatkan hasrat mencapai satu juta rumah ini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya timbulkan sebab di Selangor sendiri, pengalaman semasa saya baru menjadi Ahli Parlimen, ada rumah-rumah yang sebelum itu disubsidi oleh Kerajaan Negeri Selangor, mereka ini berasal daripada setinggan, tidak mampu dan disubsidi hingga ke

RM7,000 begitu padahal mereka ini tidak layak, mereka tidak mempunyai kemampuan. Kalau mereka memohon daripada bank, bank tidak akan meluluskan permohonan pinjaman mereka.

Jadi setelah mereka pindah ke rumah begini dan selepas mungkin setahun dua, mereka sudah tidak mampu lagi untuk membayar dan akhirnya terpaksa keluar dan rumah dilelong. Bila lelong, mula-mula bank nyatakan bahawa ini hanya layak untuk kategori-kategori pendapatan tertentu dan sebagainya, orang yang berpendapatan melebihi sekian-sekian tidak boleh beli, tetapi akhirnya bank setelah tidak ada orang daripada kumpulan itu membeli, maka bank lelong. Ada yang mempunyai rumah di tempat-tempat ini sampai sepuluh biji rumah dan sebagainya. Inilah apa orang kata memikirkan ke hadapan. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong, PPR sudah habis. Tahun 2018. Dalam senarai, *insya-Allah*. Ini isu lain.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oh, ditukar ke Kuala Krau kah macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya faham tentang keperluan dan permintaan yang begitu tinggi terhadap projek perumahan rakyat. Cuma saya hendak minta supaya dipertimbangkan balik kerana projek perumahan rakyat di kawasan Lenggong yang diumumkan oleh Menteri dahulu untuk dilaksanakan telah pun melalui proses lawatan tapak, kemudian kita telah pun hendak mengangkatannya ke mesyuarat Exco kerajaan negeri bagi kelulusan tapak. Saya tidak faham kenapa tiba-tiba tidak masuk pula dalam senarai kerana ia akan nanti menyebabkan menjadi isu. Saya tidak tahulah kot tukar ke Kuala Krau, tidak tahulah. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kuala Krau pun tidak termasuk dalam senarai. *[Ketawa]* Memanglah saya ingat Kuala Krau, Lenggong ini semua— kita cadang ada 30. Cadangan kita 30 projek tetapi apabila senarai ini turun dalam bajet yang baru ini, daripada 30 yang kita senaraikan, hanya 10 yang tersenarai.

Walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, terasa sakit perut saya. *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Walau bagaimanapun, kementerian akan melihat syarat-syarat untuk kita buat rumah PPR ini. Kita akan cadangkan supaya pastikan rumah itu sudah cukup syarat, tukar syarat jadi taman perumahan, ada dalam *zoning*.

Jadi kalau mana senarai yang telah disenaraikan itu kalau tidak memenuhi syarat-syarat ini, kita boleh timbang NOC untuk Lenggong dan Kuala Krau.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, saya bagi jaminan dalam tahun ini kita selesaikan isu itu sebagaimana yang dimaksudkan tadi itu sebab kita telah pun hendak mengangkat ke majlis mesyuarat kerajaan negeri. Kalau itulah yang menjadi pertimbangannya, *insya-Allah*, kita akan pastikan ia selesai dengan harapan buatlah juga kerana telah pun dijanjikan oleh menteri sebelum ini. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey, tidak apa. Terima kasih. Saya pun banyak rayuan yang saya dapat. Jadi Lenggong dan Kuala Krau ini saya masuk dalam senarai rayuan sayalah kepada pihak EPU untuk dimasukkan dalam senarai.

Terima kasih pandangan Yang Berhormat Kota Raja. Memang apa yang Yang Berhormat Kota Raja cakap itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, baru segar sedikit. *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tapi Kuala Krau belum bagi lagi laporan dari pejabat tanah. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja yang peka. Memang saya pun akui apa yang Yang Berhormat katakan.

■1800

Pertama, kadang-kadang kita tengok rumah ini subsidi, rumah murah, macam rumah PPR sebagai contoh. Harga rumah RM160,000 lebih kurang seunit, harga purata. Harga pasarnya tetapi kita jual RM35,000. Bermakna, dekat RM130,000 lebih kita subsidi. Jadi, oleh itu hari ini kita membuat dasar-dasar yang baru. Pertama, untuk pastikan hanya orang yang tidak ada rumah sahaja yang dapat. Kita akan buat semakan.

Pertama, kita akan semak kepada Lembaga Perumahan Negeri. Tidak cukup dengan Lembaga Perumahan Negeri, kita akan hantar pula kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dua dia kena *check*, Lembaga Perumahan Negeri dia tengok, betul ke orang ini tidak ada rumah dalam negeri Selangor sebagai contoh. Hantar pula senarai kedua kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk *check* dua. Pertama, kalau dia ada rumah di luar Selangor, *then* Lembaga Hasil Dalam Negeri akan tahu sebab apabila ada *stamp* dan sebagainya. Kedua, betul atau tidak betul dia ini layak untuk menerima rumah tersebut kerana syaratnya kalau dulu RM2,500 sebulan, sekarang kita naikkan RM3,000. Jadi, kalau dia ada dalam senarai BR1M, memang dia terus layak. Tidak cukup daripada itu, syarat kita yang ketiga, kita akan pameran nama-

nama ini di kawasan perumahan ini supaya orang boleh tengok, siapakah yang terpilih untuk memiliki rumah tersebut. Kalau ada bantahan, kita akan semak balik.

Untuk itulah kerana kita sedar rumah PPR, nilai rumah RM160,000 sebagai contoh. Hendak pinjam dengan bank tidak dapat, bayangkan *collateral* RM160,000, hendak pinjam RM35,000, itu pun tidak dapat, bank tidak bagi kelulusan. Oleh sebab itu kita dapati hari ini, banyak rumah PPR yang masih lagi kosong. Orang itu layak duduk rumah PPR. Apabila kita tawarkan, dia tidak dapat menerima tawaran kita kerana dia tidak dapat pinjaman bank. Oleh sebab itulah kementerian telah memperkenalkan sistem *rent-to-own*, sewa beli. Sewa untuk dibeli, jadi dia masuk sahaja, tidak payah pinjam bank. Cukup dalam tempoh tertentu, dia akan dapat rumah ini menjadi hak milik dia tetapi dengan beberapa syarat yang saya nyatakan. Tidak boleh jual 10 tahun, kalau hendak jual, jual balik kepada kementerian. Jadi, ini memang kita sedar dan kita sedang dilaksanakan. Dia masuk tanpa depositlah, tidak perlu pinjam bank. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke isu yang kedua ialah kebombaaran. Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan antara tunjang utama pasukan penyelamat di Malaysia. Mereka bersedia untuk memberikan bantuan dan khidmat bakti tanpa mengira masa dan penat demi keselamatan rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Langat, Sabak Bernam, Limbang, Tanjong Piailai, Paya Besar dan Kudat yang telah membahaskan mengenai perkhidmatan kebombaaran dan penyelamatan di kawasan Parlimen masing-masing.

Ahli Yang Berhormat Kuala Langat dan Ahli Yang Berhormat Paya Besar ada membangkitkan mengenai gaji anggota bomba yang jauh lebih rendah berbanding dengan anggota penguasa yang lain, walaupun Yang Berhormat salah kementerian. Suruh KDN yang menjaga bomba. Bomba bawah KPKT, bukan di bawah KDN. Jadi, walau bagaimana pun kita mengambil maklum apa Yang Berhormat telah nyatakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengkaji dan memperhalusi cadangan penambahbaikan skala gaji yang bersesuaian dengan mengambil kira risiko kerja yang dihadapi oleh pegawai bomba.

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, rasionalisasi skim perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia. Gaji pegawai bomba telah pun meningkat hampir 45 peratus bermula 1 Julai tahun 2016. Baru mula, tahun 2016 dan ia setara dengan gaji pegawai agensi-agensi keselamatan yang lain. Dalam masa yang sama, anggota bomba juga diberikan beberapa insentif dan juga perlindungan insurans mencecah RM40,000 dalam

memastikan kebajikan mereka sentiasa terpelihara. Jadi, nampak Yang Berhormat, jangan kita di kawasan Yang Berhormat yang perjuangkan pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua orang yang bangun, ya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pencelahan. Terima kasih. Pertama, saya ucapkan terima kasihlah dan tahniahlah atas keprihatinan yang telah pun dimaklumkan kepada kita. Walau bagaimana pun saya mewakili pekerja-pekerja bomba yang saya lihat pada kebelakangan sebelum dikuatkuasakan penggajian untuk ditingkatkan ini memberikan satu isyarat bahawa mereka tidak dipinggirkan. Walau bagaimana pun, saya bagi pihak mereka anggota bomba mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan yang ditonjolkan sebelum ini dan telah memberikan sedikit ruang untuk mereka hidup selesa. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar juga bangun.

Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak Yang Berhormat Menteri nyatakan jenis-jenis insentif yang diberikan kepada anggota bomba. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tadi dah makan tengah hari dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi dah tanya soalan yang sama. *[Ketawa]*

Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Itu soalan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini hendak rekod dalam *Hansard*.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sebab Yang Berhormat Paya Besar hendak *balance up* dengan Yang Berhormat Kuala Langat. Jadi, bukanlah sahaja Yang Berhormat Kuala Langat sahaja yang membela nasib bomba. Yang Berhormat Paya Besar pun membela nasib pegawai bomba.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cantik.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Jadi, saya hendak maklumkan bahawa ada lima jenis elaun atau pegawai-pegawai bomba diberikan...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sibuti, Sibuti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri baru hendak jawab.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Bagi peluang.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini hendak mengambil peluang berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri ini dan timbalan dia. Setelah melawat kawasan saya, pertama, bomba saya dibina dan sedang pembinaan. Rumah PPR juga kami diserahkan 500 buah rumah. Jadi, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh datang lagilah, melawat kita. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, terima kasih jugalah. Waktu saya melawat hari itu, Yang Berhormat sama-sama turun melawat rumah PPR, bomba pun sedang dibuat. Jadi, menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ini bantu seluruh negaralah, termasuk Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri lain.

Kita berbalik kepada Yang Berhormat Paya Besar yang meminta bantuan. Saya ada nyatakan ada lima jenis insentif elaun kepada pegawai-pegawai bomba seperti berikut.

- (i) Bantuan insentif bomba kepada pegawai bomba yang bertugas dalam syif 12 jam sebanyak RM110 sebulan dan syif 24 jam sebanyak RM220 sebulan;
- (ii) bayaran insentif menyelam kepada pasukan penyelamat di air sebanyak RM100 sebulan;
- (iii) bayaran insentif terhadap pasukan khas *hazardous material* (HAZMAT) sebanyak RM100 sebulan;
- (iv) bayaran insentif rawatan kecemasan kepada pasukan khas *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) sebanyak RM100 sebulan; dan
- (v) elaun tanggungjawab khas pemandu kepada pemandu kenderaan bomba sebanyak RM150 sebulan.

Jadi, abang *sado* hero bomba tetap diberikan pembelaan kerana itu kita sudah buat filem dah pun supaya orang melihat. Apa nama filem?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Hero.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Hero nama filemnya. Jadi, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Lenggong ada buat permohonan untuk jadi pelakon hero bomba.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Dia hendak jadi abang *sado* sedikit. Jadi, setiap Isnin boleh tengok dalam TV2, siaran bomba macam mana kita hendak mempromosikan tanggungjawab bomba dan juga pegawai-pegawainya.

Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam, ada? Memohon pembinaan jeti bagi kegunaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sabak Bernam serta memohon kerajaan mempertimbangkan stor baru dan surau bagi balai bomba berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT akan mengkaji cadangan untuk pembinaan jeti tersebut. Ini bagi memastikan ia memberikan manfaat bukan sahaja kepada pasukan bomba tetapi juga agensi-agensi lain. Manakala bagi permohonan-permohonan stor dan surau pula, saya jamin kita akan berikan kelulusan segera.

Saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat Limbang. Ada Yang Berhormat Limbang? Yang Berhormat Limbang tidak ada, saya bagi jawapan bertulis. Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai? Ada? Telah membangkitkan mengenai kekurangan anggota bomba di Balai Polis Pekan Nanas sehingga menyebabkan situasi kebakaran yang pernah berlaku di Pekan Nanas pada 22 Oktober 2016 tidak dikawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari kejadian, pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas sedang melaksanakan kerja pemadaman kebakaran kontena di Gelang Patah. Ada satu kebakaran lain sedang berlaku di Gelang Patah. Manakala, kebakaran bangunan kediaman yang berlaku 100 meter dari Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas telah diambil tindakan oleh pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Pontian Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1810

Di sini saya hendak minta jasa baik Yang Berhormat Menteri sebab di balai Pekan Nanas ia ada dua buah jentera, maknanya kereta bomba. Jadi maksudnya walaupun ada satu kereta bomba untuk berkhidmat, masih ada tinggal satu lagi. Akan tetapi oleh sebab kita melihat apa yang berlaku ialah semasa berlaku kebakaran cuma ada seorang sahaja pegawai yang bertugas tetapi kereta bomba berada di balai bomba.

Maka saya meminta jasa baik Yang Berhormat Menteri mungkin bantu kerana Pekan Nanas merupakan sebuah kawasan pembangunan yang amat pesat, banyak taman perindustrian, banyak taman perumahan yang telah dibangunkan. Maka kalau

boleh tambahkan anggota bomba untuk melengkapkan supaya kedua-dua buah jentera itu ada anggota yang bertugas. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Ahli Parlimen yang prihatin masalah kawasan. Tahniah atas seruan ataupun permohonan Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa Pekan Nanas, kita akan tambah keanggotaannya. Kita faham, kita akan tambah. Kemudian kita juga sedang membuat kajian risiko di kawasan Pekan Nanas iaitu keperluan sebuah balai bomba berserta sebuah jentera pada masa ini bagi kajian kita cukup memadai. Mungkin hari itu nasib kurang baik, kebakaran berlaku serentak. Sekiranya berlaku dua kes, sekiranya pada masa yang sama, pusat gerakan operasi negeri akan mengarahkan bantuan segera dari balai-balai bomba yang berhampiran. Terima kasih keprihatinan Yang Berhormat.

Berkaitan dengan permohonan Ahli Yang Berhormat Paya Besar dan Ahli Yang Berhormat Kudat mengenai pembinaan balai bomba baru di kawasan masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kawasan Paya Besar berada di bawah jajahan Balai Bomba dan Penyelamat Taman Tas, Kuantan. Kementerian kini sedang mengenal pasti lokasi tapak yang strategik untuk pembinaan sebuah lagi balai bomba di kawasan Parlimen Paya Besar iaitu di Gambang di mana permohonan perolehan tapak akan dibuat pada tahun 2017.

Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: *[Bangun]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Bagi pembinaan balai bomba di Pitas pula, kerajaan telah pun meluluskan peruntukan bagi membina sebuah balai bomba di daerah Pitas yang terletak di Pekan Baru Pitas. Status projek Balai Bomba dan Penyelamat Pitas adalah dalam proses penyediaan...

Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: ...Dokumen tender— di Pitas kita sedang menyediakan dokumen tender yang dijangka akan ditenderkan sebelum bulan Disember dan kerja-kerja pembinaannya akan mengambil masa 18 bulan untuk menyiapkan di Pitas. Ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang balai bomba di Taman Tas. Agak mendukacitakan balai bomba ini kerana jalan keluarnya tidak ada. Dia terpaksa menelusuri jalan kampung, Kampung Lubuk Puyu ataupun Kampung Pandan Satu. Jadi ini yang membataskan pergerakan bomba di Taman Tas.

Jadi saya berharap kalau dapat pihak kementerian mengeluarkan peruntukan untuk membina jalan terus dari balai bomba ke Kuantan *bypass*. Saya telah mengenal pasti tanah yang sesuai untuk membina jalan tersebut. Ini kerana pada tahun 2004 memang ada rizab jalan untuk bomba tetapi saya tengok kebelakangan ini tanah yang dirizabkan itu telah dibina rumah. Jadi sekiranya pihak kementerian dapat menyediakan peruntukan untuk membina jalan yang bersesuaian untuk kereta-kereta bomba ini, saya cuba mencarikan tanah yang sesuai untuk pembinaan jalan ini. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat yang cukup prihatin dengan masalah keselamatan rakyat di Paya Besar. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa KPKT ini kita hanya mengambil peruntukan membina bangunan sahaja. Akan tetapi masalah jalan, saya bersedia bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk kita melihat tanggungjawab kita untuk mohon peruntukan. Saya pun boleh melalui bomba untuk mohon peruntukan kepada kementerian yang berkenaan sama ada kementerian itu KKLW ataupun pada JKR untuk kita minta peruntukan segeralah demi keselamatan rakyat di kawasan Paya Besar, *insya-Allah*. Boleh bincang dengan saya, kita akan tulis surat bersama mohon daripada kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sungai Petani telah membangkitkan— ada Yang Berhormat Sungai Petani? Telah membangkitkan peranan KPKT dalam menentukan kelulusan lesen hiburan keluarga yang mana kegiatan judi haram berselindung di sebaliknya. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat untuk kita sama-sama memerangi judi haram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen pusat hiburan sekeluarga adalah lesen yang dikeluarkan bagi tujuan berhibur secara individu ataupun bersama keluarga di tempat tertentu yang dibenarkan oleh pihak berkuasa. KPKT telah menyediakan garis panduan pusat hiburan keluarga bagi tujuan meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan ke atas premis hiburan. Garis panduan ini menekankan kepada aspek pengurusan premis, jenis-jenis permainan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan, syarat-syarat am kepada pengunjung dan masa operasi pusat hiburan keluarga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lesen aktiviti hiburan dikeluarkan sama ada pejabat daerah ataupun pihak berkuasa tempatan masing-masing melalui peruntukan di bawah enakmen hiburan negeri masing-masing. Jadi saya sudah maklumkan ini lesennya memang dikeluarkan oleh pihak PBT. Kita hanya memberikan garis panduan sahaja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya malah hendak mencadangkan lebih daripada itu Yang Berhormat. PBT di seluruh negara ini banyak dan di bawah kawalan kerajaan negeri. Kemudian kerajaan negeri pula tinggalkan kepada YDP-YDP. Kadang-kadang pengawalannya amat longgar. Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, satu garis panduan satu hal tetapi yang lebih penting kalau boleh Yang Berhormat Menteri fikirkan kelulusan itu mesti datang daripada kementerian. Mesti datang daripada kementerian. Saya tengok 99 peratus daripada kegiatan judi ini berlaku di sini sebab kita tidak boleh *control* PBT. Jadi sebab itu— kalau di kementerian, saya rasa yang pertama sekali kementerian akan lebih telus kerana ia *centralized*.

Keduanya, tidak semudah itu kementerian akan mengeluarkan lesen-lesen ini. Sekarang ini amat mudah sekali, amat mudah sekali. Oleh sebab itu saya mintalah ini isu negara, ini isu judi yang amat teruk di bawah sekarang ini. Satu-satunya *solution* yang ada sekarang ini ialah kepada Yang Berhormat Menteri jugalah saya harap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun kalau boleh ada kuasa, saya hendak kuasa itu. Oleh sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat kita hendak mengatasi masalah perjudian. Masalah ini ialah masalah dalam Perlembagaan kita. Kita sedia maklum bahawa hal yang berkaitan dengan hiburan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana butiran 5(f), Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Ini masalah kita.

Bukan itu sahaja Yang Berhormat, saya ada pengalaman perkara ini sejak saya menjadi Timbalan Menteri Keselamatan dulu pun, apabila kita dapati lesen-lesen yang dikeluarkan oleh PBT, polis buat serbuan. Apabila polis buat serbuan, polis tidak ada kuasa pula hendak menutup PBT ini. Itu pun dulu saya pernah minta bagi kuasa kepada polis, bukan sahaja boleh serbuan tetapi kuasa polis juga boleh tutup mana-mana kawasan premis yang diserbu.

Akan tetapi polis tidak ada kuasa itu, yang ada kuasa untuk membuka dan menutup ialah PBT. Jadi kita tengok kadang-kadang polis serbu, malam esok lusa buka balik. Serbu lagi, buka balik. Jadi ini kita memang— inilah yang saya kata kenyataan kita ialah kuasa yang ditentukan dalam Perlembagaan. Ini kuasa kerajaan negeri dan juga pihak Kerajaan *Federal*. Benda ini memang kita sudah bincang pun. Sudah bincang bagaimana cara supaya kita dapat selaraskan kerana seperti Yang

Berhormat kata penyakit ini amat bahaya kepada judi yang jenis moden ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya ialah mengenai penyediaan kemudahan infrastruktur. Ahli Yang Berhormat Limbang juga memohon pembinaan *pedestrian bridge*. Yang Berhormat Limbang ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak ada. Saya bagi jawapan ini pada Yang Berhormat Limbang. Ahli Yang Berhormat Lanang, ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat Lanang tidak ada? Tidak ada, saya kena bagi jawapan kepada Yang Berhormat Lanang. Seterusnya ialah isu pengindahan landskap awam berkenaan dengan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat Limbang, pun tidak ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak ada, saya akan bagi pada Ahli Yang Berhormat Limbang.

■1820

Isu yang keenam ialah penyelenggaraan perumahan dan persatuan penduduk. Ahli Yang Berhormat Batu Kawan ada? Ada Yang Berhormat Batu Kawan. Isu yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seremban bangun.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat Seremban ada, Yang Berhormat Seremban tak bangkit. Tak Yang Berhormat tak bangkit dalam okey, okey.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan geran persatuan penduduk yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan semasa pembentangan belanjawan tempoh hari yang mengatakan bahawa ada RM40 juta diperuntukkan untuk melaksanakan semula Geran Persatuan Penduduk kepada semua persatuan yang berdaftar, geran sehingga RM10,000 bagi membiayai peralatan kawalan keselamatan, pembersihan dan penyelenggaraan.

Saya hendak tanya apakah mekanisme untuk mendapatkan geran ini dan agensi manakah yang dipertanggungjawab untuk menyelaraskan ataupun menerima permohonan ini. Bagaimanakah persatuan-persatuan penduduk yang berdaftar ini dapat memohon mendapatkan geran ini saya harap penjelasan dapat diberikan. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu hari dia tolak bajet Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun apabila saya mendengar bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya pun tertanya-tanya ini kuasa di bawah kementerian mana hendak diletakkan bajet ini. Tetapi dalam mesyuarat Kabinet minggu lepas saya telah bertanya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan ini akan diletakkan di bawah KPKT. Jadi di bawah KPKT kita akan dapat senarai-senarai persatuan penduduk yang berdaftar dan kita ada juga jentera kita di bawah kita ada COB kita dan juga kita ada tubuh JPP kita. Jadi dengan dua agensi ini JPP dan COB kita akan dapat maklum balas.

Namun demikian kita sedia maklum, bahawa persatuan penduduk ini saya ingat banyak terlalu banyak peruntukannya hanya terhad. Jadi ini kita akan memberikan pertimbangan mengenai permohonan-permohonan yang kita akan terima. Jadi Yang Berhormat saya...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak dapatkan kepastian sama ada persatuan penduduk itu boleh mohon ataupun peruntukan ini disalurkan mengikut budi bicara. Sebab yang lebih baik saya rasa ada permohonan yang diberikan kepada persatuan penduduk dan mereka boleh mohon kepada satu agensi sama ada COB atau di bawah Majlis Perbandaran dan mereka tahulah bahawa ada saluran lagi mereka boleh pohon.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sudah saya katakan bahawa ini satu bajet yang baru menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada masyarakat bandar terutamanya kerana peruntukan ini kita dapat. Jadi saya akan melihat mekanisme bagaimana cara untuk kita memberikan peluang. Yang saya kata kita tahu banyak persatuan tetapi mesti ada satu mekanisme kita untuk kita hendak berikan sumbangan dan bantuan. Ini sudah tentulah melalui permohonan yang mungkin kita akan salurkan kepada PBT-PBT. Ini kita akan lihat dari segi pelaksanaannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Isu yang ketujuh ialah pemaju perumahan sebagai pemberi pinjaman wang. Ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Tidak ada, tetapi ini pun saya sudah jawab dalam soalan lisan pada minggu lepas.

Akhir, ialah cadangan daripada Ahli Parlimen Gombak yang minta saya, Yang Berhormat Gombak tak ada pula ya, tetapi saya hendak jawab sebagai rekod, dia minta saya menumpukan tugas saya kepada kementerian KPKT. Saya hendak bagi tahu kepada Gombak, saya sudah lawat banyak negeri sudah, semua negeri saya sudah pergi. Bila saya datang negeri Selangor, negeri Selangor yang paling teruk

pengurusannya. Pengurusan air pun teruk, pengurusan rumah PPR pun teruk, pengurusan sampah pun teruk. Jadi sebab itulah saya memberikan perhatian kepada negeri Selangor.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tan Sri...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya beri perhatian kepada negeri Selangor janganlah kata saya jadi Menteri KPKT untuk negeri Selangor, teruk negeri Selangor ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sebut tadi, pengurusan sampah teruk, pengurusan rumah teruk. Ini apa punca sebenarnya. Apakah berpunca daripada kelemahan kerajaan negeri. Cuba beri penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *[Ketawa]* Dia sebab, sebab kerajaan negeri dia hendak tunjuk pandai, dia nak tunjuk pandai. Kita kata dulu kita tawar supaya tandatangan perjanjian Akta 672 supaya pengurusan sampah itu diuruskan oleh kerajaan federal. Akan tetapi kerajaan negeri kata mana boleh Alam Flora ini kroni UMNO tak boleh, jangan *sign*, okey. Kita tak nak *sign* kita baguslah kita belanja, Kerajaan Persekutuan belanja untuk membantu negeri-negeri untuk membersihkan sampah ini kosnya ialah RM2.2 bilion. Bukannya sikit, Kerajaan Negeri Selangor tak nak tak apalah, bila dia tak nak dia menguruskan cara sendiri.

Bila cara sendiri pula saya dapat maklum, sistem kontrak pun tak sama. Sistem bayaran pintu rumah antara PBT dengan PBT pun tak sama, akhirnya negeri Selangor menjadi juara denggi yang tertinggi di dalam negara kita dan jadi negeri 'darul sampah'. Okeylah Selangor bolehlah kita lawan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya bukan Selangor tetapi-saya dengar teliti ini kalau Selangor teruk macam-macam BN pun kalah, saya tidak fahamlah kenapa begitu. Namun saya bukan hendak *score political point* cuma isu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dengan negeri ini itulah tanggungjawab kerajaan untuk membincang. Isu kutipan sampah patutnya hak kerajaan negeri untuk pilih mana-mana kontraktor tetapi kalau tugas Kerajaan Persekutuan ialah untuk memberi bantuan dari segi kewangan seperti negeri-negeri lain. Kenapa harus disyaratkan bahawa kontraktor itu harus dipilih seperti Alam Flora atau syarikat-syarikat tertentu supaya kita boleh mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Mohon perjelaskan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat Batu ada dua isulah. Yang kata kalau banyak isu sebab apa Selangor BN kalah. Yang Berhormat yang itu kalah tahun 2008, *now* sudah 2013. Pada masa itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lagi teruklah.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Dengar dulu memang kita kalah teruk daripada 2008 kita menang 20 kerusi, 2013 kita kalah turun tinggal 12 kerusi. Sebab apa kita kalah sebab Menteri Besarnya daripada Bandar Tun Razak. Akan tetapi apabila Menteri Besarnya datang daripada Gombak, PRK Sungai Besar daripada 399 kita menang, kita menang 9,191. Sungai Besar ada, padahal pada PRK Sungai Besar pada kita inilah masanya untuk rakyat menolak deklarasi rakyat, Yang Berhormat Batu pun tandatangan juga deklarasi itu. Akhirnya kita tengok kalah daripada kami menang 399, kami menang 9,191. Ini kenyataan. Ini hendak jawab Yang Berhormat Batu punya. Jadi itu bermaknanya adalah perubahan, pilihan raya akan datang kita sapu bersihlah negeri Selangor. Sudah ada perubahan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sebabnya tong-tong sampah, saya kata urus sampah. Sampah ini Yang Berhormat, saya sudah bagi tahu kita peruntukkan RM2.2 bilion, bukan *million*, bilion, hendak tolong kerajaan negeri hendak menyelesaikan sampah. Akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor hendak tunjuk pandai, nanti dulu ini kroni duduk dulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tak apa saya hendak tanya Terengganu dengan Kedah pun tak ada terima apa cadangan daripada federal, jadi kenapa tak sentuh, kenapa Selangor, Selangor, Selangor. Itu jadi KPKT Selangor bukan KPKT...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey tak apa, tak apa. Okey terima kasih soalan itu, saya jawab. Dia sebab bila kena bos, kroni itu mesti bangun punya, kroni ini kroni Ampang, semua orang tahu. Baik sampah Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan ini punyalah baik hati walaupun kerajaan negeri tidak menandatangani akta, ini ada akta Yang Berhormat. Akta 672 namanya bukan hanya Selangor sahaja mesti tandatangi termasuk juga Yang Berhormat kata tadi Terengganu, Kedah tetapi Kedah *sign* Yang Berhormat, menang 78, Kedah *sign*. Perak tak *sign*, Perak tak *sign*, Terengganu tak *sign*, Kelantan tak *sign*. Jadi sebab mengapa kita ada akta ini sebab kita hendak selaraskan. Walaupun Selangor tak ada tandatangi Akta 672 tetapi kerajaan negeri punya baik Kerajaan Federal. Kita tolong buat tempat pelupusan sampah Seksyen 21.

Harga dia dekat RM70 juta. Tak cukup RM70 juta kita buat tempat sampah ini, kita belikan pula lori, 44 buah kenderaan kita tolong beli. Duit siapa dapat? Duit yang ambil orang luar, satu sen pun Kerajaan *Federal* tak dapat. Kita belanjakan RM77 juta, duit kita tak dapat. Bila lori rosak, eh minta kita pula baiki lori tersebut. Kontrak. Sebab itulah kontrak ini akan tamat bulan Mei. Saya akan tamatkan kontrak WHB dengan Kerajaan Negeri Selangor. Biar kita urus pelupusan sampah tersebut.

Kedua, mengapakah tak sebut negeri lain? Hendak sebut negeri lain macam mana? Negeri lain tak ada masalah sengat denggi, tak ada masalah sampah sangat. Yang teruk sampah ini Selangor. Wilayah Persekutuan tak ada- tak tahulah kalau Yang Berhormat Batu kata Wilayah Persekutuan ini sampah teruk. Hendak bandingkan sampah dalam negara ini yang paling teruk sampah, Selangor. Sebab itu saya cakap pasal Selangor hendak banding banyak-banyak peringkat negeri ialah Selangor. Selangor ini berjiran dengan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan Wilayah Persekutuan. Mengapakah Wilayah Persekutuan lebih pandai urus kawasannya? Itu maksud saya. Jadi Yang Berhormat, tolong nasihat kroni Yang Berhormat ini. Terima kasih banyak, saya ucapkan terima kasih kepada...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan sedikit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah itu Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Dia rajin turun Ampang ini.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: ...Ya?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri ini rajin turun Ampang, dia terjah sana, terjah sini, tapi tengok buat kerja tak semengghah punya, kerja kecil-kecil dia buat. Kalau hendak buat, buat kerja besar-besar baru boleh nampak. Kalau kata sampah itu teruk, angkat sampah itu tak payah hendak betulkan bumbung kah, atap kah, dewan-dewan itu, itu semua perkara kecil tapi apa yang saya hendak sentuh tadi mengatakan bahawa masalah denggi.

Perkara denggi ini ada berkaitan dengan beberapa buah agensi yang lain juga Tuan Yang di-Pertua. Kerana apa? Pendatang asing banyak di negeri Selangor, *refugee* banyak di negeri Selangor. Ini adalah berkaitan dengan agensi lain yang penguatkuasaannya lemah dan ini membuatkan Kerajaan Negeri Selangor, negeri Selangor berlambak dengan pendatang-pendatang asing dan mereka yang tidak patut duduk di Selangor. Jadi ini yang membuatkan keadaan sosial, ekonomi dan juga

environment Selangor menjadi demikian. Kalau hendak sentuh pasal denggi, Singapura pun ada denggi. Sebuah negeri yang bersih sekali tetapi ada denggi juga...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang merepek apa ni Yang Berhormat Ampang?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey, faham. Saya faham, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, saya faham. Yang Berhormat jangan marah. Saya pergi Ampang- satu buah taman. Dia kata Ahli Parlimen pun tak pernah datang kawasan perumahan itu [*Ketawa*] Saya pergi, saya tengok sebab itu saya luluskan peruntukan RM600,000. Ahli Parlimen Ampang, dua penggal tak pernah sampai ke kawasan yang saya pergi. Saya pergi ke kawasan yang teruk.

Jadi sebab itu, sekarang ini hendak cakap- Yang Berhormat, betullah kata saya, slogan Selangor ini ialah kerajaan yang mengamalkan lagu, '*Bangau oh Bangau*'. Dah salah kuasa sendiri, pun hendak salahkan orang lain, semua hendak salahkan orang lain. Air salahkan orang lain, sampah salahkan orang lain. Yang Berhormat, tahu lagu, '*Bangau oh Bangau*'? Hendak suruh saya nyanyi?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Cukuplah itu Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pula.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: ...Bangau oh Bangau mengapa engkau kurus? Jadi akhirnya '*Bangau oh Bangau*' ini tahu sebab apa dia kurus? Ikan tak mahu timbul. Jadi akhirnya '*Bangau oh Bangau*' ini sebab apa dia kurus? Sebab ikan tak mahu timbul. Sebab apa ikan tak mahu timbul? Sebab rumput panjang sangat. Sebab apa rumput panjang sangat? Sebab kerbau tak mahu makan. Sebab apa kerbau tak mahu makan? Sebab perut sakit. Sebab apa perut sakit? Sebab nasi mentah. Sebab apa nasi mentah? Sebab api salah. Sebab apa? Sebab kayu api tak ada, dan akhirnya...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: PRU Ke-14 *guarantee* BN zero, UMNO sifar.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, Lumut. Lumut. Lumut belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tak apalah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta terima kasih banyak.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Lumut belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, Lumut punya soalan belum jawab. Kami tunggu

sampai pukul 10 malam, malam tadi kemukakan soalan tetapi malangnya tak jawab. Timbalan Menteri ada malam tadi.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey, isu apa?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Isu pasal PBT. Buka tanah *join venture* dengan MPM iaitu Majlis Perbandaran Manjung jadi *developer* pembangunan rumah kedai apa semua. Ini sesuai dengan akta yang baru diluluskan. Keduanya, Perak tak sains pelupusan sampah ini oleh sebab kami mohon tanah di Bukit Mengkudu tapi KPKT tak layan, tak luluskan untuk kawasan pelupusan sampah. Kalau boleh, tolong tengok balik Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey, terima kasih. Saya minta maaf. Mungkin pegawai saya terlepas pandang.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Itu ada malam tadi itu.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tak apa, saya minta maaf kalau mungkin pegawai saya terlepas pandang. Saya akan bagi jawapan bertulis kepada soalan-soalan Yang Berhormat telah bangkitkan. Jadi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga mewakili Yang Berhormat Lenggong mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan. Tak lama ya? Setengah jam. Sila.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Belanjawan 2017 pada kali ini dan menyentuh isu di Wilayah Persekutuan khususnya Ahli Yang Berhormat Labuan dan Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Labuan. Tak ada di Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tak perlu jawapan bertulis. Ha, baru masuk.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Baru masuk? Okey. Ahli Parlimen Labuan telah membahaskan isu tentang infrastruktur *Halal Hub* di Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong industri *Halal Hub* di Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyediakan kemudahan yang terdiri dari bangunan pemprosesan gudang, bangunan pentadbiran serta kemudahan infrastruktur di Labuan Halal Hub. Pusat ini kekal akan menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran produk dan barangan halal ke rantau ini khususnya bagi wilayah *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* atau dipanggil wilayah BIMP-EAGA.

Tumpuan aktiviti utama produk-produk berasaskan hasil tangkapan laut atau *seafood*. Dengan keluasan 7.4 hektar, Labuan Halal Hub berpotensi menarik pelaburan dari dalam dan luar negara serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Setakat ini terdapat beberapa orang pelabur tempatan telah pun beroperasi di Labuan Halal Hub. Terdapat juga beberapa orang pelabur dari negara China yang menunjukkan minat untuk datang ke Labuan bagi melihat potensi dan kemudahan yang disediakan oleh Labuan Halal Hub.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Labuan telah turut membangkitkan isu tentang *connectivity* di Labuan iaitu cadangan pembinaan Jambatan Labuan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, kerajaan tiada perancangan untuk membina jambatan yang menghubungkan Labuan dengan negeri Sabah. Walau bagaimanapun, alternatif terbaik yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi menambah baik elemen *connectivity* seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Labuan ialah pembangunan terminal dan jeti baharu Labuan.

Terdapat cadangan untuk membangunkan terminal dan jeti baharu di Labuan sebagai salah satu daripada komponen projek pembangunan yang dicadangkan oleh pihak syarikat swasta yang berminat. Projek pembangunan ini turut meliputi pembinaan pusat-pusat komersial, perdagangan, hotel, taman awam, taman perumahan dan pasar raya. Pembinaan terminal dan jeti baharu ini dijangka akan menyelesaikan masalah kesesakan di terminal feri lama di Pusat Bandar Labuan. Dalam hal ini, cadangan pembangunan terminal dan jeti baharu berkenaan akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak kemudiannya telah membahaskan isu tentang projek pembangunan Taman Tugu di Kuala Lumpur.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan yang mulia ini, projek pembangunan Taman Tugu merupakan projek yang dilaksanakan secara tanggungjawab sosial korporat atau

corporate social responsibility (CSR) oleh Khazanah Nasional Berhad. Projek ini merupakan projek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan semula jadi yang berkonsepkan pendidikan, keluarga, masyarakat dan aktiviti rekreasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, pembangunan Taman Tugu tidak boleh disamakan dengan pembangunan projek pertanian seperti penanaman kelapa sawit. Kos keseluruhan projek Taman Tugu yang dianggarkan RM650 juta bukan hanya untuk tujuan penanaman pokok tetapi juga melibatkan pembangunan fizikal dan bukan fizikal yang merangkumi empat komponen utama seperti berikut:

- (i) pemuliharaan dan pengaktifan tapak hutan hujan seluas 66 ekar;
- (ii) penambahbaikan dan kesalinghubungan dengan kawasan persekitaran;

■1840

- (iii) pembangunan sebuah pusat latihan dan inovasi; dan
- (iv) operasi dan penyelenggaraan serta penganjuran aktiviti sosial dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, antara faedah-faedah yang diperoleh daripada pembangunan Taman Tugu kepada rakyat dan negara adalah:

- (i) orang ramai dapat menggunakan 90 peratus kemudahan yang disediakan secara percuma;
- (ii) kawasan ini akan menjadi tarikan utama pelancong dan dijangkakan anggaran hasil daripada industri pelancongan yang berkaitan adalah sebanyak RM400 juta setahun;
- (iii) Taman Tugu akan menghubungkan dan melengkapkan jaringan kawasan-kawasan pelancongan di sekitar Kuala Lumpur seperti Taman Botani Perdana, *Heritage Trail* dan projek *River of Life* termasuk hab pengangkutan di Kuala Lumpur Sentral;
- (iv) pembangunan ini adalah selari dengan cadangan untuk meningkatkan kedudukan Kuala Lumpur dalam indeks daya huni atau *livability index*; dan
- (v) kawasan hutan hujan semula jadi di Taman Tugu akan dapat dijadikan sebagai pusat kajian dan penyelidikan bagi mengekalkan dan memelihara alam semula jadi di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya, kementerian berpandangan pembangunan Taman Tugu ini merupakan inisiatif baru kerajaan untuk mengekalkan dan memelihara

kawasan hijau dalam bandar melalui program CSR yang akan dapat di manfaat sepenuhnya oleh orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Batu. Ya, sila Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya- jumlah keseluruhan projek Taman Tugu ini RM650 juta. Difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa RM500 juta itu *nothing to do with the government. This is CSR on the part of Khazanah. Under treaty, saya* merasakan datang daripada Kerajaan Pusat. Saya hendak tahu RM650 juta disebabkan ada komponen kerajaan dalam itu 150, apakah agensi yang terlibat secara langsung melaksanakan projek ini? Itu pertama. Sama ada 150 ini diberi kepada Khazanah, maka Khazanah as a 650 membuat secara sendiri, benda itu tanpa penglibatan kerajaan. Itu pertama.

Kedua, disebabkan fasa ini ada empat fasa seperti komponen yang dimaklumkan bermula dari tahun 2016 fasa pertama, siap tahun 2018 pertengahan dan keseluruhannya tahun 2020. Tiap-tiap komponen itu berapakah jumlah dia? Contohnya komponen pertama, kedua, ketiga dan keempat. Sekiranya boleh diletakkan *cost structure* untuk fasa-fasa itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali kawasan yang sama pada tahun 2010, RM30 juta sudah dilaburkan untuk *upgrading* kawasan Taman Tugu pada tahun 2010, kalau kita boleh semak semula. Kurang daripada 10 tahun kita *pump in another RM650 million*.

Saya rasa untuk menjustifikasikan keadaan ini dalam keadaan kebanyakan bajet dipotong dan tidak mencukupi. Itu susah untuk meyakinkan rakyat bahawa ini adalah *priority* yang harus kita tumpukan. Pada masa yang sama, kita juga lihat banyak taman metropolitan *park* dan juga taman-taman Titiwangsa. Ini *under- the maintenance* sudah tidak mencukupi dan banyak fasiliti ini tidak dinaiktarafkan. Justifikasi untuk mengatakan dengan pelaburan RM650 juta ini akan menarik lebih banyak pelancong. Ini harus dinyatakan secara kuantiti. *You need to quantify actually these investment to be able to reach that.*

Satu lagi poin yang saya ingin mendapat penjelasan ialah isu pusat latihan dan inovasi. *Why do we need to put it into Taman Tugu?* Saya tidak faham logiknya pusat

latihan dan inovasi itu boleh diletakkan di mana-mana. Boleh diletak di bawah kementerian yang lain atau dalam bajet yang lain. Boleh diletak di dalam universiti. Kenapakah harus dimasukkan sebagai pakej untuk menaiktarafkan Taman Tugu ini? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mungkin saya nampak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang bila DBKL berusaha untuk memasukkan lebih penduduk untuk duduk di Kuala Lumpur, kita memang perlu taman rekreasi. Macam *Lake Gardens*, macam Bukit Jalil Park dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita lihat sekarang ialah DBKL memang tidak peduli tentang keperluan penduduk KL yang mana kita perlu taman rekreasi. DBKL hanya sibuk meluluskan semua bangunan yang *high density*.

Saya rasa yang nama Kementerian Wilayah Persekutuan haruslah tukar nama kepada Kementerian Kondominium, Kementerian Apartmen dan mungkin lebih sesuai. Saya ambil satu contoh di kawasan saya Bukit Jalil Park ialah satu-satu *park* yang mana kita sebagai penduduk di persekitaran boleh bersenam. Sekarang bagi *developer*, masuk lagi buat satu *show house* dan ambil lagi tempat bagi *car park* itu, tak bagi yang penduduk hendak lebih kalau lebih nak masuk *park* itu susah kerana yang *parking lot* itu terhad.

Semua ini telah menyusahkan orang ramai untuk masuk gunakan fasiliti seperti *park*. Macam *Lake Gardens* Tuan Yang di-Pertua, kita ini bersidang satu hari sampai malam ini 11 malam. Kadang-kadang kita hendak pergi *Lake Gardens* hendak *stretch a little bit*. *You* tahu kah tutup pada pukul 8 tahu? Selepas pukul 8, tak kira Menteri kah, Ahli Parlimen kah semua tak boleh masuk lagi. Buat apa?

Kita ada satu badan yang buka untuk penduduk KL, siapa akan ada masa untuk bersenam pada waktu siang hari. Tentu selepas waktu kerja baru ada masa pergi. So, semua ini telah menunjukkan yang bagi DBKL begitu juga sama juga dengan Bukit Jalil Park, pukul 8, tutup.

Jadi saya rasa, bila Yang Berhormat Batu bangkitkan isu Taman Tugu dan sebagainya, sebenarnya dalam dialog yang diadakan oleh Khazanah dengan wakil rakyat dan orang ramai, mereka akan buka *park* itu Taman Tugu Park sehingga 12 malam dan buka pada 6 pagi. Ini adalah *park* yang mesra dengan rakyat. Saya rasa semua ini haruslah diambil kira oleh pihak DBKL. Jangan jadikan Pusat Bandar Kuala Lumpur ini sebagai tempat yang semua orang masuk, semua *stuck* dalam *traffic jam*

tiap-tiap hari tetapi tak jaga tentang keperluan sebagai penduduk dalam satu *world class city*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini boleh tolong pantau daripada segi pihak keperluan penduduk di Kuala Lumpur ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, bukalah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa, terima kasih Yang Berhormat Batu, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Setiawangsa, komponen pertama yang melibatkan pembangunan Taman Tugu melibatkan anggaran kos sebanyak RM190 juta yang merupakan 29 peratus daripada kos keseluruhan.

Kedua, laluan penghubung atau *connectors*, yang mempunyai anggaran sebanyak RM175 juta yang merupakan 27 peratus.

Ketiga, pembangunan bangunan Khazanah Ilmu yang merupakan sebanyak RM185 juta yang mempunyai 29 peratus.

Keempat, pembiayaan kos operasi dan penyelenggaraan serta aktiviti pembangunan masyarakat RM100 juta iaitu bersamaan dengan 15 peratus.

Untuk soalan yang dinaikkan oleh Yang Berhormat Batu, Taman Titiwangsa akan dinaik taraf dalam hujung tahun ini. Akan mulalah kerja-kerja naik taraf bagi Taman Titiwangsa hujung tahun ini.

Bagi sebab kenapa kita perlukan kawasan inovasi dan latihan di komponen yang ada dalam Taman Tugu ini, ini satu rancangan yang dikendalikan oleh pihak Khazanah Nasional sebagai *corporate social responsibility (CSR)*.

■1850

Kesemua wang datangnya daripada mereka. Mereka menggunakan tanggungjawab ini untuk melaksanakan sesuatu untuk rakyat dan semua yang datang ke Malaysia. Daripada hal itu perbelanjaan ini tidak keluar daripada kerajaan. Ini akan dikendalikan oleh Khazanah Nasional sendiri. Ia akan membantu kita dalam segi mendapatkan pelancong yang suka melihat kepada kawasan-kawasan hijau dan sebagainya yang boleh memberi kita pulangan lebih kurang RM400 juta melalui penginapan hotel, pembelian makanan dan sebagainya.

Bagi Yang Berhormat Seputeh pula, tidak patutlah Yang Berhormat Seputeh kata tukar nama jadi Kementerian Kondominium dan sebagainya. Ini bukan

menunjukkan profesionalisme seorang Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat rasa apa yang dilakukan oleh kementerian tidak cukup atau perlu penambahbaikan, sila gunakan forum ini sebagai forum yang betul untuk beritahu. Seperti mana yang diberitahu tadi kalau- kepadatan, kita juga ada banyak tempat. Pada masa yang sama kita perlu lihat kepada rakyat yang belum yang memiliki rumah. Mereka perlu rumah dan kita perlukan gunakan kawasan-kawasan tanah yang kita punyai untuk membangunkan rumah untuk rakyat. So, kebanyakan tanah yang digunakan di Wilayah Persekutuan ini adalah untuk membangunkan rumah mampu milik. Bukan untuk membina dan membangunkan rumah mewah. Saya berharap Yang Berhormat dapat faham hal ini.

Begitu juga berkenaan cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan membuka taman-taman ini sampai lewat malam, saya memang akan ambil cadangan ini balik kepada Datuk Bandar dan supaya Datuk Bandar dapat mempertimbangkan. Mungkin kita ada kekangan-kekangan yang sedia ada tapi saya akan bincang dan saya akan kembali dengan jawapan untuk Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertama sekali saya agak kita tidak boleh mengelirukan Dewan ini dengan menyatakan ini CSR daripada sebuah syarikat. Khazanah Nasional Berhad sebuah syarikat yang 100 peratus dimiliki oleh kerajaan. Itu apa yang ada- sebuah syarikat yang *manage asset of the government*. Itu wang rakyat. Sejumlah RM500 juta ini tidak boleh dikatakan kerajaan tidak keluarkan duit. Itu wang yang dijana melalui aset negara dan wang ini adalah dimiliki oleh Kerajaan Malaysia dan juga rakyat Malaysia. Itu pertama.

Kedua ialah saya tidak nampak *morally justify*. Kalau banyak *parks* yang lain di seluruh negara *under maintenance*. Kita tidak usah cakap hanya di Kuala Lumpur tapi di Sabah, Sarawak dan di negeri-negeri lain kita boleh tengok. Kalau kita hendak *upgrade the value of it*, kita harus ada satu *assessment* secara keseluruhan di mana keperluan ini.

Saya masih tidak dapat satu jawapan yang sangat yakin kenapa RM650 juta digunakan untuk sebuah kawasan saja. Kalau bangunan, pusat latihan dan inovasi ini diperlukan, saya sekali lagi, saya tidak nampak apa perlunya kita meletakkan

bangunan-bangunan dan hotel-hotel untuk satu buah kawasan yang sepatutnya dijadikan *green land*.

Saya rasa kita sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan juga dari Wilayah Persekutuan, saya memohon isu ini ditimbang semula. Kalau betul Khazanah ada *surplus*, ada wang yang banyak, fikirlah tempat-tempat lain yang rekreasinya di Kota Kinabalu atau Kuching, tempat-tempat lain di luar Kuala Lumpur juga ada keperluan. Di Kuala Lumpur pun tadi kita dengar Taman Tasik Titiwangsa. Akan tetapi *what happen to Metropolitan Park* yang juga di kawasan saya yang nampaknya makin, kalau *maintenancenya* makin teruk dan kita memang perlulah wang ini digunakan secara *diversified*. Tidak hanya ditumpukan dalam sebuah tempat.

Akhir sekali saya juga ingin dapat, saya tahu bukan keputusan Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu secara bertulis kertas *assessment how does this investment can you convert into financial gain* untuk negara kita. Padahal kita pun sudah kata F1 pun kita sudah tidak ada duit untuk biayai, ini RM650 juta ini digunakan untuk sebuah tempat yang bukan *major tourist attraction*. *It is very hard to justify*. Terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tambah lagi Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya bangkitkan isu tentang rintihan penduduk di Kuala Lumpur, ini profesional saya. Bagi DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan enggan dengar sungutan orang ramai tentang *KL has become such an unplanned city*, trafik jam sesak dan sebagainya dan malah bagi pihak swasta untuk kutip *parking*. Semua ini sungutan rakyat, DBKL tidak kisah. Ini bukan masalah mereka. Kementerian juga tidak kisah. Oleh sebab itu saya sangat tidak puas hati tentang kementerian ini. Oleh sebab itu saya sifatkan ini satu kementerian yang tidak ada *plan*. Mungkin mereka sudah ada *plan* tapi tidak ikut.

Suka-suka bawa masuk semua orang duduk dalam KL, lepas itu sesak. Hendak *impose* lagi *congestion charges*, gila punya orang yang bangkitkan semua idea seperti ini.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya rasa sangat marah, semua penduduk marah. Kenapakah kami menang besar dalam pilihan raya? ini kerana kementerian yang mana sudah jadi KL *a mad place*. Bukan saya tidak profesional. Saya rasa yang tidak profesional Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga DBKL. Saya juga sangat susah hati. *These supposed to be a world class city you know. World*

class city you mess up to these extend. Suka-suka bawa semua orang masuk, oh ini semua affordable housing.

Kita tahulah apa yang cerita di belakang itulah. Saya rasa tidak patut jadi KL sebagai satu *mad place- mad house*. Itu semua saya bangkitkan isu ini. Tentang *park*, ialah, Khazanah itu Khazanah punya fasal. Dia buat hendak *park* Taman Tugu. Akan tetapi macam mana DBKL. Pernah tidak DBKL fikir keperluan penduduk, keperluan orang muda di banyak kawasan yang mana DBKL buat rumah mampu milik dan rumah pangsa, mereka juga perlu satu *space*, satu ruang bagi mereka untuk adakan aktiviti mereka dan juga orang muda ada program mereka. Tidak ada. Semuanya tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sebab saya rasa *unplanned, very unprofessional* bagi Kementerian Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri saya dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Soal lain, mengenai Taman Tugu ini. Kita sudah *pour in* Khazanah, sudah *pour in* RM650 million for the next four years. Saya hendak tanya siapakah hak milik tanah ini. Adakah diletakkan daripada satu badan amanah, ia *impropriety* tidak boleh lagi dibangunkan oleh sesiapa lagi selepas ini ataupun di manakah diletaknya Taman Tugu ini? Siapakah pemilik akhir kepada taman ini?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membantu sedikit Yang Berhormat Seputeh tentang perancangan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, betulkah Kuala Lumpur ada perancangan dia? Saya diberitahu bahawa daripada DBKL sendiri bahawa Yang Berhormat Menteri menanggungkan perancangan kota Kuala Lumpur ini, satu. Kemudian apabila kita lihat kepada taman seperti, itu perkara yang kedua ialah kalaulah taman itu ialah untuk menjagakan kehijauannya, maka selalunya perbelanjaannya itu tidaklah begitu banyak sampai RM650 juta, lebih banyak daripada menguruskan sebuah negeri. Negeri Kelantan pun tidak sampai RM650 juta menguruskan dalam masa setahun.

Jadi ini terlalu banyak. Untuk menjaga kawasan dalam, untuk mengurus kawasan yang begitu kecil, untuk menjaga hutan yang mana saya rasa kalau kita

dapat bantuan daripada FRIM dan juga Jabatan Hutan untuk membantu, maka saya rasa RM100 juta pun terlalu banyak. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau kita lihat penerangan sepenuhnya berkenaan dengan komponen Taman Tugu ini, tiap-tiap komponen mempunyai banyak-banyak perkara yang akan diliputi.

■1900

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, dia tanya tentang pembangunan sebuah pusat pembelajaran dan inovasi bangunan Khazanah Ilmu. Pusat ini mempunyai perpustakaan awam yang sesuai untuk pelbagai usia dan topik, tempat belajar dan perbincangan, auditorium dan bilik pembelajaran dan *course* menjalankan program-program dan *programming* mobilisasi sehingga tahun 2030. Ini komponen-komponen yang ada dalam bangunan inovasi dan pembelajaran.

Berkenaan dengan yang diminta oleh Yang Berhormat Batu berkenaan dengan *the whole system* saya akan dapatkan untuk Yang Berhormat Batu, pemulangannya. Berkenaan dengan Yang Berhormat Seputeh ini, Yang Berhormat Seputeh ini dia tanya soalan dia masuk dalam perbincangan penutupan dan bentang pula jawapan-jawapan berkenaan dengan soalan-soalan lain. *But you must understand*, Yang Berhormat kena faham bahawa Kuala Lumpur *is a growing city, so we have a lot of issues in hand*. Ada banyak perkara dalam tangan kita. Kita mengambil tindakan untuk mengatasi segala kesusahan yang dihadapi oleh rakyat. Kadang-kadang perkara itu belum dapat dilihat secara keseluruhan. Oleh itu kita perlu masa, kita perlu masa supaya kita dapat memasukkan program-program kita dan kita dapat menyelesaikan rakyat.

Bagi Yang Berhormat Pasir Puteh, saya hendak cakap RM650 juta untuk Kelantan memang cukup saya setuju tetapi di Kuala Lumpur ini memang tidak cukup. Kita ada banyak benda yang kita kena laksanakan. Perkara memelihara Taman Tugu ini bukan satu perkara yang kecil. Dia membuatkan lebih banyak perkara, melibatkan banyak komponen dalam program ini.

Oleh itu kita perlu, tetapi kita juga akan jaga taman-taman yang sedia ada di kawasan Kuala Lumpur untuk kegunaan rakyat. Kita akan juga menaik taraf taman-taman ini seperti kita sudah mula dengan Taman Titiwangsa yang akan dilaksanakan. Selepas ia dinaik taraf nanti kita akan dapat lihat rancangan kita yang sedia ada ini, dengan taman ini akan menjadi *beneficiary* ataupun *beneficial* kepada orang di Kuala Lumpur.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang perancangan di Kuala Lumpur ini ada tidak perancangan *masterplan* perancangan atau tidak ada?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Saya memang hendak jawab soalan Yang Berhormat Pasir Puteh. Memang tiap-tiap bandar raya ada pelan. Kadang-kadang pelan ini bukan ditangguhkan tetapi pelan ini perlu diteliti secara betul dan padat sebelum kita akan laksanakan. Kita ada banyak isu seperti yang telah saya terangkan pada awal tadi bahawa ada isu-isu yang kita perlu memberi pertimbangan.

Kita mempunyai banyak isu dalam sini. Tadi Yang Berhormat Ampang kata "*Oh! Kuala Lumpur, Selangor ada orang asing.*" Macam Kuala Lumpur tidak ada, banyak orang asing di Kuala Lumpur tetapi kita kawal juga orang asing macam itulah. Kita ada banyak isu yang perlu kita ambil kira sebelum Yang Berhormat Menteri boleh katakan, "*Okay, I am satisfied with this plan.*" So, oleh itu perkara itu masih dikaji selidik. Kalau siapa yang beri maklumat kepada Yang Berhormat Pasir Puteh ini saya harap dia tidak jahat sahajalah.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah kami hargai dan kami akan memanfaatkan untuk kepentingan bersama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Sila, Yang Berhormat.

7.04 mlm.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Seri Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor komoditi yang terdiri daripada produk-produk sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf merupakan tonggak ekonomi negara dan memberi sumbangan yang *significant* kepada pembangunan negara.

Pada tahun 2015, nilai eksport sektor ini telah menyumbangkan sebanyak RM117.1 bilion atau 15 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan barangan di Malaysia. Produk-produk berasaskan komoditi telah dieksport ke hampir 160 buah negara di serata dunia. Sektor komoditi yang meliputi aktiviti di peringkat hulu dan hilir telah mencatatkan nilai KDNK pada tahun 2015 sebanyak RM88.1 bilion atau 8.3 peratus daripada jumlah KDNK negara. Nilai ini peningkatan 9 peratus jika dibandingkan pada tahun 2014.

Bagi aktiviti peringkat hulu, subsektor sektor sawit merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK sektor pertanian dengan nilai sebanyak RM44.1 bilion. Ini diikuti dengan subsektor getah dengan nilai KDNK sebanyak RM6.8 bilion. Selain itu, sektor komoditi juga adalah dipelopori oleh para pekebun kecil yang mana buat masa ini terdapat lebih daripada 1 juta orang pekebun kecil.

Bagi sektor sawit, terdapat lebih dari 500,000 orang pekebun kecil dan golongan ini mengusahakan 40 peratus daripada keluasan tanaman sawit. Bagi sektor getah pula, 95 peratus tanaman diusahakan oleh pekebun kecil dan bagi lada, koko dan kenaf, kesemuanya adalah diusahakan oleh pekebun kecil.

Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa prihatin terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kebajikan golongan pekebun kecil dan dalam hal ini kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pelbagai bantuan dan insentif.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi banyak cadangan dan isu yang berkaitan dengan sektor komoditi. Isu berkaitan dengan harga komoditi terutamanya harga getah dan sawit telah disentuh dan mendapat reaksi yang bercampur daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pagoh; Yang Berhormat Semporna; Yang Berhormat Sekijang; Yang Berhormat Baling; Yang Berhormat Selayang; Yang Berhormat Sipitang; Yang Berhormat Lipis; Yang Berhormat Alor Star; Yang Berhormat Gerik; Yang Berhormat Kinabatangan; Yang Berhormat Kuala Krai; Yang Berhormat Sungai Siput; Yang Berhormat Bagan Serai; Yang Berhormat Kluang; dan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, industri komoditi adalah berorientasi eksport dan harga pasaran ditentukan oleh penawaran dan permintaan global. Selain itu, harga-harga produk komoditi juga ditentukan oleh pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, India dan Pakistan.

Pada masa ini harga komoditi utama termasuk minyak sawit, lada dan koko berada di paras yang stabil kecuali harga getah. Ketidakstabilan harga getah berpunca daripada kelembapan permintaan dan penawaran yang berlebihan. Harga yang tidak stabil ini telah menjejaskan pendapatan para pekebun kecil getah. Dalam hal ini bagi membantu pekebun kecil getah, Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 akan diteruskan dalam tahun 2017. Bagi tujuan ini dalam Bajet 2017, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta di bawah IPG paras harga pengaktifan adalah apabila harga getah di bawah paras RM5.50 sekilogram bagi SMR20 atau RM2.20 sekilogram bagi *cup lumps*.

■1910

Pekebun kecil yang memiliki dua hektar kebun getah dan mampu menghasilkan *cup lumps* sebanyak 3,000 kilogram sehentak setahun boleh menikmati purata pendapatan bulanan RM1,100. Sehingga September 2016, bilangan permohonan tuntutan IPG di seluruh negara ialah sebanyak 349,248 yang melibatkan pembayaran sebanyak RM5.98 juta. Selain itu, lain-lain insentif yang disediakan kepada pekebun kecil getah mekanisme penetapan harga getah di ladang di mana peruntukan sebanyak RM6.4 juta telah disediakan. Ini telah memanfaatkan 18 buah koperasi. Daripada pemerhatian Kementerian, para pekebun kecil yang menjual *cup lumps* dapat menikmati pendapatan tambahan di antara 10 sen hingga 20 sen sekilogram. Bantuan khas musim tengkujuh sebanyak RM200 bagi tempoh tiga bulan yang telah diumumkan dalam Bajet 2017 akan diberi kepada pekebun kecil dan penoreh getah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban bangun.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Telok Intan, saya hendak sedikit penjelasan. Bantuan untuk musim tengkujuh itu yang diumumkan untuk bulan November, Disember dan Januari, adakah bantuan ini bermula November tahun ini atau pun November 2017? Harap dapat diberikan penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih. Bantuan ini telah diumumkan, di Bajet 2017, so ia akan bermula pada tahun depan. Bukan. Yang Berhormat Kuala Krai, telah membangkitkan isu mengenai penurunan, dengan izinnya, *output* sawit dan getah. Manakala Yang Berhormat Mukah, mencadangkan tanaman alternatif seperti moringa dijadikan pendapatan tambahan pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran buah tandan segar dan minyak sawit mentah menurun berikutan kesan fenomena El Nino yang melanda

negara pada awal tahun ini. Pada tempoh Januari hingga September 2016, pengeluaran buah tandan segar dan CPO menurun masing-masing sebanyak 14.9 peratus dan 15 peratus kepada 62.9 juta tan dan 12.6 juta tan.

Walau bagaimanapun, purata harga CPO bagi tempoh Januari hingga September 2016 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM2,556 se tan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Mukah, supaya tanaman alternatif seperti moringa diperkenalkan, kementerian bersama-sama dengan agensi akan mengkaji cadangan tersebut dan ini untuk memastikan tanaman moringa ini adalah sesuai untuk dijadikan tanaman integrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan telah mencadangkan supaya tanah-tanah yang berpotensi untuk mengeluarkan hasil makanan, contohnya sawit diwartakan dengan serta-merta. Selain itu, Yang Berhormat Sepanggar memohon kerajaan mempertimbangkan bantuan kepada pekebun kecil getah yang tidak mempunyai geran tanah. Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat Kinabatangan supaya tanah-tanah berpotensi untuk mengeluarkan hasil makanan, contohnya sawit diwartakan.

Walau bagaimanapun, pewartaan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sepanggar supaya bantuan dipertimbangkan kepada pekebun kecil getah yang tidak mempunyai geran. Cadangan tersebut sebenarnya telah dilaksanakan di bawah Insentif Pengeluaran Getah Pekebun Kecil yang tidak mempunyai geran tanah telah pun diluluskan insentif, dengan syarat mendapat pengesahan daripada pihak pemimpin masyarakat seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Kawasan Kampung (JKKK), ketua kampung atau penghulu bahawa tanah tersebut ditanam dengan getah dan diusahakan sendiri oleh pemohon. Langkah ini adalah bagi mengelakkan masalah permohonan bertindih dan permohonan palsu.

Yang Berhormat Kuala Pilah, telah mencadangkan supaya pelan rasionalisasi makro jangka panjang dirangka oleh pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan, khususnya Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam mempromosikan kembali promosi terhadap kebaikan dan khasiat produk sawit bagi menangani kempen anti sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Pilah, kementerian memang mempunyai pelan komprehensif untuk mempromosi akses pasaran dan menangani dakwaan-dakwaan negatif terhadap minyak sawit. Ini termasuk agensi seperti MPOC yang bekerjasama dengan Kedutaan Malaysia di luar negara di samping mengadakan misi teknikal yang khusus. Antara inisiatif adalah menggalakkan pensijilan Minyak

Sawit Mampan di bawah *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MPSO), memperkukuhkan aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk baru dan kelebihan minyak sawit.

Penyebaran maklumat melalui pejabat serantau MPOB dan MPOC, buat masa ini kedua-dua agensi mempunyai pejabat serantau di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Turki, Pakistan, India dan China. Menjalankan kajian khusus mengenai kesesuaian minyak sawit dalam formulasi makanan. Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Hulu Langat telah mengaitkan masalah kekurangan air di empangan dengan aktiviti penanaman sawit.

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah persijilan MSPO, antara kriteria utama pembukaan tanaman sawit hendaklah mengambil kira perlindungan dan pemulihan zon yang meliputi tepi sungai dan tadahan air. Kita menggalakkan semua dan juga memastikan semua mematuhi garis panduan berikut, senarai dan syarat yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Yang Berhormat Alor Setar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut bangun.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas maklumat yang diberi dan berkaitan dengan kementerian memastikan kawasan-kawasan nak ditanam sawit itu berhampiran dengan sungai, diambil kira, diberi perhatian yang tinggi supaya ia tidak memberikan kesan kepada sungai. Soalan saya, saya nak tanya sikit, hendak mendapat maklumat penjelasan daripada Menteri.

Setakat hari ini yang telah dilakukan oleh pihak kementerian dengan kemusnahan hutan-hutan di kawasan yang berhampiran dengan sungai, terutamanya yang melibatkan kawasan tadahan air? Kita tengok banyak, di negeri Johor misalnya, kawasan empangan pun habis. Ditanam dengan sawit. Kawasan di tempat saya sendiri di Jerantut. Kawasan tadahan ditebang. Apakah usaha pihak kementerian untuk menangani isu ini supaya masalah air negara ini dapat ditangani demi masa depan generasi kita? Terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kementerian kita, kita sentiasa membuat *monitoring* dan untuk memastikan bahawa tidak ada mengakibatkan masalah *supply* air kita. Saya juga mengambil kesempatan hendak memaklumkan bahawa sebenarnya di negara kita, keluasan tanaman sawit, terutamanya di Semenanjung dalam lima tahun ini hanya meningkat lima peratus. Ini maknanya, kita sekarang tidak fokus untuk membesarkan kawasan kelapa sawit tapi kita hendak meningkatkan produktiviti.

■1920

So, tadi berkaitan dengan apabila banyak yang menyalahkan kelapa sawit yang memusnahkan alam sekitar, saya di sini hendak sekali lagi menegaskan bahawa ini adalah tidak betul sebab apabila kita pergi ke negara-negara pembeli yang besar, mereka juga ada persepsi negatif bahawa kita memusnahkan hutan dan menyebabkan alam sekitar dicemari tetapi ini adalah tidak betul dan kementerian telah meningkatkan banyak tindakan dan polisi supaya kita memastikan *forest* kita dikekalkan dan tidak ada masalah *environment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sudah habis Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sebab sudah duduk, kira habislah.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Yang Berhormat Alor Setar tadi ingin mendapat penjelasan berhubung tahap kesediaan infrastruktur termasuk bekalan air di *Kedah Rubber City* untuk menerima pelabur sebagaimana kenyataan saya untuk menggalakkan kilang pelabur di Kedah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Alor Setar, pembangunan projek *Rubber City* telah dirangka dan dirancang oleh Kerajaan Negeri Kedah bagi menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan getah. Dalam hal ini, kementerian yakin Kerajaan Negeri Kedah akan memastikan segala infrastruktur termasuk bekalan air akan dapat disediakan bagi memudahkan pelabur di *Rubber City*.

Yang Berhormat Gerik telah mencadangkan supaya aktiviti R&D dalam sektor getah ditingkatkan bagi menggalakkan penggunaan getah dalam negara yang mampu meningkatkan permintaan sekali gus menaikkan harga getah asli.

Kementerian sentiasa menggalakkan aktiviti R&D ke arah meningkatkan penggunaan getah bagi penghasilan produk-produk baru dan ia termasuk penggunaan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya. Bagi saya, ini satu penggunaan yang begitu banyak potensi jika kita dapat menggunakan lebihan getah dalam apabila kita membuat jalan-jalan kita. Penghasilan ekoprena dan pureprena getah yang mesra alam dalam pembuatan tayar dan penggunaan *rubber seismic bearing* dalam pelbagai industri berat seperti pengangkutan, minyak dan gas, dan jambatan.

Yang Berhormat Tenom membangkitkan isu kos pengkomersialan alat torehan getah automatik yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenom, pada masa ini, *automated rubber tapping system* masih belum lagi dikomersialkan meskipun mesin tersebut telah terbukti boleh digunakan untuk mengeluarkan *latex*. Akan tetapi, ia masih belum berdaya maju daripada aspek ekonomi memandangkan kos perolehan yang tinggi jika perlu dipasang. Lembaga Getah Malaysia sedang memperkukuhkan aktiviti ke arah memastikan teknik yang baru akan dapat diguna pakai oleh pekebun kecil di seluruh negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Mah Siew Keong: Akan habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Datuk Seri Mah Siew Keong: Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu ketirisan dalam program tanam semula getah di mana pokok-pokok getah yang ditanam di bawah skim ini tidak menghasilkan pengeluaran yang memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Siput, pada tahun 2015, purata hasil pengeluaran getah nasional sebanyak 1,500 kilogram sehektar. Di bawah *National Key Economic Areas*, kita menyasarkan produktiviti getah meningkat kepada 2,000 kilogram sehektar menjelang tahun 2020.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan dalam belanjawan telah disentuh. Kita akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu supaya industri komoditi negara kita terus kukuh dan berdaya saing.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Pendidikan Tinggi.

7.24 mlm.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 36 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu tentang Kementerian Pendidikan Tinggi dan telah memberi pandangan, cadangan untuk kebaikan kementerian keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat Menteri, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan sekiranya Yang Berhormat yang bertanya tiada dalam Dewan. Amalan sebelum ini ialah jawapan secara bertulis. Jadi, terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Akan tetapi ada perkara-perkara yang *general* saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet kementerian pada tahun ini ialah RM12,132,640,700. Ini merupakan 9.3 peratus berkurangan daripada apa yang diberi pada tahun lalu. Bajet untuk perbelanjaan mengurus juga berkurangan 19.3 peratus tetapi perbelanjaan pembangunan ataupun DE meningkat 63.6 peratus.

Untuk menjawab antara pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan tentang bajet, saya hendak mengatakan bahawa bajet pada kali ini ialah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025. Saya kena tunjuk ini... [*Menunjukkan senaskhah dokumen*] Kalau lihat dalam muka dalam, jelas mengatakan bahawa universiti awam terlalu bergantung pada pendanaan kerajaan. Jelas, ayat terlalu bergantung.

Juga saya hendak mengatakan ini bukan perkara baru kerana di pelan yang sebelum daripada itu, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga mengatakan perkara yang sama di mana pada tahun 2020, nanti, kebergantungan universiti awam kepada kerajaan hanya pada peringkat 30 peratus sahaja. Jadi, ia selaras. Bukan satu perkara yang diada-adakan oleh kerajaan di bawah tuduhan-tuduhan yang telah dibuat. Ia selaras dengan *blueprint* Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi yang ada di kementerian.

Seterusnya ialah langkah-langkah akan diambil untuk memastikan universiti awam akan meningkatkan lagi sumber pendapatan mereka dengan menggunakan kepakaran manusia yang ada pada mereka, dengan menggunakan anak-anak syarikat, perbelanjaan secara berhemah dan juga meningkatkan produktiviti mereka.

Saya juga ingin mengatakan bahawa sudah ada satu lagi buku yang memang dalam perancangan. Semuanya berlaku dengan perancangan. Kalau kita lihat buku ungu ini yang mengatakan, "*Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf*" merupakan juga perancangan-perancangan yang telah diadakan di kementerian untuk memastikan universiti awam kita tidak terlalu bergantung kepada kerajaan. Ini

kerana pergantungan universiti awam kepada kerajaan pada masa kini adalah dalam peringkat 80 hingga 90 peratus. Jelas di negara-negara luar, pergantungan kepada kerajaan di tahap 40 peratus, tinggi-tinggi 50 peratus. Di *Thammasat University*, hanya 30 peratus pergantungan kepada kerajaan.

Juga saya hendak mengatakan bahawa universiti kita mampu untuk menjana pendapatan mereka sendiri. Saya hendak memberi contoh di sini jumlah *endowment* UKM masa kini ialah sebanyak RM65 juta, USM sebanyak RM115 juta, UM sebanyak RM1.35 bilion. Ini mengatakan bahawa universiti-universiti kita mampu kerana mereka telah bersiap sedia sejak tahun 2007 lagi untuk menjana pendapatan mereka masing-masing.

Juga kita lihat kepada dana wakaf. Kita ada RM12.23 juta di kalangan universiti-universiti kita.

Kalau kita lihat pula program-program pembangunan yang dilaksanakan, kalau kita lihat di UTM Kuala Lumpur, mereka telah membangunkan 500 unit penginapan dengan meminjam duit bank sebanyak RM180 juta. Ini mengatakan kemampuan universiti awam kita keseluruhannya.

■1930

UNIMASS membeli 15 buah blok *apartment* perumahan daripada Perumahan Negara dengan harga RM52 juta.

UPM telah menaik taraf kediaman pelajar.

AirAsia ini bantuan-bantuan menaik taraf kompleks sukan dan stadium.

UUM membuat renovasi 1City Mall dengan perbelanjaan RM11.5 juta.

USM, kompleks sukan baru "Azman Hashim", dengan sumbangan daripada Tan Sri Azman Hashim sebanyak RM10 juta.

Sebuah auditorium di UKM dengan belanja RM40 juta yang dapat sumbangan daripada Yayasan Bukhari.

Melalui ECER Tasik Chini, UKM sedang melaksanakan pusat penyelidikan RM45 juta. Ini mengatakan bahawa universiti kita mampu menjana pendapatan-pendapatan mereka sendiri.

Seterusnya juga, timbul tentang *research and development* (R&D). Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat sekalian bahawa peruntukan untuk penyelidikan bukan berkurangan tetapi meningkat. Peruntukan untuk R&D pada tahun lalu ialah RM370 juta. Pada tahun ini ialah RM400 juta. Meningkat sebanyak RM30 juta, bukan berkurangan. Saya hendak beritahu kerana ini mustahak kerana saya dengar banyak ada yang mengatakan bahawa peruntukan untuk R&D sudah berkurangan.

Kita lihat untuk penyelidikan juga ada kita mendapat banyak geran dari luar yang membantu penyelidikan. Kalau dilihat di sini ada kita mendapat dari luar, geran sebanyak RM154.9 juta dan daripada industri kita dapat RM237.8 juta yang membawa geran dari luar sebanyak RM461 juta. Ini termasuk dari Jepun, *Japanese International Company Agency*, *Newton Ungku Umar* daripada UK, dan dari Australia- IRU.

Saya hendak mengatakan juga hari ini geran-geran ini telah memberi keyakinan kepada mereka dari luar untuk terus memberi geran untuk penyelidikan kita. Ini kerana dua hari yang lalu dua buah agensi pengindeksan antarabangsa iaitu *Clarivate Analytics* dan juga Xavier iaitu penerbit *Web of Science* dan juga *Scorpes* telah memberi pengiktirafan kepada 20 penyelidik ataupun saintis di Malaysia menjadikan kita sebagai *the most influential scientific minds* atau *top 1 percent scientist in world*. Ini memberi ruang kepada mereka kepercayaan ini akan memberi ruang kepada negara untuk terus menjana pendapatan-pendapatan ataupun geran-geran untuk penyelidikan, bukan hanya dari luar negara tetapi juga di dalam negara.

Berhubung dengan TVET. Ramai yang mengatakan bahawa TVET alternatif untuk masuk ke IPT. Sebenarnya tidak begitu. TVET bukannya sekarang sudah jadi dikatakan sebagai pilihan kedua. TVET ialah arus perdana sebenarnya saya hendak katakan. TVET arus perdana seiring dengan laluan akademik kerana 60 peratus daripada peluang pekerjaan pada tahun 2020 iaitu 1.5 juta, di mana 60 peratusnya adalah daripada pekerjaan TVET. Kalau kita bercakap tentang kebolehpasaran pula kita lihat dari tahun 2014 ke tahun 2015, peningkatan kebolehpasaran TVET telah meningkat sebanyak lima peratus. Graduan Kolej Komuniti, kebolehpasarannya ialah 97.4 peratus. Saya ulang suara, kebolehpasaran pelajar-pelajar graduan Kolej Komuniti ialah 97.4 peratus.

Mengikut kajian pengesanan graduan atau *tracer study* untuk melihat berapa ramai yang mengatakan ramai graduan yang tidak bekerja. Mengikut *tracer study* ataupun kajian pengesanan graduan yang telah dibuat oleh kementerian, bilangannya hanya dalam 85,000 orang sahaja. Ada yang mengatakan 200,000, ada yang mengatakan 160,000. Saya ingin mengatakan pada hari ini mengikut kajian yang telah dibuat *tracer study* ataupun kajian pengesanan graduan, yang menganggur hanya 85,000. Ini selaras dengan angka yang diberi oleh Jabatan Perangkaan. Angka yang diberi oleh Jabatan Perangkaan ialah 112,000 tetapi itu mengambil kira semua mereka yang berumur di antara 15 tahun sehingga 20 tahun. Kalau kita tolak 20 peratus yang berumur 15 tahun sehingga 21 tahun, angkanya pergi kepada hampir 80,000 hingga ke-90,000.

Jadi, saya harap Yang Berhormat bila membuat kenyataan masa-masa akan datang tidaklah kata 100,00, 200,000, ikut suka cakap sahaja. Ini saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Ini angkanyalah lebih kurang 85,000 sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi dengar Menteri kata bahawa kebolehpasaran graduan-graduan kita amat tinggi. Pada masa yang sama saya pun dengar ada 85,000 orang graduan yang telah *graduate* tetapi tidak dapat kerja. Jadi, kenapa ada bercanggah *statement*.

Kedua 85,000. Seramai 85,000 walaupun bukan setinggi 200,000, masih 85,000. Seramai 85,000 ini, negara kita telah *invest* dengan mereka berpuluh ribu, beratus ribu supaya mereka boleh masuk universiti, *graduate* dan boleh membangunkan negara. Kenapakah 85,000 masih *unemployed or unemployable*? Minta penjelasan daripada Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh lihat kebolehpasaran ini dalam konteks kolej komuniti ataupun kerja-kerja TVET. Saya beritahu tadi untuk TVET, untuk kolej komuniti 97 peratus. Ini untuk kebolehpasaran keluaran universiti. Saya hendak tanya Yang Berhormat pula, di manakah Yang Berhormat boleh dapat 97.3 peratus kebolehpasaran untuk pelajar-pelajar universiti? Yang Berhormat *quote* kepada saya universiti mana yang boleh dapat sedemikian. Yang Berhormat beritahu saya.

Oleh sebab itu saya kata angka ini ialah angka dalam dunia. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat beria-ia, saya kata ya, Kolej Komuniti sahaja 97.3 peratus. Untuk universiti, Yang Berhormat beritahu saya di mana ada kebolehpasaran lebih daripada 90 peratus. Yang Berhormat beritahu saya negeri mana? Saya hendak dengar sini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sabar dahulu, sabar dahulu. Kalau Menteri hendak tanya saya, biar kita tukar tempatlah Menteri. Saya boleh... *[Disampuk]* You Menteri, *you* tanya saya, betul kah Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, tidak adalah, tidak ada, tidak ada. Bermakna, Yang Berhormat tidak buat *study*, Yang Berhormat tidak buat *homework*. Datang-datang sini macam itulah, keluar sana bersyarah malam-malam mengatakan ketidakbolehpasaran kita 200,000, 300,000. Tidak buat kajian. Jadi, bila saya tanya balik, tidak boleh jawab, betullah. Okey, tidak apalah. Oleh sebab itulah langkah-

langkah untuk mengatasi kebolehpasaran sedang diadakan di kementerian seperti kita menjemput CEO-CEO daripada syarikat terkemuka dalam dunia dan juga di Malaysia dalam program *CEO Faculty Program*. Di mana kita jemput CEO daripada Shell, Motorola, CIMB, Maybank, AirAsia, Khazanah. Semua datang untuk mengajar selama 30 jam di universiti, tidak pernah negeri lain yang buat macam ini. Kita cipta kerana kita hendak pastikan kolaborasi dengan industri itu bagus.

Kita laksanakan *integrated* CGPA untuk memastikan pelajar-pelajar kita ditaksir dengan lebih menyeluruh, *holistic assessment* pelajar-pelajar kita. Ini juga ciptaan negara kita Malaysia dan negara lain tidak pernah buat lagi. Kita mula pada tahun lalu dengan profesor-profesor kita yang telah buat kajian selama lima, enam tahun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian sebab saya sendiri hadir pada Program *Industry Engagement* melibatkan *top icons in the country*, contohnya AirAsia, CIMB, Khazanah dan sebagainya.

■1940

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian akan melebar luaskan lagi penglibatan *iconic* ini dalam membina, meningkatkan lagi taraf universiti kita bersama dengan industri punya *players*? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah sebenarnya tujuan kita, bukan hanya setakat 60 orang yang telah kita lantik sehingga kini tetapi ramai lagi. *Insyaa-Allah* kita akan lantik agar kolaborasi antara universiti dan juga industri itu akan terus meningkat. Bukan hanya di peringkat universiti tetapi di peringkat kolej komuniti, di peringkat politeknik juga mereka ada CO mereka, di taraf mereka sendiri.

Program, kalau kata kita adakan program 2U2I untuk meningkatkan kebolehpasaran. Ini juga ciptaan negara kita Malaysia. Saya tak jumpa negara lain yang buat dua tahun universiti dan dua tahun di lapangan. Kalau mereka yang buat perladangan, dua tahun universiti UPM, dua tahun di ladang. Kalau mereka buat *animal science*, dua tahun universiti, dua tahun tahu jantan betina, jangan tak tahu jantan betina kambing, lembu tak tahu.

Juga dalam rangka menjana pekerjaan, kita pastikan adanya *job creator framework*, kerangka untuk memastikan mereka menjadi penjana pekerjaan. Kita

pastikan pendidikan kita melahirkan mereka yang bekerja sendiri. Ini satu paradigma pemikiran baru. Pemikiran baru di mana bila masuk universiti, kita nak cari kerja. Sekarang paradigma baru masuk universiti untuk menjadi penjana pekerja, *to be self-employed*.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya, ya.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan mengenai *job creator* itu. Saya amat tertarik dan saya memuji semangat yang ditunjukkan terutama dalam memastikan budaya mencipta pekerjaan ini dapat dilakukan di kalangan bakal-bakal graduan ataupun graduan di peringkat kementerian.

Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah khususnya dalam usaha mewujudkan budaya mencipta pekerjaan ini dapat digembleng terutama daripada segi bakal-bakal graduan? Ini kerana saya akui untuk menangani masalah pengangguran, saya fikir kaedah Yang Berhormat Menteri lakukan ini satu kaedah yang terbaik. Bagaimanakah penglibatan generasi muda khususnya di universiti didedahkan dengan usaha untuk membudayakan semangat mencipta pekerjaan ataupun usahawan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kementerian ada mempunyai satu kerangka pelan keusahawanan di mana pelajar-pelajar kita didedahkan kepada nilai-nilai keusahawanan sejak tahun satu lagi. Mereka juga diberi peluang untuk berniaga semasa di universiti sama ada dalam kampus ataupun di luar kampus. Memang galakan-galakan diberi dengan kerjasama PUNB, dengan kerjasama beberapa buah bank yang ada dalam negara kita. Saya hendak memberi penekanan tadi bahawa telah tiba masanya kita melihat pendidikan dalam bentuk yang berbeza, menggunakan pemikiran baru. Seperti dikatakan *education for self-employment*. Bukan hanya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya *education* untuk mencari pekerjaan.

Jadi sebab itulah kita di kementerian, kita mereka bentuk pendidikan negara. Kita, dengan izin, *redesign education* di kementerian. Kalau dahulunya kita menggunakan pendekatan pedagogi, berubah kepada pendekatan *andragogi*, kepada pendekatan yang baru *huetagogy*. Di mana ia merupakan *self-directed learning*. Kita yang menentukan apa yang kita hendak belajar. Kalau dahulunya cikgu beritahu semua, pensyarah beritahu semua. Ia berubah daripada pedagogi kepada *andragogi* Yang Berhormat, kepada *huetagogy*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ikut apa penjelasan daripada Menteri atau jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya masih tidak dapat menerima tentang mengapa kementerian sudah buat begitu banyak untuk graduan-graduan yang keluar tetapi pengangguran masih tinggi? Saya ingin nak tanya, bagaimanakah dengan pemantauan kementerian?

Satu suasana selalu wujud iaitu graduan ini dapat kerja dalam kilang atau dalam syarikat tetapi tidak boleh *sustained*. Tidak sampai satu tahun atau dua tahun, mereka keluar, tak tahan, tukar kerja atau jadi penganggur. Buat niaga pun sama. Apakah masalah? Bagaimanakah dengan keadaan ini? Minta kalau Yang Berhormat Menteri dapat tahu tentang pemantauan bukan hanya graduan tetapi bagaimana mereka dapat *sustain* dengan cabaran dan suasana di luar? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Kebanyakan program *integrated CGPA, 2U2I, CO Faculty* baru bermula setahun Yang Berhormat, sabar sedikitlah. Dia keluar tiga tahun lagi, yang ini tidak sempat Yang Berhormat nak cari dia, dia cari kerja sendiri sudah. Dia jadi *education for self employment*, bukan hanya cari kerja sudah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti dulu, nanti sekejap.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh saya...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, bolehlah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dari luar tadi bergegas masuk sebab saya dengar Yang Berhormat bercakap mengenai *self-directed learning* dan sebagainya. Saya sangat menyokong supaya kita mengubah cara kita mendidik anak-anak kita ini supaya mereka pergi ke universiti, kita tidak mahu lagi mereka pergi ke universiti dengan tujuan pendidikan untuk pekerjaan. Benda ini saya dah lama praktik, *insya-Allah*. Tanam dalam kepala anak-anak bahawa *you cannot depend on other people to employ you*.

Untuk tujuan ini, universiti perlu mengubah mungkin cara pengajaran. Macam mana nak orang kata *be self-directed, problem solver* dan sebagainya. Hampir, seingat saya dulu mengajar di UKM dalam tahun *late 80's* begitu. Kita berubah kurikulum

kepada *problem solving approach to teaching medicine*. Ini kerana kita sedar dalam zaman yang ilmunya terlalu banyak adalah mustahil untuk seorang pensyarah atau guru memberi segala-gala *content* kepada siswa kerana ilmu sentiasa berkembang. Jadi, murid ataupun siswa perlu tahu mencari bagaimana hendak menyelesaikan masalah. *So, problem solving* kena ada, *self-directed, how to make decision making, the skills*, kemahiran yang mereka dapat di universiti itu sepatutnya membantu mereka apabila mereka keluar daripada universiti.

Cuma saya rasa kita punya kurikulum sangat padat lagi dengan *content*. Satu subjek yang diajar daripada sekolah rendah, di sekolah menengah naik lagi, belajar lagi perkara itu berulang-ulang tetapi *depth* itu terlampau dalam. Itu saya rasa kalau kita nak ubah, kita perlu ubah *in totality*. *We cannot do-* kita tidak boleh sedikit-sedikit begitu, tetapi maknanya betul kata Yang Berhormat Menteri baru setahun tetapi orang pertama yang kita kena ubah fikiran pensyarah-pensyarah. Saya ingat masa di Fakulti Perubatan, Yang Berhormat Menteri juga saya ingat bekas mantan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Sharifah Habsah dulu.

Semasa memulakan *problem solving approach* mengajar perubatan ini, kita mendapat tentangan daripada pensyarah-pensyarah sendiri. Ini kerana mereka ingin, kerana mereka pakar-pakar dalam sesuatu bidang. Mereka nak *impart* semua *knowledge*, pengetahuan yang ada itu kepada pelajar. Jadi ini yang menyebabkan beban *content* itu terlampau tinggi sehinggakan bagaimana itu tidak ada kepada pelajar. Saya *just-* maaf panjang sedikit sebab saya agak teruja dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor hendak tambah sedikit Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja. Saya ada mendengar di kementerian Yang Berhormat Menteri sekarang ini telah mengaktifkan program *Neuro Linguistic Programme* (NLP). Saya rasa program NLP ini satu kaedah terutama bagi pensyarah ataupun tenaga akademik untuk didedahkan supaya keupayaan mengintegrasikan daripada segi komunikasi kepada golongan mahasiswa atau pelajar.

Jadi saya cadangkan juga kalau boleh program NLP ini dapat diperluaskan kepada pelajar-pelajar tahun akhir khususnya kepada pelajar-pelajar yang akan bertemu dengan *client-client* apabila mereka deal nanti, apabila mereka *graduate* nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1950

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor juga Yang Berhormat Kota Raja. Sebenarnya saya sudah beritahu tadi memang saya setuju sangatlah pandangan Yang Berhormat Kota Raja sebab itulah pandangan-pandangan kita ambil daripada rakyat.

Apabila kita mengadakan Pelan Pembangunan Pendidikan ini mengambil masa hampir dua tahun. Kita dengar, kita bincang memorandum *town hall* kerana pendidikan untuk semua rakyat. Oleh sebab itulah kita mengadakan program- katakanlah tadi kurikulum. Kurikulum itu tidak boleh diperbaiki tanpa adanya orang luar. Oleh sebab itu ada orang luar CO fakulti yang datang ke universiti bukan hanya untuk mengajar. Dia datang ke universiti berjumpa dengan pensyarah, berinteraksi dengan cara melihat kurikulum pada masa yang sama.

Juga program-program katakanlah 2u2i, dua tahun universiti, dua tahun luar. Ini perkara-perkara di mana memastikan sebelum dia bergraduat dia sudah dapat kerja dengan syarikat di mana dia diletakkan selama dua tahun. *Integrated CGPA* dikatakan kemahiran berkomunikasi, kemahiran keusahawanan, *practical skills*. Inilah yang diambil kira dalam lapan domain dalam *Integrated CGPA*. Ini merupakan *patented* di Malaysia. ICGPA, *CEO Faculty Program*, 2u2i *patented* di Malaysia.

Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa kaedah pendekatan adalah berbeza. Saya beritahu saya ulangi kerana- ya lah tadi Yang Berhormat mungkin dekat luar sembahyang. Tidak boleh marah orang sembahyang. Pemikiran baru. Macam mana kita *redesign education*. *Education* bukan hanya untuk bekerja tetapi untuk mendapat kerja tetapi *education for self-employment* di mana kita lihat keadaan telah berubah.

Oleh sebab itu selaras dengan *fourth industrial revolution* kita lihat negara kita MOKS. Kita menggunakan pembelajaran *online blended classroom*. Dengan itu, bajet baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan jalur lebar untuk universiti setinggi *100 gigabyte per second*. Saya ulangi *100 gigabit*, bukan mega, *gigabit per second*.

Sekarang universiti hanya mempunyai *5 gigabit per second*. UM yang tinggi sekali pun *8 gigabit per second*. Ia akan meningkat hampir 20 kali ganda kepada *100 gigabit per second* untuk memastikan pembelajaran atas talian ini dapat berjalan dengan baik untuk anak-anak bangsa kita di Malaysia.

Kita juga hendak beritahu bahawa MOKS ini di Malaysia sudah merupakan dasar nasional. Walaupun Harvard menggunakan MOKS, walaupun MIT menggunakan MOKS ia hanya merupakan dasar di peringkat universiti masing-masing. Akan tetapi di Malaysia, MOKS merupakan dasar di peringkat nasional.

Kitalah merupakan negara yang terulung dalam dunia yang menggunakan MOKS sebagai dasar di peringkat nasional untuk memastikan pelajar-pelajar kita boleh menggunakan *online learning*.

Bukan hanya MOKS, APEL, pengalaman bekerja juga kita galakkan di Malaysia untuk memastikan juga kerana ada profesor-profesor, ada yang jadi wakil rakyat masuk Parlimen. Akan tetapi ada juga yang keluar di industri dan mengajar. Mereka mempunyai pengetahuan sebagai profesor, masuk industri, mereka mempunyai dua pengetahuan- satu akademik, dan satu praktikal. Jadi kita boleh belajar di industri-industri. Bukan hanya di universiti tetapi itulah kita memberi pengiktirafan kepada *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)*.

Dalam konteks *redesigning education* kita bercakap *multidisciplinary*, kita bercakap tentang *multilingual* universiti kita. Oleh sebab itu, kita lihat dalam konteks *multidisciplinary* ini kita menggalakkan universiti mengeluarkan *double degree*. *Alhamdulillah* USIM telah mengeluarkan *double degree* untuk Quran dan Sunah dan juga kaunseling. Seorang pelajar Quran dan Sunah keluar bukan hanya Quran dan Sunah tetapi juga ada kaunseling. Quran dan Sunah dan juga IT. Fiqh dan Fatwa juga dalam Bioteknologi Makanan. Itu *double degree*, dapat dua *degree* dalam masa yang sama dia belajar. Ini kerana kita percaya bahawa keadaan sekarang ini perlu kepada pekerja-pekerja *multitasking* bukan hanya boleh buat satu perkara. Boleh buat banyak perkara. Itu kehendak masa sekarang ini.

Kita ke arah mewujudkan sebuah platform dipanggil *jukebox*. Kalau zaman-zaman dahulu Yang Berhormat muda-muda dahulu kita pergi tekan *jukebox*. Kalau tidak ada duit, kita dengar orang tekan *jukebox* pilih lagu mana. Sekarang ini sudah ada platform kerjasama di antara UTM dengan *Scuba University*, Bordeaux, universiti France, *National Taiwan University*, *Sao Paulo University* yang mana ada 230 kursus ditawarkan dan mereka boleh bergraduat dengan menggunakan kaedah *jukebox university*. Inilah saya katakan kaedah julat yang berbeza, pendidikan berbeza masa kini yang perlu kita *adopt*, perlu kita menerima pakai untuk kebaikan anak bangsa kita pada masa-masa yang akan datang.

Berhubung dengan pembangunan di IPT, memang kita lihat kita ada kekangan bajet dan kementerian memastikan agar kita menggunakan kaedah pembiayaan pihak ketiga ataupun *third party financing method*.

Berhubung dengan PTPTN. Ini juga satu perkara yang agak popular. Ada yang mengatakan bahawa mengapa boleh tak wakaf mengganti PTPTN. Boleh, mengapa tidak boleh. Akan tetapi syaratnya wakaf boleh menjanakan, mengeluarkan wang sebanyak RM3 bilion atau RM4 bilion setahun. Kalau tidak boleh, tidak boleh buat.

Kalau boleh ada dikeluarkan sebagaimana dikeluarkan oleh kerajaan, RM3 bilion, RM4 bilion setahun, boleh ganti PTPTN. Bukan tidak boleh, dipersilakan.

Saya juga tentang PTPTN ini saya kasihan. Pegawai saya PTPTN ini kerana di samping mereka hendak pastikan PTPTN ditubuhkan untuk pastikan beri ruang pelajaran kepada semua anak bangsa kita supaya tidak ada ketinggalan, tidak ada kata miskin tidak boleh pergi masuk universiti. Akan tetapi dia taja pula setahun hampir 200,000 orang pelajar. Cari dana pula RM4 bilion, RM5 bilion setahun. Sudahlah beri tajaan, kutip hutang pula. Kutip hutang pula, taja pula. Kutip hutang boleh taja pelajar baru.

Lihat bebanan faedah turun kepada konsep Ujrah ada 3 peratus kepada 1 peratus. Tingkatkan perkhidmatan. Hendak tukar apa-apa perjanjian boleh hanya melalui telefon. Akan tetapi kasihannya para pegawai saya ini kena marah sahaja. Dalam mereka menjalankan tugas dan amanah mereka, tanggungjawab untuk memastikan pelajar mendapat pinjaman untuk menjaga masa depan pelajar-pelajar yang lain, mereka asyik kena marah. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bersimpati dengan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pengerusi pun kena marah Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Apakah dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pengerusi PTPTN.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Pengerusi, ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Turut kena marahlah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Memanglah. Dia tidak ada sini. Memanglah dia pengerusi. Dia dilantik jadi pengerusi tetapi dia kena marah. Saya pun kena marah juga, menteri pun kena marah. Jadi itulah biasalah.

Untuk kad debit *insya-Allah*, kita akan pastikan ia dapat diselaraskan dengan baik dengan KPDNKK untuk memastikan ia memberi manfaat yang sebaiknya untuk pelajar-pelajar keseluruhannya.

Itu sahaja antara isu-isu yang saya hendak bangkitkan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka untuk kebaikan Kementerian Pendidikan Tinggi keseluruhannya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Menteri. Seterusnya saya jemput giliran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sila Yang Berhormat Menteri.

7.58 mlm.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa Belanjawan 2017 tempoh hari

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, secara keseluruhannya sejumlah RM9.04 bilion telah pun diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan kementerian. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3.218 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus. Manakala RM5.829 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang diluluskan pada tahun 2017 meliputi pembangunan prasarana, modal insan, keusahawanan, perumahan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan akan sentiasa mengambil berat akan keperluan bagi menjamin kesejahteraan penduduk kawasan luar bandar. Kementerian sentiasa berusaha untuk melengkapkan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar secara berterusan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

■2000

Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan bilakah kerajaan mahu memberikan fokus kepada rakyat yang lebih fokus iaitu kepada rakyat Sabah dan Sarawak?

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun KKLW sentiasa memberikan fokus kepada pembangunan luar bandar bagi Sabah dan Sarawak. Di bawah RMKe-10, KKLW telah diperuntukkan sebanyak RM26.15 bilion bagi program pembangunan luar bandar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 62.4 peratus diperuntukkan bagi negeri Sabah dan Sarawak iaitu sebanyak RM8.36 bilion dan diperuntukkan bagi negeri Sabah manakala RM7.97 bilion bagi negeri Sarawak.

Saya ambil contoh bagi tahun 2017 untuk bajet tahun 2017, kerajaan telah merancang untuk melaksanakan program-program infrastruktur dengan peruntukan seperti berikut sebagai contoh. Jalan luar bandar, sebanyak RM1.2 bilion. Bagi Sabah

RM369.1 juta, bagi Sarawak RM257.4 juta. Bermakna bagi Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM626.5 juta yang merangkumi 52 peratus daripada keseluruhan peruntukan.

Bagi program bekalan air luar bandar misalnya, sebanyak RM632.4 juta diperuntukkan bagi tahun 2017. Bagi negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM236 juta manakala bagi Sarawak sebanyak RM217 juta. Jumlah kesemuanya RM453 juta daripada RM632.4 juta keseluruhannya. Ini bermakna 72 peratus daripada peruntukan bekalan air luar bandar untuk tahun 2017 diperuntukkan untuk negeri Sarawak dan juga Sabah.

Bagi bekalan elektrik luar bandar, sebanyak RM447 juta diperuntukkan. Untuk negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM250 juta. Bagi negeri Sarawak sebanyak RM175 juta menjadikan keseluruhannya sebanyak RM425 juta berbanding dengan RM444 juta seluruh negara. Bermakna peratusan kelulusan untuk Sabah dan Sarawak bagi bekalan elektrik luar bandar sebanyak 95 peratus. Ini menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tentang bilakah kerajaan mahu memberikan fokus kepada rakyat di Sabah dan Sarawak. Jawapannya sedang dan sedang dilaksanakan sejak awal lagi.

Selain daripada itu, kawasan luar bandar sedang ditransformasikan di bawah Program Transformasi Luar Bandar bagi menarik pelabur swasta dan sebagainya bagi menyediakan peluang pekerjaan bagi Sabah, Sarawak dan sebagainya. Sebagai contoh misalnya untuk mini RTC. Sebanyak 18 mini RTC telah dibina di negeri Sabah dan tujuh mini RTC telah pun dibangunkan di Sarawak bagi membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak. Itulah antara contoh-contoh bagaimana Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian yang khusus kepada pembangunan rakyat di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Kota Raja mencadangkan agar program membandarkan kawasan luar bandar yang diistilahkan sebagai *urbanization*.

Untuk makluman Yang Berhormat usaha membandarkan luar bandar kini sedang giat dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat kemudahan sempurna dengan tanpa mewujudkan jurang yang luas di antara kedua-dua kawasan tersebut. Ia hala tuju kementerian untuk menjadikan masyarakat luar bandar yang maju menjelang tahun 2020.

Pada 15 November 2015 saya telah pun melancarkan Pelan Transformasi Luar Bandar yang bertemakan Membandarkan Luar Bandar. Kita telah merangka pelan selama lima tahun dari tahun 2016 sehingga 2020 dengan objektif utamanya untuk menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai *accessibility* dan

kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk bandar. Memajukan luar bandar melangkaui penyediaan infrastruktur, menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan.

Memajukan masyarakat luar bandar melalui bukan sahaja perubahan daripada segi fizikal tetapi juga perubahan dari segi sikap dan minda dan juga peningkatan ilmu dan kemahiran. Peningkatan kemudahan sosial akan dilaksanakan tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan agama dengan budaya serta nilai-nilai murni. Menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

Terdapat enam fokus utama dalam menjayakan agenda membandarkan luar bandar tersebut iaitu pertama, meningkatkan prasarana luar bandar yang memberikan fokus kepada kawasan-kawasan yang masih kurang liputan daripada segi *accessibility*.

Kedua, pembangunan belia luar bandar dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti penglibatan di dalam bidang keusahawanan dan juga perumahan kepada generasi di luar bandar. Saya ingin umumkan dan memaklumkan bahawa pada hari Isnin yang lepas saya telah pun melancarkan perumahan untuk generasi kedua luar bandar yang dipanggil Rumah Bina Negara ataupun nama ringkasnya Rumah BN yang berharga RM45,000 sahaja. Satu buah rumah tiga buah bilik dengan dua bilik air dan ansuran pinjaman adalah sebanyak RM250 sahaja. Ini kerana kita tahu belia luar bandar mungkin tidak mampu dengan harga yang begitu tinggi dan sebagainya. Kos sebenarnya RM65,000 tetapi hanya kita menjual RM45,000 kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan sebanyak RM100 juta untuk subsidi kepada rumah tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sila.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Saya amat minat dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan transformasi luar bandar ini. Soalan saya adalah di Sarawak ini di manakah kawasan-kawasan yang disebut tadi, tujuh buah tempat RTC yang telah disebut oleh Menteri dan di manakah tempat-tempat ini? Sebab kawasan saya juga luar bandar kerana saya belum juga tahu sama ada RTC ini telah ditubuhkan di kawasan saya, luar bandar Yang Berhormat Menteri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas maklumat yang telah Yang Berhormat Menteri berikan tadi. *I am happy*, saya gembira dengan perkembangan ini. Cuma bila kita bercakap mengenai membandarkan luar bandar itu, saya terfikir Sabah dengan Sarawak itu kan, bila kita hendak menyediakan infrastruktur bekalan air, bekalan api dan sebagainya dan di dalam luar bandar ini orang duduk jauh-jauh. Jadi kadang-kadang kos untuk kita membekalkan perkara-perkara ini menjadi terlalu tinggi.

Jadi itu sebabnya saya bawa perkataan yang saya dengar itu daripada ceramah yang saya dengar itu ialah '*urbanization*'. Jadi apa yang berlaku adalah untuk dia boleh dikurangkan kos infrastruktur sekiranya kita dapat mengelompokkan kawasan pembangunan itu dalam kawasan yang tidak begitu luas. Baru kita dapat menyediakan semua infrastruktur yang ada dan yang diperlukan. Kadang-kadang kita buat itu maknanya tanpa kita merancang untuk membawa penduduk itu di satu kawasan tertentu. Saya melihat ini yang berlaku di Sabah dan Sarawak di mana kependudukannya bertaburan.

■2010

Saya biasa pergi ke mana ya. Satu saya lupa nama tempat itu, infrastruktur sekolahnya besar, *very nice* tetapi malangnya, penduduknya tidak duduk dekat. Untuk datang ke sekolah itu terpaksa menyeberangi sungai dan sebagainya. Jikalau kita membayangkan pembangunan itu setakat hanya menyediakan bangunan dan tidak membayangkan kehidupan, *then* kita akan balik kepada cara yang lama seperti di rumah Orang Asli Jabatan Kebajikan Orang Asli misalnya. Dua hari yang lepas kalau tidak silap saya, Menteri seronok menceritakan bahawa kita menyediakan sekolah tetapi anak-anak mereka terpaksa dipisahkan daripada umur tujuh tahun itu. Jadi kerana kepala kita hendak beri pendidikan, adalah mesti ada bangunan sekolah. Sepatutnya kita keluar, fikir balik ke luar daripada kotak, lebih murah rasa saya kalau kita menghantar beberapa orang guru untuk satu tempat kawasan perumahan mereka itu.

Jadi mungkin kita kena fikir daripada segi kos di situ sebab saya melihat bahawa ini bukan baru kalau kita belajar dahulu zaman kita sekarang pun masih begitu. Di Australia misalnya, ladang-ladanganya besar dan sebagainya dia tidak mengumpulkan penduduk itu untuk bersekolah di satu tempat tetapi pendidikan mereka adalah melalui media, radio dan sebagainya. Sekarang kita ada satelit. Itu sebab maknanya saya masuk sedikit tentang Orang Asli ini, pembangunan Orang Asli

sebab saya tidak sempat. Mungkin yang dengar itu boleh memikirkan bahawa pembangunan itu tidak semestinya fizikalnya sahaja gah tetapi kita boleh memikirkan cara-cara untuk memudahkan kehidupan rakyat. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya jawab kedua-duanya daripada Yang Berhormat Kanowit dan Yang Berhormat Kota Raja saya hendak sambung sedikit, saya hendak habiskan tentang enam fokus tadi.

Selain daripada pembangunan belia luar bandar, kita juga memfokuskan kepada pembangunan ekonomi.

Keempat, pembangunan keusahawanan dan, yang kelimanya, pembangunan membangunkan modal insan. Sebagai contohnya kita mengadakan transformasi untuk pelajar-pelajar Tabika KEMAS dan sebagainya begitu juga dengan memperluaskan TVET dan sebagainya.

Keenam meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian terutamanya yang melibatkan JKKK dan sebagainya.

Bagi menjawab Yang Berhormat Kota Raja tadi, apabila kita menyebut tentang membandarkan luar bandar. Kita sebenarnya membawa imej bandar itu ke luar bandar dan penekanan tidak sahaja diberikan kepada membangunkan infrastruktur. Saya tahu dahulu kita hanya bercakap soal membangunkan infrastruktur tetapi membangunkan infrastruktur tanpa melibatkan peningkatan ekonomi juga tidak membawa makna. Jadi, program kita adalah menyeluruh. Sebab itu saya kata tadi bukan semata-mata kepada infrastruktur tetapi juga ekonomi, perumahan, perubahan *mind set*, sikap dan sebagainya. Ini yang kita akan bawa kerana ini imej bandar yang kita bawa ke luar bandar.

Saya faham daripada segi Sabah, Sarawak, dan sebagainya kedudukan mereka adalah bertaburan dan sebagainya. Untuk kita mengumpulkan *relocate* mereka bukan satu perkara yang mudah dan mungkin tidak akan berpindah dan sebagainya. Perkara itu tidak menyekat kerajaan untuk membangunkan kawasan di luar bandar tersebut. Sebagai contoh, di kawasan yang mahal untuk kita membawa bekalan elektrik luar bandar dan sebagainya, kita menyediakan tenaga alternatif supaya kawasan tersebut juga memperolehi kemudahan seperti juga di kawasan lain dan sebagainya. Jadi, beberapa cadangan daripada Yang Berhormat tadi melibatkan persekolahan, pendidikan dan sebagainya, saya kira agak sukar saya menjawabnya kerana ini melibatkan polisi yang berkaitan dengan kementerian lain.

Bagi menjawab apa yang disebut oleh ...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Menteri, sedikit, berminat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Gerik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya tidak habis jawab yang ...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Soalan yang sama.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya tidak habis Yang Berhormat Kanowit dahulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Isu sama ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya. Yang Berhormat Kanowit tentang RTC. RTC kita ada dua di Sarawak iaitu di Sibuti dan juga di Betong. Akan tetapi untuk mini RTC saya akan dapatkan senarai penuh untuk diberikan kepada Yang Berhormat. Saya faham kalau tidak ada mini RTC di Kanowit kita akan cuba melaksanakan mini RTC di Kanowit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak bawa juga bangkitkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja kerana isu membandarkan kampung-kampung. Adakah kementerian mempunyai satu mekanisme ataupun satu perancangan yang mana kita *sorting* kelas-kelas kampung-kampung ini 'A', 'B', 'C', 'D', 'E' dan sebagainya dan kampung-kampung yang sudah bersedia, kita boleh memodenkan kemudahannya. Akan tetapi pada masa yang sama, semangat kehidupan kampung itu mesti di-*maintain* dan *architecture* perumahan secara kampung, *maintain*. Akan tetapi kemudahan-kemudahan itu yang penting, permodenkan kemudahan-kemudahan mereka seperti tandas, air dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang dari waktu saya menerangkan tentang konsep membandarkan luar bandar ini walaupun kita memodenkan, ingin memodenkan kawasan luar bandar tersebut. Akan tetapi saya sudah tekankan tadi bahawa dua elemen ini kita tidak akan ubah dan sebagainya.

Pertama, daripada segi kepercayaan dan juga tentang keagamaan. Ini seperti kita tahu masyarakat luar bandar begitu tebal daripada segi keagamaan ini dan kita tidak akan sentuh perkara tersebut. Begitu juga dengan budaya kita, budaya yang

tebal di kalangan masyarakat luar bandar, yang melibatkan budaya Melayu dan sebagainya, itu juga akan kita pertahankan. Kita akan pertahankan dua perkara. Walau semoden mana pun kampung, dua perkara itu akan kita pertahankan, keagamaan dan juga daripada segi kebudayaan, budaya. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik bangun Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Membandarkan kawasan luar bandar biarlah mengikut acuan kita, jangan sampai di luar bandar menjadi tidak ketahuan. Cuma saya berterima kasih kerana kementerian pembangunan telah hendak membina rumah untuk belia, BN. BN ya.

Seorang Ahli: Bina Negara.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Bina Negara tetapi senang sebut, rumah BN lah. Tahniah Yang Berhormat Menteri kerana ini satu peluang pula yang boleh ada kepada belia-belia kita di kampung-kampung. Terima kasih.

Kedua, saya mempunyai satu pandangan, luar bandar ini susah kita hendak memajukan kalau kementerian tidak memikirkan buat karnival. Dalam setahun, fasal karnival ini memerlukan sedikit peruntukan kerana dengan adanya karnival ini, dia boleh menarik masyarakat sekeliling, produk-produk tempatan. Jadi, minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melihat perkara tersebut supaya di seluruh negara kawasan luar bandar ini sepanjang masa kita kena ada sekurang-kurangnya lima atau enam karnival yang dibantu oleh semua kementerian.

Ketiga, saya percaya di kampung-kampung hendak membangunkan usahawan memerlukan motivasi terutamanya masalah kita di luar bandar daripada segi hendak buat *packaging* dengan ini. Walau bagaimanapun, ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kena menjadi pendukung utama untuk memberi bentuk geran pada peringkat awal. Selepas itu, setelah dia cukup maju, dia sendirilah membangunkan pengeluaran dia punya. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang karnival di setiap kampung itu, kita boleh lihatlah daripada segi kewangan dan sebagainya. Akan tetapi Ahli-ahli Parlimen yang bajet besar ini bolehlah *sponsor* karnival di luar bandar ini [Ketawa]

■2020

Akan tetapi daripada segi karnival peringkat nasional memang kita adakan. Misalnya daripada segi usahawan misalnya. Kita ada Karnival Usahawan Desa yang kita adakan. Begitu juga dengan program yang baru-baru ini apabila kita adakan Anugerah Desa Sejahtera misalnya. Kita juga mengumpulkan usahawan-usahawan desa dan sebagainya. Dua, tiga kali setahun memang kita akan ada program-program besar yang melibatkan produk-produk usahawan desa yang kita adakan secara karnival.

Mengenai *packaging* tadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana kelemahan usahawan desa ini adalah daripada segi *packaging, bottling, branding* dan sebagainya. RISDA misalnya mempunyai geran untuk usahawan di bawah RISDA untuk *packaging* dan sebagainya. Saya percaya lebih baik kalau RISDA misalnya mengadakan kerjasama dengan DDEC anak syarikat MARA. Jadi, kerana DDEC ini menumpukan fokus mereka kepada *packaging* dan sebagainya.

Dengan geran yang ada pada RISDA mungkin daripada segi *packaging* diserahkan kepada DDEC untuk bekerjasama. Insya-Allah kita akan lakukan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah makan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudah. Sekejap makan. Ada lapar sedikit. Yang Berhormat Tenggara ini untuk Yang Berhormat Tenggara juga-kepentingan. Yang Berhormat Menteri saya tertarik sebab saya dalam perbahasan, saya ada sentuh soal *clusterizing* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *clusterizing. Potentials*- potensi-potensi di kampung yang kita kenal pasti.

Apa yang saya buat di kawasan saya Yang Berhormat Menteri, saya telah mengenal pasti potensi terutama golongan-golongan belia yang ada kepakaran latihan yang dilatih oleh MARA. Ini kalau kita tidak bantu, mereka terbiar sahaja sebegini. Apa yang saya buat di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua sebab saya dalam perbahasan saya. Saya buat *cluster*. Pemilik tanah tersebut kita kenal pasti dan apa *potential* kawasan itu. Misalnya ada golongan menanam ubi kayu.

Ubi kayu kita dapati untuk membuat kerepek ubi kayu, yang senang bukan susah. Bukan susah pun. Pisang Sabah yang saya sebutkan tadi. Ini kerepek pisang

Sabah. Di kampung dan koperasi ini pertama sekali ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Kita kenal pasti, kita dukung daripada mula. Jadi saya lihat perbelanjaan dia tidak begitu besar.

Satu lagi, *beverages*- minuman. Asal daripada kelapa. Bunga kelapa itu direbus dan dia punya aroma itu sungguh baik sekali. Banyak lagi, dalam daun yang kita boleh buat sebagai satu jenis minuman yang kita boleh buat di tepi jalan supaya satu *circle*- satu bulatan di mana *tourists* akan *stop* sini untuk minum. Misalnya, perbuatan daripada koko misalnya. Kita boleh *stop* sana, *tourist* boleh *park* dia punya bas sana dan kita boleh jual melalui dengan produk-produk kampung. Kita bagi pakaian kepada ibu-ibu tunggal yang boleh menarik dan juga sambil itu ada muzik misalnya. Ada juga tempat yang *exotic*- makanan *exotic*, misalnya makanan laut yang tidak pernah dilihat di restoran-restoran yang satu keunikan kepada satu-satunya tempat. Ini boleh menarik terutama pelancong daripada China dia suka *adventure food stall* sini tetapi belum *complete*.

Jadi saya sudah berjumpa dengan Amanah Ikhtiar Malaysia ini yang dia galak kita buat kertas kerja dan kertas kerja itu ada tiga orang profesor yang buat sekarang. So, saya harap perkara ini dapat juga di contohi kepada kampung-kampung yang lain. Itu yang saya- Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya sambung sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita bagi Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Putatan. Malam-malam ini aduh, susah betullah dia. Akan tetapi tidak apalah. Saya hendak ucapkan terima kasih bagi saya peluang. Saya hendak menyambung apa tadi Yang Berhormat Putatan nyatakan. Satu idea yang mungkin Yang Berhormat Menteri yang saya tahu begitu prihatin dengan masyarakat terutama keusahawanan di kawasan luar bandar.

Bolehkah Yang Berhormat melalui kementerian Yang Berhormat, bila kita memikirkan cara untuk meningkatkan pendapatan ataupun meningkatkan ekonomi pada masyarakat di luar bandar, salah satu caranya adalah apa yang tadi Yang Berhormat Putatan nyatakan. Akan tetapi, kita *for example*, sebagai contoh tempat saya sendiri di kawasan Parlimen Parit sulung, Kerajaan Negeri Johor sudah mengiktiraf daerah Batu Pahat sebagai sebuah daerah IKS.

Apa yang perlu- ini mungkin cadangan yang boleh mungkin dipertimbangkan oleh pihak Yang Berhormat sendiri. Perlu ada satu buah pusat serenti ataupun pusat bersepadu di mana di pusat itu nanti kita tidak boleh hanya pemasaran sebabnya

produk itu merata. Akan tetapi apa yang *lacking*, yang kekurangan yang kita tengok apabila kita pergi ke luar negara ini Yang Berhormat, adalah *brand* Malaysia itu tidak dibawa bersekali, sebab dia membawa *brand* masing-masing. Sedangkan kalau kita tengok negara seperti di Thailand, *Thailand Best* atau pun *Indonesia Best*.

Akan tetapi saya ingin cadangkan kepada pihak Yang Berhormat apabila produk daripada luar bandar ini yang sangat berpotensi untuk dikembangkan mungkin mula daripada bawah ditekankan mengenai *Made in Malaysia* macam dulu yang di kementerian semasa Yang Berhormat di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dahulu mungkin di bawa bersama di dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat Putatan...

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sambung? Minta saya habiskan. Sambung. Okey.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terserah kepada Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim: Boleh ya? Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama saya ucapkan tahniah atas inisiatif Yang Berhormat Menteri khususnya dalam mengetengahkan idea membandarkan luar bandar. Saya tertarik dengan cadangan dan juga idea kreatif Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali dalam memperkenalkan konsep pada generasi muda pemilikan rumah iaitu Rumah Bina Negara, Rumah BN. Saya fikir ini satu kaedah yang baik terutama memberikan harapan kepada generasi muda di kalangan luar bandar untuk memiliki rumah.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, sejauh mana kaedah untuk memaklumkan khususnya syarat-syarat untuk mereka mendapat, menyertai program ini. Adakah program ini akan diperluaskan ke seluruh negara?

Seterusnya kedua, saya hendak tertarik dengan idea yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik iaitu tentang konsep karnival. Mungkin karnival ini mungkin besar konsepnya tetapi mungkin dalam Hari Terbuka Bina Negara contohnya. Hari Terbuka Bina Negara kerana setiap tahun KEMAS ada menganjurkan Hari Potensi KEMAS dan jadi mungkin dia boleh di gabungkan semua agensi ataupun Hari RISDA

tetapi namakan sebagai Hari Terbuka Bina Negara, contohnya ataupun Karnival Bina Negara, dan dimasukkanlah segala produk bagi menyemarakkan lagi maklumat di peringkat akar umbi di luar bandar itu dapat di ketahui oleh masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang. Sambung pasal rumah, sebab cerita pasal belia? Boleh Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Ya. Yang Berhormat Menteri sudah bagi Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya melihat konsep Rumah Bina Negara ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini memang baik sebab konsep ini seperti yang SPNB sudah buat selama ini. Cuma mungkin mekanisme itu kita minta kementerian dapat perhalusi sebab kebanyakan tanah-tanah di kawasan kampung di luar bandar ini tanah bentuk syirkah. Dia bukan tanah persendirian. Ini memberikan masalah kepada belia-belia ini untuk membina rumah di kawasan-kawasan tanah syirkah ini.

Jadi, mungkin mekanisme bagaimana kerajaan boleh bantu supaya perkara ini kita dapat selesaikan terutamanya berurusan dengan kerajaan negeri. Ini paling utamalah sebab kita yakin dan percaya orang-orang muda ini dia memang berminat untuk mendirikan rumah di kawasan luar bandar di tanah-tanah milik keluarga masing-masing tetapi masalah bila berkaitan dengan syirkah ini ia akan mengganggu urusan untuk membina rumah ini, yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya hendak mencadangkan juga kalau boleh pihak kementerian melihat bagaimana membina rumah secara berkelompok mungkin 100 hingga 150 unit untuk kawasan-kawasan tertentu terutamanya kawasan-kawasan yang melibatkan pekebun-pekebun kecil yang besar. Pekebun-pekebun kecil getah dan sebagainya di bawah FELCRA dan juga RISDA. Jadi ini mungkin dapat memberikan kemudahan kepada orang-orang muda ini untuk mereka memiliki rumah di kawasan luar bandar. Terima kasih.

■2030

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Yang Berhormat saya kira ini *last* saya menjawab tentang membandarkan luar bandar ini kerana saya akan teruskan kepada tajuk-tajuk yang lain.

Cadangan Yang Berhormat Putatan saya anggap cadangan yang baik, kita boleh lihat perkara itu. Walaupun di pihak kementerian kita mempunyai Program 1Kampung 1Usahawan, 1Daerah 1Produk dan sebagainya tapi saya kira cadangan

tadi cadangan yang baik bukan sahaja daripada segi produk tapi daripada segi pelancongan dan sebagainya. Saya kira *insya-Allah* kita akan lihat perkara ini mungkin kita boleh pergi ke Putatan untuk lihat sendiri projek tersebut.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesaran suara*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Serahkan, terima kasih. Okey, *insya-Allah*. Dari segi- saya pergi dengan Yang Berhormat Parit Sulong ke Putatan ya... [*Dewan ketawa*].

Daripada segi *branding*, daripada segi *brand* saya setuju tapi di bawah FAMA kita sudah ada *Malaysia Best*. Jadi saya rasa kita tidak perlu *compete* di antara satu sama yang lain kerana lebih baik produk Malaysia dikenal dengan satu *brand* sahaja. Di bawah KKLW walaupun kita ada usahawan desa kita boleh NBOS ataupun mengadakan Strategi Lautan Biru bersama dengan pihak FAMA dan sebagainya.

Ini untuk Yang Berhormat tentang promosi tadi, siapakah?... [*Disampuk*] Promosi daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Daripada segi promosi memang selepas sahaja dilancarkan pada hari Isnin lepas seterusnya keesokannya kita mengambil, dimuatkan secara penuh *full page* di dalam, dua *page*, dua muka surat dalam *Utusan Malaysia* untuk promosi. Begitu juga pagi tadi saya membuat penjelasan di dalam TV3 iaitu MHI dan kita juga akan mempromosikan melalui *website* melalui media sosial dan sebagainya, di *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Mengenai Karnival Bina Negara *insya-Allah* kita akan kaji perkara ini kalau bersesuaian dengan bajet dan sebagainya *insya-Allah*, kita akan adakan mungkin selain daripada karnival-karnival yang ada tadi kita boleh tambahkan.

Mengenai Yang Berhormat Sekijang. Memang benar daripada segi tanah boleh menjadi isu kerana kita mensyaratkan tanah sendiri atau tanah orang lain yang memberikan keizinan. Itu untuk mempermudah dengan keizinan. Walau bagaimanapun, saya faham belia mungkin tidak bertanah.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat memang kita ada konsep kedua selain daripada tanah sendiri iaitu secara berkelompok. Kalau di tanah sendiri dilaksanakan oleh RISDA, secara berkelompok akan dilaksanakan oleh FELCRA dan *insya-Allah* saya akan melancarkan, kalau tidak ada halangan akan dilancarkan pada 20 November nanti dan saya akan umumkan dengan lebih *detail*-lah daripada segi harga, syarat dan sebagainya.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasihlah Menteri kerana memahami orang muda.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Menteri kerana memahami orang muda, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebab saya pun orang muda juga [*Ketawa*] Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Julau memohon peruntukan yang lebih besar dan bersesuaian kepada daerah yang masih belum membangun dan ketinggalan di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya Yang Berhormat memang kita di pihak kementerian sentiasa memberikan tumpuan kepada daerah-daerah yang masih belum membangun dan ketinggalan di Sabah dan Sarawak cuma saya hendak maklumkan bahawa setiap projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan perbincangan dan senarai yang diberikan oleh pihak UPEN negeri masing-masing. Jadi biasanya kita akan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan kawasan yang sesuai untuk dilaksanakan projek tersebut.

Mengenai isu jalan luar bandar Yang Berhormat Baling mencadangkan projek-projek membina dan menaik taraf jalan diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang berasal dari kawasan berkenaan bermakna kontraktor tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat pelantikan kontraktor pelaksana bagi projek jalan perhubungan desa bagi menghubungkan kampung melalui proses perolehan mengikut Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, ada tiga kategori projek sebagai contoh. Projek yang tidak melebihi RM20,000, pelantikan kontraktor boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 ataupun dulunya dikenali sebagai kontraktor Kelas 'F' tempatan. Itu untuk RM20,000 ke bawah. Bagi RM20,000 hingga RM200,000, projek bernilai RM20,000 hingga RM200,000 projek ini hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan kontraktor *G One*, ataupun G1 tempatan iaitu di daerah projek itu dilaksanakan. Itu untuk RM20,000 hingga RM200,000.

Bagi projek yang bernilai RM300,000 hingga RM500,000, projek sedemikian hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan kontraktor Gred 2, negeri yang berdaftar, di seluruh negeri. Bermakna kalau projek itu lebih daripada RM200,000 terpaksa buka kepada kontraktor G2 seluruh negeri. Jadi kontraktor-kontraktor bagi tiga jenis perolehan di atas mestilah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ataupun SPKK mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.

Yang Berhormat Hulu Rajang memohon kementerian untuk menyemak semula permohonan jalan dari Rumah Juntan ke rumah Nanga Sut Kapit sepanjang 12 kilometer.

Untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan projek jalan Rumah Juntan ke Jalan Melekun Nanga Sut Kapit telah pun diluluskan...

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih, Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oleh UPEN atau Unit Perancangan Ekonomi Perdana Menteri di bawah RMK-11 tahun 2017 dengan peruntukan keseluruhannya berjumlah RM60 juta... *[Tepuk]* Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Menteri boleh saya cakap? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini jalan Yang Berhormat yang jalan dalam Q&A semalam Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Ya, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKLW inilah saya ingat saya sebagai wakil rakyat, Kementerian KKLW menghargai rakyat-rakyat, penduduk sentiasa bersama kita dalam Barisan Nasional, terima kasih itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bertambah kuatlah Barisan Nasional Yang Berhormat *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Kanowit mencadangkan satu cadangan berkenan dengan *Rajang Development Authority* kepada kementerian agar pembangunan di kawasan Rajang dapat dibangunkan secara menyeluruh.

Untuk maklumat Yang Berhormat cadangan pewujudan *Rajang Development Authority* perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada kerajaan negeri sebelum kita kemukakan kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kabinet untuk dipertimbangkan. *Insyah-Allah*, kalau ada cadangan daripada Yang Berhormat kita akan berbincang dengan kerajaan negeri dan akan di bawah ke Persekutuan untuk dibentangkan ke dalam Kabinet kerana ia melibatkan banyak perkara. Apabila yang dipanggilkan wilayah tertentu ini maka ia melibatkan tanah, isu yang melibatkan tanah hutan dan berbagai-bagai perkara lagi.

Jadi kita perlu berbincang dengan kerajaan negeri tetapi cadangan tersebut memang kita anggap sebagai cadangan yang baik malah Timbalan Menteri saya Yang Berhormat Kapit telah pun mengemukakan perkara ini di mesyuarat *post-Kabinet* dan sebagainya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Okey, sikit Menteri. Terima kasih, berita baik daripada Menteri. Inilah yang kita ingin dengar jawapan seperti ini dan kita berharap ia akan nyata beberapa tahun akan datang.

■2040

Umpamanya badan ini *dipropose* dua kali sebab kita lihat dengan adanya jalan dari Kanowit ke Kapit lebih kurang 100 kilometer, kita nampak kawasan di Hulu Rajang ini amat luas sebab apabila jalan raya ini siap nanti, maka kawasan tanah yang amat luas- jadi, inilah sebab saya lihat patut dibuat satu *development authority* untuk membangunkan kawasan tersebut.

Kedua, kita melihat sejarah- lebih-lebih lagi di kawasan saya di Kanowit- sejarah RASCOM. Kawasan RASCOM, kita ada tiga buah kawasan RASCOM yang ditubuhkan pada musim komunis dahulu. Kawasan-kawasan ini sekarang ini amat tertinggal daripada segi pembangunan dan penduduk di kawasan ini memang ramai oleh sebab mereka dibawa dari hulu sungai dan ditempatkan di sebuah tempat. Dan yang menjadi tidak berapa sihat sekarang ini sebab mereka tidak ada peluang untuk bekerja.

Semua rancangan yang telah diadakan dulu telah gagal dan inilah sebab saya fikir, bukan sahaja di kawasan Kanowit tetapi juga kawasan selepas Kanowit ke kawasan Kapit dan sebagainya. Kawasannya memang luas dan penduduk memang ramai di sana dan sebab itu patutlah kawasan-kawasan ini diberi satu pengiktirafan dan dibuat satu autoriti seperti di kawasan-kawasan ekonomi lain, koridor-koridor pembangunan lain di Malaysia ini yang sedang dibangunkan. Saya harap dengan *proposal* ini dengan Persekutuan, ia akan menjadi nyata pada tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit, sedikit sahaja hendak tambah daripada orang Sarawak itu... [Dewan riuh] Tidak mengapa, saya hendak tolong orang Sarawak, hendak tolong orang Sarawak.

Saya rasa hendak pujilah Yang Berhormat Menteri kerana banyak projek bagi Kanowit dan Kapit dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya sikit bagi pihak orang Sarawaklah, bilakah benda itu boleh siap? Kerana kalau tidak tahun depan, dua tiga tahun lagi akan datang Dewan ini, merengek-rengok lagi tanya, dah lima tahun tidak siap, 10 tahun tidak siap. Jadi saya hendak tolong tanyakan, bilakah boleh siap? Terima kasih... [Dewan riuh]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: [Ketawa] Sudah lari.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Apa Yang Berhormat Ampang, larih?

Seorang Ahli: Tidak payah jawab, tidak payah jawab.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya berdepan dengan orang yang berani sahaja. Macam Yang Berhormat Kota Raja, dia bertanggungjawab dengan apa yang dia cakap, jadi dia *stay*. Jadi saya sambung seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat Kanowit.

Seterusnya Yang Berhormat Lubok Antu memohon supaya jalan di kawasan Lubok Antu iaitu jalan menuju dari Sebeliau menuju ke Hulu Lemanak lebih kurang 36 kilometer iaitu jalan bekas balak dinaik taraf.

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai kawasan yang terlibat dalam projek menaiktaraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah disusun dan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Berdasarkan senarai yang dikemukakan, jalan dari Sebeliau menuju ke Hulu Lemanak dan jalan dari Hulu Senggumit, Lemanak menuju ke Long Kari belum lagi disenaraikan di bawah jajaran yang terlibat dalam projek ini. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mendapati ada keperluan yang mendesak untuk melaksanakan projek jalan luar bandar di kawasan tersebut, maka kementerian mencadangkan supaya Yang Berhormat mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak kerajaan negeri dan memastikan ia disenaraikan di bawah senarai keutamaan kerajaan negeri sebelum dikemukakan kepada kementerian ini.

Pihak kementerian akan membuat permohonan kepada UPEN untuk melaksanakannya di bawah RMKe-11 bagi tahun pelaksanaan yang akan datang. Namun begitu, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh UPE JPM dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Yang Berhormat Baram...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sudah masuk 50 minit, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, soalan ini spesifik. Saya harap tidak ada daripada Yang Berhormat Ampang misalnya hendak tanya dan sebagainya.

Okey, saya hendak minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya hendak minta *advice*. Perlukah saya jawab kalau Yang Berhormat tidak ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlu, Yang Berhormat. Tidak perlu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak perlu? Okey. Yang Berhormat Baram? Yang Berhormat Baram, saya... *[Disampuk]* Mana-mana yang saya tidak jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh jawab bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: ...Saya akan beri jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Yang Berhormat Limbang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bertulis. Yang Berhormat Sepanggar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk menjawab bekalan air luar bandar- Yang Berhormat Sibul?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bertulis. Yang Berhormat Sekijang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bertulis?

Seorang Ahli: Sudah tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh, dia sudah keluar dah. Bertulis ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Yang Berhormat Sekijang memaklumkan masalah bekalan air rendah seperti yang berlaku di Felda Padang Piol dan Sungai Retang di Jerantut, Felda Bukit Goh, Kuantan serta Felda Chini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu berkenaan dengan masalah bekalan air rendah ini adalah di bawah seliaan pihak berkuasa negeri di mana pihak kementerian KKLW hanya bertanggungjawab pada fasa perancangan sehinggalah pembinaan projek tersebut siap. Selepas itu, kita menyerahkan kepada pihak berkuasa negeri untuk mengambil alih pengoperasian dan penyelenggaraan projek tersebut.

Yang Berhormat Baram?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bertulis. Yang Berhormat Putatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bertulis. Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Kota Samarahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Semua bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Baram lagi, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kanowit.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Kanowit ada. Yang Berhormat Kanowit meminta pihak kementerian melihat kembali pembinaan projek hidroelektrik agar bekalan elektrik dapat disalurkan ke kawasan pedalaman terutamanya kawasan Kanowit.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan sistem pembekalan elektrik sama ada melalui grid atau alternatif diputuskan oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak dan Kementerian KKLW selepas mengambil kira kapasiti sistem bekalan elektrik oleh pihak berkuasa elektrik negeri di satu-satu kawasan.

Saya hendak menjelaskan ia ada dua jenis projek hidro. Satu, mikro hidro iaitu kapasiti 3.3 kilowatt ke bawah. Itu di bawah kuasa KKLW. Selebihnya adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Jadi kalau yang terlibat itu adalah di bawah 3.3 kilowatt, itu boleh dirujuk kepada pihak kementerian dan *insya-Allah*, kita akan pertimbangkan tetapi kalau lebih itu, itu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Yang Berhormat Baram...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, boleh jawab saya tadi? Saya dekat doktor tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawapan bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jawapan bertulis, Yang Berhormat. Untuk Yang Berhormat Putatan ini, saya akan *explain* secara personal dengan Yang Berhormat [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, keputusan telah dibuat Yang Berhormat Menteri. Kalau nak ubah, kena buat usul... [Dewan ketawa]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Yang Berhormat Baram tak ada.

Seterusnya, ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu jalan kampung. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada tahun depan, lampu jalan kampung mendapat peruntukan

sebanyak RM100 juta... [*Tepuk*] Berbanding dengan RM5 juta sahaja pada tahun 2016. Lampu kali ini termasuklah lampu LED.

Yang Berhormat Kota Samarahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu, Yang Berhormat, tolong agihkan untuk Beluran, Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Beluran itu pasti, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sibuh?

Seorang Ahli: Tiada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Parit Sulong mengatakan 58 buah kampung induk dan 226 rangkaian masih lagi memerlukan bantuan lampu jalan kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat, khusus bagi Parlimen Parit Sulong, sebanyak 58 buah kampung telah pun dikenal pasti akan terlibat untuk pemasangan sebanyak 435 unit lampu jalan kampung pada tahun 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM210,540.

■2050

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan pada tahun 2017, saya berharap Yang Berhormat dapat menyediakan permohonan yang lengkap dengan nama-nama kampung untuk kita bantu Yang Berhormat bagi tahun 2017. Yang Berhormat- dah lulus dah, sudah lulus.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, lampu itu bolehlah sikit-lampu jalan tapi ada sikit lagi tambahan, *extra, extra* dia. Okey, boleh ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh bincang.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ini pasal bil lampu jalan kampung.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh, bil.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Nak minta masuk dalam bajet yang sebelum ini yang dibilkan kepada Ahli Parlimen Parit Sulong itu, saya hendak minta tolong supaya nanti- saya akan hantar surat tetapi nak rekod juga dalam ini sebab kalau tidak nanti, cakap saja susahlah, pening kepala saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya lah Yang Berhormat, masuk TV.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Masuk dalam bil.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Permohonan...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Permohonan itu direkodkan tapi kita akan tengok juga jawapan dia.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sedikit sahaja. Kota Tinggi pun nak minta lampu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *insya-Allah.*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kalau boleh rekod dan luluskan, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kepada semua Ahli Yang Berhormat, senaraikan kepada KKLW. Yang Berhormat Lanang, tidak ada. Yang Berhormat Tanjong Manis. Yang Berhormat Tanah Merah, memohon kementerian turut menyenaraikan kawasan Parlimen Tanah Merah bagi melaksanakan Program Lampu Jalan Kampung dan LED. Seperti juga yang lain-lain, Yang Berhormat Tanah Merah, senaraikan tetapi Yang Berhormat Tanah Merah ini saya lihat 2016 banyak memperoleh lampu jalan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja, hendak bagi lampu jalan ini boleh bagi lampu solar tidak?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Lampu solar ini di kawasan yang...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pedalaman ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Pedalaman.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya lah, ini untuk pedalaman. Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih tadi. Cuma saya hendak maklumkan untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, lampu jalan kampung ini bagus tetapi malangnya mungkin takut ada *overlooked* ataupun terlepas pandang. Kebanyakan lampu jalan kampung itu bila sudah pasang dan sudah tentulah ada yang sudah padam. Jadi, kadang-kadang *defeat purpose* kita pasang lampu tetapi malangnya lampu itu yang bila sudah padam, mengambil masa yang

begitu lama untuk diganti baru, jadi banyak- terima kasih, memang kawasan saya terima banyak tetapi banyak kawasan saya juga, saya rasa berlaku di tempat lain juga, di mana lampu itu tidak tukar-tukar. Saya harap pihak KKLW dengan pihak TNB dapat memastikan bila- kalau boleh ada satu garis panduan, kalau rosak sahaja hari ini, dalam masa seminggu sudah tukar, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Cadangan kepada pihak kementerian, boleh tidak Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang tadi?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Bukan, yang berkaitan dengan ini juga. Sebab saya mendapati- terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebab ada kes-kes yang mana tiang lampu kena curi, yang ini betul pernah terjadi. Jadinya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiang lampu kena curi Yang Berhormat?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Dia curi, dia alihkan- bukanlah, bukan, tetapi saya hendak tahu sama ada pihak kementerian ada kah tidak rekod mengenai lampu-lampu jalan kampung ini? Oleh sebabnya yang ini pun penting untuk aset-aset dipihak kementerian sebab kes-kes ini terjadi. Bila terjadi, diperbincangkan, kita tidak ada sebab kita tidak ada rekod itu. Jadi, saya harap kementerian sebab duit ini, kelulusan ditentukan juga oleh pihak kementerian sebab itu kita asyik kurang, kurang, kurang. Ada sesetengahnya pula sampai berderet-deret pula lampu, ada sesetengah kampung tidak ada lampu langsung. Jadi, saya harap dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan isu berkaitan dengan infrastruktur di kampung ini sangat penting sebab ia menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi. Saya ingin tahu, sejauh mana peruntukan yang diberi di kawasan saya di Rantau Panjang? Sebab kawasan ini sempadan, terutama daripada segi lampu-lampu di sekitar sempadan sebab ini adalah sangat penting untuk keselamatan. Inilah yang mungkin diambil kesempatan oleh penyeludup dan sebagainya.

Begitu juga premis-premis yang melibatkan, terutama kawasan masuk-keluar lori, kalau di Rantau Panjang itu dekat dengan balai bomba, tempat *parking* lori-lori untuk transit kayu keluar ke sempadan, kawasan itu terlalu gelap. Jadi, saya berharap

semua perkara yang melibatkan kepentingan dan keselamatan ini diberi perhatian oleh kementerian. Begitu juga tentang pelebaran jalan. Apabila jalan kampung ini sempit, memberi kesesakan dan memberi masalah keselamatan. Jadi, saya harap peruntukan untuk pelebaran jalan ataupun naik taraf jalan kampung diberikan khusus terutama dalam Parlimen saya.

Saya ingin tahu, ada sahabat saya Yang Berhormat Tanah Merah. Tiang-tiang lampu dalam kawasan Tanah Merah diletakkan ini hasil usaha Ahli Parlimen Tanah Merah. Hampir setiap tiang lampu. Saya ingin tahu adakah ini memang prosedur dia kah atau macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang lagi kah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, untuk lampu terbakar itu, saya amat memahami, bukan sahaja Yang Berhormat Ahli Parlimen luar bandar, saya pun Ahli Parlimen luar bandar. *Insya-Allah*, kita akan memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini supaya tidak terlalu menunggu begitu lama selepas lampu terbakar dan sebagainya. Untuk rekod, lampu jalan memang kita ada. Soal tiang kena curi, saya ingat Yang Berhormat Parit Sulong je kot berlaku. Luar biasa ini, tempat lain tidak berlakulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, kalau kabel saya pernah dengar tapi kalau curi tiang...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tiang lampu.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Itu dekat Parit Sulong sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang, memang di kawasan-kawasan yang strategik, yang penting seperti kawasan persimpangan, kawasan-kawasan selekoh, bahaya dan sebagainya. Pada kali ini kita akan memberikan daripada segi meletakkan lampu yang berbeza. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan lampu jalan yang baru iaitu LED, kita akan letakkan di kawasan-kawasan yang melibatkan keselamatan. *Insya-Allah* kita akan beri pertimbangan secara keseluruhannya bagi lampu jalan di mana-mana kawasan sekalipun, *insya-Allah*. Daripada segi pelebaran jalan, saya ingat ini kita dalam tajuk lampu jalan, *insya-Allah* saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Gerik, terkilan pada Bajet 2016 diagihkan sama rata semua kampung tetapi kontraktornya ditentukan oleh TNB. Kenapa pada peringkat awal boleh sama banyak lebih kurang empat batang setiap kampung, tiba-tiba pelaksanaan dilambakkan kepada sebuah kampung 60 batang.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah melantik pihak TNB sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan Projek Lampu Jalan Kampung seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian hanya menetapkan siling kuota lampu jalan kampung bagi setiap negeri. Manakala agihan kepada setiap daerah dan kampung terlibat ditentukan oleh pejabat pembangunan negeri yang bertindak sebagai penyelaras di peringkat negeri. Jadi, kementerian memandang serius atas teguran Yang Berhormat kerana ada kawasan yang terlalu banyak dan terlalu sedikit. Kita akan melihat secara menyeluruh tentang dasar yang melibatkan lampu jalan kampung. Walaupun peringkat awalnya kita kata 31 buah kampung tetapi kita akan melihat daripada segi jumlah rumah yang terdapat di kampung tersebut, saiz kampung dan sebagainya, *insya-Allah* kita akan cuba selesaikan isu ini.

Isu kelapa sawit FELCRA. Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu berkaitan elaun untuk melawas pokok sawit dan buah sawit untuk diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang dimaksudkan pihak kerajaan memberikan elaun RM200 sebulan kepada penoreh getah. Kenapakah tidak kepada pekebun sawit ketika pokok sawit melawas iaitu kurang buah dan sebagainya? Ada sedikit perbezaan Yang Berhormat, melawas bermakna masih ada pendapatan. Ini Pengerusi FELDA mesti tahu perkara ini. Melawas masih ada, pendapatan mereka mungkin menurun RM500 atau RM1000 dan sebagainya tetapi masih ada. Berbanding dengan penoreh getah.

■2100

Sewaktu musim hujan berterusan terutamanya di Pantai Timur sebagai contoh, hujan berterusan mereka langsung tak boleh menoreh. Bermakna pendapatan mereka zero, kosong. Jadi sebab itulah pihak kerajaan memberi sumbangan, insentif sebanyak RM200 setiap bulan sewaktu musim tengkujuh kepada penoreh dan pekebun kecil. Itu bezanya. Walau bagaimanapun oleh sebab ada cadangan, ini kerana melibatkan kelapa sawit, melibatkan beberapa buah agensi dan kementerian, beberapa buah agensi seperti LGM, seperti MPOB dan sebagainya. Kita masih berunding dengan pihak-pihak agensi yang berkaitan. Yang Berhormat Kuala Selangor...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri hendak respons, boleh? Hendak tanya, hendak tanya. Bukan hendak respons, hendak tanya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih. Sikit sahaja, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya hendak tanya dengan pihak kementerian- terima kasihlah atas elaun untuk penoreh-penoreh getah yang dikatakan untuk musim tengkujuh dan juga melihat semula untuk elaun kelapa sawit yang dikatakan melawas ini. Cuma saya hendak tanya dengan pihak kementerian, adakah pihak kementerian memberikan juga bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ini terutamanya getah yang terlibat dengan kejadian-kejadian ribut dan sebagainya ini? Oleh sebab saya dimaklumkan malam tadi, di tempat saya ada berlaku kejadian ribut dan ada beberapa buah kawasan pekebun-pekebun kecil ini terlibat. Jadi bila mereka bertanya dengan pihak RISDA, RISDA memaklumkan tidak ada sebarang bantuan yang diberikan. Jadi kalau ada bantuan itu terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, kes-kes tertentu seperti ini *insya-Allah* saya akan bantu dan saya akan dapatkan laporan secara terperinci dengan pihak RISDA. *Insya-Allah*, kita akan pastikan.

Yang Berhormat Kuala Selangor memohon agar dipercepatkan penubuhan RTC di Kuala Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pembentangan bajet yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RTC Selangor merupakan RTC yang akan diwujudkan pada tahun 2017. KKLW telah mengenal pasti bangunan kerajaan milik pertubuhan peladang kawasan Kampung Sungai Buloh, Kuala Selangor yang berpotensi dijadikan RTC.

Buat masa ini KKLW sedang mendapatkan maklumat profil kawasan tersebut untuk merancang jenis perkhidmatan yang diperlukan dan aktiviti ekonomi yang bersesuaian dengan sumber dana yang ada. Pelaksanaan dijangka bermula pada awal tahun hadapan.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sementara Yang Berhormat Menteri memaklumkan tentang perkara pembinaan ataupun RTC di Kuala Selangor, saya terima SMS salah seorang rakyat dalam Parlimen Kuala Selangor dia minta saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas pengumuman yang begitu baik pada malam ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh dahsyat. Dahsyat Bera. Jangan main-main dengan Bera. *Mic, mic Bera, mic.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Tanjong Manis. Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Tanjong Manis juga memohon peruntukan bagi membina dan membaik pulih rumah usang dan daif di kawasan Parlimen Sabak Bernam dan rumah panjang di Tanjong Manis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa prihatin akan keperluan penyediaan kediaman yang selesa dan selamat kepada golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar. Pelaksanaan projek bina baru dan baik pulih di bawah program bantuan rumah atau PBR, atau PPRT Skim Permohonan Kesejahteraan Rakyat dipergiat dan diagihkan mengikut keperluan di sebuah kawasan berdasarkan kadar dan bilangan isi rumah dan miskin tegar dalam pangkalan data e-Kasih serta senarai nama yang diperakukan layak oleh *focus group* pembasmi kemiskinan negeri atau daerah.

Untuk tujuan ini, pihak kementerian bekerjasama dan memohon pihak kerajaan negeri supaya dapat menyediakan dan mengemukakan senarai cadangan nama penerima bantuan PBR kepada kementerian selewat-lewatnya pada penghujung Januari 2017. Bagi memastikan pelaksanaan PBR tahun depan dapat disegerakan. Jadi kita minta supaya *focus group* memberikan senarai tersebut selewat-lewatnya Januari 2017.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Kanowit, Kanowit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau saya hendak maklumkan. Kalau kita tidak mendapat senarai daripada *focus group* di penghujung Januari 2017 kita akan dapat terus- *direct* daripada Ahli-ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin di kawasan-kawasan yang berkaitan. Sekejap lagi ya Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oleh sebab ini melibatkan Sabak Bernam ini dan Tanjong Manis. Cuma saya hendak maklumkan kepada Parlimen Sabak Bernam, saya hendak maklumkan bagi tahun 2016 Sabak Bernam telah pun diperuntukkan sebanyak 121 unit rumah iaitu 18 bina baru dan 103 unit rumah untuk dibaikpulihan dengan peruntukan sebanyak RM1.853 juta. Untuk tahun ini seperti yang saya sebut tadi kita akan dapatkan senarai dan kalau lewat senarai tersebut saya akan minta daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengemukakan.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Okey, Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perumahan ini. Saya telah ada membuat pertanyaan berkenaan dengan pinjaman yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016. Ini saya nampak bagi Sarawak memang melibatkan rumah-rumah

panjang. Saya bercadang kalau peruntukan ini sebab sekarang ini pun kita tidak tahu sama ada ia sudah digunakan tetapi saya tidak pasti. Akan tetapi saya fikir kalau dapat dibawa kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah *directly involved* dengan rumah-rumah panjang terutamanya di Sarawak untuk pemikiran baru. *Thank you.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat atas kepercayaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk rumah panjang daripada segi pembinaan baru dan sebagainya ataupun baik pulih rumah panjang terletak di bawah kerajaan negeri. Ini kerana daripada segi dananya, daripada segi bantuannya diserahkan kepada kerajaan negeri untuk dilaksanakan. Jadi bukan di bawah kita. Termasuk soal pinjaman dan sebagainya bukan di bawah KKLW. Akan tetapi ke atas keyakinan Yang Berhormat untuk menyerahkan kepada KKLW, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Parit sulung, ada memohon - lapar punya fasal.

Yang Berhormat Parit Sulung ada memohon kementerian untuk bersedia bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir semasa musim tengkujuh kelak dalam usaha untuk meringankan bebanan yang dihadapi oleh mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan berencana adalah tertakluk di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara Nombor 20. KKLW akan memberikan tumpuan kepada bantuan pasca banjir iaitu pembaikan infrastruktur seperti jalan dan jambatan serta pembaikan rumah. Untuk rekod bantuan bagi bencana banjir 2014-2015, KKLW telah melaksanakan 20 projek jalan luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM59.05 juta dan pembaikan 5,997 buah rumah dengan peruntukan berjumlah RM45 juta.

Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Tasek Gelugor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh bertulis semua itu Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira sekianlah jawapan saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian. *Insya-Allah*, kepada yang tiada dalam Dewan ataupun yang baru masuk Dewan, *insya-Allah [Ketawa]* saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih, *insya-Allah*. Segala yang dicadangkan akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh

pihak kementerian. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Tepuk]*

■2110

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Kementerian Luar Negeri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

9.10 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang menyentuh isu-isu di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, semua yang terlibat dalam perbahasan berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semuanya lima Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh jawab, boleh tak jawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Ha, jadi saya rasa saya jawablah. Kalau tak jawab rasa macam tak berapa stim sangatlah. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibul yang telah membangkitkan berkaitan dengan implikasi *Nine-Dash Line* yang telah ditetapkan oleh negara China kerana ini dikatakan memberi impak kepada tuntutan bertindih Kepulauan Spratly dan kesan kepada perairan Sarawak dan dalam hal ini mengapakah Malaysia tidak mengiktiraf International Arbitral Tribunal yang telah diputuskan di mahkamah antarabangsa di *The Hague*.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan, kestabilan dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan berserta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Dalam konteks ini dengan izin, *non-militarization and self-restraint* amat-amat diutamakan bagi memastikan keamanan, kestabilan di rantau ini. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia konsisten berpendirian bahawa semua tuntutan dan penyelesaian hendaklah diusahakan secara

aman berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut 1982, ataupun *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penghakiman dengan izin, *award* yang diberi oleh Tribunal Timbang Tara di *The Hague* pada 12 Julai 2016, kerajaan telah mengeluarkan satu kenyataan melalui Kementerian Luar seperti yang saya nyatakan tadi, Malaysia berpendirian semua tuntutan perlu diselesaikan dan diusahakan secara aman mengikut lunas undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982. Sehubungan itu, tidak timbul isu bahawa Malaysia tidak mengiktiraf *award* yang diberikan oleh Tribunal Timbang Tara pada 12 Julai 2016.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang khusus di isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Perondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara. Segala isu akan diteliti daripada segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif. Seperti mana yang telah pun ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab Pertanyaan Jawapan Lisan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada 17 Oktober 2016 yang lalu, ingin ditegaskan bahawa walaupun kerajaan mengambil pendekatan *non-confrontational*, dalam isu Laut China Selatan, kerajaan tidak akan sesekali berkompromi dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah berkepentingan dan kedaulatan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Setiawangsa bangun, Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Klang juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh, dan Yang Berhormat Klang ya.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka, sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, dengan perkembangan baru-baru ini yang kita dapat lihat bahawa perhubungan di antara negara China dengan Malaysia lebih rapat terutama dalam laporan dan juga tentang penglibatan bersama dalam beberapa bidang. Ingin saya tanya, nampaknya kita mula

beli *vessel* jika saya tak salah *littoral mission vessel* dari negara China. Ini mungkin kali pertama yang kita buat ini. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, dengan perkembangan baru ini, adakah kedudukan negara kita telah berubah kerana perkembangan yang baru ini. *Is it a change the ship on* kita punya *foreign policy regarding to this*. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sememangnya Malaysia mengamalkan dasar luar yang pragmatik. Kita melihat bahawa dasar luar kita mengikut suasana yang sedang berlaku. Saya hendak maklumkan bahawa hubungan kita dengan China sudah bermula seawal tahun 1974 dan hubungan ini sebenarnya telah memberi suatu kesan yang cukup *significant*. Terdapat satu dua artikel yang pernah ditulis yang boleh saya kongsi di Dewan ini yang berkaitan dengan bagaimana hubungan China dengan Malaysia ini diberi begitu penghormatan oleh negara China.

Antaranya ialah kerana pertamanya dikatakan ketika China berada dalam suasana *closed economy* dan negara dia sedang berada dalam pertumbuhan yang tidaklah begitu tinggi. Antara usahawan pertama yang sampai ke sana dan yang membuka dan mengembangkan perniagaan Robert Kuok dan Robert Kuok ini telah memberi suatu impak yang cukup besar kepada ekonomi China.

Sebab itulah bilamana China meningkat naik dalam tempoh 10 tahun yang kebelakangan ini, Malaysia diberi antara perhatian utama kerana pembabitan Malaysia yang pada awal ketika negara serata dunia tidak memandangkan kepada China. Demikian juga ada seorang lagi yang diberi nama Tan Kah Kee, orang yang mengasaskan *Xiamen University* di China. Orang Malaysia tetapi dialah yang membuat universiti di China. Ini disebut di dalam satu dua artikel tentang bagaimana pentingnya Malaysia kepada China. Jadi jangan kita lihat bahawa kita sahaja memandang bahawa China penting tetapi China juga mengiktiraf kita.

Selain daripada itu, tentulah kita tahu bahawa China adalah *the largest trading partner* ke Malaysia. China adalah *the largest trading partner to all ASEAN*. China juga merupakan negara yang mempunyai *the highest purchasing power of parity* dan China juga telah mencatatkan FDI di luar negara dengan jumlah yang cukup tinggi dan dikatakan *external debt America* pada jumlah yang saya tak dapat nyatakan secara spesifik, hampir 25 peratus ke-30 peratus *are subscribe by the Chinese from China*. Demikianlah *significantnya* China kepada dunia. Maka hubungan untuk kita adakan bersama China dalam konteks tersebut tentulah menjadi cukup-cukup *significant*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Berkaitan dengan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Soalan dari Yang Berhormat Klang.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, saya ada dua soalan. Soalan pertama seperti berikut, negara yang membawa negara China ke Timbang Tara di *The Hague* adalah Filipina dan selepas keputusan timbang tara di *The Hague* yang mengatakan bahawa *China was wrong and China needs to follow the rules of law*, semua negara dalam dunia termasuk beberapa buah negara di ASEAN terima tetapi *Cambodia* tak terima, Laos tak terima. Saya terima pandangan Yang Berhormat bahawa Malaysia terima *the rules of law but for the Chinese, they don't accept the rules of law. So it's very clear from their perspective*, perspektif negara China *super power* sekarang dan juga *dominate South East Asia* bahawa *they are the rules of law and they do not have to follow*, tidak terpaksa mengikut UNCLOS.

■2120

So, soalan saya di sini Yang Berhormat ialah, kita dapati satu *super power* di tengah-tengah *South East Asia* yang ada banyak sokong di negara-negara seperti *Cambodia*, Laos dan negara lain dan sekarang mereka tidak mengiktiraf keputusan yang telah dibuat oleh *The Hague*. So, apakah peranan Malaysia dalam ASEAN untuk menegakkan *the rule of law* dalam konteks ASEAN lah? Pertama.

Isu yang kedua saya bangkit Yang Berhormat, ialah berkait dengan satu artikel yang telah ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Pekan, dan ini telah dikeluarkan dalam *China Daily.Com...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu baharu atau pun isu dalam perbahasan Yang Berhormat?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Sama, sama, sama, ini berkait dengan apa Yang Berhormat Menteri bangkit tadi.

Beliau mengatakan bahawa dalam satu paragraf ini, dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, kena baca Yang Berhormat, "*More generally, we believe it is incumbent upon larger countries to treat smaller ones fairly and this includes formal colonial powers.*" Ini banyak petikan saya nampak di semua *online* dan sebagainya. "*It is not for them to lecture countries they once exploited on how to conduct their own internal affairs today*". Soalan saya adalah *simple*. Adakah ini mengatakan kepada Amerika Syarikat, *mind your own business, don't tell us what to do? Thank you.*

Dato' Seri Reezal Merican: Sebagaimana yang saya sebut tadi- okey soalan yang pertama berkaitan dengan timbang tara tadi. Sebenarnya timbang tara ini dibawa oleh Filipina secara *unilateral* bukan secara *bilateral*, sebab ketika mana dibawa, *China from the beginning was not agreeable to that*, dengan izin. Jadi bila mana dibawa ia merupakan instrumen yang diiktiraf di bawah UNCLOS. Bilamana telah diberi *award* soal *implementation*, itu hanya didasarkan kepada persetujuan dua buah negara. Ingin saya ingatkan bahawa perkara ini dibawa oleh pentadbiran Kerajaan Filipina di bawah liberal parti di bawah Aquino yang lalu, bukan di bawah Duterte.

Namun perkembangan-perkembangan yang terbaru ini menampakkan ada perbezaan pendekatan sebagaimana yang mungkin Yang Berhormat tahu. Dan yang keduanya apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebagai satu *signal* bahawa kita tidak tunduk kepada mana-mana tekanan negara kepada siapa kita hendak berkawan, kepada siapa kita hendak jalinkan hubungan diplomatik untuk mempertingkatkan *to intensify any kind of relation* demi kepentingan negara kita. Oleh sebab itu kata *that is not incumbent upon the colony to lecture us*, I tahu keluar dalam *China Morning I think, Morning Post*. So itu adalah antara *signal* yang dihantarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang *independent* yang kita ada dan *this is what we are*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kepala Batas.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan- *short question now, one short question. Short question.*

Dato' Seri Reezal Merican: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya bangkit isu ini sebab Malaysia pun ada *claimed* dekat *South China Sea*. So, adakah kita akan pergi ke UNCLOS ataupun kita akan menggunakan cara China iaitu *bilateral*?

Dato' Seri Reezal Merican: Kita kena cuba faham secara keseluruhannya. Semua daripada negara yang terlibat dalam *claimant states*, Vietnam, Malaysia, Brunei dan juga Filipina termasuk China kita sudah *agree* bahawa kita akan guna pendekatan yang menekankan aspek-aspek, pertama, mengekalkan keamanan dan kestabilan. Oleh sebab itu, salah satu daripada kita tekankan yang pertamanya adalah, kita

supaya kita pastikan ada yang dikatakan DOC iaitu *Declaration of Conduct* yang ditandatangani pada tahun 2002. Itu hanyalah *political document*.

Akan tetapi lebih penting kita sedang dalam perancangan ataupun sedang mengemas kini untuk menandatangani COC iaitu *Code of Conduct* dan negara China dalam sidang kemuncak yang baru-baru ini di Vientiane telah menyatakan secara progresif, secara komited bahawa, *they want the COC to have a timeline*. Kita tak mahu terlalu panjang *and* dia menetapkan bahawa tahun 2017 adalah *timeline* untuk *the framework of the COC* untuk difinalise.

Kedua, negara-negara ASEAN bersama dengan China juga telah bersetuju untuk mewujudkan apa yang dinamakan *hot line* di kalangan SOM ataupun *Senior Official Ministries* di mana di kalangan dengan adanya *hotline* ini mereka boleh dapat berhubung dan mewujudkan *communication line* yang akan menyebabkan berlakunya kalau ada berlakunya sesuatu *unrest situation there will be an emergency response to that*.

So kalau kita lihat inisiatif-inisiatif ini, sebenarnya inisiatif-inisiatif yang bersifat *reconciling* tidak bersifat *confrontational* dan ini satu perkembangan yang positif. Sebab kalau apa-apa pertindihan, apa-apa tuntutan, apa-apa *dispute*, yang pentingnya proses itu masih menjamin pengekal kestabilan dan keamanan. Jadi...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Dato' Seri Reezal Merican: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Okey.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kepala Batas. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebenarnya akhir-akhir ini saya setuju walaupun UNCLOS itu dibuat secara *unilateral* tetapi akhirnya bila pertukaran *government* di Filipina dan baru-baru ini lawatan Duterte ke China, saya difahamkan jumlah pelaburan *committed from China is USD24 billion. There is a big huge of sum*.

Saya difahamkan dalam dua tahun ini Presiden Indonesia lima kali pergi China dan Malaysia *alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat buat inisiatif yang baik, kita tahu RM143 bilion telah pun ditandatangani dan sebenarnya ini tidak unik di *South East Asia*. Sebenarnya kita terlambat. Portfolio *South Asia* terlambat. Maknanya *Central Asia, Eastern Europe, MENA Middle East, and North Africa*, dan *East Asia* telah mendapat jumlah yang besar dan kita tahu China mempunyai *USD4.5 trillion* dan

sebagaimana Yang Berhormat Menteri cakap tadi *30 percent of US punya serving bond is subscribed by China*, dengan izin.

Jadi tidak salahlah kalau kita melihat ini sebagai satu peluang dan di Myanmar, Cambodia dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam Yang Berhormat berkata *ASEAN Century* ini atau Abad Asia, kita melihat interaksi dalam lima sudut saya sebut. Nombor satu, *government-to-government*; keduanya, *agency-to-agency*; ketiganya, *SOE-to-SOE*; atau *GLC-to-GLC* sama ada *Federal* ataupun *state*; keempatnya, *private sector-to-private sector*; dan kelima, yang paling penting bagi pendapat saya untuk mengelakkan rasa ketidakselesaian ialah, *people-to-people*. Jadi, adakah kerajaan bercadang melihat kelima-lima tunggak ini sebagaimana interaksi yang lebih konstruktif dengan negara China? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Sememangnya itulah menjadi pendekatan. Di peringkat ASEAN memang kita memberi penekanan tiga, pertamanya, *G-to-G, B-to-B and also people-to-people*. Ia akan menjadikan hubungan ASEAN lebih *cohesive* bersama dengan China dan akan merancakkan pertumbuhan ekonomi yang jauh lebih baik di rantau ini.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang bangun Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, seperti yang dikata oleh Yang Berhormat Kota Tinggi tadi dengan perhubungan dengan China baru-baru ini, dengan FDI dan juga kita melihat akan membeli *petrol vessel* dan *defence weapons* daripada China. Adakah ini akan memberikan satu kesan di mana menjejaskan kebolehan kita untuk perbincangan tentang Pulau Layang-layang dan Spratly Islands dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato' Seri Reezal Merican: Tidak timbul sebab dalam setiap mana yang kita sebut tadi, sebab itulah yang disebut oleh Yang Berhormat Klang tadi dalam kenyataan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun EU dan Amerika Syarikat juga merupakan rakan dagangan yang tidak kurang kecilnya malahan yang kedua dan ketiga besar tetapi hakikatnya *signal* kita hantar bahawa dalam apa juga soal, soal kepentingan negara diberi penitik berat dan diberi penekanan dan kita tidak tunduk dalam bila soal ia membabitkan soal *sovereignty*, dan soal kepentingan untuk negara.

Baik, saya hendak pindah kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut berkaitan dengan..

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Seri Reezal Merican: Berkaitan dengan Pulau Pisang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat, boleh kalau tiada Yang Berhormat bertanya, kita jawapan bertulis?

Dato' Seri Reezal Merican: Itulah saya kata tak '*stim*' Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sudah 20 minit ini, '*stim*' dah kot *[Ketawa]*

Dato' Seri Reezal Merican: Okey, saya *foreplay* lama sikit... *[Dewan ketawa]*

Okey, apa nama- soal apa nama...

■2130

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Sudah 20 minit, kalau tidak *stim* lagi tidak tahulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Seri Reezal Merican: Jenis mamak, macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Tidak, ini luar negara, isu luar negara.

Datuk Seri Reezal Merican: Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Seri Reezal Merican: Soalan seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, juga tidak ada. Soalan yang seterusnya dibangkitkan yang terakhirnya oleh Yang Berhormat Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Tidak ada juga.

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak ada. Jadi terima kasih saya akur kepada permintaan daripada Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dan *insya-Allah* akan digunakan sebaik mungkin bagi memartabatkan nama Malaysia di arena antarabangsa dan juga melalui hubungan diplomasi antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Saya Yang Berhormat, saya bercadang untuk menghabiskan sehingga Kementerian Sumber Manusia. Jadi setengah jam boleh Yang Berhormat? Mana yang tiada dalam Dewan jawapan bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya mesti hantar Yang Berhormat Seputeh. Sila.

9.31 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang lalu.

Sepanjang perbahasan, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Sepanggar dan Yang Berhormat Bukit Katil telah membahaskan sebanyak enam perkara yang akan saya jelaskan pada malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kedai Rakyat 1Malaysia. Isu pertama mengenai kualiti barangan di Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ranau. Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan pelbagai barangan keperluan isi rumah berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat atau 1MKR pada harga yang lebih rendah berbanding jenama lain di pasaran.

Walaupun pada harga yang rendah, keselamatan dan kualiti produk 1MKR tidak sesekali diabaikan. Setiap produk makanan yang dijual di KR1M mestilah mempunyai sekurang-kurangnya pensijilan makanan, selamat tanggungjawab industri ataupun mesti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau persijilan yang lebih tinggi seperti *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)*, dan *Good Manufacturing Practice (GMP)*.

Manakala produk-produk lain perlu mematuhi peraturan atau akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan. Kementerian senantiasa memantau kualiti produk 1MKR dan sekiranya terdapat produk yang tidak mematuhi peraturan tersebut, ia tidak dibenar untuk dipasarkan di KR1M. Kementerian ini tidak akan berkompromi

dengan mana-mana syarikat pembekal yang melanggar apa-apa peruntukan perundangan yang berkuat kuasa dan akan mengambil tindakan tegas mengeluarkan syarikat tersebut daripada menjadi pembekal di KR1M sekiranya didapati bersalah melanggar akta yang berkaitan.

Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk menambah bilangan KR1M di Parlimen Ranau. Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, kini terdapat sebuah KR1M yang beroperasi di Parlimen Ranau iaitu di DUN Paginatan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai KR1M. Kementerian akan mempertimbangkan kesesuaian cadangan Yang Berhormat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penandaan logo produk Muslim. Isu seterusnya cadangan Yang Berhormat Padang Besar supaya KPDNKK mengeluarkan logo produk Muslim untuk produk-produk yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha Muslim.

Untuk makluman Yang Berhormat, perintah perihal dagangan, perakuan dan penandaan halal 2011 memperuntukkan hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam bagi Negeri-negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai pihak berkuat kuasa atau *authority* yang berwibawa memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan ataupun barang-barang itu adalah halal. Dalam kata lain hanya MAIN, JAIN sahaja badan selain JAKIM yang boleh mengeluarkan pensijilan berkaitan halal di Malaysia.

JAKIM juga boleh mengiktiraf mana-mana makanan dan barang-barang import yang diperakukan sebagai halal oleh badan pensijilan halal luar negara sebagaimana dinyatakan pada Jadual Pertama dalam perintah tersebut. Perlu dijelaskan bahawa KPDNKK telah menamakan JAKIM sebagai pihak yang berwibawa bagi tujuan memperakukan sijil halal. Manakala logo halal bagi semua produk makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubungan dengan pembekalan barang-barang.

Walaupun bagaimanapun, isu berkenaan barang-barang atau perkhidmatan yang mempamerkan sesuatu maklumat yang mengelirukan pengguna, ia masih lagi dipertanggungjawabkan di bawah KPDNKK melalui Akta Perihal Dagangan 2011. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang tanda khas untuk produk-produk Muslim untuk mengingatkan para pengguna terkeliru dengan tanda halal yang sedia ada dikeluarkan oleh pihak berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang ketiga, jurang harga barang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Mengenai isu jurang harga di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Ranau dan Yang Berhormat Kota Kinabalu, kementerian mengambil maklum akan isu *price divergence*, dengan izin. Wujudnya harga barangan di Sabah dan Sarawak yang lebih tinggi daripada Semenanjung antara lain disebabkan oleh kos pengangkutan memandangkan kebanyakan pengeluar produk berada di Semenanjung.

Tambahan pula kos pengangkutan darat di Sabah dan Sarawak yang tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk di kawasan-kawasan pedalaman yang terletak jauh dari bandar. Bagi membantu rakyat di Sabah dan Sarawak, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan harga barangan keperluan asas iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair, petrol RON 95 dan diesel adalah seragam seperti di Semenanjung melalui program penyeragaman harga dan program 1Malaysia 1Harga.

Pada masa yang sama, inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dinyatakan sebelum ini juga berperanan penting dalam memastikan seluruh rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pelbagai barangan pada harga yang berpatutan.

■2140

Program penyeragaman harga akan diteruskan pada tahun hadapan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup. Isu seterusnya adalah daripada Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sepanggar bertanyakan tindakan-tindakan kementerian dalam menangani isu kos sara hidup. Kerajaan amat prihatin akan keperluan rakyat terutamanya isu kos sara hidup kerana ia merupakan salah satu agenda utama yang ingin dicapai oleh kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai kos sara hidup rakyat bagi melihat secara holistik meliputi pelbagai sektor termasuk makanan, pengangkutan, perumahan dan infrastruktur.

Umpamanya kerajaan sedang membangunkan prasarana *Mass Rapid Transit* (MRT) bagi memberi kemudahan pengangkutan yang menjimatkan kepada rakyat. Kerajaan juga membangunkan infrastruktur seperti Yang Berhormat sedia maklum Lebuhraya Pan Borneo yang sedang dalam pembinaan bagi meningkatkan jaringan perhubungan antara Sabah, Sarawak termasuk Brunei bertujuan untuk memberi kemudahan mobiliti kepada rakyat negeri-negeri berkenaan serta membawa keluar produk-produk untuk dipasarkan. Ini akan menjana pendapatan penduduk serta mewujudkan pembangunan kawasan setempat.

KPDNKK juga secara NBOS melaksanakan beberapa program seperti *MyFarm Outlet* dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) untuk memenuhi keperluan pengguna bagi mendapatkan pilihan bekalan hasil pertanian

yang berkualiti pada harga yang lebih menjimatkan. *MyFarm Outlet* juga menjadi platform untuk mengetengahkan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan. Pada masa yang sama PKS juga dibantu secara bersama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Bagi sektor-sektor tertentu di bawah KPDNKK, kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat. Antaranya ialah:

- (i) projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) bagi meningkatkan tahap daya saing peniaga dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif;
- (ii) Skim Pembiayaan Francais dan program *Business in Transformation* melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang menyediakan perkhidmatan latihan dan pembiayaan untuk membantu para peniaga menjana pendapatan yang tinggi dalam bidang yang francais; dan
- (iii) program *Co-Operative Strategic Linkages* oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk meluaskan rangkaian dan skala ekonomi perniagaan koperasi melalui pengeluaran produk atau barangan keperluan.

Kementerian juga mengawal selia pelbagai aktiviti melalui 31 akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK dan agensi-agensi di bawahnya merangkumi antara lain kualiti barangan, kawalan harga barangan dan bekalan, persaingan, perlindungan pengguna dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ketirisan barangan subsidi di sempadan. Mengenai isu ketirisan barangan subsidi di sempadan yang dibangkitkan...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, sebelum masuk subsidi, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, Yang Berhormat Kapar, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan contoh mengenai MRT, Lebuhraya Pan Borneo, *MyFarm Outlet* dan skim-skim lain. Terima kasih.

Akan tetapi saya ingin balik kepada barangan-barangan asas seperti ikan, ayam dan telur dengan kenaikan harga minyak sekarang meningkatkan harga barang. Harga barang ini memang berkait sangat dengan kos sara hidup. Dalam teks ucapan saya, itu yang saya maksudkan. Akan tetapi contoh-contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *with due respect* adalah item-item yang lebih besar. *I am not actually*, dengan izin, bukan *addressing* item-item yang lebih besar. *I'm going to basic* benda-benda yang kecil seperti sayur-sayuran, telur dan barang keperluan harian yang itu menjadi persoalan. Itu yang pertama.

Kedua, kawalan harga barang. Ada beberapa buah restoran yang telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Harga ambil sesuap nasi dengan seketul ayam dan sayur RM14 hingga RM15. Saya difahamkan Yang Berhormat Batu Gajah yang ada dalam *Hansard*, dia mangsa di salah sebuah restoran di sekitar Kuala Lumpur. So, benda macam ini tiada kawalan secara menyeluruh. Saya hargai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang ya Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Dua-dua sekali, saya *cover* semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So, bila hendak kawal memang ada kemusykilan, kesukaran, saya akui. Akan tetapi saya minta dalam ucapan saya tempoh hari yang kawalan ini kena menyeluruh.

Ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kualiti barang yang saya tekankan. Saya bagi satu contoh berapa *rate* yang telah dilakukan oleh Pejabat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana- ambil contoh rokok. Rokok yang dijual *Dunhill is* bukan *Dunhill* yang sebenarnya. Bukan mengandungi kualiti yang sebenarnya. Ada tidak *rates* sebegini telah dilakukan? Saya tidak menghisap rokok tetapi inilah aduan-aduan yang telah sampai kepada saya. Ulasan daripada ketiga-tiga persoalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya semua barangan keperluan harian ini memang pun diambil berat oleh pihak kerajaan dan kementerian dan di bawah Program Penyeragaman Harga Barangan seperti barangan keperluan harian, beras, gula, minyak masak, tepung gandum termasuk gas cecair LPG dan lain-lain adalah terletak di bawah penyeragaman harga. Item-item ini senantiasa dipantau daripada segi harganya oleh pihak penguat kuasa.

Mana-mana pihak yang melanggar undang-undang di bawah penyeragaman harga ini akan dibawa ke mahkamah. Contohnya orang perseorangan atau syarikat perkongsian yang sengaja ataupun menjual barangan dengan keperluan ini dengan

sewenang-wenangnya boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Jika syarikat dendanya sehingga RM3 juta. Inilah perundangan yang ada dan agensi di bawah kementerian senantiasa memantau daripada segi harga barangan keperluan setiap hari ini. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak ada yang bertanya, Yang Berhormat. Habis sudah?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Satu penjelasan sahaja. Penjelasan, dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan izin. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. Saya izin.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya difitnahkan hari ini mengatakan saya mencadangkan bahawa pelacuran dibenarkan atau *di-legalized*. Ini ada dalam beberapa buah portal hari ini dan sedang disebar. Dalam ucapan saya tempoh hari tidak pernah di mana-mana di dalam mahupun di luar Dewan saya mengatakan pelacuran *di-legalized* kan untuk golongan miskin menyara hidup. Itu kenyataan yang salah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya ruang untuk penjelasan ini. Terima kasih.

■2150

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, yang ini tidak ada kaitan dengan kementerian. Tuan Yang di-Pertua, ketirisan barangan subsidi di sempadan. Mengenai isu ketirisan barangan subsidi di sempadan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah, kementerian tidak menolak kemungkinan berlakunya penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi termasuklah di Kelantan.

Tindakan undang-undang yang telah diambil di negeri-negeri sempadan iaitu Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak berhubung dengan barang-barang kawalan berjadual pada tahun 2015 sebanyak 280 kes dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM7 juta. Bagi tahun 2016 iaitu sehingga bulan September sebanyak 288 kes telah dicatatkan dengan rampasan dianggarkan bernilai RM4.5 juta.

Berhubung dengan isu rasuah yang dibangkitkan KPDNKK sentiasa memberi perhatian serius dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai yang terlibat dalam gejala rasuah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sipitang pula...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanah Merah bangun.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu penyeludupan di sempadan sebab saya negeri Kelantan khususnya di kawasan Rantau Panjanglah yang paling teruk penyeludupan. Saya tahu memang sukarlah kita hendak bendung. Walau bagaimanapun, saya baca dalam *paper*, dalam akhbar *Utusan Malaysia*, rasanya kes di mana campak duit. Saya harap sangatlah kawasan-kawasan yang di sempadan Perlis, Kedah, Kelantan ini pemantauan perlu lebih ketat kerana kita tahu sekarang dengan harga minyak, minyak banyak diseludup di luar. Jadi walaupun ia sukar tetapi saya harap sangat KPDNKK mungkin bersama dengan pihak imigresen, pihak UPP harus dilipatgandakan khususnya waktu-waktu yang tengah kritikal ini. Harga orang ramai mengeluh tentang kesukaran untuk mendapat minyak masak yang bersubsidi. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai penyeludupan di kawasan sempadan, pihak Kementerian KPDNKK tidak mempunyai kuasa sebenarnya dan yang terlibat di sana, di kawasan sempadan ialah Jabatan Imigresen yang ada. Jadi setiap kenderaan ataupun orang-orang yang membawa barangan yang ditegah ini seharusnya melalui kastam yang ada di sana. Sekian.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Sedikit lagi, sedikit lagi ya. Yang Berhormat Menteri contohnya, ini saya dapat SMS. Dia kata pada hari Sabtu dalam akhbar melaporkan kegiatan penyeludupan telah menyebabkan 1.6 juta kilogram minyak masak bersubsidi telah diseludup ke negara jiran dari Perlis sahaja. Sebanyak 1.6 juta kilogram minyak masak bersubsidi dari negeri Perlis. Ini tidak termasuk lagi seperti Kelantan dan Kedah. Jadi itulah saya harap sangatlah pihak KPDNKK, kementerian dapat menangani isu ini membendung kegiatan tersebut kerana ia menyebabkan kita, kerajaan rugi berjuta-juta ringgit setiap bulan. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat ini akan kita ambil maklum dan pihak kerajaan tentu sekali tidak akan membiarkan perkara seperti ini berlaku. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat boleh? Rantau Pajang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan apakah dari sudut kekangan kakitangan yang menyebabkan kurang keberkesanan pengawalan kita terutama di sempadan. Ini sebab kalau kita pergi ke seberang negara Thai di sepanjang jalan boleh dikatakan jualan barangan bersubsidi dari Malaysia dijual. Termasuk minyak petrol, diesel, termasuk juga tepung, termasuk juga gula, minyak masak. Jadi mereka buat *business* dengan barangan bersubsidi kita. Perkara ini berlaku sudah sekian lama jadi sejauh mana keberkesanan pemantauan. Ini sebab saya melihat perkara ini hari-hari ini berlaku sebab sempadan dengan kawasan saya.

Jadi sejauh mana kerjasama yang dibuat oleh pihak kementerian dan juga pihak imigresen dan juga pihak keselamatan kita. Untuk memastikan tidak berlakunya rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa sehingga berleluasanya menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit, hasil barangan bersubsidi negara kita dinikmati oleh rakyat asing. Minta penjelasan.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Makluman ini akan pihak kerajaan dan kementerian ambil maklum kerana sebelum ini khususnya pihak KPDNKK tidak pun menerima apa-apa maklumat mengenai perkara ini dan akan diambil tindakan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat saya keliru apabila sebut tidak tahu sedangkan beberapa kali kita sebut dalam Dewan. Takkan tidak ada pegawai yang lihat perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, kita ambil maklum tentang perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sipitang pula mencadangkan supaya diperbanyakkan aktiviti penguatkuasaan secara rambang terutamanya melibatkan barangan bersubsidi seperti minyak masak. Kementerian senantiasanya menjalankan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan tanpa menunggu aduan. Ia dilakukan secara berjadual dan juga secara mengejut berasaskan kepada maklumat orang ramai, maklumat risikan dan pelbagai sumber lagi. Berhubung dengan barang-barang keperluan rakyat termasuk minyak masak. Kementerian sentiasa mengambil pelbagai langkah untuk memastikan rakyat boleh mendapat bekalan di pasaran dengan harga yang berpatutan.

Peningkatan penguatkuasaan dan pemantauan telah memberi impak yang diharapkan di mana untuk tempoh beberapa tahun kebelakangan ini tidak lagi berlaku gangguan bekalan seperti gula, minyak masak atau tepung gandum yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya jawapan yang lain jawapan secara bertulis Yang Berhormat. Habiskan muka surat yang terakhir.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, satu perkara yang saya ingin maklumkan mengenai penyeludupan tadi. Kementerian KPDNKK kami, *tagline Friend of KPDNKK*. Sesiapa ataupun pihak-pihak yang mengetahui tentang penyeludupan digalakkan supaya melaporkan kepada pihak penguat kuasa ataupun pihak KPDNKK. Mengenai apa-apa masalah ataupun penyeludupan yang berjalannya. Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi iaitu pemantauan dan penguatkuasaan minyak masak. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Bukit Katil mengenai pemantauan dan penguatkuasaan ke atas minyak masak.

Pemantauan ke atas bekalan dan harga barang-barang keperluan khususnya barang-barang kawalan bersubsidi termasuk minyak masak dilaksanakan secara berterusan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa KPDNKK di seluruh negara. Pemantauan turut dilaksanakan oleh pegawai-pegawai pemantau harga. Isu kesukaran mendapat bekalan minyak masak yang berlaku sekarang disebabkan oleh pembelian panik yang dilakukan oleh orang ramai. Tidak dinafikan terdapat juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengaut keuntungan dalam situasi ini dan kesemua mereka yang dikesan melakukan kesalahan telah diambil tindakan di bawah undang-undang.

■2200

KPDNKK memberi perhatian utama berhubung isu ini dan telah menubuhkan sebuah *task force* pada 21 Oktober 2016 untuk melaksanakan operasi khas secara besar-besaran di seluruh negara bagi membanteras sebarang kegiatan penyelewengan minyak masak.

Menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping, dijelaskan di sini bahawa kerajaan tidak pun menghapuskan subsidi. Walau bagaimanapun, rasionalisasi subsidi dilakukan dapat memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih sama ada untuk memperoleh minyak masak yang bersubsidi atau minyak masak yang dipasarkan mengikut harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian dalam perbincangan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sila kak [*Ketawa*]

10.01 mlm.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adik. Ramai adik dalam Dewan ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan. Akan tetapi malam ini ada empat orang sahaja adik, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya akan respons kepada empat orang ini.

Bagi tahun depan, kementerian diperuntukkan sejumlah RM1.976 bilion berbanding dengan RM1.986 bilion pada tahun ini. Penurunan sejumlah 0.5 peratus atau RM10 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.747 bilion adalah di bawah peruntukan mengurus manakala RM230.2 juta adalah di bawah peruntukan pembangunan. Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesyorkan supaya ditambah peruntukan kepada kementerian. Terima kasih. Memang ini sangat-sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Parit Sulong ada menyatakan mengenai penyusutan peruntukan kementerian dan permohonan bajet tambahan. Terima kasih. Kementerian menerima cadangan bajet yang diperakukan oleh Kementerian Kewangan walaupun terdapat sedikit pengurangan berbanding peruntukan tahun ini. Pengurangan ini tidak dapat dielakkan memandangkan terdapat kekangan kewangan yang diunjurkan akan dihadapi oleh kerajaan. Bagi mengatasi pengurangan, kementerian akan mengamalkan pendekatan inovatif dan, *insya-Allah*, akan berkolaborasi melaksanakan program dan projek bagi kumpulan sasar melalui pendekatan NBOS di samping mengamalkan langkah-langkah perbelanjaan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat Tanah Merah, ada membawa isu pemantauan bantuan warga emas. Pemantauan kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dibuat pada setiap masa melalui sistem yang mana kita

menggunakan sistem untuk menamatkan bantuan secara automatik sekiranya penerima telah meninggal dunia. Di samping itu, pemantauan juga dilakukan secara berkala oleh pegawai kes dengan menggunakan kaedah kerja kes dan siasatan bagi menilai perubahan status sosioekonomi penerima bantuan daripada segi pendapatan dan perbelanjaan bulanan. Setiap bantuan bulanan hanya diluluskan untuk tempoh satu tahun. Kaji semula akan dibuat tiga bulan sebelum tamat tempoh bagi menentukan status kelayakan supaya bantuan ini hanya diberikan kepada golongan yang benar-benar layak.

Saya *skip* sebab ramai tidak ada. Bagi Yang Berhormat Tanah Merah dan juga Yang Berhormat Parit Sulong mengenai Pusat Aktiviti Warga Emas. Bagi memastikan Pusat Aktiviti Warga Emas dapat beroperasi dengan baik, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan geran operasi berjumlah RM33,330 setahun kepada setiap Pusat Aktiviti Warga Emas. Jumlah geran operasi Pusat Aktiviti Warga Emas yang disalurkan setiap tahun hanya untuk membantu menampung sebahagian perbelanjaan bagi Pusat Aktiviti Warga Emas.

Jawatankuasa Pengurusan Pusat Aktiviti Warga Emas setempat perlu memainkan peranan yang aktif dalam mendapatkan dana atau derma bagi menampung keperluan kewangan Pusat Aktiviti Warga Emas. Program dan aktiviti serta kemudahan yang disediakan di Pusat Aktiviti Warga Emas adalah bergantung pada kreativiti ahli jawatankuasa di Pusat Aktiviti Warga Emas tersebut dengan mengambil kira keperluan dan juga kehendak warga emas yang hadir di Pusat Aktiviti Warga Emas tersebut. Bajet tahun 2017 telah meluluskan lapan buah lagi Pusat Aktiviti Warga Emas yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Parit Sulong ada bertanya mengenai latihan kepada warga emas. Kementerian menyediakan latihan kepada warga emas melalui pembelajaran sepanjang hayat. Tujuan pembelajaran sepanjang hayat bukanlah hanya untuk pekerjaan semata-mata tetapi juga untuk memastikan warga emas kekal aktif dan produktif melalui penglibatan mereka dalam aktiviti sosioekonomi dan kebudayaan setempat dan pada hari tua. Pelaksanaannya melibatkan pelbagai kementerian dan agensi seperti kolej komuniti yang menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat kepada semua peringkat usia termasuk warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma nak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Sulong, berlari-lari dari luar. Ya, sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya buat 10,000 langkah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tahniah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya nak tanya. Terima kasih atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Di samping pusat untuk penjagaan warga emas ini, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri mengenai kalau sekiranya warga emas itu tidak mempunyai sesiapa, maknanya dia tinggal kat sana itu sendiri, warga emas punya *home*. Jadi saya nak tanya adakah pihak kementerian merancang untuk membuat lebih banyak lagi pusat-pusat orang tua ini di mana orang tua itu akan tinggal di sana. Sebabnya saya tengok sekarang ini ramai juga anak-anak yang mula mencari opsyen untuk meletakkan ibu bapanya. Mungkin disebabkan kekangan di pihak anak-anak itu sendiri. Jadinya saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Oh, dia pun sama?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ucapannya sama, skrip sama.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak meminta sedikit penjelasan fasal geran pusat aktiviti ini. RM33,000 kalau tak silap saya tadi Yang Berhormat Menteri ada cakap geran RM33,000 setahun. Jadi kalau RM33,000 setahun, kalau kita bahagikan- sebab itu saya bangkitkan tempoh hari ialah macam di tempat saya ini, ia tumpang bangunan orang. Jadi dia tidak ada bayar sewa. Memang Yang Berhormat Menteri tadi bagi penjelasan iaitu usaha, inisiatif pemimpin tempatan, bererti ia sudah tentulah- kalau bolehlah, memang kami pun prihatin bajet kementerian tidak begitu besar, tahun ini lagi diturunkan. Jadi saya mohon sangatlah penjelasan RM33,000 itu kalau boleh ditambah lagi sebab ia tidak mencukupi.

■2210

Kemudian dalam Pusat PAWE itu kita perlu letak kalau ada satu standard sebab saya tengok macam sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor saya dapati PAWE dia bagus kalau dibandingkan tempat Tanah Merah jauh beza. Kalau boleh kita ada satu standard apakah jenis-jenis aktiviti supaya PAWE pergi mana-mana tempat ada. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Tanah Merah. Saya menjawab Yang Berhormat Parit Sulong. Pada masa ini Yang Berhormat memang saya rasa daripada bajet tahun ini saya sudah memaklumkan saya tidak akan membuat institusi untuk menempatkan warga emas. Yang ada sembilan itu bagi saya mencukupi sebab saya juga hendak memupuk satu perasaan supaya mak ayah kita yang tua itu mesti dijaga, dibelai, diberi kasih sayang oleh anak-anak.

Jadi memang saya sudah berhentikan, bahkan institusi yang ada itu saya telah buat macam *respect care* untuk mak ayah dihantar sementara, sementara pergi ke Mekah, pergi kerja yang panjang masa sedikit, sementara. Ini sebab kasih sayangnya dia hantar mak ayah di satu tempat yang begitu selamat. Dia balik daripada kerja, dia mengerjakan haji dan sebagainya, dia ambil balik mak ayah itu. Itu atas dasar kasih sayang.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Kota Raja.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sama ya, sama?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Atas isu ini rumah warga emas. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebab tidak habis lagi. Saya tidak habis lagi. Jadi oleh yang demikian, memang tidak ada Yang Berhormat sebab kalau saya buka lagi, ramai lagi hantar. Jadi ini saya hendak pupukkan bahkan saya selalu masukkan di dalam ini untuk kita memberi pesanan sedikit sebanyak dan termasuk Yang Berhormat yang terlantar di rumah pun kami pergi jenguk. Sebab itu yang terlantar sebab ada orang tua itu dia tidak mahu ikut anak dia ke bandar, dia tidak mahu ikut anak dia ini. Dia hendak betul-betul hendak duduk di rumah. Itu kami faham.

Bukan kami hendak menyalahkan anak-anak mereka, tidak. Akan tetapi itu kami buat satu program lagi dinamakan Home Health di mana saya ajar beramai-ramai *volunteers* untuk pergi jenguk, melihat bersama dengan orang tua ini yang ada di

rumah. Kadang-kadang dia keseorangan. Dia hendak pergi PAWE ini pun dia tidak ada teman atau di kampung itu tidak ada PAWE.

Jadi tidak apa. Kami ada juga dalam senarai di mana orang tua ini. Jadi kami mengadakan sukarelawan untuk beramai-ramai seminggu sekali. Itu pun saya ajak seminggu sekali. Akan tetapi selepas itu, selepas sukarelawan saya pergi tengok, timbul pula kasih sayang. Dia tidak menjenguk seminggu sekali sebab kami memang sengaja pilih *volunteer* atau sukarelawan yang tidak berapa jauh dari rumah itu. Jadi mereka sebenarnya boleh menjenguk hari-hari pun. Jadi lama-kelamaan sebab satu daripada yang saya terima daripada warga emas ini mereka kesunyian. Jadi oleh yang demikian, kita cuba hiburkan hati mereka dengan kalau tidak dapat pergi ke Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), kita bawa pula sukarelawan pergi bersama dia kadang-kadang masak, kadang-kadang sukarelawan saya pergi kemas-kemas rumah, kadang-kadang potong rumput dan sebagainya untuk bersama-sama dengan warga emas tersebut.

Oleh sebab apa yang saya ingin buat supaya kita jangan abaikan orang tua, orang yang kita kasihi sebab mereka boleh menjaga berapa ramai anak. Mengapa kita anak-anak tidak boleh menjaga ibu dan ayah. Saya macam ini, saya habiskan dahulu Yang Berhormat Tanah Merah. Itu memang yang ada RM33,330 dan saya katakan tadi memanglah kadang-kadang itu adalah cukup untuk sedikit sebanyak kami membantu.

Kadang-kadang itu memang cukup. Kadang-kadang yang bayar sewa pun termasuk dalam itu. Kadang-kadang utiliti dan juga mungkin elaunlah sedikit untuk *supervisor*. Akan tetapi yang lainnya memang kami menggalakkan sangat jawatankuasa untuk membantu sebab memang kita kalau dapat saya hendak buka lebih banyak lagi Pusat Aktiviti Warga Emas. Akan tetapi kita berlandas kepada bekerjasama. Kadang-kadang kalau Yang Berhormat dapat cari mak angkat, bapa angkat *you know* yang korporat-korporat ini lagilah cantik supaya dia boleh angkat PAWE ini sebagai menjadi satu tanggungjawab mereka, sebagai CSR. Itu juga moleklah orang kata, molek sangat supaya mereka boleh membantu.

Yang Berhormat Tanah Merah, sebenarnya memang ada standard. Kita tentukan PAWE ada *basic standard*, ada. *Basic standard* itu memang kita pada permulaannya memang kita yang mengadakan peralatan dan perkakas untuk kita melengkapkan PAWE tersebut.

Jadi oleh yang demikian, mungkin nanti saya minta pegawai saya lihatlah. Yang Berhormat mungkin ada ketinggalan atau mungkin ada sesuatu. Akan tetapi sepatutnya semua akan mempunyai asas yang sama. Kita bagi ini Yang Berhormat,

kita bagi ada mesin *gym*, kita bagi perkakas untuk masak-masak. Ini standard yang kita bagi. Jadi tidak mengapa, mungkin pegawai saya lihat sekali lagi untuk kita melihat yang asas ini dan kita juga tambah dengan RM33,330 untuk membantu. Memang kita akui ada masanya tidak mencukupi. Akan tetapi kadang-kadang jawatankuasa ini dia pandai, dia sama-sama menggembeleng tenaga untuk memastikan bahawa mereka dapat sama juga membantu.

Oleh sebab apabila didapati bahawa pusat aktiviti warga emas ini banyak memberi manfaat khususnya kepada mereka berumur 60 tahun ke atas jadi bermakna beramai-ramai sebenarnya datang untuk membantu. Bukan sahaja daripada segi duit tetapi mereka datang membantu juga daripada segi tenaga, daripada segi idea dan kadang-kadang mereka sama-sama membawa *potluck* dan sebagainya. Sebenarnya ini kreativiti jawatankuasa tersebut. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin menyatakan sokongan atas idea supaya kita tidak menubuhkan lagi pusat-pusat jagaan sepenuh masa untuk warga emas.

Namun saya ingat kita perlu juga memperjuangkan satu perkara lagi iaitu kadang-kadang anak yang terpaksa bekerja, pada masa yang sama juga menjaga ibu bapa yang sudah tua. Jadi kalau semasa kita ada cuti khas kepada suami misalnya kalau isterinya melahirkan untuk bantu jaga anak. Akan tetapi kita tidak ada cuti untuk mereka yang bekerja, cuti tanpa gaji kah, *unrecorded leave* untuk mereka yang ingin menjaga ibu bapa yang sudah sampai ke penghujung.

Kadang-kadang amat menyedihkan apabila kita tahulah apabila sampai satu umur yang kita tengok kekuatan mereka semakin menurun dan sebagainya, mereka cuti sudah tidak ada, pendapatan tidak tinggi dan sebagainya. Jadi mungkin antara satu perkara yang kita perlu perjuangkan cuti menjaga ibu bapa. Saya kira ini sangat penting kalau kita hendak memupuk, untuk menterjemahkan kasih sayang kita kepada orang tua. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh sambung? Okey

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya sambung terus Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih atas inisiatif yang telah dibuat oleh pihak kementerian. Saya juga bersetuju kempen Sayangi Ibu Bapa ini perlu diperluaskan dalam suasana dan keadaan kesibukan.

Masyarakat kita hari ini kadang-kadang mereka melupakan tanggungjawab besar mereka kepada ibu bapa.

Ingin saya cadangkan ialah juga iaitu kita perluaskan program seumpama PAWE ini terutama kepada ibu bapa yang terpaksa duduk sendiri di kampung kerana anak-anak mereka bekerja di bandar. Dengan kemajuan ilmu pengetahuan, mereka mendapat tempat yang baik di bandar menyebabkan ibu bapa mereka tidak suka duduk di bandar, di rumah. Mungkin di situ perlu kita menyediakan pusat seumpama PAWE tetapi kita boleh letak di masjid atau berhampiran dengan masjid supaya mereka juga boleh menambah ilmu, mengikuti aktiviti di masjid dan surau terutama bagi yang Islam.

■2220

Begitu juga kita memperkasakan pusat-pusat pengajian pondok supaya warga emas kita ini yang memang berkeupayaan mereka boleh sepenuh masa bukan-bersama untuk menambahkan ilmu dan ibadah mereka dalam persiapan pada hari-hari hujung usia mereka. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sambung sedikit, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kementerian untuk menerangkan dan menjelaskan kasih sayang terhadap ibu bapa.

Saya perlu bagi satu cadangan Yang Berhormat Menteri, di mana kementerian Yang Berhormat berinteraksi dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengambil satu slot di RTM atau ASTRO meninjau ke rumah-rumah penjagaan warga emas, buat *recording*. Biar ibu bapa mereka yang tinggal di rumah-rumah tersebut menceritakan kesunyian mereka, reaksi mereka, perasaan mereka. Benda itu kena tayangkan setiap minggu untuk tatapan anak-anak muda. Biar kita lihat sendiri dan kita menerapkan kasih sayang terhadap ibu bapa. Benda ini saya rasa kena interaksi dengan Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Ini cadangan saya, Yang Berhormat Menteri boleh bagi penghalusan yang teliti.

Kedua, saya selalu memperjuangkan PERMATA untuk diletakkan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Walaupun kali ini saya tidak berjaya tetapi saya tetap akan teruskan sebab saya rasa Yang Berhormat Menteri adalah salah seorang yang prihatin. Oleh sebab kalau PERMATA diletakkan di bawah kementerian Yang

Berhormat Menteri, lebih kemajuan yang kita boleh capai. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ampang, sedikit. Sama juga.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Oh, Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usaha untuk penubuhan pusat aktiviti warga emas ini. Akan tetapi saya sudah pergi ke Sungai Besar itu, pusat di situ di mana baru saya faham kenapa keadaan di situ agak daif dan macam hidup tidak mahu, mati pun tidak mahu. Ini kerana geran yang diberi adalah sangat sikit, RM33,000 setahun, maknanya dalam RM3,000 sebulan.

Jadi warga emas yang duduk jauh dia perlukan *transport*, pengangkutan untuk bawa mereka ke pusat aktiviti itu. Jadi apabila tidak ada pengangkutan ini ia menjadi satu kepayahan untuk mereka bersama-sama di situ. Ini kerana kita kena faham, pusat aktiviti warga emas ini saya memang suka kerana ia meletakkan mereka di peringkat umur yang sama, *the peer group*. Jadi dia boleh berinteraksi dengan orang yang bersama peringkat umur daripada dia di rumah, duduk bersendirian atau kena dibebankan untuk menjaga cucu-cucu dan cicit-cicit.

So yang keduanya, saya cuma hendak tanya, tentang kawal selia penubuhan pusat-pusat orang tua swasta? Bagaimanakah itu dia kawal selianya? Kalau polisi Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menggalakkan pusat aktiviti itu, jadi bagaimana polisi ini dikenakan kepada pusat-pusat swasta? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Raja, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Ampang sebab bersetuju tadi dengan saya mengenai khususnya kasih sayang kepada ibu ayah. Jadi ini sesuatu yang kita harus bersama-sama.

Oleh sebab bagi saya ini satu nilai yang begitu murni dan saya rasa ini dahulu kalanya tidak ada menjadi persoalan. Automatik kita secara anak ini, kita mesti hendak menjaga mak dan ayah dan begitu juga kita menjaga mak ayah dan nanti kita ini hendak menjadi mak ayah, harapan kita anak kita akan menjaga kita macam mana kita dijaga mak ayah.

Makan sikit, sama sedikit. Saya ingat dulu saya pernah berceritakan apabila teringin itu, tahu pula bila bapa hendak dapat gaji, masa itulah baru saya minta. Itu pun bukannya ini masa itu. Apabila ayah dapat minta beli sate sahaja. Bukan sekarang kan KFC dan sebagainya. Akan tetapi bermakna kita tahu sebab kadang-kadang mak ayah

pun bercerita kepada kita yang dia dapat itu mesti tunggu, nanti dapat gaji. Jadi kita faham. Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat sama-samalah kita membantu. Kementerian ini cuba dan terima kasih cadangan semua itu begitu baik sekali. Saya akan ikuti apa yang disebut oleh semua Yang Berhormat tadi termasuk mengguna iaitu MCMC iaitu penerangan untuk kita mengadakan kempen. Mungkin kita boleh *interview*, kita akan inikan muka dia sedikit.

Memang kita pergi Yang Berhormat tetapi kita menghormati juga daripada segi *privacy* ya, kita tidak mahu. Akan tetapi mungkin kita *blur*-kan muka dia tetapi saya ingin maklum Yang Berhormat bila saya pergi saya memang tidak boleh tahan, saya sebak sebab saya bayangkan mungkin saya macam itu. Jadi saya cerita pula kepada anak saya. Hendak saya bayangkan mak macam ini, macam inikah anak-anak. Jadi kita macam drama sedikit, tetapi bukannya kita drama itu ingin hendak ini, tetapi supaya anak ini dia meresap dalam jiwa dia. Selepas itu sama-samalah menangis kita, bermakna sampai ke hati sanubari. Jadi ini kempen berterusan dan tidak boleh hanya di kementerian ini tetapi sebenarnya kita bersama-sama.

Jadi terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Masjid itu bagus sebab apa, kami tidak dapat hendak buka pusat aktiviti warga emas di setiap tempat. Jadi kenapa tidak kita melihat apa yang ada di kampung-kampung. Jadi itu caranya. Jadi masjid, surau itu untuk kita beragama Islam, tetapi yang lain itu kita tengok juga. Jadi kita buat ini dahulu sebab kita kadang-kadang anak-anak ini yang mengatakan kadang-kadang bila dia pergi kerja, jadi dia katakan mak ayah ini sudah sampai satu tahap dia macam budak-budak balik. Jadi dia risau pula meninggalkan mak ayah di rumah keseorangan.

Jadi kalau ada tempat macam pusat aktiviti warga emas itu dia orang rasa selesa sebab seperti dikata Yang Berhormat Ampang, memang dia seronok sebab apa, dia sebaya. Kadang-kadang pada masa itu Yang Berhormat, dia boleh menjalankan kegiatan yang dia ingin dulu masa muda-muda. Masa muda-muda dia tidak berkesempatan, di situ juga dia mengaji beramai-ramai, jadi dia berbincang sesama sendiri. Seperti yang dikatakan Yang Berhormat tadi memanglah ini masa untuk penyediaan saat-saat kita hendak yang akhir-akhir ini. Jadi banyak yang dia orang boleh buat bersama.

Jadi di situlah ada sesuatu yang baik dan terima kasih Yang Berhormat sebab bila memaklumkan tetapi yang Sungai Besar itu, biar saya *check* juga. Oleh sebab saya tidak berkesempatan untuk melihat satu persatu pusat aktiviti warga emas. Jadi saya berharap pegawai saya akan mencatat sama. Akan tetapi mengenai pusat jagaan dan saya tadi apabila saya menjawab Yang Berhormat Parit Sulong, itu institusi warga

emas kami yang ada sembilan sahaja di seluruh negara. Akan tetapi ini Yang Berhormat dari Ampang mengatakan ada tidak satu SOP untuk pusat jagaan swasta ini.

Oleh sebab swasta ini kalau dia membukakan pusat jagaan, kami pun tidak dapat hendak menahankan mereka hendak ini tetapi namun memang kami memantau. Jadi kami memang ada SOP untuk sesiapa, sebab kita ada Akta Pusat Jagaan di bawah kementerian. Jadi kami pastikan bahawa mereka mengikut apa yang kami sebutkan dalam SOP, termasuk daripada segi jagaan yang begitu baik dengan kasih sayang.

Jadi oleh yang demikian, terima kasih Yang Berhormat sebab semua apa yang disebutkan ini sesuatu yang baik untuk kami menambah baik juga. Saya tidak nafikan bukan kami mengatakan *perfect* ya Yang Berhormat. Saya tidak nafikan tetapi dengan adanya saranan macam ini, kita *insya-Allah* akan memperbaiki Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, selepas Yang Berhormat Kuala Nerus Yang Berhormat Menteri boleh gulungkan.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Isu pusat jagaan orang-orang tua yang bersifat persendirian ataupun menerusi persatuan, saya rasa perkara ini mesti diperkukuhkan oleh kementerian untuk kita menggalakkan banyak individu ataupun persatuan membina pusat jagaan sebagai satu cara untuk kita mengagihkan bebanan kewangan. Kalau semua benda di Malaysia, di negara kita hendak dibebankan kepada kerajaan itulah yang menyebabkan kita berhadapan dengan begitu banyak defisit kewangan. Kalau ambil kaedah Islam kita, Islam mengajak agihan antara kerajaan dengan masyarakat dalam menanggung bebanan rakyat.

Jadi kalau kementerian kita boleh buat kerjasama dengan SOP yang cantik, dengan kursus yang berpanjangan, biarkan mereka mencari dana dan kemampuan yang mereka ada dan kerajaan bantu dari sudut *facilities* yang lain kursus dan sebagainya, saya rasa itu lebih berjaya sebenarnya.

■2230

Sebab kemampuan kerajaan sendiri untuk pantau pusat jagaan rasmi kerajaan, ia tidak sama dengan swasta kerana swasta pertama dia ada unsur kebajikan, unsur sukarela. Tidak sama dengan mereka yang bergaji. Ini pengalamanlah. Saya sendiri ada rumah yang saya buat untuk anak-anak yatim. Memang tidak akan sama dengan

apa yang kerajaan buat kerana kita dari sudut *lovingnya*, *caring* nya lebih daripada apa yang dibuat oleh kerajaan.

Bagi saya kerajaan kena agihkan tugas tetapi dengan SOP yang cantik, kerjasama yang baik. Saya rasa kita boleh tubuhkan di seluruh Malaysia lagi banyak pusat macam pondok warga emas sebagai contoh. Terima kasih Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Semua ini sesuatu yang baik-baik belaka. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi syukur *alhamdulillah* kita dapat banyak idea dan *insya-Allah*, semua ini akan menambahbaikkan lagi daripada segi kita hendak membantu semua kumpulan sasar yang ada di kementerian saya.

Yang Berhormat dari Ampang dia bertanya wakil wanita dalam Parlimen. Jadi kementerian memang menyokong syor kajian tersebut bagi meningkatkan lebih ramai wakil wanita dalam bidang politik. Memang itu yang kita harapkan dan Dasar Wanita Negara bersama dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, sebenarnya kita telah menyasarkan untuk membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda. Sehubungan dengan itu, saya memohon kerjasama daripada semua kita di sini, semua parti politik untuk menjayakan sasaran ini dengan menambahkan lagi bilangan pemimpin wanita menceburi dalam bidang politik.

Sedikit yang saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat, saya telah dijemput ke United Kingdom baru-baru ini atas kes yang lain, pedofilia dan sebagainya. Akan tetapi di situ dia berkongsi dengan saya, dia namakan persatuan dia *Women2Win* ini macam ini Yang Berhormat. Kalau kita betul-betul serius dengan hendak menambah bilangan wanita, dia sarankan semua Ahli Parlimen, dia mentorkan seorang wanita khususnya anak perempuan kita Ahli-ahli Parlimen ini untuk kita *groom* menjadi ahli politik. Jadi itu dibuat di *UK*. Jadi secara mendadak 29 peratus pertambahan wanita-wanita yang ada di dalam Parlimen *United Kingdom*. So dia kata dia hendak kongsi bersama.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [*Bangun*]

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Dia kata kenapa tidak kita kongsi bersama dan saya memang terbuka dengan idea tersebut. Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat, satu soalan. Terima kasih. Saya hendak bangkitkan isu berkaitan dengan Richard Huckle, yang mana beliau telah datang ke Malaysia, tinggal di Malaysia dan juga berkaitan dengan pedofilia dengan anak-anak Malaysia, budak-budak sekolah. Isu ini telah dibongkar oleh saya, ingat BBC dan sudah keluar dalam surat khabar Malaysia. Apakah tindakan yang telah

berlaku dan apakan yang telah terjadi kepada anak-anak muda ini? Terima kasih. Juga berkait dengan *grooming, child grooming*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Menteri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Benda yang sama ya?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Isu Menteri sebutkan tadi tidak sempat lagi respons dan masuk cerita Richard Huckle pula. Boleh Menteri ya? Apa yang saya bawa pada hari itu ialah mengenai komitmen Kementerian Wanita sama ada untuk melibatkan ramai lagi ahli politik wanita untuk ke dalam Dewan Rakyat ini adalah untuk mencadangkan kepada kerajaan Barisan Nasional untuk menukar sistem pilihan raya kita kepada *proportional representative* yang mana akan membolehkan lebih ramai wanita lagi bertanding dan dengan itu boleh menambahkan lagi kerusi yang dimenangi oleh wanita dan menjadi wakil rakyat wanita.

Jadi, saya minta kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk angkat agenda ini kepada SPR untuk- sebab kita akan sokong kerana ia satu-satu cara. Kalau kita lihat *international Parliament IPU*, dia punya *research* dia kata kalau kita buat *proportional representation system* ini, ia meningkatkan *women and peace to 25 percent* daripada *14 percent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya,

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *So just* tengok satu langkah yang pertama boleh kita minta kementerian mengangkat agenda ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat boleh gulunglah Yang Berhormat. Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak angkat balik isu memperkasakan wanita dalam politik. Saya kira kalau tidak ada polisi yang dijelas, yang disokong dan ditaja oleh kerajaan, isu wanita dalam politik terutamanya wanita sebagai Ahli Parlimen tidak akan maju ke depan lagi kalau tidak ada *proportionate system* kerana realitinya kita dalam masyarakat, wanita dalam politik bergantung kepada banyak faktor. Bukan mudah wanita hendak menceburkan diri dalam politik. *When it comes to* persaingan, *competition* antara hendak letak calon wanita dengan calon lelaki, semua parti telah berpengalaman. Baik UMNO, MCA, PAS, PKR,

semuanya bila datang kepada calon wanita, banyak betul kriteria yang diletakkan untuk meletakkan wanita sebagai calon berbanding dengan kalau calon lelaki.

Jadi, untuk menyelesaikan masalah perlu kita perlu memperbaiki polisi kita. Semua negara yang ada sistem *proportionate* ini, telah memperlihatkan bahawa ada peningkatan di Indonesia, misalnya di Bangladesh, di Pakistan, antara beberapa buah negara yang representasi wanita, perwakilan wanita di dalam Parlimen meningkat sehingga 30 peratus. Jadi, kami rasa perkara ini tidak akan banyak berubah walaupun kita kata ia terletak kepada parti-parti politik setelah kita mengadakan *proportionate system*. Ingin mencadangkan kalau tidak ada undang-undang atau peraturan, maka penggiliran atau *listing of* menyenaraikan calon wanita itu sendiri tidak akan ditaati ataupun diikuti oleh parti-parti politik.

Jadi kalau Menteri bawa, kami akan menyokong supaya ada perubahan dalam sistem pilihan raya untuk membolehkan lebih ramai wanita dapat menjadi wakil rakyat. Terima kasih.

Dato' SriHajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai *proportional representation* ini seperti saya katakan, kita kena bawa dalam parti politik kita masing-masing dahulu. Selepas itu Yang Berhormat juga boleh menggunakan *Parliamentary caucus* supaya desakan-desakan ini dibawa. Ini saya katakan ia mesti datang daripada parti-parti politik.

Satu lagi Yang Berhormat, saya tidak tahu pula apabila wanita itu banyak sangat dia punya syarat-syarat, sebab saya tahu lelaki atau wanita ini sama sahaja cara memilih. Tidak ada syarat-syarat yang lelaki itu lain syarat, dan wanita lain syarat. Ia kira ini adalah ditentukan oleh ketua kita. Dia tahu ini potensi tetapi memanglah saya tahu daripada kriteria iaitu memang potensi untuk menang. Bermakna calon itu seorang calon yang popular, calon yang disukai oleh *electorate*. Itu memang sangat penting. Jadi Yang Berhormat biarlah ini kita lihat dan kalau nanti ada kita membuat apa-apa *along this line* bolehlah dibawa lagi ini secara terperinci supaya sebenarnya ia mesti datang daripada parti-parti politik. Kami di kementerian ini, *we have to be* macam mana- kita adalah dari segi ini macam neutral sebab ini harus dipelopori, diperjuangkan daripada segi parti politik.

Jadi tadi Yang Berhormat Klang- saya ingin hendak maklumkan Richard Huckle itu memang sudah dipenjarakan di UK selama 22 tahun, *life sentence*. Jadi dia memang sudah dipenjarakan dan dia dipenjarakan tanpa *any evidence brought up* daripada kanak-kanak kita di Malaysia.

Oleh sebab UK ada satu undang-undang, *I am sure* Yang Berhormat as a *lawyer* tahu dia tidak perlu dia ini dengan bahan-bahan yang ada, dia telah dibawa,

didakwa dan didapati bersalah. Sebenarnya kes ini satu kes yang mana ini dikatakan dalam sejarah hukuman *life sentence* yang terpanjang, *22 years life sentence*. Sekarang ini dia tengah merayu Yang Berhormat tetapi *I think* dia punya *chances* itu ini- sebab jenayah yang dilakukan itu begitu *horrific*.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya memang *follow* isu berkait dengan Richard Huckle, tetapi soalan saya tadi ialah apakah kesan terhadap anak-anak sekolah, anak-anak muda yang terlibat dengan beliau? Itu Satu. Macam mana dengan dia punya *consultation* dengan pakar-pakar *psychiatrist* dan sebagainya, itu satu. Adakah beliau kerja sebagai seorang kah ataupun dia ada rangkaian di Malaysia yang kerja sebagai satu kumpulan?

■2240

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, semua ini masih dalam tindakan polis. Jadi, *the details* sebenarnya bersama dengan polis tetapi memang kita sentiasa mereka akan maklumkan. Sebenarnya pegawai ada juga pergi ke sana hendak berjumpa dengan Richard Huckle ini tapi dia memang tegar betul, Yang Berhormat, dia langsung tak memberi kerjasama. Jadi oleh yang demikian, kita biarkan pihak polis untuk mendapatkan secara terperinci.

Dan termasuk juga kita tidak dapat mencari kanak-kanak yang disebutkan di dalam dia punya *dark web* itu. Jadi, sebab itu pihak polis telah hendak mendapatkan secara terperinci tetapi ini kita biarkan dahulu kepada pihak polis ya, Yang Berhormat.

Kepada Yang Berhormat- satu lagi sebab dah kira ini. Ini seks- *oh, mygodness*. Ini *sex offenders registry*. *Sorry*. Sikit saja. Ini Akta Kanak-kanak yang kita telah pinda. Jadi, untuk makluman, memang kita telah memperluaskan Daftar Kanak-kanak- jadi kita sebut ia daftar kanak-kanak- kepada maklumat mengenai pesalah ini- dibawa oleh Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Ampang- di mana pesalah yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang mana mangsanya adalah kanak-kanak. Daftar ini bertujuan untuk menghalang pesalah terlibat dalam kerja-kerja mengendalikan kanak-kanak sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti pengasuh di taska, pengusaha kantin sekolah, pemandu bas dan van.

Sekiranya mana-mana majikan hendak mengadakan temu duga atau untuk mengambil pekerja, saranan kami, silalah rujuk nama-nama itu kepada kami melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kalau kita ada melihat mereka ini ada pernah disabit dalam kes-kes yang ada kena-mengena dengan kanak-kanak, kita akan maklumkan supaya jangan langsung mengambil tetapi, sebenarnya terpulang kepada majikan untuk mengambil pekerja itu. Tugas kami adalah untuk kami merujuk pada

daftar itu dan kami maklum, memberi nasihat kepada majikan, “*Oh, orang ini clear, tak ada apa-apa*”, jadi terpulang, atau orang ini ada kes dahulu, 10 tahun, 20 tahun dahulu. Jadi, terpulang kepada majikan untuk mereka membuat satu lagi keputusan.

Jadi, ini mengenai pedofilia, ada disebutkan berkenaan hukuman yang berat diberikan kepada pesalah rogol kanak-kanak dan pada masa ini, negara-negara seperti *United Kingdom*, Korea, negara-negara di Scandinavia dan baru-baru ini Indonesia, mereka telah menyarankan untuk menjalankan *chemical castration* kepada pesalah-pesalah pedofilia.

Kementerian, kita sama-sama juga macam yang lain, kita akan mengkaji keberkesanan amalan ini. Sebab, dah macam-macam keluar dalam sosial media dan sebagainya. Sekiranya ia bersesuaian, apakah salahnya? Sebab, apa yang mereka lakukan itu lebih dahsyat lagi kepada anak-anak dan sebagainya.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sampai ke penghujung kecuali-sebab banyak ditanya berkisar kepada apa yang saya telah sebutkan tadi. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sebenarnya telah banyak memberi kami semangat, memberi idea-idea yang terbaik untuk kita memastikan bahawa semua kumpulan sasaran di kementerian ini kita sentiasa jaga dengan penuh kasih sayang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

10.44 mlm.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dari 24 Oktober hingga 1 November 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang menyuarakan kebimbangan berhubung prestasi pertumbuhan sektor pembuatan yang perlahan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, sektor pembuatan merupakan salah satu sektor ekonomi yang amat penting di Malaysia. Melalui peningkatan pelaburan dalam sektor ini, pelbagai limpahan faedah atau, dengan izin, *spill over effect* dapat dinikmati oleh syarikat-syarikat dan industri dalam sektor-sektor lain seperti sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan. Sektor pembuatan juga telah banyak menjana peluang pekerjaan kepada rakyat di Malaysia.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016, sejumlah RM35.9 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor pembuatan berbanding dengan RM31.5 bilion yang telah diluluskan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 13.9 peratus. Pelaburan daripada 490 buah projek pembuatan pada tahun 2016 ini akan menjana 39,870 peluang pekerjaan.

Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas telah memperkenalkan beberapa strategi bagi menetapkan hala tuju baru sektor pembuatan untuk menghasilkan produk nilai tinggi. Hala tuju ini akan disokong oleh peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penambahbaikan reka bentuk produk dan proses pembuatan serta penerapan amalan pembuatan yang mampan.

Pelan ini memberi fokus kepada tiga subsektor pemangkin iaitu kimia, elektrik dan elektronik dan mekanikal dan peralatan bersama dengan subsektor aeroangkasa dan peranti perubatan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi sebagai pemacu pertumbuhan sektor pembuatan. Penekanan kepada sektor-sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi ini akan dapat menarik lebih banyak kemasukan pelaburan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, bagi meningkatkan lagi permintaan dalam sektor pembuatan, kerajaan melalui Majlis Eksport Negara (NEC) sedang melaksanakan pelan tindakan yang menyeluruh untuk meningkatkan eksport produk ke pasaran global. Pelan-pelan yang dirangka merangkumi inisiatif yang akan menangani jurang dalam ekosistem eksport serta memperluaskan akses pasaran bagi pengeksport menerusi penghubung pasaran, *market linkers*, pakar industri dan program promosi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perkilangan buat masa sekarang ini terus menyokong pertumbuhan eksport negara dengan mencatat peningkatan 3.2 peratus kepada RM469.31 bilion pada Januari hingga September 2016. Sektor perkilangan menyumbang 82.6 peratus syer kepada jumlah eksport negara berbanding dengan 80.4 peratus pada tahun lepas.

Yang Berhormat Sekijang juga bertanya perkembangan terkini Jawatankuasa Kemahiran Industri bagi mengenal pasti kompetensi bidang kemahiran di negara ini terutamanya berkaitan kurikulum pengajian TVET.

Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk menyelaraskan penglibatan pihak industri bagi mengumpul maklumat mengenai keperluan modal insan industri. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan *Malaysian Employers Federation*.

Selain daripada itu, kumpulan kerja industri dan kumpulan kerja pemantauan kemahiran kritikal telah ditubuhkan bagi menyokong JKI dalam mengenal pasti jurang kemahiran kritikal dan perancangan modal insan yang akan datang.

■2250

Sebanyak 10 bidang subsektor telah dikenal pasti di bawah inisiatif dan penubuhan kumpulan-kumpulan kerja bagi setiap sub industri untuk mendapatkan input-input daripada pengusaha-pengusaha industri dan pihak berkepentingan berhubung keperluan semasa dan masa depan modal insan industri. JKI akan memanjangkan input ini kepada jawatankuasa *single governance body* yang diketuai oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi membangunkan kurikulum pendidikan latihan, teknikal dan vokasional di peringkat nasional. Inisiatif JKI dan *single governance body* merupakan usaha kerajaan dalam menetapkan hala tuju dasar pembangunan modal insan negara di bawah Majlis Modal Insan.

Yang Berhormat Jasin ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Tidak ada dalam Dewan.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak ada. Kalau jawab bertulis. Kemudian Yang Berhormat Sungai Siput dan Mukah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Juga tiada dalam Dewan.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak ada. Kalau tidak ada saya minta jawab dalam bentuk bertulis. Yang Berhormat Marang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Juga tiada.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak ada, so secara bertulis. Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Yang Berhormat Bintulu telah membangkitkan masalah pelaburan- minta maaf. Yang Berhormat Bintulu menimbulkan isu pelabur menghadapi masalah memulakan perniagaan di Malaysia dan juga meminta MITI memberi penjelasan khas mengenai strategi bagi mengekang para pelabur daripada meninggalkan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, MITI sentiasa komited dalam membantu ini secara am Yang Berhormat- membantu dan memudah cara urusan para pelabur untuk

melabur dan memulakan perniagaan di Malaysia. Sebagai contoh MIDA telah menubuhkan pusat khidmat sehenti atau *one-stop center* dengan objektif untuk memudah cara urusan pelaburan asing dan tempatan di Malaysia. Pegawai-pegawai kanan dari jabatan dan agensi penting kerajaan telah ditempatkan di MIDA secara khusus bagi membantu pelabur-pelabur asing dan tempatan mengenai dasar dan prosedur kerajaan dalam merealisasikan projek-projek mereka di Malaysia. Ia juga dapat mempercepatkan urusan perniagaan dan pengurangan kerenah birokrasi.

Pegawai-pegawai kanan terdiri daripada wakil Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Tenaga Kerja, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia. Selain daripada itu, MIDA turut menempatkan sejumlah 32 buah pejabat MIDA di dalam negeri dan luar negara bagi memudahkan para pelabur untuk berurusan dengan MIDA. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi memastikan pelabur-pelabur sedia ada terus komited untuk terus mengekalkan pelaburan mereka dan terus beroperasi di negara kita ini.

Yang Berhormat Bintulu juga telah membangkitkan isu bahawa terdapat campur tangan pemilihan rakan perniagaan syarikat pengeluar kenderaan dari negara China. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kerajaan tidak campur tangan dalam mana-mana keputusan perniagaan. Sebarang pemilihan rakan perniagaan atau pemeteraian usaha sama keputusan sendiri yang dilaksanakan oleh mana-mana syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Yang Berhormat Bintulu bangun.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Memang jawapan yang diberi itu kalau kita melaksanakan itu apa kita tadi telah jawab memang kita *A-class*. Pelabur-pelabur dapat *A-class* punya perkhidmatan tetapi Yang Berhormat Menteri ada sedar kah tidak contoh di Bintulu pelabur daripada Tokuyama, sekarang saya sebut nama- apa cerita. Sekarang Tokuyama sudah *exit* tetapi dia *exit* atas cara terbaik kata fasal pelabur dia punya produk sekarang sudah turun harga semua ini dia mahu jual, dia keluar.

Latar belakang dia tidak cerita, dia orang berasa sedih. Kita apa janji tidak tunai, apa janji Kerajaan Persekutuan patut MITI mahu bantu tapi ulang balik, ulang balik beberapa tahun tidak selesai. *Waste product* ataupun *waste material* tidak selesai. Kerajaan Sarawak pun ada janji tidak di tunai. Beberapa kali dia orang turun naik-turun naik MITI minta mesyuarat tetapi tidak selesai. Sama juga di Terengganu,

kita saya tidak sebut semualah CJ punya kilang sana '*pompang-pompang*' sampai sekarang tidak selesai juga. Kita dikatakan dia mesti mahu bekerjasama sama mana sebuah agensi ataupun mana satu *partner* dia tetapi masalah dikemukakan. Tidak ada orang ambil tahu sampai dia orang tukar, tulis surat protes kita pun tidak selesai.

Saya ada tulis surat sama Perdana Menteri, Perdana Menteri pun kata kenapa MITI tidak boleh selesai janganlah ini perkara pun saya selesai tapi sampai hari ini pun tidak selesai pun. Inilah saya cadang mestilah kita MITI, pegawai-pegawai kata 100 orang lebih atau 136 buah pejabat sudah ada di tubuh di seluruh dunia ataupun di negeri-negeri. Janganlah orang ada masalah ataupun bila dia orang ada dilihat kepala pening kita patut bantu selesaikan birokrasi itu semua tapi sampai hari ini tidak. Kita tidak ambil tahu Tuan Yang di-Pertua, sampai dia tidak boleh tahan dia orang *exit*. Tokuyama patut dia mahu melabur di Bintulu USD5 bilion sekarang USD2 bilion dia sudah larilah dia kata *long term losses better short term tempo*, dia kasi jual.

So, itu lah saya kata pelaksanaan macam mana. Jangan kita jawab semua syok sendiri. Pelabur mesti mahu rasa dia punya syok kalau dia tidak syok habis cerita kita. Imej kita habis, kita syok- saya sudah tiga buah negara saya pergi bila saya sampai MITI saya tanya, *kelentong* semua kata, berapa banyak bilion masuk. Ada satu kali saya tanya sama pegawai dia saya kata apa mahu cerita Bintulu punya cerita pelabur sudah selesai kilang sudah jalan apa lagi RM10 bilion akan masuk apa lagi masuk. Fasa tiga, empat, lima dia tidak mahu masuk sudah itu masa, itu zaman. Dia kata "*I'm not going to invest further because environment we are going through very painful*". Saya soal tapi pegawai itu lagi masa zaman di Jepun sana masih syok sendiri lagi. Inilah bagi maklumat yang tidak dapat bagi pemimpin kita. Inilah saya harap kita punya kementerian boleh lihat isu ini.

Satu isu lagi mengenai kata pelabur hendak buat kilang di Malaysia. Itu surat melalui saya. Saya bagi Perdana Menteri, Perdana Menteri kata saya akan maklum kepada Menteri di kementerian MITI ini. Akhir sekali ada orang saya tidak mahu sebut dalam sini bawa ini surat pergi China dia kata saya tanggungjawab sini. Ini surat ini Tiong, dia surat *address* kepada saya. Dia ini Tiong suruh saya datang sini sekarang itu orang bawa ini pelabur maki sama saya, gaduh sama saya dia fikir saya *undercut* sekarang lain orang sign, apa cerita ini.

■2300

Saya minta kementerian, siapakah *sign* dokumen ini? Sekarang ada satu *company* sudah pegang ini, *joint venture*. Dia mahu *share* kosong lagi, *empty share*. Apakah cerita ini? Kita kementerian kalau tidak ada kongkalikung dalam sana segelintir punya pegawai atau siapa, kenapakah boleh jadi macam ini? Sepatutnya Yang

Berhormat Menteri jumpa saya balik, cerita. Macam mana boleh terus pergi cerita lain? Kalau Yang Berhormat Menteri mahu saya buka cerita, seluar dalam pun boleh, cerita habis. Jangan kata nanti saya malu sama kementerian atau pun siapa-siapa yang terlibat di sana. Mula-mula pergi *sign*, guna Malaysia *automobile sign*.

Akhir sekali, kenapakah ada satu sendirian berhad masuk sekali? Siapakah panggil punya? Itu sendirian berhad boleh panggil dia punya pegawai itu *shareholder* jumpa dengan saya. Manakah dia dapat surat ini? Hari itu baru dua minggu lepas saya pergi Beijing. Saya kena jelaskan, saya tidak *undercut*. Saya pun tidak tahu kenapa boleh berlaku macam ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya agak Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab Yang Berhormat Bintulu kerana kalau Yang Berhormat Bintulu betul-betul rasa tidak puas hati kalau ada masalah itu, lapor kepada SPRM. Janganlah bazir masa dalam Dewan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Lu* kepala batu punya. Saya tanya pun *lu* mahu campur. *Lu* mahu cari gaduh kah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Masih dalam masa Dewan untuk satu kes yang sangat khusus.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini kes imej negara kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dengar ya, ini *floor* saya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Eh, apakah *floor* kamu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya sedikit pun tidak mengkhuatiri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau *floor* kamu kepala batu, kamu tanyalah apa yang patut. Apakah yang kamu mahu terlibat saya punya hal? Apalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak pernah mengkhuatiri maklumat-maklumat yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Bintulu tetapi isu ini bukan hendak ugut Yang Berhormat Menteri di sini. Patutnya ini penyelewengan, bawa ke SPRM untuk siasat supaya kita boleh dapat penjelasan, ya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu, dia tau jawab bagi pihak saya [*Ketawa*] Akan tetapi saya tidak boleh ambil jawapan dia sebagai jawapan saya. Yang Berhormat Bintulu, kita memang, saya mengaku kita tidak ada kesempurnaan dalam mana-mana organisasi termasuk jabatan kerajaan.

Akan tetapi oleh sebab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu perkara yang khusus, saya harap mungkin saya boleh bincang dengan Yang Berhormat di satu ruang yang berasingan supaya saya boleh menangani ini secara lebih spesifik kerana ini melibatkan ada tuduhan, ada kes-kes yang dikhususkan. Jadi saya harap kita boleh bincang di dalam satu forum yang berasingan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, kita nanti saya akan *contact* sama ini *investor*, dia bawa perkara ini sama saya. Saya mahu Yang Berhormat Menteri bersama-sama saya. Saya panggil itu pihak mari, duduk bersama-sama kita. Harap kita bagi satu penjelasan tepat dan terang kepada mereka. Jangan mereka merasakan, saya buat kongkalikung punya kerja di belakang. Saya tidak tahu perkara ini boleh berlaku begitu. Saya harap juga MITI punya kementerian atau segelintir punya pegawai, hati-hati sedikit. Jangan kongkalikung sama saya.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Kementerian MITI kita memang hendak jaga nama baik kita. Kalau ada kelemahan, kita mesti cuba untuk memperbaiki. Jadi kita harap mengadakan satu perbincangan yang lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka ada di sini?

Seorang Ahli: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tidak ada. Kalau tidak ada, saya jawab secara bertulis. Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Hulu Langat ada? Ada, okey. Yang Berhormat Hulu Langat telah memohon untuk kerajaan menyatakan sokongan dan panduan bagi kenderaan elektrik di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014. Pelbagai insentif yang ditawarkan bagi pembangunan kenderaan *energy efficient vehicle* (EEV) termasuk kenderaan elektrik.

Insentif yang ditawarkan termasuk pengecualian duti import dan duti eksais ke atas pengimportan dalam bentuk CPU bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 30 September 2017. Sekiranya syarikat pembuat komitmen pemasangan CKT dalam negara selepas tempoh tersebut insentif secara *customized*, dengan izin, boleh dipertimbangkan berdasarkan beberapa kriteria seperti nilai pelaburan, tahap teknologi yang diguna pakai dan *spin off*, dengan izin, dan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Dasar ini diperkenalkan bagi menggalakkan pemasangan CKT tempatan untuk meningkatkan lagi tahap perindustrian di sektor automotif yang akan memberi

pulangan yang *significant* kepada negara. Manakala daripada segi pembangunan infrastruktur, jumlah stesen mengecas kenderaan yang ada pada hari ini di Malaysia adalah sebanyak 89 buah. Sebahagian dari stesen ini dibina oleh syarikat swasta yang terlibat dalam pembangunan kenderaan elektrik yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat menggalakkan bagi pembangunan kenderaan elektrik dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub pengeluaran kenderaan EEV termasuk elektrik menjelang 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang kenderaan elektrik masih belum dapat sambutan yang besar mengikut pendaftaran JPJ. Cuma ada buat masa setakat ini, cuma ada 1,095 buah sahaja kenderaan EEV yang didaftarkan.

Yang Berhormat Batu Gajah ada di sini? Tidak ada. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu sahajalah, sekian sahaja terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Yang Berhormat Menteri sudah hendak habis, baru hendak berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan. Ya, ya. Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Bintulu tadi itu. Saya telah juga bersama-sama dengan Yang Berhormat Bintulu Dewan ini. Masalah pelabur kita ini, kadang-kadang, ini peranan kementerian. Soal perbankan ini yang mana pelabur ini sukar mendapat perkhidmatan pinjaman kalau tidak memakai bank negaranya masing-masing. Adakah pihak MITI membantu jika ada pelabur yang besar untuk membawakan perbankannya di Malaysia? Ini satu pertanyaan yang *start* dengan Yang Berhormat Bintulu tadi itu.

Datuk Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua memang ini adalah satu juga daripada satu strategi penggalakan untuk mendapat pelabur asing ke negara, daripada segi pemberian pinjaman dan kemudahan kewangan dan sebagainya. Akan tetapi ini terpulang kepada jenis pelaburan. Macam sekarang, kita hendak memilih pelabur-pelabur yang akan menjanakan peluang pekerjaan kepada rakyat di Malaysia dan juga pelaburan-pelaburan yang tidak ada membawa kesan negatif terhadap *environment* kita dan sebagainya. Kita ada kriteria kita. Kalau dia sesuai, memadai dan menepati keperluan kita, kita akan memberi bantuan daripada segi galakan, termasuk daripada segi memberi dana dan kemudahan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2017, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Kementerian Sumber Manusia.

11.09 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya seramai 21 orang Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian... *[Disampuk]* Sekejap, yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyentuh lima isu utama yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia.

■2310

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian adalah seperti berikut. Saya perlu sebut- Yang Berhormat Permatang Pauh; Yang Berhormat Kuala Langat; Yang Berhormat Bayan Baru; Yang Berhormat Taiping; Yang Berhormat Sibuti; Yang Berhormat Seremban; Yang Berhormat Pasir Mas; Yang Berhormat Lembah Pantai; Yang Berhormat Raub; Yang Berhormat Selayang; Yang Berhormat Semporna; Yang Berhormat Setiu; Yang Berhormat Tasik Gelugor; Yang Berhormat Putatan; Yang Berhormat Kinabatangan; Yang Berhormat Ipoh Barat; Yang Berhormat Pasir Gudang; Yang Berhormat Labuan; Yang Berhormat Gerik; Yang Berhormat Sekijang; dan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun 21 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Bajet 2017 akan tetapi hanya enam orang sahaja berada bersama dengan kita di Dewan pada malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut, pemberhentian pengangguran dan peluang pekerjaan, jaringan keselamatan sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, perhubungan perusahaan dan latihan kemahiran atau TVT. Tuan Yang di-Pertua, isu pemberhentian pekerjaan. Berhubung isu pemberhentian pekerja bagi tahun 2015, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah merekodkan pemberhentian pekerja seramai 44,343

orang. Manakala bagi tempoh Januari sehingga September tahun ini seramai 31,476 orang pekerja telah diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini sekiranya tempat pekerja tersebut bukan menjalankan pemberhentian sepenuhnya dan ada mengajikan pekerja asing dan pekerja tempatan dalam satu kategori pekerjaan yang sama, pihak majikan hendaklah mematuhi dan melaksanakan prinsip FWFO. FWFO bermaksud *foreign workers first out* iaitu pekerja asing diberhentikan kerja terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan. Ini adalah undang-undang yang mesti dipatuhi oleh semua pihak khususnya majikan seperti mana kehendak di bawah seksyen 69(n), Akta Kerja 1955. Sekiranya pemberhentian yang dibuat oleh majikan tidak melibatkan pemberhentian sepenuhnya, majikan akan dinasihatkan supaya mengamalkan konsep *last in first out* (LIFO). *Last in first out* bagi memastikan pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat dengan majikan tersebut dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu tabung pemberhentian pekerja atau yang kita suka dikenali sebagai Skim Insurans Pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia bersama PERKESO dalam peringkat akhir memperincikan perkara yang berkaitan dasar dan pelaksanaan untuk mewujudkan sistem insurans pekerjaan. Dijangkakan Rang Undang-undang Skim Insurans Pekerjaan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2017. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pencari pekerja yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana Yang Berhormat Menteri bicara tadi saya ingin menyinggung cadangan yang saya bawa pada perbahasan peringkat dasar ini iaitu ketika kita berbincang dalam proses untuk kelayakan tempoh yang diberikan, yang dicadangkan oleh kementerian yang disokong oleh beberapa mekanisme yang hendak dilakukan. Kami juga mencadangkan supaya sumbangan kerajaan juga perlu diberikan untuk kita mendapat tempoh itu daripada enam bulan ke setahun. Jadi kami cadangkan supaya kalau boleh kerajaan juga menyumbang untuk melayakkan tabung ini diberikan dalam tempoh setahun tatkala mereka mencari pekerjaan ataupun *in between on that period*, dengan izin .

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri sekiranya kalau kerajaan juga menyumbang seperti mana pekerja menyumbang RM2.50, majikan menyumbang RM2.50 dan kerajaan juga menyumbang RM2.50. Apakah pandangan kementerian dalam cadangan yang telah dibuat oleh pihak MTUC ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Itu sebenarnya telah terjawab sebentar tadi. Dalam mana saya telah menyebutkan, saya telah menyebutkan dengan terus terang bahawa kementerian sedang memperincikan. Memperincikan bermaknanya kita akan mengambil kira pendapat daripada majikan dan juga pendapat daripada pihak pekerja, itu jawapan sudah terjawab. Maaf kawan saya Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada pencari pekerja yang aktif. Untuk makluman Dewan yang mulia ini melalui laporan portal *JobsMalaysia* dan untuk pengetahuan kita semua, hari esok akan dilancarkan Karnival *JobsMalaysia* di seluruh negara dan pusatnya adalah di Kuantan, Pahang. *JobsMalaysia* ini akan diadakan di semua UTC di seluruh negara. Itu inisiatif kementerian kita untuk memberi peluang kepada pencari-pencari pekerjaan untuk mendapat pekerjaan.

Saya ulang, melalui laporan portal *JobsMalaysia*, di bawah kementerian ini sehingga 15 Oktober 2016 terdapat seramai 203,045 orang pencari pekerja aktif di kalangan siswazah berdaftar. Daripada jumlah tersebut seramai 131,245 orang siswazah berstatus tidak bekerja manakala seramai 71,800 orang siswazah terdiri daripada mereka yang sudah pun atau sedang bekerja tetapi ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Dalam tempoh berkenaan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah berjaya mendapatkan pekerjaan seramai 41,747 orang siswazah melalui program dan aktiviti penempatan pekerjaan seperti temu duga terbuka dan karnival pekerjaan. Antaranya yang kita akan adakan secara besar-besaran pada hari bukan esok tetapi hari Sabtu, pembetulan, *Saturday*.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tanya soalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri

berkaitan dengan karnival pekerjaan. Saya percaya projek ini telah berlaku beberapa tahun yang lalu. Saya minta adakah satu *cost benefit analysis* telah dijalankan untuk mengetahui sebenarnya impak program seperti ini sebab saya nampak banyak program kerajaan telah dilaksanakan tetapi impak itu tidak begitu jelas. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat, Kota Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan tadi. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang angka-angka yang diberikan ini bagi saya agak mengelirukan sedikit sebagai contoh, angka-angka katakan ramai yang menganggur contohnya. Akan tetapi adakah tidak kementerian membuat klasifikasi contohnya kadang-kadang syarikat tutup, betul orang menganggur. Akan tetapi ada juga syarikat-syarikat ini bukan sebab tutup tetapi di *up skilling- they go high end value change*, contohnya macam bank.

■2320

Tiba-tiba apabila dia buat *automation* maka ramai pekerja dibuat ini bukan satu petanda bahawa syarikat itu teruk, petunjuk yang teruk dia petunjuk *up scaling*. Jadi kita sepatutnya ada dua klasifikasi satunya memang sebab industri *is not doing well* satu lagi memang *up scaling*. Dengan cara ini kita akan menunjukkan keadaan sebenar ekonomi dan tidak disalah ertikan oleh orang mengatakan ramai yang diberhentikan kerja padahal kita *up scaling going up the value change*. Jadi adakah kementerian bercadang untuk membuat klasifikasi-klasifikasi ini supaya ia memberikan gambaran yang sebenar keadaan guna tenaga di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dua soalan yang berbeza dari dua orang Ahli Yang Berhormat. Nombor satu tentang impak, impak *JobsMalaysia*. Selepas ini soalan itu baik, bagus boleh akan membantu kita. Sebenarnya kita mempunyai statistik, tiap-tiap tahun mengenai jumlah atau bilangan mereka-mereka yang mendapat pekerjaan sama ada untuk menukar pekerjaan untuk mencari yang baru *going for greener pastures* ataupun untuk mereka yang sememangnya belum ada pekerjaan. Kita sudah pun mempunyai statistik. Hanya kita perlu buat adalah membukukannya. Cadangan itu kita akan ambil kira dan sebenarnya nanti kita akan mengagihkan sebuah buku iaitu buku panduan yang ada

sangkut paut dengan *guideline* tentang gaji permulaan bagi mereka yang berkelulusan TVT.

Kita telah mengambil kita lebih kurang 5 tahun untuk berbuat demikian. Maka berbalik kepada apa yang telah dicadangkan. Sebenarnya statistik sudah ada hanya menunggu untuk kita membukukannya. Berbalik pergi kepada Yang Berhormat Kota Tinggi, saya kurang jelas apa beliau maksudkan. Saya berharap pegawai-pegawai saya di belakang sana akan mendapat, mencatat apa yang telah diajukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Jabatan Tenaga Manusia. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menjalankan program-program latihan yang ditawarkan kepada beliau melalui 32 buah institusi di bawah JTM iaitu ILP Institut Latihan Perindustrian, Adtech dan juga JTN dan JMTI. Latihan kemahiran yang diberikan adalah komprehensif secara sepenuh masa, sepenuh masa dan juga separuh masa dengan komposisi latihan melibatkan 70 peratus amali dan 30 peratus teori. JTM atau Jabatan Tenaga Manusia juga menawarkan latihan separuh masa berbentuk teknikal kepada pekerja industri dan beliau yang berminat untuk meningkatkan kemahiran. Berdasarkan rekod *treasures* tadi di Jabatan Tenaga Manusia, sebanyak 91 peratus lepasan pelajar JTM telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian.

Tahniah kepada JTM. Tuan Yang di-Pertua, penglibatan PSNB iaitu *Human Resources Development Fund* bagi membantu graduan mendapat pendedahan awal alam pekerjaan dalam dan latihan spesifik termasuklah latihan *soft skill, scheme future workers- Graduates Enhancement Programme for Employability* atau GENERATE telah di perkenalkan oleh PSNB atau HRDF bagi membolehkan mereka dilatih semua dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan yang berdaftar dengan PSNB sebelum diserapkan sebagai pekerja mereka. Dari Januari hingga Oktober 2016 tahun ini sebanyak RM4.7 juta bantuan kewangan telah diluluskan untuk digunakan oleh majikan berdaftar bagi melatih seramai 338 orang graduan penganggur.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kerja 1955 atau Akta 265 ini ada sangkut paut dengan kelayakan wanita waktu bersalin. Di bawah Akta Kerja 1955. Akta 265, pekerja-pekerja wanita...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebelum Yang Berhormat Menteri beralih ke poin yang seterusnya, saya tertarik tadi dengan jawapan Yang Berhormat Menteri berkaitan

dengan graduan yang dilatih *soft skill* dan sebagainya adakah kementerian mempunyai catatan tentang berapa ramai daripada graduan yang telah menyempurnakan latihan itu dan berjaya mendapatkan pekerjaan? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga baru menjawab dengan terang. Saya telah menyatakan tadi bahawa dari Januari sehingga Oktober 2016 sebanyak RM4.77 juta telah diluluskan oleh PSNB atau HRDF untuk digunakan oleh majikan. Ia telah melatih 338 orang graduan menganggur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Selayang bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Latih betul Yang Berhormat Menteri, cuma berapa ramai yang diserapkan dan berjaya mendapat pekerjaan yang betul itu satu hal. Sudah dapat kerja itu satu hal yang lain. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat jadi pegawai-pegawai kita di belakang akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat soalan saya ialah tentang graduan yang menganggur masalah yang telah dilaporkan dalam laporan *World Bank* sebelum ini ialah *mismatch* antara *skills* yang diadakan yang diajarkan di universiti dengan keperluan majikan. Di dalam tempoh beberapa tahun ini apa yang telah dibuat untuk menukar kursus di universiti supaya graduan kita dapat memberikan perkhidmatan mengadakan kemahiran yang diperlukan oleh majikan? *The mismatch problem*.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Beliau telah menggunakan perkataan universiti. Universiti adalah di bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi. Walau bagaimanapun tentang *mismatch* ini kementerian baru-baru ini telah pun membentangkan satu memorandum atau kertas Kabinet dan ia pun telah diluluskan oleh Kabinet. Dalam mana melalui institut latihan, kita mempunyai institut sendiri iaitu *Institute of Labor Market* yang dipanggil sebagai ILMIAH. Kita telah membuat *study* tentang *mismatch* ini dan laporan ini atau kertas ini *this Cabinet Paper* ini telah pun dibawakan ke Kabinet dan telah diluluskan oleh Kabinet. Angka-angka itu walaupun telah diluluskan oleh Kabinet ia belum dibentangkan di Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Selayang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat saya ada perbincangan soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Yang manakah satu Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya ada perbincangan satu.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya pergi Yang Berhormat Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis tinggal satu minit lagi soal saya ada buat satu pertanyaan dalam perbincangan saya soal ILJTM ini yang mana dikatakan pada tahun hadapan dua *intake* akan dibekukan dan ditangguh. Saya tahu Yang Berhormat Menteri akan jawab kemudian mungkin tetapi masa ini mungkin dia mahu jawab secara bertulis saya ambil kesempatan ini supaya Yang Berhormat Menteri dalam menjawab secara lisan soal ini. Kalau dia ditangguhkan atau tidak lagi mengambil *intake*, dua *intake* pada tahun hadapan, apa pelan apa cadangan Yang Berhormat Menteri terhadap pengajar-pengajar, staf-staf yang mungkin tiada kerja lagi dan bagaimana?

■2330

Adakah rancangan kerajaan ini akan ditutup dan apa rancangan untuk dibuat kepada aset-aset yang sedia ada?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat dari Putatan itu mengajukan soalan itu, sebenarnya saya waktu duduk, saya tersenyum sebab saya tahu berita itu yang saya anggap sebagai berita angin, khabar angin. Yang Berhormat Putatan mungkin mengambil berita itu dari sebuah surat khabar atau media. Jadi, saya sebagai Menteri Sumber Manusia yang bertanggungjawab sebab JPM ini adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa penutupan tidak akan berlaku, pembekuan tidak akan berlaku dan pengambilan daripada dua *intake* dalam satu tahun kepada satu *intake* tidak juga akan berlaku. Jadi, *this is from me*.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, soalan kecil. Satu *second*, satu minit. Depan, depan sini. Klang.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya tahu, saya hendak tengok nama.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Oh, pukul 11.31.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ha sebab ini pakai cermin mata tak berapa terang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu masa sudah *cross the line*, sudah *cross* pukul 11.30, sudah lambat. Saya tahu.[Ketawa] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah isu berkaitan dengan *mismatch skills* ini bukanlah satu isu yang baru. Jadi, setiap

tahun kita bincang, saya dekat Parlimen sini lebih kurang lapan tahun. Lapan tahun isu ini dibangkitkan tetapi adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama di antara beberapa *ministry* berkenaan supaya bincang isu ini.

Baru-baru ini sebuah firma antarabangsa telah keluaran satu *report*. *Report* itu ialah untuk senaraikan mengapa warganegara Malaysia tidak dapat kerja yang mereka hendak. *The first reason*, isu yang pertama disenaraikan ialah *mismatch* di antara *skills that is required by the market* dan yang telah mereka belajar daripada sekolah-sekolah dan universiti.

So, saya cadang mungkin dalam sidang Parlimen akan datang, bulan depan macam itu, mungkin *Ministry of Human Resources* boleh mencadangkan satu jawatankuasa bersama. Oleh sebab *this thing is going on for too long, 8 years is too long. The life of people are effected*, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menteri, saya hendak minta...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, ya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menteri, saya ada 11 soalan yang saya tanya tetapi masa pun dah habis. Saya ingat minta Menteri buat secara bertulis kepada 11 soalan yang saya kemukakan tadi sebab saya dapat satu sahaja. Saya minta begitu bunyinya. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cadangan daripada kawan saya Yang Berhormat Kuala Langat itu cukup-cukup bererti, cukup-cukup bererti bagi saya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Klang macam mana?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Nanti, nanti dulu. Yang Berhormat Klang, nanti dulu. Oleh yang demikian, cadangan itu amatlah bagus dan dengan itu saya mohon daripada Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang manakah satu Menteri? Cadangan mana yang bagus?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no*. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya boleh untuk tidak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Klang sebab dia tidak mengambil bahagian dalam perbahasan. Dia tidak mengambil bahagian dalam perbahasan, dia bangkit perkara yang baru.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, ini dasar. Ini isu dasar.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: No, tidak boleh demikian.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini isu dasar, Menteri mesti tahu isu ini.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua,...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, soal pekerja wanita tadi.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bagi peluanglah Menteri. Dah lama tak dapat jawab.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya dok tunggu, tak habis jawab tadi. Yang Berhormat menyebut tentang pekerja wanita, saya dok tunggu. Saya berbahas.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey, saya jawab. Bagi saya lima minit lagi. Jadi, tak ada soalan lagi, saya hanya menyambung tentang beralih kepada nasib para wanita, pekerja wanita yang bersalin. Di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265], pekerja-pekerja wanita di sektor swasta memperoleh hak kelayakan dan cuti bersalin 60 hari sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 37, Akta 265, setiap kali bersalin dan mendapat bayaran elaun bersalin tertakluk kepada lima orang anak yang hidup. Itu jawapan dia. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu mengenai perkataan COLA atau kos sara hidup.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan pemberian elaun kos sara hidup atau COLA atau elaun khas bagi pekerja-pekerja sektor swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin perlu nyatakan di sini iaitu tentang isu teksi. Seperti mana yang kita sedia maklum dalam pembentangan Bajet 2017 iaitu pada 21 Oktober 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan RM60 juta sebagai geran pelancaran bagi melaksanakan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri. PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia diamanahkan untuk mentadbir, menguatkuasakan dan melaksanakan skim perlindungan pemandu teksi yang bekerja sendiri.

Berdasarkan kepada kehendak pemandu teksi yang bekerja sendiri, mereka perlu diberi perlindungan bencana kerja kerana skop pekerjaan yang terdedah kepada kemalangan semasa bekerja atau penyakit khidmat dan sebagai satu jaminan keselamatan sosial kepada orang tanggungan mereka jika berlaku kematian semasa

bekerja. PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal Akta Bekerja Sendiri atau *self-employed*, dijangkakan Rang Undang-undang Pekerjaan Sendiri dapat dibentangkan di Parlimen seawal bulan Mac depan.

Maka dengan ini, dengan saranan yang saya terima daripada Yang Berhormat Kuala Langat supaya saya menghabiskan ucapan saya, maka saya mohon daripada Tuan Yang di-Pertua untuk saya...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Mengundur diri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: ...Mengakhiri ucapan saya. Bukan mengundur diri, mana boleh mengundur diri... [*Dewan ketawa*] *I'm going for the seventh term.* Ha, perkataan "mengundur diri" tidak wujud di *dictionary* saya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bukan mengundur bertanding Menteri tetapi mengundur diri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey, terima kasih kawan.

Akhir kata, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa Perbahasan Bajet 2017 yang belum sempat saya jawab, kementerian ini amat menghargai segala cadangan, teguran, komen yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 7 November 2016.

[Dewan ditangguhkan pada jam 11.38 malam]